

Laporan Prestasi  
Tahunan Malaysia **2020**

**Memacu Pemulihan  
Ekonomi Negara**









# Kandungan

## 1.0 Tinjauan Tahun 2020

### Permulaan Semula Ekonomi Dunia 8-17

- Tahun yang Tidak Diduga
- Landskap Pelaburan Global Mempengaruhi Aliran Pelaburan Langsung Asing
- Landskap Ekonomi Malaysia
- Pelaburan Diluluskan pada Tahun 2020
- Kekal Teguh dalam Situasi Mencabar – Kedudukan Antarabangsa Yang Membanggakan

### Perancangan Pengukuhan Ekonomi 18-21

- Inisiatif dan Strategi Pelaburan
- Agenda Pelaburan Domestik
- Ke Arah Masa Depan Malaysia

### Kotak Artikel - APEC 2020 : Kejayaan Malaysia Menganjur Persidangan Antarabangsa Secara Maya 22

### Kotak Artikel - Dasar Kelestarian Ekonomi 23

## 2.0 Prestasi Sektor Perkilangan

### Membangunkan Semula Ekonomi Agar Kekal Berdaya Saing 26-33

- Pengakhiran Yang Cemerlang
- Senario Pelaburan Asing
- Ringkasan Domestik
- Prestasi Terbaik dalam Industri
- Profil Pekerjaan yang Diwujudkan
- CIPE Meningkat
- Pelaburan Asing Mendahului
- Lokasi yang Pelbagai
- Projek Perkilangan Dilaksanakan

### Maklumat Industri 34-79

- Produk Elektrikal dan Elektronik (E&E)
  - Komponen Elektronik
  - Elektronik Pengguna
  - Elektronik Industri
  - Komponen Elektrikal
  - Produk Elektrikal dan Elektrikal Perindustrian
- Kelengkapan Pengangkutan
  - Aeroangkasa
  - Automotif
  - Rel
- Jentera dan Kelengkapan (M&E)
- Industri Sokongan Kejuruteraan (ESI)
- Produk Logam Asas
- Produk Fabrikasi Logam
- Tekstil & Pakaian
- Produk Mineral Bukan Logam
- Sistem Binaan Berindustri (IBS)
- Peranti Perubatan
- Farmaseutikal
- Bioteknologi (Termasuk Projek BioNexus)
- Industri Makanan
  - Agromakanan
  - Pemprosesan Makanan
- Produk Minyak Sawit
  - Produk berdasarkan Minyak Sawit
  - Biojisim Sawit
- Kimia dan Produk Kimia
- Produk Petroleum (Termasuk Petrokimia)
- Produk Plastik
- Produk Getah
- Oleokimia
- Kayu dan Produk Kayu & Perabot dan Lekapan
- Kertas, Percetakan dan Penerbitan

### Kotak Artikel - Program Lighthouse 80



<b>Kotak Artikel - Pusat Sehenti (OSC) Memastikan Keselamatan Pelawat Perniagaan Sepanjang COVID-19</b>	<b>81</b>	<b>Kotak Artikel - Ke Arah Digitalisasi</b>	<b>112-113</b>
<b>3.0 Prestasi Sektor Perkhidmatan</b>		<b>4.0 Prestasi Sektor Utama</b>	
<b>Perjalanan Yang Berliku</b>	<b>84-87</b>	<b>Nota Sektor Utama</b>	<b>116-119</b>
<b>Tinjauan Sektor Perkhidmatan</b>	<b>88-111</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pertanian</li><li>• Perlombongan</li><li>• Perladangan dan Komoditi</li></ul>	
<ul style="list-style-type: none"><li>• Penubuhan Global<ul style="list-style-type: none"><li>- Hab Prinsipal</li><li>- Pejabat Serantau/Perwakilan (RO/RE)</li></ul></li><li>• Perkhidmatan Perniagaan dan Profesional<ul style="list-style-type: none"><li>- Perkhidmatan Digital</li></ul></li><li>• Penyelidikan dan Pembangunan (R&amp;D)</li><li>• Teknologi Hijau<ul style="list-style-type: none"><li>- Tenaga Boleh Diperbaharui</li><li>- Kecekapan Tenaga</li><li>- Pengurusan Sisa</li><li>- Perkhidmatan Hijau</li></ul></li><li>• Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas</li><li>• Pembinaan dan Pembaikan Kapal (SBSR)</li><li>• Logistik<ul style="list-style-type: none"><li>- Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS)</li><li>- Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS)</li></ul></li><li>• Penjagaan Kesihatan</li><li>• Pendidikan</li><li>• Hospitaliti – Hotel &amp; Pelancongan</li><li>• Hartanah</li><li>• Utiliti</li><li>• Telekomunikasi</li><li>• Perkhidmatan Kewangan</li><li>• Syarikat Berstatus MSC</li><li>• Perdagangan Pengedaran</li><li>• Pengangkutan</li></ul>	<b>5.0 Kolaborasi Dalam Menarik Pelaburan Berkualiti</b>	<b>122-125</b>	
		<b>Kotak Artikel - Perkhidmatan Fasilitasi Perniagaan dan Sokongan Menyeluruh 360° MIDA</b>	<b>126-127</b>
		<b>6.0 Hala Tuju Seterusnya</b>	<b>130-144</b>
		<b>Tempoh Pemulihan</b>	
		<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelan Pemulihan Ekonomi</li><li>• Penerangan</li><li>• Belanjawan 2021</li><li>• Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu</li></ul>	
		<b>Kotak Artikel - RCEP: Peluang Yang Bermanfaat</b>	<b>145</b>
		<ul style="list-style-type: none"><li>• Lampiran</li></ul>	<b>146-157</b>



# 1.0


## Tinjauan Tahun 2020

**Laporan Prestasi**  
Tahunan Malaysia



**“Tempoh pasca pandemik akan mewujudkan peluang terbaik untuk menjalinkan kerjasama antarabangsa bagi membangunkan semula ekonomi global dan sosial. Setiap negara perlu mengukuhkan strategi perdagangan secara komprehensif dengan mengutamakan pelaburan dalam bidang inovasi, teknologi, infrastruktur dan ekonomi digital.”**

**Pamela Coke-Hamilton, Pengarah Eksekutif, Pusat Perdagangan Antarabangsa**



## Permulaan Semula Ekonomi Dunia

Dunia telah melalui salah satu fasa yang paling mencabar dalam sejarah akibat impak pandemik COVID-19, yang telah mencetuskan krisis kesihatan dan ekonomi dalam masa yang sama. Penutupan sempadan negara, jalan raya dan rantaian bekalan ekonomi global terpaksa dihentikan secara berkala bagi membendung penularan pandemik ini. Malaysia juga tidak terkecuali daripada impak pandemik ini, namun dengan kekuatan dan kelebihan yang dimiliki oleh negara, membolehkan negara mengharunginya serta berjaya menarik pelaburan domestik dan asing.



### Tahun yang Tidak Diduga

Prestasi ekonomi global pada tahun 2020 secara amnya banyak dipengaruhi oleh impak pandemik COVID-19. Pemulihan prestasi ekonomi di beberapa buah negara dapat dilihat pada pertengahan tahun apabila perintah kawalan pergerakan diberhentikan sementara oleh kerajaan berkenaan. Namun demikian, kawalan pergerakan terpaksa dikuatkuasakan semula pada akhir tahun 2020 berikutan kadar kes jangkitan COVID-19 yang semakin menular. Berikutan langkah yang dilaksanakan ini, ekonomi dunia mengalami kemelesetan disebabkan rantaian bekalan yang terjejas akibat pemberhentian sementara aktiviti pengilangan dan perdagangan, penutupan sempadan serta pergerakan rakyat yang terhad. Penurunan aktiviti ekonomi turut dipengaruhi oleh pengurangan permintaan pengguna dan pada masa yang sama kadar pengangguran yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa industri yang kekal kukuh semasa tempoh pandemik ini, iaitu industri penjagaan kesihatan dan industri berkaitan kesihatan.

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), menerusi laporan *World Economic Outlook* (WEO) yang diterbitkan pada Januari 2021, telah mengunjurkan penguncutan KDNK ekonomi global sebanyak

negatif 3.5 peratus pada tahun 2020, didorong oleh jangkaan kadar pemulihan aktiviti ekonomi yang lebih baik pada setengah tahun kedua 2020. Ekonomi maju (*Advanced Economies, AE*) diunjurkan mengalami penguncutan sebanyak 4.9 peratus, manakala ekonomi yang berkembang pesat dan membangun (*Emerging Markets and Developing Economies, EMDE*) diunjurkan menguncup sebanyak 2.4 peratus.

**“ Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menerusi laporan *World Economic Outlook* (WEO) yang diterbitkan pada Januari 2021 telah mengunjurkan penguncutan KDNK ekonomi global sebanyak 3.5 peratus pada tahun 2020, didorong oleh jangkaan kadar pemulihan aktiviti ekonomi yang lebih baik pada setengah tahun kedua 2020. ”**



Kebanyakan ekonomi EMDE (kecuali Republik Rakyat China, PRC), terus menghadapi ketidaktentuan berterusan disebabkan oleh penularan pandemik yang masih belum terkawal, sistem penjagaan kesihatan yang semakin terbeban serta kebergantungan EMDE terhadap sektor-sektor yang terjejas teruk seperti sektor pelancongan dan kewangan luaran, termasuk kiriman wang. Walaupun ekonomi-ekonomi maju Asia dijangka tidak akan merosot teruk berbanding ekonomi maju Eropah, EMDE Asia dijangka turut akan mengalami penguncutan. Ekonomi antara rantau turut akan terjejas dengan sangat ketara, di mana kebanyakan ekonomi di rantau Amerika Latin terjejas teruk manakala negara-negara Timur Tengah, Asia Tengah serta negara-negara pengekspor minyak di sub-Sahara Afrika pula akan mengalami penurunan aktiviti ekonomi secara merundum.

Menurut IMF, pertumbuhan ekonomi global masih kekal teguh walaupun berada di dalam situasi yang sangat mencabar ini. Data Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku ketiga secara amnya menunjukkan peningkatan seperti yang disasarkan. Penggunaan swasta mencatatkan kadar pemulihan tertinggi berikutan *one-off pent-up*

*demand* serta penyesuaian golongan pekerja untuk bekerja dari rumah. Namun, pelaburan meningkat agak perlahan, kecuali bagi negara PRC. Data frekuensi tinggi pula menunjukkan terdapat permintaan baharu dalam industri pembuatan yang semakin meningkat pada suku keempat. Output perkhidmatan kekal rendah dan berkemungkinan akan terus menurun dalam beberapa bulan akan datang disebabkan oleh kawalan pergerakan yang akan dikenakan bagi membendung penularan pandemik ini.

Kerajaan memainkan peranan yang amat penting bagi menyokong pemulihan sesebuah ekonomi negara melalui penyediaan pelbagai jenis bantuan serta penggubalan dasar kerajaan dalam menangani krisis pandemik ini. Kerajaan Malaysia telah mengumumkan empat pakej rangsangan ekonomi pada tahun 2020 sebagai salah satu inisiatif Kerajaan bagi memulihkan semula ekonomi negara serta memastikan kelangsungan hidup rakyat. Kesatuan Eropah pula memperkenalkan dana pakej rangsangan pemulihan pandemik berjumlah €750 bilion, di mana lebih separuh daripada peruntukan ini disediakan dalam bentuk geran. Pelbagai pakej rangsangan lain turut disediakan oleh kerajaan di seluruh dunia

seperti bantuan berbentuk tunai dan bukan tunai kepada firma dan isi rumah yang terjejas. Di AE, pelbagai jenis kemudahan pembelian aset dan pinjaman semula yang berskala besar telah diperkenalkan untuk menyokong pemberian kredit kepada golongan peminjam. Buat pertama kalinya, kebanyakan bank pusat di pasaran membangun juga menggabungkan potongan kadar faedah dengan kemudahan pinjaman semula baharu serta pembelian aset.

Kemerosotan ekonomi global telah memberi impak yang lebih ketara kepada sektor perkhidmatan berbanding sektor perkilangan. Secara amnya, ia disebabkan oleh langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membendung pandemik melalui perintah kawalan pergerakan dan penjarakan sosial yang telah mengehadkan interaksi secara langsung dalam sektor perkhidmatan. Perniagaan bagi aktiviti perdagangan borong dan runcit, hospitaliti serta seni dan hiburan juga turut terjejas teruk akibat penurunan aktiviti ekonomi.

Perdagangan global mengalami penurunan yang signifikan pada tahun 2020 berikutan penutupan sempadan dan gangguan rantaian bekalan. Walaupun perdagangan barang menunjukkan sedikit pemulihan, aktiviti perdagangan perkhidmatan masih berada di tahap yang agak perlahan disebabkan oleh langkah kawalan pergerakan yang terpaksa dilaksanakan semula bagi membendung penularan kadar jangkitan.

**“ Kerajaan memainkan peranan yang amat penting bagi menyokong pemulihan sesebuah ekonomi negara melalui penyediaan pelbagai jenis bantuan serta penggubalan dasar kerajaan dalam menangani krisis pandemik ini. ”**


## **Landskap Pelaburan Global Mempengaruhi Aliran Pelaburan Langsung Asing Malaysia**

Aliran pelaburan langsung asing (FDI) global merosot sebanyak 42 peratus berikutan krisis pandemik ini, dengan anggaran penurunan US\$859 bilion berbanding US\$1.5 trillion pada tahun 2019. Penurunan FDI ini telah menjelaskan semua jenis pelaburan – projek pelaburan *greenfield* menyusut sebanyak 35 peratus, penggabungan dan pengambilalihan (M&A) rentas sempadan mengalami penurunan sebanyak 10 peratus, manakala perjanjian kewangan bagi projek antarabangsa baharu juga susut sebanyak dua peratus.

Pada tahun 2020, Malaysia mencatatkan aliran masuk bersih FDI sebanyak RM13.9 bilion, menyusut berbanding RM31.7 bilion pada tahun 2019. Negara menerima aliran masuk bersih FDI berjumlah RM6.4 bilion pada suku pertama, sebelum menurun kepada RM2.2 bilion pada suku kedua dan merekodkan aliran keluar bersih berjumlah RM846 juta pada suku ketiga. Walau bagaimanapun, FDI Malaysia kemudian meningkat kembali pada suku keempat dengan aliran masuk bersih berjumlah RM6.1 bilion.

FDI bersih Malaysia yang direkodkan lebih rendah pada tahun 2020 bukanlah satu petanda yang negatif apabila mengambil kira landskap pelaburan global dan situasi ketidakpastian pada tahun tersebut.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), jumlah aliran masuk FDI kasar ke Malaysia pada tahun 2020 adalah sebanyak RM139.9 bilion berbanding RM138.8 bilion pada tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak 0.8 peratus. Ini merupakan pencapaian ekonomi yang baik walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) telah dilaksanakan pada suku kedua dan ketiga tahun lalu. Aliran masuk FDI kasar juga membuktikan bahawa jumlah projek FDI yang diluluskan dan dilaksanakan dalam ekonomi (sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama) kekal tinggi sejak beberapa tahun lalu.



Aliran keluar bersih FDI Malaysia pada suku ketiga adalah disebabkan oleh aliran keluar daripada instrumen hutang berjumlah RM9.4 bilion. Ia melibatkan lanjutan tempoh pinjaman antara syarikat dan pembayaran semula pinjaman berjadual, yang sering berlaku dalam operasi syarikat-syarikat multinasional (MNC); serta kredit dagangan yang diberikan kepada syarikat perkilangan, sejajar dengan jumlah eksport yang tinggi terutamanya dalam sektor elektrikal dan elektronik (E&E). Aliran FDI pada tempoh suku ketiga ini merupakan situasi yang pertama kali berlaku sejak suku terakhir tahun 2009.

Penurunan aliran bersih FDI ke Malaysia pada tahun 2020 adalah sama seperti situasi yang dialami negara pada tahun 2009 setelah krisis subprima di Amerika Syarikat (AS). Syarikat multinasional di Malaysia telah meningkatkan aliran tunai keluar daripada keuntungan yang diperolehi bagi pembayaran pinjaman serta mengekalkan pendapatan untuk membantu ibu pejabat dan syarikat bersekutu menangani masalah kewangan. Aliran bersih FDI ini menunjukkan dasar kewangan Malaysia yang matang di mana penghantaran balik modal, faedah, dividen dan keuntungan adalah dibenarkan, dan ia merupakan prasyarat bagi negara perdagangan seperti Malaysia.

Walaupun aliran FDI menurun, stok FDI di dalam negara direkodkan meningkat sebanyak RM14.4 bilion dengan jumlah RM703.5 bilion setakat


penghujung Disember 2020, di mana negara Singapura merupakan pelabur terbesar (21.7%), diikuti oleh Hong Kong (12.2%) dan Jepun (10.9%).

Pelaburan langsung di luar negara (DIA) merekodkan jumlah sebanyak RM518.9 bilion pada penghujung tahun 2020. Kebanyakan pelaburan tersebut tertumpu kepada aktiviti kewangan (44.2%), perlombongan dan kuari (12.9%) dan pertanian (8.7%).

### Landskap Ekonomi Malaysia

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), KDNK Malaysia menguncup sebanyak 5.6 peratus akibat pandemik COVID-19. Namun demikian, Bank Negara Malaysia (BNM) mensasarkan ekonomi Malaysia akan berkembang semula kepada kadar pertumbuhan KDNK antara 6.5 peratus dan 7.5 peratus pada tahun 2021, selari dengan unjuran oleh IMF dan Bank Dunia. Unjuran pertumbuhan semula ekonomi ini didorong oleh peningkatan permintaan global bagi produk-produk yang akan memberi impak positif kepada industri berdasarkan eksport di Malaysia seperti industri E&E. Situasi ini akan menggalakkan lebih banyak aktiviti pelaburan dan seterusnya mewujudkan pendapatan yang lebih tinggi. Projek pelaburan baharu, permintaan bagi teknologi dan produk-produk penjagaan kesihatan serta peningkatan kapasiti bagi keluaran berkaitan komoditi juga akan turut menyokong pertumbuhan negara pada tahun 2021.

## Keseluruhan Pelaburan Swasta di Malaysia Tahun 2020



Negara menghadapi gelombang ketiga pandemik COVID-19 pada awal September 2020. Berikutan situasi ini, Kerajaan telah melaksanakan perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB), iaitu PKP dengan sekatan yang lebih longgar bagi memastikan keseimbangan antara perlindungan kesihatan awam dan kelangsungan hidup rakyat. Ini bagi membendung penularan virus tersebut di samping membenarkan aktiviti ekonomi terus dijalankan. Walau bagaimanapun, Kerajaan kemudiannya terpaksa mengenakan kawalan yang lebih ketat melalui PKP 2.0, disebabkan peningkatan kes jangkitan yang sukar dikawal. Pelaksanaan PKP 2.0 telah menimbulkan ketidakpastian sama ada negara mampu mencapai tahap pemulihan ekonomi seperti yang diunjurkan sebelum ini.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia menunjukkan komitmen yang tinggi bagi mengurangkan impak PKP 2.0 dengan menyediakan pelbagai pakej rangsangan termasuk Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) berjumlah RM15 bilion. Pakej ini bertujuan untuk membendung penularan COVID-19, melindungi kebajikan rakyat dan pada masa yang sama memastikan kelangsungan operasi perniagaan.

Kajian oleh MIDA Research meramalkan bahawa PKP 2.0 akan menyebabkan peratusan

pertumbuhan ekonomi Malaysia akan menurun sebanyak 0.7 hingga 0.9 pada tahun 2021, dan mengunjurkan pertumbuhan KDNK tahun-ke-tahun yang lebih rendah iaitu sebanyak 6.2 peratus. Walau bagaimanapun, penganalisis penyelidikannya yakin bahawa impak PKP 2.0 tidak akan menjadi seteruk PKP yang sebelumnya, memandangkan sektor ekonomi penting seperti perkilangan, pembinaan, perdagangan dan pengedaran telah dibenarkan beroperasi.

Pelbagai langkah dan inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia sepanjang tahun 2020 untuk terus memacu pemulihan ekonomi negara, termasuk memperkenalkan empat pakej rangsangan ekonomi iaitu PRIHATIN, PRIHATIN PLUS, PENJANA dan KITA PRIHATIN bernilai RM305 bilion, yang mengutamakan kebijakan semua lapisan masyarakat, industri serta perniagaan.

### Pelaburan Diluluskan pada Tahun 2020

Malaysia mencatatkan jumlah pelaburan diluluskan sebanyak RM164 bilion dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama pada tahun 2020. Pelaburan ini melibatkan 4,599 projek dan dijangka akan mewujudkan 114,673 peluang pekerjaan di Malaysia. Daripada jumlah pelaburan diluluskan, negara menerima pelaburan langsung asing (FDI) berjumlah RM64.2 bilion atau 39.1 peratus,

manakala pelaburan langsung domestik (DDI) adalah sebanyak RM99.8 bilion atau 60.9 peratus.

Lima sumber utama FDI yang diluluskan bagi sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama adalah daripada negara PRC (RM18.1 bilion), Singapura (RM10 bilion), Belanda (RM7 bilion), Kepulauan British Virgin (RM5.5 bilion) dan AS (RM4.3 bilion).

Sektor perkilangan merupakan penyumbang utama dengan jumlah pelaburan sebanyak RM91.3 bilion atau 55.6 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan, diikuti oleh sektor perkhidmatan dengan RM66.7 bilion atau 40.7 peratus, manakala sektor utama mencatatkan RM6 bilion atau 3.7 peratus.

### Sektor Perkilangan Penyumbang Utama

Walaupun negara mengalami situasi yang amat mencabar pada setengah tahun pertama 2020, sektor perkilangan menunjukkan pemuliharan pada setengah tahun kedua, terutamanya bagi subsektor yang bergantung kepada pengeksportan, selari dengan pertumbuhan sektor tersebut. Sektor perkilangan Malaysia menerima pelaburan berjumlah RM91.3 bilion (2019: RM82.7 bilion) melalui 1,049 (2019: 998) projek yang diluluskan. Daripada jumlah ini, RM34.7 bilion atau 38 peratus (2019: RM28.3 bilion, 34.2%) adalah daripada

pelaburan domestik, manakala RM56.6 bilion atau 62 peratus (2019: RM54.4 bilion, 65.8%) adalah daripada sumber asing.

### Pelaburan Lebih Rendah bagi Sektor Perkhidmatan


Berikut pandemik COVID-19, sekatan ke atas interaksi secara langsung antara individu telah menjadikan sektor perkhidmatan di Malaysia yang masih memerlukan kaedah interaksi sedemikian.

Sektor perkhidmatan di Malaysia mencatatkan pelaburan diluluskan sebanyak RM66.7 bilion pada tahun 2020, iaitu penurunan sebanyak 45 peratus daripada kelulusan yang direkodkan pada tahun 2019 sebanyak RM121.7 bilion.

Sebanyak 3,527 projek perkhidmatan telah diluluskan pada tahun 2020 dengan 33,652 peluang pekerjaan. Sejumlah besar pelaburan tersebut adalah dalam subsektor hartanah (RM31.2 bilion), utiliti (RM10.8 bilion), perkhidmatan sokongan (RM5.2 bilion), telekomunikasi (RM5.2 bilion) dan status MSC (RM3.9 bilion). Secara keseluruhannya, kesemua pelaburan ini merangkumi 84.4 peratus pelaburan diluluskan dalam sektor perkhidmatan. Pelaburan dalam perkhidmatan sokongan kebanyakannya adalah dalam bidang teknologi hijau dan perkhidmatan logistik bersepudu.

## Pelaburan Domestik berbanding Pelaburan Asing Mengikut Sektor Tahun 2020

### Perkilangan




Jumlah pelaburan diluluskan  
**RM91.3 bil**



**80,190**  
Peluang pekerjaan

### Perkhidmatan




Jumlah pelaburan diluluskan  
**RM66.7 bil**



**33,652**  
Peluang pekerjaan

### Utama



Jumlah pelaburan diluluskan  
**RM6 bil**



**831**  
Peluang pekerjaan

### 5 Sumber Utama FDI

**RM18.1 bil**  
PRC

**RM10 bil**  
Singapura

**RM7 bil**  
Belanda

**RM5.5 bil**  
Kepulauan British Virgin

**RM4.3 bil**  
AS

Daripada jumlah pelaburan perkhidmatan yang diluluskan, 90.3 peratus atau RM60.2 bilion adalah daripada pelaburan domestik, dan selebihnya 9.7 peratus atau RM6.5 bilion adalah daripada pelaburan asing. Sejumlah besar pelaburan domestik diluluskan adalah bagi subsektor harta tanah, utiliti dan telekomunikasi.

### Tahun yang Amat Mencabar untuk Sektor Utama

Sektor utama terdiri daripada tiga subsektor utama iaitu pertanian, perlombongan serta perladangan dan komoditi. Bagi sektor ini, 23 projek telah diluluskan pada tahun 2020 dengan pelaburan berjumlah RM6 bilion, iaitu sedikit penurunan berbanding jumlah yang diluluskan pada tahun 2019 sebanyak RM7 bilion.

Daripada jumlah pelaburan sektor utama pada tahun 2020, RM4.9 bilion (81.7%) adalah daripada pelaburan domestik, manakala pelaburan asing menyumbang sebanyak RM1.1 bilion (18.3%). Secara keseluruhannya, pelaburan sektor ini dijangka akan menyediakan 831 peluang pekerjaan.

### Pembentukan Modal Tetap Kasar (*Gross Fixed Capital Formation, GFCF*)


Pada tahun 2020, Pembentukan Modal Tetap Kasar (GFCF) Malaysia pada harga semasa mencecah RM296.4 bilion, mencatatkan sedikit penurunan berbanding GFCF pada tahun 2019 yang berjumlah RM346.8 bilion.

Sektor swasta menyumbang sebanyak 75 peratus kepada GFCF Malaysia, manakala sektor awam pula menyumbang 25 peratus pada tahun tersebut.

### Kekal Teguh dalam Situasi Mencabar – Kedudukan Antarabangsa yang Membanggakan

Kedudukan Malaysia dalam arena ekonomi global membuktikan bahawa negara ini kekal sebagai sebuah destinasi pelaburan yang kompetitif walaupun dalam keadaan semasa yang penuh ketidakpastian.

Laporan *Doing Business 2020* daripada Bank Dunia telah melonjakkan Malaysia ke tangga kedudukan ke-12 daripada 190 ekonomi di seluruh dunia, berbanding kedudukan ke-15 pada tahun sebelumnya. Kedudukan ini ditentukan berdasarkan penilaian ke atas kemudahan menjalankan perniagaan, dengan mengambil kira prosedur yang terlibat seperti prosedur penubuhan perniagaan, permohonan permit, pelaksanaan perdagangan antarabangsa dan penguatkuasaan kontrak. Laporan *Doing Business 2020* ini juga mengambil kira kualiti dan kecekapan kawal selia institusi terlibat dalam melaksanakan inisiatif pembaharuan. Kedudukan Malaysia yang semakin baik ini menunjukkan bahawa inisiatif pembaharuan yang dilaksanakan berupaya meningkatkan lagi daya saing, produktiviti, dan tadbir urus negara yang seterusnya akan meningkatkan pelaburan dan mempercepatkan pembangunan ekonomi.





Malaysia mengutamakan pembangunan bakat digital dan kemahiran tenaga kerja, selaras dengan visinya untuk memacu negara ke arah mengadaptasi digitalisasi dan meningkatkan rantaian nilai dalam aktiviti ekonomi. Pelbagai usaha dan strategi yang dijalankan oleh Kerajaan kini membawakan hasil di mana Malaysia mencapai kedudukan di tangga ke-26 berbanding tangga ke-29 sebelum ini, di kalangan 88 buah negara dalam *Global Talent Competitiveness Index 2020* (GTCI 2020), iaitu sebuah laporan yang dihasilkan bersama oleh INSEAD University, Google dan Adecco bagi mengukur tahap prestasi bakat. Malaysia juga merupakan satu-satunya ekonomi berpendapatan sederhana-atas yang menduduki *top quartile* dalam laporan tersebut, dan mendahului ekonomi-ekonomi berpendapatan tinggi seperti PRC, Republik Korea (ROK), Sepanyol dan Portugal. Kedudukan ini merupakan pencapaian tertinggi oleh Malaysia serta laporan GTCI 2020 ini membuktikan bahawa Malaysia cemerlang dari segi *Enable*, *Attract* dan Kemahiran Teknikal dan Vokasional di samping meningkat dari segi *Retain*. Malaysia juga berada pada kedudukan yang tinggi dari segi *Employability* (tangga keenam), Landskap Perniagaan dan Buruh (tangga ke-13) dan Landskap Pasaran (tangga ke-22) di peringkat global.

Kajian tinjauan pasaran 2021 yang diterbitkan oleh Bloomberg pada Disember 2020 menyenaraikan Malaysia pada kedudukan kelima di kalangan 17 negara membangun berdasarkan penilaian 11 petunjuk prestasi ekonomi dan kewangan. Bloomberg merujuk kepada satu laporan dari Goldman Sachs Group Inc yang menyatakan bahawa Malaysia bakal memperoleh manfaat daripada aktiviti ekonomi yang semakin pulih sebaik saja pandemik ini berjaya dikawal. Menurut Bloomberg lagi, aset-aset Malaysia telah dinilai lebih rendah jika dibandingkan dengan purata negara-negara seantaranya, di mana ia dinilai berdasarkan kadar pertukaran berkesan sebenar berbanding purata selama lima tahun.

Kajian *Cost of Manufacturing Operations Around the Globe* yang dijalankan bersama oleh KPMG dan The Manufacturing Institute yang berpusat di Washington DC pula meletakkan Malaysia di kedudukan keempat di kalangan 17 buah negara, mengatasi PRC, India, Jepun dan Vietnam. Kajian tersebut menjalankan penilaian perbandingan dari segi daya saing antara sektor perkilangan AS dan rakan-rakan perdagangan utamanya dengan mengambil kira 23 faktor kos yang dibahagikan kepada kos utama dan sekunder menerusi Indeks Kos Menjalankan Perniagaan (CoDB).

Malaysia melonjak pada kedudukan yang tinggi dalam Indeks CoDB, seiring dengan negara PRC, Mexico dan Vietnam dari segi kos utama serta menunjukkan prestasi yang membanggakan dari segi tiga faktor – kos pampasan mengikut jam, kos hartanah dan kadar cukai korporat.

Majalah CEOWorld pula menyenaraikan Malaysia di kalangan 10 negara terbaik untuk melabur atau menjalankan perniagaan. Malaysia berada di kedudukan kesembilan, iaitu satu kedudukan di

bawah AS dan mengatasi negara-negara seperti Belanda, Sweden, Finland dan Jerman. Kedudukan ini adalah berdasarkan 11 faktor penilaian iaitu rasuah, kebebasan (peribadi, perdagangan dan kewangan), tenaga kerja, perlindungan pelabur, infrastruktur, cukai, kualiti hidup, birokrasi dan ketersediaan teknologi – di mana setiap kategori dinilai secara sama rata.

**“ Kajian tinjauan pasaran 2021 yang diterbitkan oleh Bloomberg pada Disember 2020 menyenaraikan Malaysia pada kedudukan kelima di kalangan 17 negara membangun berdasarkan penilaian 11 petunjuk prestasi ekonomi dan kewangan. Bloomberg merujuk kepada satu laporan dari Goldman Sachs Group Inc yang menyatakan bahawa Malaysia bakal memperoleh manfaat daripada aktiviti ekonomi yang semakin pulih sebaik saja pandemik ini berjaya dikawal. ”**

---



## Perancangan Pengukuhan Ekonomi

Walaupun berdepan dengan situasi penutupan sempadan negara dan landskap pelaburan yang sangat mencabar, penggubal dasar sentiasa berusaha memastikan Malaysia terus kekal berdaya saing dengan melaksanakan beberapa pendekatan agar perniagaan dapat terus beroperasi di dalam negara, di samping membantu dan menggalakkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) meningkatkan penggunaan teknologi, inovasi dan penyelidikan.



## Inisiatif dan Strategi Pelaburan

MIDA giat meneruskan pelbagai aktiviti promosi pelaburan dan program *outreach* untuk menarik pelaburan asing dan tempatan walaupun berdepan dengan situasi penutupan sempadan dan prosedur operasi standard (SOP) yang dikenakan oleh kerajaan di seluruh dunia. Kesemua wakil MIDA yang bertugas di 20 pejabat luar negara serta 12 pejabat dalam negeri sentiasa aktif membantu para pelabur bagi memastikan projek pelaburan dapat terus dilaksanakan dalam situasi mencabar ini.

Operasi One Stop Centre (OSC) yang dikendalikan oleh MIDA telah berjaya ditubuhkan pada awal Oktober 2020 bagi memudahkan kemasukan pelawat perniagaan yang dibenarkan ke negara ini atas tujuan perniagaan dan pelaburan. OSC memainkan peranan yang amat penting dalam menyokong pemulihan dan pertumbuhan ekonomi negara dengan memastikan hanya golongan eksekutif dan kakitangan penting dibenarkan untuk memasuki negara bagi meneruskan tugas dan operasi perniagaan.

Pada Jun 2020 pula, MIDA telah menubuhkan *Project Acceleration and Coordination Unit* (PACU) di bawah pelancaran Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi memudahkan perlaksanaan perniagaan. PACU menyediakan fasilitasi *end-to-end* bagi melancarkan dan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek yang diluluskan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

## Agenda Pelaburan Domestik

Dengan mengambil kira risiko pandemik ini yang berkemungkinan akan berterusan dalam jangka masa panjang, syarikat-syarikat tempatan perlu mempertimbangkan penstrukturkan semula strategi dan operasi perniagaan masing-masing agar dapat terus berdaya saing. Saranan ini perlu dipertimbangkan khususnya oleh sektor PKS memandangkan terdapat banyak syarikat kecil yang terpaksa ditutup akibat tidak mampu menanggung kos operasi serta mengalami penyusutan simpanan tunai.

Dalam menghadapi situasi yang mencabar ini, Kerajaan dan beberapa agensi berkaitan telah bertindak pantas dengan menyediakan pelbagai bantuan dan sokongan kepada PKS, iaitu sektor yang memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Secara keseluruhannya, sektor PKS mewakili 98.5 peratus pertubuhan perniagaan di negara ini, menyumbang 38.3 peratus kepada KDNK dan 17.3 peratus kepada eksport, dan merangkumi 48 peratus daripada keseluruhan tenaga kerja.

**“ Dalam menghadapi situasi yang mencabar ini, Kerajaan dan beberapa agensi berkaitan telah bertindak pantas dengan menyediakan pelbagai bantuan dan sokongan kepada PKS, iaitu sektor yang memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. ”**

MIDA sentiasa berusaha menggalakkan para pelabur dan pemain industri untuk menjalinkan kerjasama dengan syarikat-syarikat tempatan, terutamanya sektor PKS. MIDA menyediakan bantuan kepada sektor PKS yang berhasrat untuk menstruktur semula operasi syarikat masing-masing melalui M&A, usahasama (JV) atau pembiayaan ekuiti dengan mengenal pasti peluang perkongsian perniagaan yang sesuai.

Bagi menerajui hasrat ini, *Domestic Investment Coordination Platform* (DICP) telah ditubuhkan di bawah MIDA sebagai inisiatif untuk menghubungkan PKS dan syarikat tempatan bersama penyedia dana, teknologi dan penyelidikan. DICP bekerjasama dengan pihak pengawal selia, penyedia teknologi dan institusi kewangan termasuk firma ekuiti dan penasihat korporat bagi membantu PKS dan syarikat tempatan mengembangkan operasi perniagaan mereka. Pasukan DICP juga turut bekerjasama dengan institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam mengkomersialkan sebuah projek penyelidikan. Selain daripada itu, DICP juga bekerjasama dengan institusi kewangan serta firma ekuiti dan modal teroka bagi menganjurkan dan mempromosikan seminar dan forum mengenai kaedah pembiayaan alternatif.

Komitmen MIDA yang berterusan dalam mengukuhkan ekosistem pelaburan domestik membolehkan syarikat tempatan dan PKS meneroka peluang yang lebih besar walaupun berdepan dengan krisis pandemik ini. Antara kejayaan yang boleh dibanggakan adalah pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara syarikat BiON Sdn Bhd, sebuah penyedia penyelesaian kejuruteraan alam sekitar dan tenaga boleh diperbaharui, dengan SIRIM Tech Venture untuk menjalankan kerjasama teknikal dalam penghasilan biogas termampat dan sistem yang berkaitan serta pelbagai projek berpotensi lain berkaitan sisa kepada tenaga. Usahasama yang diterajui ini membuka peluang kepada BiON Sdn Bhd untuk bergabung dengan Green Lagoon Technology Sdn Bhd menjadi pengendali loji tenaga biogas yang terbesar di Malaysia.

Pasukan DICP juga telah bekerjasama dengan Bursa Malaysia bagi membantu sebuah syarikat perkhidmatan telekomunikasi tempatan dan sebuah syarikat berdasarkan pertanian melancarkan tawaran awam permulaan (IPO) pada tahun 2022. Selain itu, DICP juga membantu sebuah syarikat PKS tempatan menjalinkan usahasama dengan sebuah syarikat teknologi kewangan tempatan bagi mengadaptasi teknologi digital dan platform e-dagang di dalam operasi perniagaannya.

## Ke Arah Masa Depan Malaysia

MIDA telah mengorak langkah dengan pantas dan kreatif dalam mencadangkan pelbagai langkah dan inisiatif yang boleh menyumbang kepada pemulihan dan pembangunan ekonomi negara serta mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan baharu walaupun berdepan dengan tahun 2020 yang penuh rintangan. MIDA telah memainkan peranan penting dalam menyediakan beberapa cadangan pembangunan dasar dan rangka tindakan baharu seperti berikut:

### Rangka Tindakan Sektor Perkhidmatan Baharu

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), telah membangunkan Rangka Tindakan Sektor Perkhidmatan Baharu 2021-2025 (NSSB) untuk memacu pembangunan sektor perkhidmatan bagi tempoh lima tahun akan datang (2021-2025). Pelan ini penting dalam merencanakan sektor perkhidmatan dari perspektif yang lebih menyeluruh, di samping menambah baik strategi pelan terdahulu serta menumpu kepada sektor-sektor perkhidmatan yang berpotensi tinggi untuk dibangunkan.

## Rangka Kerja Dasar Kebangsaan untuk Revolusi Perindustrian Keempat dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital

Tumpuan agenda Industry4WRD yang dilancarkan pada 31 Oktober 2018 kepada sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan telah mewujudkan keperluan bagi membangunkan dasar Industri 4.0 dengan skop yang lebih meluas merangkumi keseluruhan ekonomi negara. Oleh itu, Dasar Kebangsaan mengenai Industri 4.0 telah dibangunkan sebagai dasar yang menyeluruh yang akan mengemudi transformasi sosioekonomi Malaysia dengan manfaatkan teknologi Industri 4.0 yang berpotensi melonjakkan pertumbuhan dan kesejahteraan sosio-persekutuan rakyat Malaysia dalam tempoh 10 tahun akan datang (2021 hingga 2030).

Rangka Tindakan Ekonomi Digital (2021-2030) akan saling melengkapi Rangka Kerja Industri 4.0 dan dibangunkan sebagai langkah responsif Kerajaan terhadap impak kemajuan teknologi digital dan kesalinghubungan internet berkelajuan tinggi ke atas kaedah penghasilan, pengedaran dan penggunaan barang dan perkhidmatan dan cara interaksi antara individu. Rangka tindakan ini akan membantu memacu teknologi digital di Malaysia dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pertanian – dalam usaha meningkatkan kecekapan dan produktiviti, daya saing dan pertumbuhan ekonomi, serta melonjakkan inovasi negara – memandangkan dokumen ini turut menggariskan pelan tindakan komprehensif termasuk pelaksanaan, pemantauan dan penilaian inisiatif-inisiatif yang telah dikenal pasti.

Rangka tindakan komprehensif ini dihasilkan dengan kerjasama antara Unit Perancang Ekonomi, MITI dan MIDA serta kementerian/agensi berkaitan.

Bermula tahun 2021, MIDA akan terus menyumbang kepakarannya untuk melaksanakan semua inisiatif yang telah dikenal pasti bagi mempercepatkan adaptasi rangka kerja Industri 4.0 di dalam negara di samping memposisikan Malaysia sebagai peneraju serantau dalam bidang ekonomi digital dengan pembangunan dan pertumbuhan sosioekonomi yang inklusif, bertanggungjawab dan mampu.

## Adaptasi Digital

Kerajaan memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk masa depan ekonomi digital negara. Pelbagai jenis inisiatif telah ditawarkan oleh Kerajaan bagi menggalakkan digitalisasi di dalam operasi syarikat. Antaranya, MIDA telah memperkenalkan Elaun Modal Automasi (Automation CA) untuk sektor perkhidmatan dan Geran Automasi Pintar (SAG) khusus untuk memacu automasi dan digitalisasi PKS dan syarikat bersaiz sederhana.

Di bawah Belanjawan 2020, Elaun Modal Automasi sedia ada untuk sektor perkilangan telah diperluaskan skopnya untuk merangkumi sektor perkhidmatan. Di samping itu, SAG yang diperkenalkan di bawah PENJANA bertujuan untuk membantu dan menggalakkan PKS dan syarikat bersaiz sederhana ke arah mendigitalkan operasi dan saluran perdagangan syarikat bagi meningkatkan daya saing di peringkat global.



# APEC 2020 : Kejayaan Malaysia Menganjur Persidangan Antarabangsa Secara Maya

Sidang Kemuncak APEC Malaysia 2020 telah berlangsung dengan jayanya pada bulan November lalu sebagai penutup kepada siri mesyuarat yang dianjurkan oleh Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), sebuah forum ekonomi serantau yang terdiri daripada 21 negara. Acara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin itu diakhiri dengan pengisytiharan penerimaan Deklarasi Kuala Lumpur 2020 dan Visi Putrajaya 2040.

Persidangan tahun ini adalah bertemakan '*Optimising Human Potential towards a Resilient Future of Shared Prosperity*'. Siri mesyuarat yang pertama telah berlangsung pada 3 Februari 2020 hingga 22 Februari 2020 secara fizikal dan maya. Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira risiko penularan pandemik COVID-19 pada masa tersebut, kesemua siri mesyuarat seterusnya dianjurkan sepenuhnya secara maya dan berjaya dihadiri oleh kesemua 21 ahli anggota walaupun masing-masing bersidang di zon masa yang berbeza.

Deklarasi Kuala Lumpur 2020 telah dipersetujui oleh kesemua 21 ahli anggota negara yang berikrar untuk bekerjasama dalam beberapa bidang keutamaan iaitu: memperbaiki naratif perdagangan dan pelaburan, menangani dan mengurangkan impak COVID-19; penyertaan ekonomi yang inklusif melalui ekonomi digital dan teknologi; memacu kemampuan inovatif serta; mengukuhkan penglibatan pihak berkepentingan.

Antara keutamaan lain dalam Deklarasi Kuala Lumpur 2020 termasuklah menyokong peraturan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dalam menggalakkan kestabilan dan unjuran aliran perdagangan antarabangsa. Ahli-ahli anggota juga bersetuju untuk terus menyokong usaha-usaha pertubuhan tersebut di samping meningkatkan integrasi ekonomi di rantau ini melalui agenda Kawasan Perdagangan Bebas Asia Pasifik.

Selain itu, penekanan turut diberikan kepada matlamat untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif dalam pembangunan ekonomi digital, termasuk memberi peluang baharu kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di samping melaksanakan dasar ekonomi inklusif yang menyokong pemulihan dan pertumbuhan PMKS, wanita dan potensi ekonomi lain yang belum diteroka. Ahli-ahli anggota juga berikrar untuk terus menyokong usaha-usaha bagi menggalakkan pembangunan sumber manusia dan mengukuhkan kerjasama ekonomi dan teknikal bagi mempercepatkan

pemulihan ekonomi bagi sektor ekonomi dan tenaga kerja yang terjejas.

Intipati lain yang turut terkandung dalam Deklarasi Kuala Lumpur 2020 adalah termasuk memudahkan akses bersama kepada sumber tenaga, meningkatkan keselamatan dan kelestarian tenaga bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan, serta memperkuuhkan penglibatan pihak berkepentingan dalam menyokong usaha ke arah pemulihan ekonomi.

Ahli-ahli anggota juga berikrar untuk menyokong Visi Putrajaya 2040 yang dirangka berdasarkan Deklarasi Bogor yang dipersetujui ahli-ahli APEC di Bogor, Indonesia pada tahun 1994 yang berlandaskan perdagangan dan pelaburan yang bebas dan terbuka di rantau ini menjelang 2020. Visi ini akan dicapai melalui tiga pemacu ekonomi: perdagangan dan pelaburan; inovasi dan pendigitalan dan; pertumbuhan yang kukuh, seimbang, terjamin, mampan dan inklusif. Visi Putrajaya 2040 akan diguna pakai sebagai dokumen kerja utama sehingga 2040.

Persidangan APEC dengan tema '*Optimising Human Potential towards a Resilient Future of Shared Prosperity*', mengutamakan pendekatan bersama komuniti masyarakat dengan objektif mewujudkan kerjasama yang seimbang dan adil antara negara-negara anggota bagi mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan lestari di rantau Asia Pasifik.

Pelbagai rancangan kerja telah berjaya dirangka untuk dua dekad yang akan datang walaupun berhadapan dengan kekangan logistik akibat pandemik COVID-19. Sidang kemuncak tersebut melabuhkan tirainya dengan jayanya walaupun ia dilangsungkan secara maya dan Malaysia telah menyerahkan tugas sebagai penganjur kepada negara New Zealand selaku tuan rumah untuk persidangan seterusnya.



# Dasar Kelestarian Ekonomi

## Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)



Penekanan terhadap isu kelestarian dalam perdagangan antarabangsa telah menjadi salah satu trend utama sejak sedekad lalu. Menyedari kepentingan peranan perdagangan antarabangsa kepada ekonomi negara, Malaysia perlu peka dan menyokong dasar kelestarian ini.

Para pengeksport Malaysia telah mula mengadaptasi agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) melalui pelaksanaan piawaian alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) bagi memenuhi kriteria berkaitan etika dan kelestarian. Malah, sejak tahun 2015 lagi sama seperti ahli PBB yang lain, SDG telah diadaptasi di Malaysia dan negara telah mencapai kemajuan dalam usaha mencapai matlamat ini. Malaysia juga telah memperbaiki kedudukannya dalam Indeks SDG 2020, apabila berada di kedudukan ke-60 daripada 166 negara, berbanding ke-66 pada tahun 2019 (ketiga dalam negara-negara ASEAN, di belakang Thailand dan Vietnam). Selain itu, negara turut menunjukkan kemajuan dalam SDG 1 – tiada kemiskinan; SDG 7 – tenaga mampu milik dan bersih SDG 8 – pekerjaan yang sesuai dan pertumbuhan ekonomi; dan SDG 9 – industri, inovasi dan infrastruktur.

### Penerapan SDG ke dalam Dasar Pelaburan Malaysia

Malaysia mengamalkan pendekatan bersasar bagi menarik pelaburan yang berkualiti dalam industri berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi. Industri lestari juga menjadi fokus utama, sejajar dengan strategi untuk mengekalkan momentum pertumbuhan dan daya ketahanan ekonomi negara. Malaysia kekal mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk para pelabur selari dengan penyesuaianya ke arah SDG dan dasar pelaburan negara. Justeru, dalam usaha mengorak langkah untuk mencapai matlamat menjadi negara yang

maju dan berpendapatan tinggi, kesemua matlamat dan dasar tersebut telah diterapkan ke dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) dari tahun 2016-2020, dan akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) (2021-2025), dan juga Rancangan Malaysia ke-13 (RMK-13) (2026-2030).

MIDA memainkan peranan signifikan dalam melaksanakan pelbagai program dan inisiatif promosi yang menekankan kepentingan kelestarian dalam menarik pelaburan. Beberapa inisiatif dan program terbaru yang diumumkan menerusi Belanjawan 2021 adalah:

- ◆ Tabung Amanah Malaysia-SDG – Bagi memastikan sasaran SDG tersebut dapat direalisasikan menjelang tahun 2030, Tabung Amanah MYSDG dengan peruntukan awal sebanyak RM20 juta yang dibayai oleh sumber-sumber awam dan swasta akan ditubuhkan melalui kerjasama kerajaan Malaysia dan PBB.
- ◆ Bon Kelestarian – Dalam usaha menjadikan negara sebagai Hab Kewangan Lestari serta memposisikan Malaysia sebagai hab serantau untuk gaya hidup lestari, Kerajaan telah mengeluarkan Sukuk Prihatin pada bulan Ogos 2020. Setakat ini, langganan sebanyak RM666 juta yang direkodkan telah melebihi sasaran awal. Pencapaian ini akan membolehkan Kerajaan mengeluarkan Bon Kelestarian yang pertama bagi inisiatif alam sekitar dan sosial pada tahun 2021.
- ◆ Pengecualian Cukai Pendapatan untuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) – Pengecualian cukai pendapatan sedia ada untuk geran sukuk hijau SRI dilanjutkan untuk semua jenis sukuk dan bon sehingga tahun 2025. Ini adalah untuk menggalakkan lagi pengeluaran produk dan bon Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) yang mematuhi piawaian hijau, sosial dan mampan di Malaysia.



# 2.0


## Prestasi Sektor Perkilangan

Laporan Prestasi  
Tahunan Malaysia



**“Satu-satunya cara untuk memastikan pertumbuhan ekonomi kekal untuk jangka masa yang panjang adalah dengan mengutamakan aktiviti pengilangan bernilai tambah tinggi. Inilah rahsia yang akan mengemudi Malaysia melangkaui sempadan serta kekal berdaya saing di pasaran global.”**

**Tan Sri Dato' Soh Thian Lai, Presiden, Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM)**



## Membangunkan Semula Ekonomi Agar Kekal Berdaya Saing

Sektor perkilangan Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang kukuh dan memberangsangkan walaupun berdepan dengan pandemik COVID-19. Ini jelas terbukti menerusi jumlah pelaburan di dalam negara merekodkan peningkatan sebanyak 10.3 peratus serta peluang pekerjaan juga menunjukkan pertumbuhan yang positif. Pelaburan langsung domestik (DDI) turut mencatatkan prestasi yang sangat baik melalui peningkatan pelaburan yang signifikan, manakala pelabur asing kekal menunjukkan keyakinan yang tinggi dengan pertumbuhan ekonomi negara.



Tahun 2020, Malaysia bermula dengan pencapaian yang membanggakan apabila negara berjaya diiktiraf sebagai ‘*The Most Vibrant Investment Ecosystem in Asia*’ di *World Business Angels Investment Forum (WBAF) 2020*, mendahului Thailand dan Singapura serta negara-negara lain. Anugerah ini memberi pengiktirafan kepada negara-negara termasuk syarikat-syarikat yang menyerlah dalam membentuk serta merealisasikan masa depan dunia keusahawanan. Pengiktirafan ini adalah hasil daripada usaha Malaysia dalam memastikan peningkatan konsisten aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) ke dalam negara setiap tahun serta ekosistem perniagaan di dalam negara yang kondusif.

Namun, apabila pandemik COVID-19 semakin menular ke seluruh dunia, pengeluaran dan penggunaan global jatuh mendadak. Ini mengakibatkan rantaian bekalan global terjejas teruk. Syarikat-syarikat di seluruh dunia terpaksa mengubah model perniagaan serta mempelbagaikan aktiviti perkilangan masing-masing dalam usaha meminimakan risiko rantaian bekalan yang terputus, dengan menumpu kepada pengeluaran untuk pasaran tempatan dan serantau.

Walau bagaimanapun, pengilang-pengilang di seluruh dunia menunjukkan tahap ketahanan yang luar biasa dari segi kelangsungan perniagaan dan keupayaan pulih dari pandemik. Ini terbukti melalui *Purchasing Managers Index (PMI)* Disember yang dikumpul oleh

IHS Markit untuk JPMorgan di mana rekod output pembuatan global dan aliran masuk pesanan baharu menunjukkan peningkatan yang sangat baik – pantas dan lebih baik berbanding mana-mana tempoh sejak tahun 2010. IHS Markit juga melaporkan bahawa faktor utama yang memperlakukan pertumbuhan ekonomi hanyalah disebabkan oleh gangguan rantaian bekalan.

Bagi menangani kesan pandemik terutamanya sekatan pergerakan yang dilaksanakan untuk mengawal penyebaran COVID-19, para pengilang di seluruh dunia telah mempercepatkan transformasi operasi perniagaan masing-masing ke arah pendigitalan dan automasi serta teknologi berkaitan Industri 4.0. *World Economic Forum (WEF)* telah menyenaraikan pelbagai trend teknologi yang diadaptasi semasa tempoh pandemik ini dan teknologi Industri 4.0 seperti big data, pengkomputeran cloud, Internet of Things (IoT) dan blockchain dikenalpasti berupaya memperkuatkan sistem pengurusan rantaian bekalan. *KPMG Global Manufacturing Outlook 2020: COVID-19 Special Edition* melaporkan bahawa 72 peratus (tiga perempat) daripada golongan ketua eksekutif sektor perkilangan sangat mengutamakan pelaburan di dalam teknologi baharu, manakala hanya 28 peratus mengutamakan pelaburan untuk kemahiran tenaga kerja. Ini menunjukkan keutamaan bagi pelaburan dalam teknologi baharu adalah tiga kali ganda lebih tinggi berbanding pelaburan dalam kemahiran tenaga kerja.

## Pengakhiran Yang Cemerlang

Pada suku pertama tahun 2020, sektor perkilangan menyumbang sebanyak RM25.2 bilion atau 67.4 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan iaitu RM37.4 bilion. Walau bagaimanapun, sektor perkilangan mencatatkan penurunan kepada 55.1 peratus pada suku kedua dengan hanya menyumbang RM10.5 bilion daripada jumlah pelaburan yang diluluskan iaitu RM27.4 bilion.

Namun begitu, sektor perkilangan menunjukkan peningkatan jumlah pelaburan yang sangat signifikan pada suku ketiga tahun 2020 dengan jumlah pelaburan diluluskan sebanyak RM29.6 bilion, berbanding jumlah pelaburan RM35.7 bilion untuk tempoh setengah tahun pertama. Peningkatan ini menyumbang kepada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan melonjak kepada RM65.3 bilion pada penghujung suku ketiga.

Pada penghujung tahun 2020, sektor perkilangan Malaysia mencatatkan jumlah pelaburan keseluruhan sebanyak RM91.3 bilion dengan 1,049 projek diluluskan. Pencapaian prestasi tahun ini adalah lebih baik berbanding tahun 2019 (RM82.7 bilion dengan 988 projek), satu pencapaian yang sangat membanggakan walaupun berada di dalam situasi pandemik COVID-19. Daripada jumlah keseluruhan pelaburan ini, aliran pelaburan langsung asing (FDI) merekodkan sebagai penyumbang terbesar dengan jumlah pelaburan diluluskan sebanyak RM56.6 bilion (62%), manakala pelabur domestik pula menyumbang RM6 bilion pelaburan tambahan berbanding tahun 2019, menjadikan jumlah pelaburan langsung domestik (DDI) yang diluluskan adalah RM34.7 bilion (38%). Projek baharu yang diluluskan merangkumi 66.9 peratus, bukan sahaja mendominasi keseluruhan projek perkilangan, malah menunjukkan peningkatan sebanyak 12.2 peratus berbanding tahun 2019. Prestasi cemerlang sektor perkilangan pada tahun 2020 jelas sekali membuktikan Malaysia kekal berdaya saing dan menjadi lokasi pilihan untuk aktiviti perkilangan bernilai tambah tinggi di rantau ini, disokong

dengan pemulihan rantaian bekalan semasa tempoh pasca-pandemik.

## Sorotan Utama Sektor Perkilangan Tahun 2020

### Pelaburan Domestik berbanding Asing

1,049 projek diluluskan



### Projek Pembesaran/Pelbagaiannya berbanding Projek Baharu

RM91.3 bil Jumlah pelaburan

RM61.1 bil	66.9 %	Projek baharu
RM30.2 bil	33.1%	Projek pembesaran/pelbagaiannya

## Senario Pelaburan Asing

Meskipun berhadapan dengan banyak cabaran akibat daripada pandemik ini, Malaysia tetap kekal teguh dalam menarik pelaburan FDI yang berkualiti terutamanya pelaburan yang menyumbang kepada pemindahan teknologi, modal dan pengetahuan ke dalam negara. Pada tahun 2020, majoriti pelaburan asing adalah lebih tertumpu kepada pembiayaan projek baharu iaitu sebanyak RM36.8 bilion (65%), manakala selebihnya RM19.8 bilion (35%) adalah bagi projek pembesaran/pelbagaiannya.

Dari segi perindustrian, industri produk logam asas merekodkan prestasi FDI yang sangat memberangsangkan dengan peningkatan jumlah pelaburan daripada RM694.4 juta pada tahun 2019 kepada RM14.1 bilion pada tahun 2020. Selain itu, kebanyakan pelaburan asing yang diluluskan pada tahun 2020 adalah tertumpu dalam industri produk

elektrikal dan elektronik (E&E) (RM13.6 bilion), kertas, percetakan dan penerbitan (RM6.9 bilion), jentera dan kelengkapan (M&E) (RM4.8 bilion), dan kimia dan produk kimia (RM4.6 bilion).

Sektor-sektor lain dengan jumlah pelaburan FDI yang tinggi termasuk produk petroleum (termasuk petrokimia) (RM2.9 bilion), peralatan saintifik dan pengukuran (RM1.9 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM1.7 bilion), serta produk mineral bukan logam (RM1.7 bilion).


PRC masih kekal sebagai penyumbang FDI yang terbesar untuk Malaysia, sama seperti tahun lepas dengan jumlah pelaburan FDI sebanyak RM17.8 bilion pada tahun 2020, diikuti oleh Singapura (RM8.8 bilion), Belanda (RM6.5 bilion), Kepulauan British Virgin (RM5.5 bilion), Amerika Syarikat (RM3.7 bilion), Hong Kong (RM2.9 bilion), Switzerland (RM2.8 bilion), Thailand (RM1.9 bilion), Jepun (RM1.6 bilion), Republik Korea (RM1.4 bilion), dan Jerman (RM1.2 bilion). Kesemua 11 negara ini menyumbang sejumlah RM54.1 bilion (95.6%) daripada keseluruhan pelaburan asing.

## Ringkasan Domestik

Malaysia sentiasa menyokong para pelabur domestik ke arah pendigitalan dan automasi di dalam operasi perniagaan di samping menggalakkan inovasi dan adaptasi teknologi berkaitan Industri 4.0. Pelaburan DDI yang diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2020 berjumlah RM34.7 bilion. Daripada jumlah ini, pelaburan bagi projek baharu menyumbang 70 peratus daripada pelaburan DDI dengan jumlah pelaburan sebanyak RM24.3 bilion. Manakala, 30 peratus atau RM10.4 bilion DDI dalam sektor perkilangan adalah dari projek pembesaran/pelbagaiian.

Majoriti pelabur domestik adalah tertumpu dalam industri produk petroleum (termasuk petrokimia) (RM12.6 bilion) yang menyumbang 36.3 peratus daripada jumlah pelaburan domestik diluluskan. Ini diikuti oleh industri produk getah (RM3.9 bilion), pengilangan makanan (RM2.3 bilion), jentera & kelengkapan (RM2.3 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM2.2 bilion), E&E (RM2.1 bilion), produk fabrikasi logam (RM1.9 bilion), kimia dan produk kimia (RM1.6 bilion) dan minuman dan tembakau (RM1 bilion).

## Ringkasan Industri



### 5 Pelaburan Domestik Terbesar


	<b>RM12.6 bil</b>	Produk petroleum (termasuk petrokimia)
	<b>RM3.9 bil</b>	Produk getah
	<b>RM2.3 bil</b>	Pengilangan makanan
	<b>RM2.2 bil</b>	Kelengkapan pengangkutan

### 5 Pelaburan Asing Terbesar

	<b>RM14.1 bil</b>	Produk logam asas
	<b>RM13.6 bil</b>	E&E
	<b>RM6.9 bil</b>	Kertas, percetakan & penerbitan

**RM4.6 bil**  
Kimia dan produk kimia

## Industri Yang Mencatatkan Prestasi Terbaik Tahun 2020



 Kesemua industri ini menyumbang **85.7%** daripada jumlah pelaburan diluluskan.

### Prestasi Terbaik dalam Industri

Pada tahun 2020, industri E&E menerajui jumlah pelaburan diluluskan dalam sektor perkilangan dengan pelaburan sebanyak RM15.6 bilion, diikuti oleh produk petroleum (termasuk petrokimia) (RM15.5 bilion), produk logam asas (RM14.4 bilion), kertas, percetakan dan penerbitan (RM7.8 bilion), jentera & kelengkapan (RM7.1 bilion), kimia dan produk kimia (RM6.3 bilion), produk getah (RM4.3 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM3.9 bilion) dan pengilangan makanan (RM3.3 bilion). Kesemua industri ini menyumbang sebanyak 85.7 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.


### Profil Pekerjaan yang Diwujudkan

Projek-projek yang diluluskan pada tahun 2020 dijangka akan mewujudkan sebanyak 80,190 peluang pekerjaan (78,606 peluang pekerjaan pada tahun 2019). Daripada jumlah ini, 28,706 (35.8%) peluang pekerjaan adalah dalam bidang pengurusan, teknikal dan penyeliaan (MTS) manakala 51,484 atau 64.2 peratus daripada pekerjaan yang akan diwujudkan adalah dalam bidang jualan, perkeranian, pengendali dan pemasang jentera/mesin dan lain-lain.

Lima sektor utama yang mewujudkan peluang pekerjaan yang tinggi adalah

E&E (19,541 pekerjaan), diikuti oleh produk getah (11,498 pekerjaan), kertas, percetakan dan penerbitan (6,038 pekerjaan), kelengkapan pengangkutan (5,245 pekerjaan) dan pengilangan makanan (4,846 pekerjaan).

MIDA memberi kelulusan bagi golongan ekspatriat, terutamanya jawatan MTS di syarikat milik tempatan dan asing. Pada tahun 2020, sejumlah 958 jawatan ekspatriat telah diluluskan, di mana 144 daripadanya terdiri daripada jawatan utama yang boleh disandang secara tetap oleh warga asing. Sementara baki 814 pekerjaan pula adalah kelulusan jawatan bertempoh yang diluluskan untuk dua hingga lima tahun, di mana syarikat harus melatih rakyat Malaysia untuk mengambil alih jawatan tersebut.



Bagi segmen pekerjaan berpendapatan tinggi di dalam sektor perkilangan dengan gaji

RM5,000 dan ke atas, tiga industri utama yang menyumbang sebahagian besar daripada 9,862 peluang pekerjaan adalah industri E&E, kimia dan produk kimia, dan M&E (4,499 atau 45.6%). Jumlah ini menunjukkan penambahan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi sebanyak 871 berbanding pada tahun 2019 (8,991). Industri E&E mencatatkan jumlah peluang pekerjaan yang tertinggi iaitu 2,689 atau 27.3 peratus daripada jumlah keseluruhan, diikuti oleh industri kimia dan produk kimia dengan 908 pekerjaan (9.2%) dan M&E dengan 902 pekerjaan (9.1%).

### CIPE Meningkat

Intensiti modal (diukur berdasarkan nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja – CIPE) dari projek sektor perkilangan yang diluluskan pada tahun 2020 direkodkan sebanyak RM1,138,055; kenaikan 8.1 peratus berbanding RM1,052,497 pada tahun 2019. Industri yang mencatatkan nisbah CIPE tertinggi adalah produk petroleum (termasuk petrokimia) iaitu sebanyak RM20,253,248, diikuti oleh produk logam asas (RM3,146,288), minuman dan tembakau (RM2,489,335), kimia dan produk kimia (RM1,760,325) dan peralatan saintifik dan pengukuran (RM1,672,723).

### Subsektor 3+2

Sejajar dengan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11), subsektor 3+2 telah dikenalpasti sebagai subsektor pemangkin dan berpotensi pertumbuhan tinggi yang saling berkait dengan beberapa subsektor lain untuk menyokong pembangunan keseluruhan sektor perkilangan. Tiga subsektor pemangkin berkenaan adalah elektrikal dan elektronik (E&E), jentera & kelengkapan (M&E) dan kimia dan produk kimia, manakala dua lagi subsektor dengan potensi pertumbuhan yang tinggi adalah aeroangkasa dan peranti perubatan.

CIPE bagi subsektor 3+2 pada tahun 2020 adalah sebanyak RM895,031 (372 projek), sedikit penurunan daripada CIPE pada tahun sebelumnya iaitu RM1,075,994. Subsektor 3+2 ini akan menjana sebanyak 39,292 peluang pekerjaan

dan daripada jumlah ini, peluang pekerjaan yang tertinggi adalah dari subsektor E&E dengan 19,541 pekerjaan (49.7%).

Bagi peluang pekerjaan dalam bidang MTS pula untuk tahun 2020, sebanyak 13,958 peluang pekerjaan atau 35.5 peratus adalah terdiri dari subsektor 3+2. Selain itu, sebanyak 25,334 peluang pekerjaan yang diwujudkan untuk kategori lain seperti pengendali dan pemasang jentera/mesin.

### Pelaburan Asing Mendahului

Malaysia kekal menjadi destinasi pelaburan yang strategik dan menarik bagi para pelabur asing walaupun kerajaan di serata dunia terpaksa menutup sempadan negara masing-masing serta mengawal pergerakan rakyat bagi membendung penularan COVID-19.

Ini jelas terbukti melalui jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2020 mendominasi sebanyak 62 peratus (RM56.6 bilion) daripada jumlah keseluruhan pelaburan dalam sektor perkilangan yang diluluskan di dalam negara.

Daripada 1,049 projek pengilangan yang diluluskan, sebanyak 260 projek dimiliki sepenuhnya oleh pelabur asing. Sementara itu, syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia telah melabur sejumlah RM29.4 bilion atau 32.2 peratus daripada jumlah pelaburan menerusi 613 projek.

Sebanyak 116 projek pula dimiliki majoriti rakyat Malaysia dan 59 projek dimiliki majoriti pelabur asing. Selain itu, terdapat satu projek usaha sama 50:50 diluluskan pada tahun 2020.

### Lokasi yang Pelbagai


Bagi tahun 2020, majoriti projek yang diluluskan tertumpu di negeri Selangor (324 projek), Johor (232 projek), dan Pulau Pinang (166 projek). Ketiga-tiga negeri ini mencatatkan sebanyak 722 projek atau 68.8 peratus daripada keseluruhan projek yang diluluskan di dalam negara.

Dari segi nilai pelaburan pula, negeri Selangor (RM18.4 bilion) menerima pelaburan yang


tertinggi, diikuti oleh Sarawak (RM15.7 bilion), Pulau Pinang (RM14.1 bilion), Sabah (RM11.9 bilion) dan Johor (RM6.8 bilion). Kelima-lima negeri ini menyumbang sebanyak 73.4 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2020.

Negeri-negeri lain yang mencatatkan jumlah pelaburan yang tinggi adalah Negeri Sembilan (RM6.2 bilion), Pahang (RM4.8 bilion), Kedah (RM4.1 bilion), Perak (RM3.3 bilion), Melaka (RM2 billion), Terengganu (RM1.9 billion) dan Kuala Lumpur (RM1.3 billion).

### Projek Diluluskan Mengikut Lokasi dalam Sektor Perkilangan Tahun 2020



Kesemua 5 negeri ini menyumbang RM66.9 bil (73.4%) dari jumlah pelaburan diluluskan



## Projek Perkilangan Dilaksanakan



Dengan penambahan 1,049 projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 2020, jumlah keseluruhan projek perkilangan yang diluluskan bagi tempoh lima tahun (2016 hingga 2020) adalah sebanyak 4,178 projek dengan jumlah pelaburan RM383.5 bilion. Setakat ini, 70 peratus atau 2,926 projek perkilangan telah dilaksanakan dan menjana pelaburan sebanyak RM197.2 bilion. Daripada jumlah projek ini, 2,739 projek sedang aktif beroperasi manakala 187 projek masih dalam peringkat pembinaan kilang dan pemasangan jentera.


Sementara itu, sebanyak 91 projek dengan pelaburan berjumlah RM22 bilion telah memperolehi tapak kilang, manakala 977 projek lagi yang bernilai RM142.2 bilion sedang dalam fasa perancangan aktif. Jumlah pelaburan untuk kesemua projek ini (1,068 projek) adalah sebanyak RM164.2 bilion sebaik saja ia direalisasikan.

Kesemua 2,926 projek perkilangan yang telah dilaksanakan ini telah berjaya menjana 215,203 peluang pekerjaan di dalam negara.

Industri-industri utama yang menerajui projek yang telah dilaksanakan dalam tempoh lima tahun dari 2016 hingga 2020 adalah E&E, produk petroleum (termasuk petrokimia), produk mineral bukan logam, pengilangan makanan, dan kelengkapan pengangkutan.

## Projek Perkilangan Dilaksanakan (2016-2020)





## Maklumat Industri

Permintaan global untuk barang keperluan terus meningkat secara mendadak susulan daripada pandemik COVID-19 dan situasi ini membuka ruang dan peluang baharu kepada pemain industri di Malaysia untuk meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi trend permintaan ini. Sejajar dengan usaha tersebut, para pengilang di dalam negara turut memperkasakan serta mengadaptasi automasi dan teknologi tinggi berkaitan Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) bagi menghadapi cabaran dan realiti baharu ini.



## Produk Elektrikal dan Elektronik (E&E)

Industri E&E di Malaysia kekal sebagai pengekspor utama pada tahun 2020 dengan nilai eksport sebanyak RM386.1 bilion, merangkumi 39.4 peratus dari keseluruhan industri perkilangan yang diluluskan. Nilai eksport industri ini menunjukkan peningkatan sebanyak 3.5 peratus berbanding tahun sebelumnya, menjadikan industri ini sebagai penyumbang eksport terbesar pada tahun 2020. Kecemerlangan prestasi industri ini jelas terbukti memandangkan Malaysia merupakan hab pengilangan global bagi industri E&E. Terdapat banyak syarikat multinasional (MNC) telah memilih negara ini sebagai tapak operasi serantau. Kesemua MNC ini telah berintegrasi dengan syarikat-syarikat E&E tempatan di dalam operasi perniagaan mereka, menjadikan kesemua syarikat tersebut sebagai sebahagian daripada rantai nilai global.

Industri E&E di Malaysia mempunyai reputasi daya saing yang tinggi terutamanya dalam bidang pengeluaran peranti semikonduktor kerana bidang ini dipacu oleh pemain-pemain industri yang berpengalaman dan berkepakaran tinggi.

Dengan kelebihan ini, syarikat-syarikat yang bertapak di Malaysia mempunyai daya ketahanan yang tinggi dalam memenuhi permintaan pasaran semikonduktor yang kritikal dan sedang membangun.

Daya ketahanan syarikat E&E dalam menghadapi cabaran pandemik global COVID-19 harus diyakini para pelabur kerana faktor ini jelas membuktikan kemampuan dan kecekapan pemain industri tempatan. Walaupun kebanyakan operasi pengilangan (termasuk industri E&E) terkesan disebabkan pandemik ini, namun trend permintaan bagi sesetengah produk E&E terus meningkat. Antaranya adalah peranti telekomunikasi, peranti perubatan, bahagian automotif dan stesen komunikasi yang seterusnya menjurus kepada peningkatan permintaan global untuk semikonduktor dan produk elektronik.

Perang perdagangan antara AS dan PRC secara tidak langsung memberi manfaat kepada Malaysia apabila pemindahan lokasi dan penempatan semula operasi pengeluaran telah menyumbang kepada peningkatan aliran masuk pelaburan ke dalam negara pada tahun 2020. Rancangan

Lima Tahun ke-14 PRC (2021-2025) yang memfokuskan kepada inovasi teknologi juga akan memberi manfaat kepada industri E&E di dalam negara, memandangkan produk E&E adalah penyumbang besar eksport negara untuk pasaran ekonomi yang kedua terbesar di dunia. Selaras dengan itu, dijangkakan permintaan bagi semikonduktor akan naik berikutan usaha giat PRC dalam meningkatkan keupayaan dan daya saing teknologinya di masa hadapan.


Ekosistem E&E di Malaysia menyediakan pelbagai peluang perniagaan kepada para pelabur berikutan permintaan bagi keluaran kelengkapan/peralatan perubatan pintar, peranti telekomunikasi maya dan e-dagang yang semakin meningkat. Antara peluang yang berpotensi untuk diterokai adalah bidang penyelesaian tanpa sentuh termasuk skrin sentuh dan butang lif; peranti bantuan kehidupan termasuk sensor yang boleh membantu warga tua dan individu yang menghidap penyakit kronik meneruskan kehidupan di rumah tanpa perlu ditempatkan di pusat penjagaan; penyelesaian logistik automatik untuk penghantaran *last-mile* seperti robot dan dron; dan proses kerja digital serta *Internet of Things* (IoT), terutamanya dalam bidang penjagaan kesihatan dan perkhidmatan kerajaan.

Menyedari kepentingan industri E&E dalam sektor perkilangan, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar pro-industri agar dapat merancakkan lagi pertumbuhan dan kelestarian industri E&E. Kerajaan juga giat mempromosi, membantu serta menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), automasi dan pendigitalan, sebagai anjakan peralihan ke arah ‘kilang pintar’. Syarikat yang mengadaptasi teknologi berkaitan Industri 4.0 mampu mengoptimumkan produktiviti dan pertumbuhan syarikat serta dapat mengekalkan tahap kecekapan operasi perniagaan dalam menghadapi perubahan yang pantas dalam kitaran teknologi.

Oleh itu, para pelabur yang berpotensi digalakkan memanfaatkan segala insentif dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan khususnya bagi aktiviti R&D serta reka bentuk dan pembangunan (D&D) untuk menghasilkan (dan menambah baik) pelbagai bahan, proses dan produk.

Bagi menjamin ketersediaan bakat untuk memenuhi keperluan industri E&E yang semakin meningkat, Kerajaan memberi keutamaan yang tinggi dalam pengurusan bakat. Menerusi penekanan Kerajaan terhadap subjek sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM),

### Rakan Usaha Sama PSFID



usaha ini diharap dapat memupuk minat pelajar dalam bidang STEM di semua peringkat pada masa hadapan bagi menyokong kemajuan teknologi yang pantas dalam industri E&E.

Sebagai contoh, *Post-School Finishing Programme in IC Design* (PSFID) di bawah MIDA merupakan satu inisiatif usaha sama antara pihak awam-swasta yang melibatkan agensi kerajaan, pemain industri dan akademia. Inisiatif ini bertujuan untuk melahirkan 1,000 graduan perekalitar bersepadu (IC) bagi memenuhi permintaan industri tempatan. Pelaksanaan program perintis PSFID ini juga merupakan usaha sama pertama di peringkat kebangsaan bagi membangunkan bakat tempatan dalam industri. Selain menjadi komponen yang penting dalam semikonduktor, IC juga menyumbang kepada bidang kepakaran yang bernilai tambah tinggi dan berkemahiran tinggi dalam industri ini.

Pada tahun 2020, sejumlah 148 projek E&E dengan pelaburan sebanyak RM15.6 bilion telah diluluskan dalam industri E&E. Daripada jumlah ini, 53 adalah projek baharu dengan pelaburan

berjumlah RM5.4 bilion, manakala 95 daripadanya adalah projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan sebanyak RM10.2 bilion. Kesemua projek ini dijangka akan mewujudkan 19,541 pekerjaan.

Pelaburan asing menyumbang kepada majoriti pelaburan di dalam industri ini dengan jumlah pelaburan sebanyak RM13.5 bilion (86.5%), manakala pelaburan domestik adalah berjumlah RM2.1 bilion (13.5%). Syarikat-syarikat E&E sedia ada di Malaysia sentiasa berterusan untuk mengembangkan dan mempelbagaikan operasi perniagaan mereka dan ini membuktikan keyakinan mereka terhadap landskap pelaburan tempatan yang kondusif.

Pelaburan asing utama yang mempelopori industri ini adalah daripada negara Belanda, Singapura, Taiwan, Hong Kong SAR dan PRC. Manakala, subsektor dengan jumlah pelaburan diluluskan yang tertinggi adalah: komponen elektrik, elektronik pengguna, elektronik industri, komponen elektrik dan peralatan elektrik (termasuk perindustrian elektrik).

## Pelaburan Diluluskan dalam Industri E&E Tahun 2020

### Pelaburan Domestik berbanding Asing

148 projek diluluskan



### Projek Pembesaran/Pelbagai berbanding Projek Baharu

**RM15.6 bil** Jumlah pelaburan

<b>RM5.4 bil</b>	34.6%	53 Projek baharu
<b>RM10.2 bil</b>	65.4%	95 Projek pembesaran/ pelbagai

### Peluang Pekerjaan



**19,541** Jumlah peluang pekerjaan

### Komponen Elektronik

Komponen elektronik merupakan penyumbang terbesar bagi pelaburan dalam industri E&E yang merangkumi 67.9 peratus. Sejumlah 49 projek dengan pelaburan berjumlah RM10.6 bilion telah diluluskan bagi keluaran komponen elektronik seperti kapasitor, transduser, *transreceiver*, diod pemancar cahaya (LED), alat kawalan mikro, peranti semikonduktor, *subtract* pakej semikonduktor, dan pemasangan papan litar bercetak (PCB).

Walaupun subsektor ini dipacu oleh pelaburan asing, pelaburan domestik turut menunjukkan peningkatan yang baik berbanding pada tahun 2019. FDI menyumbang sebanyak RM9.6 bilion (90.6%) daripada jumlah pelaburan diluluskan, manakala pelaburan domestik berjumlah RM1 bilion (9.4%), peningkatan sebanyak 57 peratus berbanding pelaburan domestik pada tahun 2019 iaitu sebanyak RM637.2 juta. Projek-projek dalam subsektor ini dijangka akan mewujudkan 12,874 peluang pekerjaan atau bersamaan dengan 6,000 lebih peluang pekerjaan berbanding pada tahun 2019.

### Elektronik Pengguna

Subsektor elektronik pengguna merekodkan kelulusan 13 projek dengan pelaburan berjumlah RM224 juta pada tahun 2020. Antara aktiviti utama subsektor ini termasuklah amplifier untuk peralatan muzik, *built-in toll readers*, perakam video digital, penyesuai kamera, dan pembesar suara (termasuk

pembesar suara tanpa wayar). Kesemua aktiviti dalam subsektor ini akan mewujudkan 768 peluang pekerjaan.

### Elektronik Industri

Subsektor elektronik industri mencatatkan sejumlah 42 projek diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM2.8 bilion pada tahun 2020, peningkatan kira-kira RM400 juta berbanding pada tahun 2019. Daripada jumlah ini, FDI mendominasi dengan pelaburan sebanyak RM2.4 bilion, manakala pelaburan domestik menyumbang RM417 juta, peningkatan sebanyak RM250 juta berbanding pada tahun 2019 dengan pelaburan sebanyak RM163.6 juta. Kesemua projek ini dijangka akan menjana 3,230 peluang pekerjaan.

### Komponen Elektrikal

Terdapat 24 projek yang telah diluluskan dalam subsektor ini pada tahun 2020 dengan pelaburan bernilai RM796 juta. Pelaburan asing menyumbang 57 peratus atau RM456 juta, manakala DDI menyalurkan 43 peratus dengan RM340 juta. Sebanyak 1,656 peluang pekerjaan baharu dijangka akan diwujudkan dalam subsektor ini.

### Produk Elektrikal dan Elektrikal Perindustrian

Pada tahun 2020, sejumlah 20 projek telah diluluskan dalam subsektor produk elektrikal dan elektrikal industri dengan pelaburan sebanyak RM1.2 bilion. Secara umumnya, subsektor ini didominasi oleh FDI

### Pelaburan Diluluskan dalam Industri E&E Mengikut Subsektor Tahun 2020

Subsektor E&E	Jumlah Pelaburan	Projek Diluluskan	Peluang Pekerjaan
Komponen Elektronik	RM10.6 bil	49	12,874
Elektronik Pengguna	RM224 juta	13	768
Elektronik Industri	RM2.8 bil	42	3,230
Komponen Elektrik	RM796 juta	24	1,656
Produk Elektrikal dan Elektrikal Industri	RM1.2 bil	20	1,013
<b>Jumlah</b>	<b>RM15.6 bil</b>	<b>148</b>	<b>19,541</b>

dengan pelaburan bernilai RM977 juta (82%) dan DDI berjumlah RM217 juta (18%). Jumlah peluang pekerjaan yang bakal diwujudkan oleh kesemua projek ini dijangka sebanyak 1,013 pekerjaan.

Nexperia R&D Malaysia Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat yang beribu pejabat di Netherlands telah mempelbagaikan aktiviti pengeluarannya di Malaysia daripada pemasangan semikonduktor dan perkhidmatan pengujian kepada perkhidmatan reka bentuk IC. Sejurus pusat reka bentuk IC syarikat ini siap di negara ini, ia akan menjadi pusat milik Nexperia yang pertama di luar Belanda. Pusat berasaskan pengetahuan ini bakal meningkatkan keupayaan bakat tempatan, khususnya dalam bidang kemahiran teknologi reka bentuk IC.

Selain itu, Experior Labs Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Experior Technology Sdn. Bhd. juga menjalankan projek kepelbagaian dengan menyediakan perkhidmatan sistem reka bentuk dan pengujian semikonduktor. Syarikat tempatan ini ditubuhkan sejak tahun 2014 telah menjadi sebahagian daripada ekosistem E&E. Antara aktiviti syarikat merangkumi penyediaan perkhidmatan sehenti bagi reka bentuk ujian, pengesahan, dan pengujian volum, termasuk reka bentuk perkakasan dan perisian untuk IC generasi baharu. Dalam usaha mempromosi Industri 4.0 di Malaysia, Experior juga telah mengembangkan perkhidmatannya ke pasaran lain dengan membangunkan perisian automasi khusus.

Globetronics Manufacturing Sdn. Bhd. juga merupakan salah sebuah syarikat tempatan yang terkenal dalam industri ini. Syarikat ini telah mula mengadaptasi Industri 4.0 dengan pelaburan tambahan sebanyak RM50 juta untuk projek modenisasi, pembesaran serta mengadaptasi penyelesaian Industri 4.0 berintegrasi sepenuhnya di fasilitinya; menjadikannya sebuah kilang pintar di Malaysia yang menyokong pengilangan produk semikonduktor canggih untuk kegunaan telekomunikasi global. Projek pembesaran Globetronics yang akan dilaksanakan melibatkan penaiktarafan pembangunan teknologi dan sumber bakat dalam bidang robotik, kepintaran buatan (AI), integrasi sistem, IoT, pengkomputeran *cloud* dan keselamatan siber. Kesemua inisiatif Globetronics ini adalah bagi menyokong aspirasi kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak lagi syarikat tempatan mengeluarkan produk yang kompleks dan khusus dengan menggunakan pelbagai teknologi terkini.

## Kelengkapan Pengangkutan Aeroangkasa

Pandemik COVID-19 telah memberi impak negatif terhadap sektor aeroangkasa global. Banyak pembekal sektor ini berdepan dengan risiko penutupan operasi akibat menanggung kerugian besar inventori dan kadar penggunaan mesin yang terlalu rendah di keseluruhan rantaian bekalan, berikutan pengurangan kadar pengeluaran pesawat oleh OEM seperti Boeing dan Airbus. Susulan itu, pemain industri sektor ini terpaksa melaksanakan langkah pengurangan kos operasi seperti pengurangan hari bekerja dan ada yang terpaksa menamatkan perkhidmatan pekerja.

Situasi industri aeroangkasa di Malaysia juga turut terjejas dimana pemain industri tempatan mengalami tekanan yang sama dalam mengadaptasi situasi yang mencabar ini. Kebanyakan syarikat tempatan telah membuat pelaburan modal berdasarkan peningkatan kadar pembinaan pesawat sebelum pandemik. Susulan pandemik ini, syarikat-syarikat tempatan terpaksa mengurangkan kos operasi serta menguruskan aliran tunai, di samping melaksanakan pelbagai strategi untuk mengekalkan pekerja mahir. Tanpa bantuan dan sokongan di dalam industri ini, pemain industri aeroangkasa berhadapan dengan risiko kehilangan pekerjaan, pemain industri tempatan yang semakin berkurangan, serta operasi pengilangan yang terpaksa dihentikan.

Sebelum tercetusnya pandemik ini yang menyebabkan langkah kawalan pergerakan dan penutupan sempadan terpaksa dilaksanakan, sektor aeroangkasa di Malaysia berjaya mencatatkan rekod pertumbuhan pada kadar purata lima peratus sejak 10 tahun lalu serta mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan berkemahiran tinggi. Aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) adalah antara bidang utama dalam sektor ini. Sektor aeroangkasa juga telah dikenal pasti oleh Kerajaan sebagai salah satu daripada sektor strategik ‘3+2’ dengan potensi pertumbuhan yang tinggi.

Berdasarkan Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 (MAIB2030), industri ini merupakan industri strategik negara memandangkan keupayaannya mewujudkan peluang pekerjaan dan membangunkan ekosistem pembekal aeroangkasa di dalam negara. Biarpun menghadapi pelbagai cabaran jangka pendek dan sederhana, industri aeroangkasa Malaysia masih menjadi destinasi pilihan para pelabur asing dan domestik yang bertapak di negara ini.

Daripada 130 syarikat yang terlibat dalam aktiviti MRO di Malaysia, 33 syarikat menjalankan aktiviti pengilangan aero, 53 syarikat dalam bidang latihan dan pendidikan manakala 11 syarikat pula adalah dalam bidang integrasi sistem, kejuruteraan dan reka bentuk. Industri aeroangkasa dijangka akan pulih semula apabila situasi kembali normal selepas pandemik ini berikutan penghantaran pesawat baharu masih tetap akan diteruskan. Oleh yang demikian, perbelanjaan MRO berpotensi mencatatkan peningkatan memandangkan Asia Pasifik dijangka akan menjadi pasaran penerbangan yang terbesar di dunia dalam masa terdekat ini. Peningkatan prestasi subsektor MRO daripada RM4.3 bilion pada tahun 2009 kepada RM6.6 bilion pada tahun 2018 membuktikan bahawa MRO telah berkembang pesat di Malaysia.

Walaupun sektor aeroangkasa terjejas buat sementara waktu akibat pandemik COVID-19, sektor ini masih mempunyai potensi pertumbuhan jangka masa panjang. Berdasarkan pelan MAIB2030, Kerajaan mensasarkan Malaysia akan memainkan peranan penting dalam pasaran global menjelang tahun 2030 dan muncul sebagai negara aeroangkasa yang terbaik di Asia Tenggara dengan jumlah pendapatan sebanyak RM55.2 bilion yang akan mewujudkan lebih 32,000 pekerja berpendapatan tinggi (buat masa ini, industri ini menggajikan 27,500 pekerja berkemahiran tinggi). MAIB2030 mengunjurkan pendapatan sebanyak RM20.4 bilion bagi MRO, diikuti pengilangan aero dengan RM21.2 bilion dan perkhidmatan kejuruteraan dan reka bentuk dengan RM13.6 bilion pada 2030.


Berdasarkan ramalan daripada *Moody's Investor Service*, permintaan untuk penerbangan komersial berkemungkinan besar tidak akan menunjukkan pemulihran yang ketara sebelum tahun 2023. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi ramalan ini adalah seperti kebimbangan penumpang mengenai risiko kesihatan, perubahan polisi perjalanan korporat, kemungkinan sekatan ke atas kemasukan pelawat antarabangsa dan perbelanjaan *discretionary* yang lebih rendah. Oleh yang demikian, para pelabur serta pemain industri disaran mempertimbangkan model perniagaan baharu dan berpotensi seperti penerbangan perniagaan dan pengeluaran dron - sektor yang menunjukkan pertumbuhan yang semakin meningkat.

Menurut US Federal Aviation Administration, penerbangan am didefinisikan sebagai semua jenis

penerbangan kecuali yang dikendalikan oleh pihak ketenteraan atau penerbangan berjadual (penerbangan komersial). Manakala, penerbangan perniagaan (yang kini sedang pesat berkembang di rantau ini) merangkumi penerbangan am yang melibatkan penggunaan kapal terbang dan helikopter khusus untuk aktiviti perniagaan.

Laporan media GlobeAir pada Mac 2020 melaporkan bahawa risiko penyebaran dan jangkitan COVID-19 melalui penerbangan persendirian adalah 30 kali lebih rendah dan hanya mempunyai 20 titik sentuhan yang boleh mendedahkan penumpang kepada risiko jangkitan, berbanding 700 titik sentuhan bagi penerbangan komersial. Tambahan pula, keupayaan penerbangan persendirian untuk penerbangan jarak jauh menjadikannya pilihan popular bagi pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan pekerja, pelawat perniagaan dan pegawai kerajaan.

Selain dua pengilang utama penerbangan komersial yang terkenal iaitu Airbus dan Boeing, terdapat banyak syarikat OEM bagi penerbangan perniagaan bersaing di rantau ini seperti Gulfstream, Bombardier, Dassault, Embraer, Cessna, Pilatus dan HondaJet. Menurut Asian Sky Group, pelbagai pesawat perniagaan atau pesawat peribadi baharu dan terpakai bernilai RM15.8 bilion telah didagangkan di rantau Asia Pasifik pada tahun 2019. Berdasarkan sumber data yang sama, graf di bawah ini menunjukkan prestasi OEM di Malaysia dari segi bilangan pesawat dan penguasaan pasaran untuk tahun 2019.





Pesawat perniagaan lazimnya menampilkan lebih banyak unsur kesenian terutamanya pada ciri hiasan dalaman, manakala pesawat komersial dikeluarkan secara besar-besaran dengan pengkhususan yang minimum. Oleh itu, penghasilan pesawat perniagaan memerlukan kemahiran yang tinggi dalam perincian dan kerja-kerja kejuruteraan, dan menjadikan bidang ini berpotensi sebagai bidang pertumbuhan utama.

Kaji selidik yang dilaksanakan oleh Frost and Sullivan pada tahun 2018 mendapati bahawa Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang menjadi pilihan utama bagi hab penerbangan yang berpotensi di rantau ini. Dengan kira-kira 3,200 pergerakan pesawat perniagaan, lapangan terbang ini mendahului lapangan terbang Don Muang (Bangkok) dan lapangan terbang Ninoy Aquino (Manila). Faktor-faktor seperti ekosistem Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, lokasinya yang strategik serta kos yang kompetitif dari segi tenaga kerja dan infrastruktur menyumbang kepada reputasi Malaysia sebagai pesaing yang dikagumi.

Selain daripada perkhidmatan MRO, bakal pelabur juga boleh meneroka peluang perkhidmatan lain di dalam industri aeroangkasa yang berpotensi seperti Pengusaha Pangkalan Tetap atau *Fixed Based Operators* (FBO), pengendalian darat, perkhidmatan insurans pesawat dan kewangan, institusi latihan dan pemeriksaan teknikal pesawat.

Aktiviti pengeluaran dron dan perkhidmatan sokongan juga dikenal pasti sebagai pertumbuhan yang berpotensi. Dron yang juga dikenali sebagai *unmanned aerial vehicle* (UAV) adalah pesawat yang boleh dikendalikan secara sepenuhnya atau separa tanpa pemandu (*fully or partially autonomous*), kebanyakannya ia dikawal oleh juruterbang dari jarak jauh.

Dron pada awalnya digunakan dalam bidang ketenteraan untuk aktiviti perisikan, pengawasan dan pengintipan, kini telah menjadi salah satu bidang perniagaan yang memberi pelbagai manfaat.

Skop penggunaan dron dalam aplikasi kerajaan secara komersial dan sivil sangat luas dan meliputi aktiviti pemeriksaan infrastruktur dari udara, memadam kebakaran, pertanian, logistik penghantaran ke destinasi akhir serta pengurusan inventori. Dron juga telah berjaya diintegrasikan ke dalam kerja-kerja pengukuran tanah, pemetaan 3D dan pengukuran topografi.

Selain itu, dron juga akan berupaya untuk membawa penumpang pada masa hadapan. Perkhidmatan teksi udara serta penerbangan antara bandar berdasarkan permintaan akan dipacu oleh kemajuan dalam teknologi autonomi, *electric propulsion* dan rangkaian komunikasi jalur lebar mudah alih berkelajuan tinggi

seperti 5G. Sehubungan itu, syarikat aeroangkasa dan syarikat baharu seperti Airbus, Volocopter dan Ehang sedang bersaing sengit bagi menghasilkan teksi terbang berautonomi sebelum tahun 2025.

Berdasarkan unjuran *Drone Industry Insights*, pasaran dron global akan berkembang secara mendadak daripada US\$22 bilion pada tahun 2020 kepada US\$43 bilion pada tahun 2025 dengan kadar CAGR 13.8 peratus. Pasaran Asia diramal akan menjadi salah satu pasaran dron serantau yang terbesar di dunia, mengambil alih pasaran Amerika Utara. Pada tahun 2019, hasil pasaran UAV didominasi oleh kontrak ketenteraan apabila ia menyumbang tiga perempat daripada jumlah pendapatan. Malah, mengikut ramalan daripada sebuah firma analisis pasaran industri aeroangkasa dan pertahanan Teal Group, perbelanjaan R&D dan perolehan dron ketenteraan dijangka akan melonjak naik daripada US\$11.1 bilion pada tahun 2020 kepada US\$14.3 bilion pada tahun 2029.

Di Malaysia, kebanyakan pemain industri adalah terdiri daripada penyedia perkhidmatan dron yang menggunakan teknologi dron untuk aplikasi komersial. Antara syarikat penyedia perkhidmatan dron terbaik tempatan adalah seperti OFO Tech Sdn. Bhd., Aerodyne Group Sdn. Bhd., Sky Futures (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Poladrone Solutions Sdn. Bhd. Antara syarikat-syarikat ini, ada yang telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

Syarikat dron di Malaysia tidak tertumpu kepada pengeluaran secara besar-besaran, sebaliknya lebih memfokus kepada projek pembinaan dron yang disesuaikan untuk menganalisis data dan menjalankan fungsi tertentu. Sebagai contoh, syarikat tempatan Fourfang Sdn. Bhd. telah menghasilkan dron berautonomi penuh dengan stesen doknya sendiri untuk mengecas semula bateri penerbangan. Syarikat Poladrone Solutions Sdn. Bhd. juga telah menghasilkan dron penyembur racun perosak yang pertama untuk membunuh serangga perosak kumbang badak yang banyak dijumpai di ladang-ladang kelapa sawit.

Keperluan bagi kemahiran pengendalian dron di negara ini kini dilihat semakin meningkat. Bakal pelabur boleh meneroka peluang pelaburan untuk membayai pusat-pusat latihan untuk industri ini. Salah sebuah syarikat tempatan yang menubuhkan pusat latihan dron di Malaysia iaitu SG Education Group menyediakan perkhidmatan latihan dan melatih semula tenaga kerja dalam bidang penggunaan dron. Pembangunan kemahiran tenaga kerja untuk masa depan serta pensijilan kumpulan bakat dalam industri ini merupakan faktor utama dalam membangunkan ekosistem dron di Malaysia.

Bagi membolehkan syarikat-syarikat teknologi dron yang berpotensi melabur dalam pembangunan keupayaan dan teknologi, Kerajaan Malaysia menerusi MIDA, akan terus komited menyokong pemain industri dengan menyediakan pelbagai insentif fiskal dan bukan fiskal. Pengilang dron global dan pemain industri aeroangkasa utama lain digalakkan untuk meneroka Malaysia sebagai tapak pelancaran syarikat bagi menembusi pasaran dron Asia Pasifik yang berpotensi besar.

Dari segi projek pelaburan yang diluluskan, sebanyak tujuh projek telah diluluskan dalam sektor aeroangkasa dengan pelaburan bernilai RM149.7 juta pada tahun 2020. Majoriti kelulusan berjumlah sebanyak RM91.7 juta atau 61 peratus disumbang oleh pelabur asing, manakala pelabur domestik menyumbang baki RM58 juta atau 39 peratus. Daripada tujuh projek tersebut, lima adalah projek baharu manakala dua lagi adalah projek pembesaran/pelbagai. Projek-projek yang diluluskan ini dijangka akan mewujudkan 278 peluang pekerjaan baharu. Kesemua projek yang diluluskan adalah daripada syarikat dalam sektor pengilangan aeroangkasa dan MRO yang membekal dan menyediakan perkhidmatan kepada syarikat-syarikat *Tier 1* dan *Tier 2*.

Sebuah projek baharu dari Sapura Technics Sdn. Bhd. menjalankan aktiviti MRO untuk rangka udara, komponen dan perkhidmatan kejuruteraan telah diluluskan oleh MIDA pada tahun 2020. Syarikat yang berhasil melalui pemeterian MoU antara Mercu Sapura Sdn. Bhd. dan Dilog

Training & Services Sdn. Bhd yang ditubuhkan pada Disember 2018 itu merancang untuk menubuhkan sebuah syarikat perkhidmatan MRO bagi penerbangan komersial yang berpusat di Senai Airport Aviation Park, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor Bahru. Sapura Technics Sdn. Bhd. berjaya memperolehi pensijilan untuk menjalankan aktiviti MRO dari Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia dan setakat ini telah menggaji seramai 68 kakitangan rakyat Malaysia yang majoritinya (94%) dalam bidang pengurusan, teknikal dan penyeliaan (MTS).

Syarikat tersebut menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan MRO bagi menyelenggara pesawat yang lengkap termasuk membaiki struktur kapal terbang, komposit dan kaca fiber, bengkel mengecat dan menjalankan pengujian tanpa musnah (NDT) dan pengecasan bateri kapal terbang untuk pesawat Airbus A320 dan pesawat Boeing B737. Perkhidmatan lain yang turut disediakan oleh syarikat tersebut adalah perkhidmatan kejuruteraan dan teknikal untuk *Continuous Airworthiness Management Organisation* (CAMO) dan *Design Engineering Organization* (DOA). Projek syarikat ini dijangka akan menyumbang pelaburan domestik bernilai RM31.2 juta kepada sektor aeroangkasa untuk tempoh lima tahun bermula tahun 2019.

#### **Automotif**

Sektor automotif turut menghadapi pelbagai cabaran akibat pandemik COVID-19 seperti gangguan rantai bekalan, kejatuhan permintaan dan penyesuaian kepada tempoh bekerja yang lebih pendek. Jualan sektor ini merudum sebanyak 99 peratus pada April 2020 dimana hanya 141 buah kereta sahaja dijual. Walaupun kerajaan telah menawarkan pelbagai pakej rangsangan, impak awal akibat pandemik ini telah menjaskan sektor ini di Malaysia. PKP yang dilaksanakan telah menyekat pergerakan pengguna untuk pembelian kereta. Tambahan pula, volum industri dicatatkan menurun sebanyak 41 peratus untuk dua suku pertama.


Sektor ini dikenal pasti sebagai penyumbang yang signifikan kepada ekonomi Malaysia di bawah Dasar Automotif Nasional 2020 (NAP2020). Bagi membangunkan semula industri automotif, Kerajaan telah mengumumkan penangguhan cukai jualan ke atas kereta yang dipasang di negara ini bermula Jun 2020. Inisiatif ini telah terbukti berjaya apabila jumlah jualan sektor ini pada bulan Jun menunjukkan peningkatan sebanyak lima peratus berbanding pada awal tahun manakala pendaftaran kenderaan baharu juga melonjak naik sebanyak 92 peratus. Bagi meningkatkan jualan dalam sektor ini, syarikat dan pengedar kenderaan berkemungkinan akan menyediakan perkhidmatan pembelian kenderaan dalam talian untuk memudahkan proses pembelian. Ini adalah kerana pengguna masih tidak pasti sama ada mereka boleh (disebabkan PKP) atau *patut* (kerana risiko berkaitan COVID-19) mengunjungi pengedar kereta buat masa ini.

NAP 2020 telah dirangka dengan objektif untuk meneruskan usaha membangunkan sektor automotif domestik dan seluruh ekosistemnya demi merealisasikan Visi Automotif Nasional serta sebagai satu usaha penambahbaikan kepada NAP 2014 yang telah dilaksanakan.

Seperti yang digariskan di dalam NAP 2020, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada agenda-agenda yang merangkumi pembangunan ekosistem teknologi ‘kenderaan generasi baharu’ (NxGV) bagi menjadikan Malaysia hab serantau untuk pengeluaran NxGV; meningkatkan penyertaan sektor ini dalam ‘perkhidmatan pergerakan’; dan menggalakkan adaptasi Industri 4.0 dalam sektor tersebut. Oleh itu, para pelabur digesa mempelopori serta memanfaatkan sepenuhnya insentif khusus yang berkaitan dengan projek mereka.

Sepanjang tahun 2020, sektor automotif Malaysia telah mengeluarkan sebanyak 485,186 kenderaan bermotor. Jumlah ini meliputi 457,755 kenderaan penumpang dan 27,431 kenderaan komersial. Sejumlah 529,434 kenderaan bermotor telah dijual, di mana 480,965 adalah kenderaan penumpang dan 48,469 merupakan kenderaan komersial.

Sebanyak 77 projek telah diluluskan dalam industri automotif dengan jumlah pelaburan bernilai RM3.7 bilion. Pelabur domestik menyumbang sebahagian besar daripada pelaburan iaitu sebanyak 58.8 peratus atau RM2.1 bilion, sementara FDI menyalurkan 42.2 peratus atau RM1.6 bilion. Projek-projek yang telah diluluskan ini dijangka akan menjana 4,768 peluang pekerjaan baharu. Daripada kesemua projek yang telah diluluskan, projek pembesaran/pelbagaiannya membawa masuk pelaburan tertinggi dengan 44 projek bernilai RM2 bilion atau 54.3 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan. Ini diikuti oleh 33 projek baharu bernilai RM1.7 bilion atau 45.7 peratus.



Pada tahun 2020, Malaysia menerima empat projek pelaburan utama berkaitan perkilangan dan pemasangan kenderaan elektrik, transmisi dan pemasangan modul untuk komponen automotif. Kesemua projek ini meraih jumlah pelaburan bernilai RM1.3 bilion dan akan menjana 1,243 peluang pekerjaan.

Akashi Kikai Industry (M) Sdn. Bhd., sebuah syarikat usaha sama antara Jepun dan Malaysia, telah mengembangkan aktiviti operasinya di dalam pengeluaran sistem *Continuously Variable Transmission* (CVT) di tapak kilang wujud syarikat di Sendayan, Negeri Sembilan. Dengan pelaburan tambahan berjumlah RM155 juta, projek pembesaran ini telah bermula pada suku keempat 2020.

Projek pembesaran Akashi Kikai Industry di Malaysia adalah hasil kolaborasi antara PERODUA dan dua syarikat automotif terkemuka dari Jepun iaitu Akashi Kikai Industry Co. Ltd. dan Daihatsu Motor Co. Ltd., yang akan menyokong aktiviti PERODUA tempatan. Syarikat tersebut pernah membekalkan produk berkaitan enjin kenderaan seperti transmisi automatik kawalan elektronik, transmisi manual, silinder blok enjin, dan *timing chain covers* untuk model kenderaan Myvi, Aruz dan Vios. Bagi meningkatkan kadar localisation untuk komponen-komponen penting di negara ini, syarikat tersebut akan mengeluarkan serta membekalkan CVT baru untuk model kenderaan yang akan diperkenalkan bermula tahun 2021. Menerusi projek ini, 200 peluang pekerjaan tambahan, kebanyakannya untuk rakyat Malaysia akan diwujudkan dalam operasi pengilangan.

Komponen-komponen paling kritikal yang dapat mempengaruhi prestasi pemanduan dan kecekapan bahan api sesebuah kenderaan adalah komponen transmisi, enjin dan motor. Di Malaysia, kenderaan penumpang yang dihasilkan menggunakan pelbagai jenis transmisi. Berbanding dengan transmisi lain yang menggunakan gear, CVT dikuasakan oleh sistem transmisi yang menggunakan jalur atau rantai. Perlaksanaan projek pengilangan transmisi CVT ini merupakan projek yang pertama di Malaysia. Malaysia akan menjadi negara kedua selepas Jepun yang menggunakan CVT baru yang dihasilkan oleh Daihatsu Motor Co. Ltd. untuk model kenderaan baharu PERODUA. Selain dari PERODUA, Toyota juga akan mula menggunakan CVT baru untuk model kenderaannya pada masa hadapan.

## Rel

Langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi membendung penularan pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada projek-projek rel seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Mass Rapid Transit (MRT) dan Transit Aliran Ringan 3 (LRT3). Pada awal tahun 2020, pembinaan ECRL



telah dihentikan seketika apabila kerajaan Malaysia melaksanakan PKP, namun kadar kelewatannya adalah sangat minimum (0.02%). Sejurus projek ini siap sepenuhnya, ECRL akan beroperasi dari hab pengangkutan terbesar di Malaysia, Pelabuhan Klang merentasi pantai timur Semenanjung Malaysia hingga ke Kelantan. ECRL akan bertindak sebagai *game changer* untuk warga di Pantai Timur kerana fasiliti pengangkutan yang canggih ini dijangka akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih seimbang dengan menghubungkan kawasan Pantai Timur yang kurang membangun dengan pusat ekonomi di Pantai Barat Malaysia.

Manakala, projek LRT3 sepanjang 37.8 km dijangka akan selesai sepenuhnya pada Februari 2024 dan akan menghubungkan Koridor Barat Lembah Klang dengan Kuala Lumpur setelah siap kelak. Setakat penghujung Ogos 2020, projek MRT Laluan Putrajaya sudahpun 79.2 peratus siap. Laluan kedua di bawah projek MRT Lembah Klang sepanjang 56.2 km dari Kwasa Damansara ke Putrajaya Sentral akan dihubungkan melalui 36 stesen dengan sembilan stesen bawah tanah.

### Jentera dan Kelengkapan (M&E)

Berdasarkan *United Nations Standard International Trade Classification*, industri M&E dikategorikan kepada empat subsektor utama. Industri ini adalah salah satu pemangkin peralihan Malaysia ke arah negara yang berteknologi tinggi serta bersedia untuk memacu Industri 4.0 berdasarkan kepentingan sumbangannya yang merentasi sektor ekonomi

berskala besar seperti perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan. Industri ini menawarkan teknologi yang sofistikated, yang amat diperlukan dalam pengeluaran pelbagai produk yang melibatkan integrasi elektronik, bahan termaju dan perisian.

Industri M&E Malaysia adalah antara industri yang terbesar dan paling kukuh di ASEAN dalam menghasilkan pelbagai produk yang terkhusus dan pengilangan menyeluruh. Faktor ini menyumbang kepada keyakinan kepada para pelabur akan keupayaan industri ini. Pemain utama industri M&E adalah terdiri daripada penyedia penyelesaian keseluruhan yang menawarkan perkhidmatan menyeluruh iaitu dari peringkat reka bentuk sehingga peringkat logistik bagi memenuhi permintaan industri pengilangan domestik dan antarabangsa.

Industri M&E di Malaysia bermula dari aktiviti penyelenggaraan kelengkapan untuk industri berasaskan sumber dan pertanian pada tahun 1970an. Kini, industri ini semakin berkembang dengan pemain industri berupaya mengeluarkan produk M&E yang bernilai tambah tinggi dan berteknologi tinggi. Penekanan kini lebih kepada aktiviti-aktiviti pengilangan modul, R&D, dan D&D untuk produk-produk berkualiti rendah, berkompleksiti tinggi dan bercampuran tinggi.

Walaupun dalam keadaan global ekonomi yang tidak menentu pada masa ini, hala tuju dan situasi semasa industri ini masih kekal berdaya tahan dan

mampan. Syarikat-syarikat Malaysia giat membuat pelaburan yang besar di dalam aktiviti R&D, reka bentuk kejuruteraan, inovasi dan sistem integrasi sebagai usaha untuk menjadi Pengilang Peralatan Asal (OEM). Selain mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa, syarikat-syarikat ini juga telah berjaya mengintegrasikan perniagaan mereka ke dalam rantai bekalan global dengan menonjolkan kemahiran dan keupayaan mereka di dalam aktiviti bernilai tambah tinggi di dalam ekosistem M&E.



Bagi nilai eksport produk M&E, terdapat peningkatan yang mendadak iaitu daripada RM37.7 bilion pada tahun 2016 kepada RM39.4 bilion pada tahun 2020. Peneraju utama pertumbuhan pesat industri ini adalah syarikat-syarikat yang mengeluarkan pelbagai produk berteknologi tinggi seperti semikonduktor, mesin pintar, peralatan metrologi dan analisis makmal yang canggih, robotik dan kenderaan berautonomi (atau ‘pandu sendiri’).

Susulan kawalan pergerakan ketat yang dikenakan oleh kerajaan-kerajaan di seluruh dunia berikutan pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang besar kepada perniagaan, malahan situasi sebegini tidak pernah dijangkakan sebelum ini. Oleh itu, dengan memanfaatkan teknologi, ia

dapat membangunkan amalan dan pendekatan perniagaan yang lebih baik dan merupakan usaha yang sangat tepat untuk dilaksanakan. Industri M&E Malaysia cukup bersedia untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti R&D dan inovasi, termasuk mengadaptasi automasi dan teknologi pengilangan pintar bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing.

Dalam keadaan landskap perkilangan yang sentiasa berubah, automasi bukan lagi satu pilihan, malah ia adalah keperluan utama agar syarikat dapat terus kekal berdaya tahan. Keupayaan Malaysia yang terserlah dalam subsektor robotik dan automasi kilang menyediakan potensi yang besar untuk para pelabur yang berminat dengan pembangunan dalam sektor perkilangan. Terdapat hampir 120 buah syarikat menghasilkan sistem canggih pengendalian berautomatik penuh yang menggabungkan robotik pintar dengan komunikasi *Machine-to-machine* (M2M) telah memilih Malaysia sebagai lokasi operasi mereka. Bakal pelabur digesa mempertimbangkan pelbagai peluang lain yang boleh menyokong kelangsungan sesebuah perniagaan. Ini termasuklah pembiayaan untuk penyelidikan lanjut dan pengkomersialan penggunaan teknologi pengganggu yang berkaitan dengan automasi dan pendigitalan.

Selain itu, para pelabur juga digalakkan untuk meneroka peluang bagi meningkatkan kemahiran bakat sebagai persiapan untuk tenaga kerja pada masa hadapan. MIDA sentiasa terlibat serta menyokong pihak-pihak berkepentingan yang membantu para pelajar serta bakat tempatan agar dapat menerapkan pelbagai kemahiran berdasarkan teknologi bagi memenuhi keperluan industri akan datang. Selaras dengan usaha negara ke arah Industri 4.0, pencapaian teknologi harus diketengahkan untuk mewujudkan persekitaran hidup yang pantas, pintar dan dinamik.

Sejumlah 87 projek M&E telah diluluskan pada tahun 2020 dengan jumlah pelaburan bernilai RM6.7 bilion, iaitu peningkatan sebanyak RM3 bilion berbanding pada tahun 2019 (RM3.6 bilion). Daripada jumlah ini, terdapat 48 projek baharu dengan pelaburan berjumlah RM3 bilion (44.8%), manakala 39 lagi adalah projek pembesaran/pelbagai melibatkan baki RM3.7 bilion (55.2%). Ini merupakan kenaikan yang sangat tinggi iaitu 440 peratus daripada jumlah yang direkodkan pada tahun 2019 iaitu RM685 juta. Kebanyakan

pelaburan yang diluluskan adalah dari sumber asing berjumlah RM4.7 bilion atau 70.1 peratus, manakala baki RM2 bilion atau 29.9 peratus adalah daripada pelaburan DDI. Kesemua projek yang diluluskan ini dijangka akan mewujudkan 4,384 peluang pekerjaan.

Penyumbang pelaburan terbesar pada tahun 2020 adalah bagi subsektor M&E khusus untuk industri tertentu. Sebanyak 21 projek dengan pelaburan berjumlah RM4.5 bilion (2019: RM2.52 bilion) telah diluluskan, iaitu peningkatan sebanyak RM2 bilion daripada tahun 2019 (RM2.5 bilion). Ini terdiri daripada 11 projek baharu dengan pelaburan bernilai RM1.9 bilion (42.2%) dan 10 projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan sebanyak RM2.6 bilion (57.8%), atau hampir enam kali ganda berbanding tahun 2019 (RM433.8 juta). Majoriti pelaburan dalam subsektor ini dipacu oleh FDI dengan jumlah pelaburan bernilai RM3.8 bilion atau 84.4 peratus, sementara pelaburan domestik menyumbang RM700 juta (15.6%).

Di kedudukan kedua tertinggi bagi pelaburan yang diluluskan, subsektor M&E perindustrian am menyumbang pelaburan bernilai RM1.7 bilion menerusi 46 projek pada tahun 2020, hampir lebih RM1 bilion berbanding jumlah pelaburan pada tahun 2019 iaitu

RM734.2 juta. Daripada jumlah keseluruhan 46 projek tersebut, terdapat 26 projek baharu bernilai RM800.6 juta (46.8%) dan 20 projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan berjumlah RM910.2 juta (53.2%), iaitu kenaikan sebanyak RM760 juta berbanding pada tahun 2019 dengan jumlah bernilai RM147.9 juta.

Pelaburan dalam subsektor ini secara amnya diterajui oleh pelabur domestik menerusi RM1.2 bilion atau 69.6 peratus, atau hampir empat kali ganda berbanding pada tahun 2019 (RM305.4 juta). Pelabur asing membawa masuk pelaburan sebanyak RM500 juta (30.4%).

Pelaburan yang diluluskan dalam subsektor modul jentera/kelengkapan atau alat ganti/ komponen industri berada di kedudukan ketiga iaitu RM472.6 juta. Projek-projek yang diluluskan merangkumi lapan projek baharu dengan pelaburan yang direkodkan sebanyak RM296.6 juta (62.8%) dan sembilan projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan berjumlah RM176 juta (37.2%), kira-kira dua kali ganda lebih tinggi berbanding pada tahun 2019 iaitu RM88.3 juta. Pelaburan asing mencatatkan jumlah pelaburan bernilai RM371.4 juta (78.6%), manakala pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM101.2 juta (21.4%).

## Pelaburan dalam Projek Diluluskan untuk Industri Jentera & Kelengkapan Mengikut Subsektor Tahun 2020

### Pelaburan Domestik berbanding Asing

87 projek diluluskan



### Projek Pembesaran/Pelbagai berbanding Projek Baharu

**RM6.7 bil** Jumlah pelaburan


RM3 bil	44.8%	48 Projek baharu
RM3.7 bil	55.2%	39 Projek pembesaran/pelbagai

### Peluang pekerjaan



**4,384** Jumlah peluang pekerjaan

### Pelaburan Diluluskan Mengikut Subsektor



#### M&E Khusus

Jumlah projek diluluskan  
**21**

Modul M&E atau Alat Ganti/ Komponen Industri

Jumlah projek diluluskan  
**17**

Penyelenggaraan, Naik Taraf atau Pemulihian M&E  
Jumlah projek diluluskan  
**1**

#### M&E Perindustrian Am

Jumlah projek diluluskan  
**46**

M&E Penjanaan Kuasa

Jumlah projek diluluskan  
**2**

Pelaburan yang diluluskan dalam subsektor penjanaan kuasa menduduki tempat keempat dengan pelaburan sebanyak RM66.9 juta menerusi dua projek baharu. Nilai pelaburan ini menunjukkan peningkatan lebih 3.5 kali ganda berbanding pada tahun 2019 (RM17.9 juta). Pelaburan domestik menyumbang RM33.8 juta (50.5%), manakala FDI menyalurkan RM33.1 juta (49.5%), peningkatan hampir 10 kali ganda berbanding pada tahun 2019 iaitu RM3.3 juta.

Tahun 2020 menyaksikan satu projek baharu dalam subsektor penyelenggaraan, naik taraf atau pemulihan M&E. Projek ini melibatkan pelaburan sebanyak RM6.4 juta di mana majoritinya adalah dari pelaburan domestik.

Antara projek yang signifikan di dalam industri M&E adalah dari syarikat milik penuh asing dari AS yang tersenarai di NASDAQ. Projek tersebut melibatkan pembinaan fasiliti pengilangan di Taman Perindustrian Batu Kawan, Pulau Pinang. Syarikat ini adalah pemaju dan pembekal terkemuka untuk subsistem kritikal, serta *ultra-high-purity cleaning* dan perkhidmatan analisis khusus untuk industri semikonduktor. Pembinaan fasiliti UCT seluas 300,000 kaki persegi telah bermula pada suku ketiga 2020. Syarikat ini akan menggaji lebih daripada 650 kakitangan bagi tempoh lima tahun akan datang, termasuk jawatan-jawatan dalam bidang perkilangan, kejuruteraan, R&D, serta pengurusan kualiti. Apabila siap kelak, projek ini akan menghubungkan seluruh industri E&E di Malaysia serta meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan terbaik di rantau ini yang berupaya menawarkan bakal pelabur persekitaran perniagaan yang kondusif bagi memenuhi strategi pertumbuhan mereka.

Satu lagi projek penting yang sedang dijalankan oleh sebuah syarikat milik penuh rakyat Malaysia adalah projek pembesaran yang berkonsepkan pengilangan kejutan tinggi yang canggih untuk *Computer Integrated Manufacturing* (CIM) dan model penjejak proses dalam sistem khusus *Enhanced Resource Planning* (ERP), daripada fabrikasi perkakasan. Syarikat ini awalnya menghasilkan acuan, alat, dai dan bahagiannya; serta jig dan lekapan dan kemudian melalui transformasi untuk menghasilkan sistem automatic *electro-mechanical servo reel-to-reel moulding* untuk *back-end* industri semikonduktor. Mesin tersebut digunakan untuk menjalankan pengkapsulan litar bersepadu (IC)

yang melibatkan proses menyalut IC dengan *epoxy moulding compound* (EMC), sejenis plastik yang sering digunakan dalam industri semikonduktor untuk mencegah kerosakan fizikal atau hakisan pada IC. Projek ini dijangka akan menggajikan 269 kakitangan termasuk enam kakitangan khusus untuk aktiviti R&D menerusi pelaburan yang dianggarkan berjumlah RM36 juta untuk perbelanjaan operasi dan bahan mentah bagi tempoh lima tahun.

### **Industri Sokongan Kejuruteraan (ESI)**

Industri ESI di Malaysia yang dinamik dan berdaya tahan telah membuktikan peranannya dalam menyokong pertumbuhan sektor perkilangan dan perkhidmatan serta menjadi asas tunjang yang kukuh kepada pertumbuhan kesemua industri lain.

Industri ini telah berkembang seiring dengan pembangunan ekonomi Malaysia dan terkenal di serata dunia terutamanya dalam keupayaan pemesinan jitu dan fabrikasi serta keupayaan lain seperti kualiti pengeluaran yang konsisten, penyampaian yang pantas dan boleh dipercayai untuk pelbagai aktiviti kejuruteraan.

Keadaan ekonomi semasa menjadi cabaran buat pemain-pemain industri ESI di Malaysia, terutamanya dengan kemunculan negara-negara di rantau Asia Tenggara yang menawarkan bekalan buruh dengan kos rendah. Bagi mengekalkan daya saing industri ESI di Malaysia, pemain-pemain tempatan perlu menghasilkan lebih banyak integrasi produk dan perkhidmatan yang bernilai tambah tinggi dengan menumpukan kepada pembuatan produk-produk berkuantiti rendah tetapi bercampuran tinggi, serta penekanan ke atas D&D, jaminan kualiti yang tinggi dan penghantaran yang menepati masa. Dengan kelebihan ini, industri ini mampu bersaing dalam segmen pasaran khusus yang menawarkan margin keuntungan yang tinggi dan penggunaan kemajuan teknologi yang lebih maju.

Selaras dengan usaha menjadikan Malaysia sebagai lokasi pilihan global bagi hab penyumberan luar, bakal pelabur digalakkan untuk membiayai projek-projek yang dapat meningkatkan keupayaan dan kapasiti pemain industri untuk mencapai rantaian nilai yang lebih tinggi dalam ekosistem dengan menawarkan penyelesaian perkilangan menyeluruh untuk industri berteknologi tinggi.

Pada tahun 2020, sebanyak 53 projek ESI telah diluluskan, menjadikan pelaburan subsektor ini berjumlah RM723.4 juta. Daripada jumlah ini, 28 projek baharu menyumbang sebanyak RM481.7 juta (66.6%) daripada keseluruhan pelaburan dalam ESI, manakala baki RM241.8 juta (33.4%) adalah daripada 25 projek pembesaran/pelbagaiian. Pelaburan domestik meliputi RM471.1 juta (65.1%), sementara FDI merekodkan baki RM252.4 juta (34.9%). Industri ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 1,813 peluang pekerjaan.

Pelaburan subsektor pemesinan diperolehi daripada 24 projek dengan jumlah pelaburan bernilai RM385.5 juta. Sejumlah 13 projek baharu mendahului dengan pelaburan sebanyak RM271.1 juta (70.3%), manakala 11 lagi adalah projek pembesaran/pelbagaiian dengan pelaburan bernilai RM114.4 juta (29.7%). Pelabur asing menyumbang RM167 juta (43.3%), dan baki pelaburan yang bernilai RM218.5 juta (56.7%) adalah dari sumber domestik.

Subsektor acuan, peralatan dan dai menyumbang 11 projek menerusi pelaburan sebanyak RM182.2 juta. Daripada jumlah ini, tujuh adalah projek baharu dengan pelaburan bernilai RM115.2 juta (63.2%) dan baki empat lagi adalah projek pembesaran/pelbagaiian dengan pelaburan berjumlah RM67 juta


(36.8%). Pelaburan domestik direkodkan sebanyak RM123.4 juta (67.7%), sementara pelaburan asing berjumlah RM58.8 juta (32.3%).

Sejumlah enam projek yang dicatatkan dalam subsektor tuangan menyumbang pelaburan berjumlah RM69 juta. Empat daripada projek-projek ini merupakan projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM52.5 juta (76.1%). Selebihnya adalah dua projek pembesaran/pelbagaiian dengan jumlah pelaburan bernilai RM16.5 juta (23.9%). Pelaburan daripada sumber asing adalah RM15.2 juta (22%), manakala DDI berjumlah RM53.8 juta (78%).

Seterusnya, adalah subsektor pengecapan logam yang mencatatkan pelaburan sebanyak RM38.9 juta dari sumber domestik menerusi lima projek pembesaran/pelbagaiian.

Subsektor kejuruteraan permukaan menyumbang lima projek dengan pelaburan bernilai RM33.8 juta. Ini terdiri daripada tiga projek baharu dengan pelaburan bernilai RM31.4 juta (92.9%) dan baki dua projek lagi adalah projek pembesaran/pelbagaiian dengan pelaburan berjumlah RM2.4 juta (7.1%). Majoriti pelaburan adalah dari sumber domestik.

## Pelaburan Diluluskan dalam Industri Sokongan Kejuruteraan Mengikut Subsektor Tahun 2020



Terdapat dua projek dalam subsektor jig dan lekapan yang merekodkan pelaburan sebanyak RM14 juta di mana majoritianya adalah dari sumber asing.

Trend industri semasa yang kini semakin popular adalah penyumberan luar (*outsourcing*) operasi pemesinan kepada pihak ketiga, atau pelaburan berbentuk bukan ekuiti pengeluaran antarabangsa, pemain industri ESI di Malaysia pantas bertindak sebagai ‘Pusat Sehenti’ yang menawarkan penyelesaian menyeluruh serta proses pengilangan dan perkhidmatan sepenuhnya kepada pelanggan. Dengan memperolehi pensijilan antarabangsa bagi keluaran syarikat, pemain industri ini berupaya mengeksport keluaran mereka ke pasaran global khususnya untuk industri O&G, aeroangkasa, perubatan dan solar/fotovolta.

Peningkatan bilangan penyedia penyelesaian menyeluruh sektor pengilangan akan menjamin perkongsian pasaran penyumberan luar yang lebih luas dalam industri berteknologi tinggi, selaras dengan pertumbuhan pesat pasaran penyumberan luar global.

## Produk Logam Asas

Industri produk logam asas memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi memandangkan ia meliputi pemprosesan logam yang boleh dikitar semula untuk menghasilkan produk-produk yang diperlukan dalam kesemua segmen ekonomi. Di Malaysia, industri ini telah banyak menyumbang kepada pembangunan sektor perkilangan (M&E, E&E, kelengkapan pengangkutan) dan pembinaan. Industri ini merangkumi pengilangan produk logam ferus (besi dan keluli) dan bukan ferus (aluminium, tin, tembaga, zink, plumbum dll.), yang dikelaskan dalam dua kumpulan utama iaitu produk rata dan produk panjang.

Kebiasaannya, produk rata digunakan sebagai bahan mentah pertengahan untuk penggunaan hilir dalam sektor E&E, pengangkutan, O&G, perabot, M&E dan produk fabrikasi logam, manakala produk panjang kerap digunakan dalam sektor pembinaan dan kejuruteraan awam.

Pada tahun 2020, pandemik COVID-19 telah mengakibatkan pengeluaran keluli menurun sebanyak 10 peratus. Walau bagaimanapun, harga keluli global yang didagangkan di *London Metal Exchange* telah meningkat sejak 15 bulan lalu dan ini menunjukkan

persekitaran yang positif dan baik kepada pemain-pemain industri.

Di Malaysia, industri logam asas telah merekodkan peningkatan pada tahun 2020. Sejumlah 13 projek telah diluluskan, melibatkan pengilangan produk logam asas menerusi nilai pelaburan berjumlah RM14.4 bilion, kenaikan yang sangat mendadak daripada RM694.4 juta pada tahun 2019. Daripada jumlah keseluruhan pelaburan, projek baharu mendahului dengan lapan projek melibatkan pelaburan bernilai RM14.3 bilion, atau 140 kali ganda berbanding pelaburan projek baharu pada tahun 2019 sebanyak RM101.5 juta, sementara bakinya adalah projek pembesaran/pelbagai bernilai RM75.7 juta. Kebanyakan pelaburan yang diluluskan adalah dari sumber asing dengan pelaburan sebanyak RM14.1 bilion. Kesemua projek ini dijangka akan mewujudkan 4,572 peluang pekerjaan, penambahan pekerjaan hampir tiga kali ganda berbanding tahun 2019 iaitu sebanyak 1,417. Majoriti projek-projek yang diluluskan adalah untuk produk-produk yang digunakan dalam sektor pembinaan.

## Pelaburan Diluluskan dalam Industri Produk Logam Asas Tahun 2020

### Pelaburan Domestik berbanding Asing



### Projek Pembesaran/Pelbagai berbanding Projek Baharu

**RM14.4 bil** Jumlah pelaburan

<b>RM14.3 bil</b>	<b>99.3%</b>	8 Projek baharu
<b>RM75.7 juta</b>	<b>0.7%</b>	5 Projek pembesaran/pelbagai

Kenaikan 140 kali ganda dalam pelaburan berbanding pada tahun 2019 (RM101.5 juta)

### Peluang Pekerjaan

<b>4,572</b>	Jumlah peluang pekerjaan
<b>x3</b>	berbanding peluang pekerjaan pada tahun 2019 sebanyak <b>1,417</b>

Industri logam asas kini tidak lagi hanya tertumpu kepada sektor pembinaan, sebaliknya kini beralih ke arah industri-industri bernilai lebih tinggi seperti peranti perubatan, aeroangkasa, O&G, kejuruteraan canggih, dan lain-lain. Menyedari potensi sektor strategik ini, Kerajaan giat menjalankan kajian bagi mengenal pasti dan menambahbaik langkah-langkah yang wajar untuk perkembangan industri ini. Dengan adanya sokongan oleh Kerajaan, bakal pelabur boleh memanfaatkan peluang untuk menceburi bidang pengeluaran produk-produk keluli berkualiti yang bernilai tambah tinggi dan lestari untuk alam sekitar, yang turut memenuhi keperluan industri-industri khusus lain yang bernilai tinggi.

### Produk Fabrikasi Logam

Aktiviti-aktiviti dalam industri produk fabrikasi logam melibatkan pelbagai proses khusus seperti pemotongan, pelenturan, kimpalan dan pemasangan. Oleh itu, industri ini memainkan peranan yang penting dalam menyokong pertumbuhan sektor-sektor ekonomi lain di Malaysia.

Sebanyak 48 projek telah diluluskan untuk pengilangan produk fabrikasi logam pada tahun 2020 dengan peningkatan pelaburan sebanyak RM800 juta, berbanding jumlah pelaburan pada tahun 2019 iaitu RM1.1 bilion. Pelabur domestik menyumbang pelaburan sebanyak RM1.4 bilion (72.5%), manakala pelabur asing menyumbang baki RM536.5 juta (27.5%). Daripada 48 projek yang diluluskan, 35 projek baharu mencatatkan pelaburan bernilai RM1.7 bilion atau RM200 juta lebih tinggi berbanding jumlah pelaburan pada tahun 2019 (RM1.5 bilion). Baki 13 projek lagi adalah dari projek-projek pembesaran/pelbagai menerusi pelaburan bernilai RM297.1 juta. Kesemua projek yang diluluskan ini akan mewujudkan 2,482 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia.

### Tekstil & Pakaian

Pasaran tekstil global diunjur akan merosot sebanyak 2.8 peratus daripada US\$673.9 bilion pada tahun 2019 kepada US\$655.2 bilion pada tahun 2020 akibat kemerosotan ekonomi global di seluruh dunia, berikutan pandemik COVID-19 serta langkah-langkah yang dilaksanakan bagi membendung penularannya. Pasaran ini dijangka akan pulih bermula tahun 2021 dengan pertumbuhan pada kadar CAGR tujuh peratus dan akan mencecah US\$795.4 bilion pada tahun 2023.



Didorong oleh keupayaan operasi yang semakin meningkat dan maju di seluruh Asia, pengilang-pengilang pakaian di rantau ini mula beralih daripada operasi mudah seperti 'potong, kemas, dan jahit' kepada pakej pengilangan penuh. Faktor ini membolehkan pemain-pemain industri menguasai pasaran pakaian global yang lebih besar. Dalam fasa seterusnya, didapati sesetengah pengilang berusaha untuk meningkatkan rantaian nilai menerusi inisiatif membangunkan keupayaan dalam bidang rekaan *in-house*. Selain itu, ramai pengilang juga mula menjual produk-produk jenama mereka sendiri untuk pasaran tempatan (syarikat-syarikat Pengeluar Jenama Tulen, OBM).

Terdapat dua subsektor utama dalam industri tekstil dan pakaian:



Pandemik COVID-19 serta langkah pembendungan wabak ini oleh Kerajaan telah menyebabkan impak yang tidak seimbang kepada industri tekstil dan pakaian. Walau bagaimanapun, kebanyakan pemain industri pantas mengubah strategi mereka dengan mengeluarkan Peralatan Perlindungan Diri (PPE), memandangkan permintaan untuk pelitup muka dan pakaian perlindungan telah melonjak dengan begitu mendadak.

Perniagaan e-dagang sememangnya telah berkembang pesat sejak tahun 2019, sebelum tercetusnya pandemik ini. Situasi ini secara tidak langsung memberi tekanan kepada kedai-kedai yang beroperasi secara fizikal. Selain akses mudah kepada laman web pembelian dalam talian, pengguna-pengguna juga ditawarkan harga yang berpatutan untuk pelbagai jenis pakaian dan kasut yang mampu dimiliki. Kepentingan e-dagang jelas terbukti apabila

jualan runcit dalam talian di Malaysia meningkat sebanyak 28.9 peratus pada April 2020, walaupun jumlah nilai jualan perdagangan borong dan runcit menurun 36.6 peratus berbanding April 2019.

Menurut data terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan (DOSM), sektor-sektor tekstil, pakaian, kulit dan kasut masih menghadapi kesukaran untuk kembali pulih akibat impak pandemik COVID-19. Walaupun pertumbuhan pengeluaran perindustrian negara telah kembali positif pada Julai 2020 dengan mencatatkan pada kadar 1.2 peratus, industri tekstil, pakaian dan kasut yang penting kepada ekonomi telah menguncup sebanyak 12.9 peratus dari tahun-ke-tahun, berbanding pertumbuhan negatif sebanyak 9.6 peratus pada Jun 2020.

Pada tahun 2020, industri tekstil dan pakaian menyumbang kelulusan sebanyak 57 projek, atau lebih dua kali ganda berbanding jumlah projek yang diluluskan pada tahun 2019 (28) (termasuk projek penghasilan PPE) menerusi pelaburan bernilai RM1.2 bilion, dan menjana 2,838 peluang pekerjaan. Jumlah pelaburan ini adalah 2.7 kali ganda lebih tinggi berbanding RM441 juta yang dilaburkan pada tahun 2019, dan hampir dua kali ganda bilangan pekerjaan yang diwujudkan (1,421). Daripada jumlah tersebut, DDI menerima majoriti pelaburan dengan nilai RM1.1 bilion atau 91.7% – 4.5 kali ganda berbanding pada tahun 2019 dengan RM242.1 juta – manakala FDI menyumbang sebanyak RM159.4 juta (8.3%).

Salah satu projek penting yang telah diluluskan dalam industri ini adalah projek pembesaran/pelbagaiannya oleh Ramatex Industries Sdn. Bhd. di Johor, sebuah syarikat yang menghasilkan fabrik kait dan menjalankan proses meluntur, mewarna dan membuat kemasan pada fabrik tekstil. Dengan tambahan jumlah pelaburan sebanyak RM197.3 juta serta 258 peluang pekerjaan baharu, syarikat tersebut kini mampu menghasilkan benang kapas.

Satu lagi projek penting yang diluluskan adalah pelaburan kira-kira RM30 juta oleh Notion Venture Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik majoriti rakyat Malaysia yang menghasilkan PPE berikutkan peningkatan permintaan akibat pandemik ini. Projek ini akan mewujudkan 72 peluang pekerjaan.

Antara usaha yang diterajui oleh MIDA untuk mempromosikan Industri 4.0 dan inovasi dalam industri

tekstil dan pakaian adalah dengan menganjurkan ‘*DesignDev&Innovation 2020 Virtual Conference*’ dengan kerjasama Majlis Rekabentuk Malaysia dan Persekutuan Fesyen, Tekstil dan Pakaian Malaysia. Persidangan yang diadakan pada 3 November 2020 ini bertemakan ‘Mencipta Jenama Fesyen Lestari’ membincangkan isu-isu berkaitan kepentingan mencipta jenama fesyen yang lestari serta cabaran-cabaran yang dihadapi dalam industri fesyen. Persidangan tersebut turut menekankan keperluan untuk tenaga kerja berkemahiran, tahap teknologi digital yang tinggi dan model perniagaan baharu. Persidangan dalam talian ini telah berjaya dihadiri lebih 700 peserta tempatan dan antarabangsa termasuk pereka, pengilang, institusi dan agensi Kerajaan yang berkaitan.

### Produk Mineral Bukan Logam

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, industri produk mineral bukan logam telah mengalami anjakan paradigma. Perlombongan di masa hadapan dijangka akan beroperasi dengan menerapkan teknologi pendigitalan dan inovatif seperti dron dan *blockchain*, yang dikuasakan oleh tenaga boleh diperbaharui. Tambahan pula, pengguna kini lebih cenderung kepada produk yang ‘mesra alam sekitar’ atau mempunyai impak yang rendah terhadap alam sekitar, di samping terlibat dalam aktiviti-aktiviti kesedaran awam dan penjenamaan sosial. Oleh itu, pemain industri perlu memahami dan membuat penyesuaian mengikut dinamik pasaran yang sedang berubah.

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah menerbitkan sebuah kajian yang mendapat bahawa sumber mineral negara dianggarkan bernilai RM4.1 trilion, dengan mengambil kira mineral logam, mineral bukan logam, dan mineral tenaga. Dengan nilai KDNK sebanyak RM9 bilion, industri perlombongan dan kuari (kecuali O&G), yang mengendalikan 155 lombong dan 397 kuari aktif di seluruh negara menyumbang sebanyak 0.7 peratus kepada KDNK negara.

Selain dari membantu pemain-pemain industri dalam mempercepatkan adaptasi pendigitalan, AI dan analitik, pelabur-pelabur berpotensi dalam industri ini juga dialu-alukan untuk meluaskan lagi saiz lombong dan operator kuari. Kebanyakan aktiviti ini masih dijalankan pada skala kecil dengan menggunakan teknologi sedia ada, oleh yang demikian, industri ini masih mempunyai ruang pertumbuhan yang besar. Krisis COVID-19 juga telah memberi kesan kepada cara operasi syarikat-syarikat

perlombongan dan mineral bukan logam yang amat bersegmen dan perlu beralih kepada operasi yang lebih berintegrasi. Oleh itu, para pelabur yang mempunyai pengkhususan dalam bidang tersebut adalah dialu-alukan untuk berkongsi kepakaran masing-masing.

Bagi tujuan itu, Kerangka Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 (TIM 2021-2030) akan dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli di bawah RMK-12 dan RMK-13 dengan objektif untuk menjadikan sumber asli sebagai sumber kekayaan baharu negara.

Antara teras utama dalam TIM 2021-2030 adalah usaha menjana pendapatan daripada ekonomi berdasarkan mineral, membangunkan industri berdasarkan mineral yang strategik dan lestari di samping memperkuatkan industri pertahanan dan hiliran, menarik dan meningkatkan FDI terutamanya dalam industri mineral berteknologi tinggi, menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Pada tahun 2020, sebanyak 50 projek telah diluluskan dalam industri produk mineral bukan logam dengan pelaburan bernilai RM2.3 bilion. FDI masih mendahului dengan RM1.7 bilion (74.1%), manakala DDI menyumbang RM583.6 juta (25.9%), seterusnya akan menjana 2,774 peluang pekerjaan. Berdasarkan prestasi perdagangan negara pada tahun 2020, jumlah eksport negara adalah berjumlah RM8.3 bilion, nilai yang lebih tinggi berbanding nilai import yang berjumlah RM6.6 bilion.

### Pelaburan Diluluskan dalam Industri Produk Mineral Bukan Logam Tahun 2020

#### Pelaburan Domestik berbanding Asing

50 projek telah diluluskan



#### Peluang Pekerjaan



2,774 Jumlah peluang pekerjaan

Sebuah projek signifikan yang telah diluluskan adalah dari Nippon Electric Glass (Malaysia) Sdn. Bhd., pakar pengeluar kaca dari Jepun yang terkemuka turut menghasilkan tiub kaca farmaseutikal bergred tinggi untuk kegunaan farmaseutikal seperti ampul dan botol. Projek terkini kumpulan syarikat tersebut melibatkan tambahan kapasiti pengeluaran bagi tiub kaca untuk kegunaan farmaseutikal kepada kira-kira 1,000 tan sebulan menerusi pelaburan berjumlah RM170 juta.

Selain sektor yang dinyatakan di atas, para pelabur juga digalakkan untuk meneroka peluang lain dalam industri produk mineral bukan logam iaitu pengeluaran pasir silika dan produk-produk hilirannya. Pasir silika yang juga dikenali sebagai pasir putih, pasir kuartz atau pasir perindustrian, adalah kombinasi yang terdiri daripada dua bahan iaitu; silika (silikon dioksida) dan oksigen. Lazimnya, pelbagai jenis industri menggunakan pasir silika sebagai bahan utama dalam pembuatan pelbagai jenis produk. Kebanyakannya digunakan bagi pengeluaran produk kaca seperti botol, balang, kaca rata untuk tingkap dan penggunaan automotif, kaca gentian, gentian kaca tetulang, mentol lampu, tiub pendarfluor, televisyen dan skrin komputer.

Pasaran pasir silika global mencecah nilai US\$8 bilion pada tahun 2020 dan dijangka akan terus berkembang bagi tempoh 2021-2026 pada kadar CAGR 5.5 peratus, dan akan mencapai nilai sebanyak US\$11 bilion menjelang tahun 2026.

Walaupun simpanan pasir silika boleh didapati di seluruh negara, kebanyakannya masih belum diterokai. Setakat ini, Malaysia adalah pengeksport keenam terbesar di dunia untuk pasir silika diproses. Berdasarkan anggaran JMG, negara ini masih mempunyai kira-kira 148.4 juta tan simpanan pasir silika.

MIDA mengalu-alukan syarikat-syarikat untuk melabur dalam projek berintegrasi di Malaysia bagi memanfaatkan simpanan pasir silika yang masih belum diterokai di beberapa lokasi yang strategik. Para pelabur akan dapat merealisasikan potensi bekalan mineral untuk mengeluarkan produk-produk akhir bernilai tambah tinggi bagi menerokai pasaran tempatan dan eksport. Syarikat-syarikat yang

ingin menerokai pengeluaran pasir silika bergred tinggi di negara ini boleh menikmati insentif cukai yang kompetitif.

### **Sistem Binaan Berindustri (IBS)**

Pada tahun 2019 sebelum tercetusnya pandemik COVID-19, pertumbuhan industri pembinaan global mencatatkan kenaikan daripada 2.6 peratus kepada 3.1 peratus. Walau bagaimanapun, unjuran pertumbuhan industri pembinaan global pada tahun 2020 turun kepada 0.5 peratus akibat impak pandemik di beberapa negara seperti PRC dan ekonomi besar di seluruh dunia.

Kesan pandemik ini mempengaruhi sentimen perniagaan dan pengguna di semua pasaran global utama, hingga menyebabkan kadar pertumbuhan sektor pembinaan bangunan jatuh ke tahap yang paling rendah sejak sekian lama. Pertumbuhan dalam segmen perumahan mampu milik dijangka meningkat semula lebih cepat berbanding segmen pertengahan dan segmen mewah, manakala segmen pejabat dan peruncitan pula akan mengalami pemulihan yang lebih perlahan. Sektor pembinaan infrastruktur diramal akan mengekalkan momentum pertumbuhan disokong oleh perbelanjaan awam.

Dari perspektif nasional, industri pembinaan merupakan industri tertua di Malaysia. dan telah memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi negara. Pelan Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020 juga memberi penekanan kepada kepentingan penggunaan Sistem Binaan Berindustri (IBS).

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) telah ditubuhkan pada tahun 1994 bertujuan untuk merangsang pembangunan industri pembinaan. CIDB turut merangka CITP dan sentiasa menggalakkan penggunaan IBS untuk memodenkan industri tersebut dan meningkatkan kualiti serta produktiviti pekerja-pekerja industri. MIDA dan CIDB telah berkerjasama dengan menandatangani MoU pada Ogos 2016 dengan objektif untuk mempromosikan lagi penerimaan IBS di dalam industri ini.

Pada awalnya, IBS tidak mendapat sambutan yang menggalakkan. Dalam usaha memastikan

reka bentuk bangunan kerajaan dan swasta lebih seragam, kos pembinaan yang tidak terlalu tinggi serta pembinaan dalam masa yang singkat. Kerajaan mewajibkan penggunaan IBS dalam projek-projek pembinaan swasta yang bernilai lebih RM50 juta dan projek-projek kerajaan yang melebihi RM10 juta. Setakat tahun 2020, lebih 100 syarikat telah mendapat kelulusan untuk mengeluarkan komponen-komponen IBS. Jenis IBS yang paling popular di Malaysia adalah komponen prapasang (*precast*).

Sejumlah lapan projek telah menerima kelulusan dengan pelaburan bernilai RM311.2 juta pada tahun 2020, dan akan menjana 558 peluang pekerjaan. Berdasarkan prestasi perdagangan, industri ini telah merekodkan nilai eksport sebanyak RM890.3 juta, jauh lebih tinggi daripada nilai import yang berjumlah RM2.4 juta.

Pandemik COVID-19 membuktikan bahawa kaedah sedia ada iaitu konvensional dan berintensifkan buruh dalam industri pembinaan mungkin tidak lagi sesuai. Para pemaju dan pembina digesa mempraktikkan penggunaan teknologi pembinaan baharu melalui kaedah pembinaan pasang siap. Bakal pelabur boleh membantu pemain industri mengadaptasi dan membangunkan teknologi pembinaan inovatif melalui penerapan pendigitalan dan automasi sebagai langkah penting untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan menghasilkan pengeluaran yang berintegrasi penuh, automatik dan optimum dalam industri ini.

Para pelabur kekal yakin dengan pertumbuhan industri ini. Tambahan pula, MIDA bekerjasama erat dengan Kementerian Kerja Raya dan CIDB bagi mempromosikan Revolusi Pembinaan 4.0. Secara khususnya, MIDA menyediakan bantuan dari segi insentif untuk para pengilang IBS dan syarikat-syarikat pembinaan yang ingin menerajui industri ini ke arah automasi dan teknologi canggih seperti Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM), bahan dan sistem canggih, percetakan 3D/4D/5D dan sistem inovatif bagi meningkatkan kelajuan, fleksibiliti, produktiviti, produktiviti buruh dan kualiti produk.

Salah satu syarikat yang diluluskan pada tahun 2020, Skystone Asia Sdn. Bhd. di Johor

menjalankan projek penghasilan sistem modular IBS. Syarikat tersebut mengadaptasi teknologi BIM 3D, iaitu teknologi berdasarkan pemodelan pintar 3D yang dapat membantu kesenibinaan, kejuruteraan dan pembinaan agar lebih terancang, cekap, teratur dan terurus. Jumlah pelaburan projek ini adalah bernilai RM144 juta dengan 74 peluang pekerjaan dapat diwujudkan.

## Peranti Perubatan

Industri peranti perubatan merupakan antara industri terbesar dalam menjaga kesihatan yang didorong oleh inovasi dan teknologi baharu dengan saiz pasaran global bernilai US\$456.9 bilion pada tahun 2019, dan berkembang pada kadar CAGR 4.4 peratus sejak tahun 2015. Menurut ramalan Business Research Company, pasaran ini dijangka akan merosot sebanyak 3.2 peratus daripada US\$456.9 bilion pada tahun 2019 kepada US\$442.5 bilion pada tahun 2020. Ini adalah disebabkan oleh gangguan rantaian bekalan dalam industri peranti perubatan yang terjejas berikutan kawalan pergerakan yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menangani penularan pandemik. Walau bagaimanapun, pasaran ini dijangka akan kembali pulih dan berkembang pada kadar CAGR 6.1 peratus dari tahun 2021 dan mencapai US\$603.5 bilion menjelang tahun 2023, ekoran pertumbuhan yang mendadak bagi pengilangan ventilator (mesin yang digunakan untuk merawat pesakit COVID-19).

Bakal pelabur harus melihat potensi Malaysia sebagai hab pengilangan peranti perubatan di Asia. Industri peranti perubatan di Malaysia mempunyai ekosistem kukuh yang terdiri daripada lebih 200 pengilang termasuk MNC dan syarikat-syarikat sokongan bertaraf dunia serta beberapa badan penilaian global yang sudah berada di dalam negara.

Subsektor industri peranti perubatan telah dikenal pasti sebagai salah satu subsektor pertumbuhan tinggi '3+2' di bawah RMK-11 dan dijangka akan membawa impak yang positif kepada ekonomi Malaysia. Industri ini merangkumi pelbagai jenis produk dari produk yang paling ringkas hingga ke produk yang paling rumit seperti sten, peranti boleh dipasang untuk ortopedik, perubatan elektro, terapeutik dan peranti pengawasan.

Pada tahun 2020, industri peranti perubatan Malaysia merekodkan prestasi yang cemerlang dengan jumlah pelaburan sebanyak RM6.1 bilion menerusi 51 projek. Pencapaian ini jauh lebih tinggi berbanding pada tahun 2019 yang mencatatkan pelaburan berjumlah RM4 bilion dari 31 projek. Daripada jumlah pelaburan RM6.1 billion, sebilangan besar pelaburan adalah daripada projek baharu bernilai RM5.5 bilion menerusi 22 projek, sementara baki RM579 juta (9.5%) adalah dari 29 projek pembesaran/pelbagai. Pada tahun 2019, pelaburan domestik merangkumi 23.5 peratus daripada jumlah pelaburan dengan RM934.9 juta dan pada tahun 2020, ia telah mencatatkan kenaikan yang ketara dengan pelaburan domestik bernilai RM3.9 billion (64.1%), manakala pelaburan asing pula mencatatkan nilai pelaburan RM2.2 bilion (35.9%). Kesemua projek ini akan menyediakan 11,409 peluang pekerjaan baharu, iaitu tambahan sebanyak 4,000 pekerjaan berbanding pada tahun 2019. Daripada kesemua projek yang diluluskan, 19 projek (37.3%) dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.2 bilion adalah terdiri daripada projek pengilangan peranti perubatan, selain sarung tangan perubatan dan pelitup muka. Majoriti projek-projek ini adalah untuk menghasilkan produk-produk bernilai tinggi dan bernilai tambah tinggi.

## Pelaburan Diluluskan dalam Industri Peranti Perubatan Tahun 2020

### Pelaburan Domestik berbanding Asing

**51** projek diluluskan



### Projek Pembesaran/Pelbagai berbanding Projek Baharu

**RM6.1 bil** Jumlah pelaburan

**RM5.5 bil** **90.5%** 22 Projek baharu

**RM579 juta** **9.5%** 29 Projek pengembangan/pelbagai

### Peluang Pekerjaan



**11,409**  
Jumlah peluang pekerjaan



**4,000**  
Tambahan peluang pekerjaan diwujudkan berbanding tahun 2019



Malaysia terus menarik minat MNC besar untuk mengilangkan produk-produk berkompleksiti tinggi, berteknologi tinggi dan bernilai tambah tinggi di negara ini. Salah satu projek penting yang diluluskan pada tahun 2020 adalah projek pelaburan baharu berjumlah RM1.8 billion oleh DexCom Inc., sebuah syarikat yang bertapak di Amerika Syarikat (AS) untuk membangunkan, mengilang, dan mengedarkan sistem *Continuous Glucose Monitoring* (CGM) untuk pengurusan diabetes. Peranti boleh dipakai ini berkebolehan menjelajah paras glukosa secara berterusan serta menyampaikan maklumat tersebut ke peranti pintar atau penerima setiap lima minit. Selain menyediakan peluang pekerjaan untuk 264 jawatan dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan, projek yang berorientasikan eksport ini akan menjana kira-kira 680 peluang pekerjaan secara keseluruhannya untuk rakyat Malaysia. Antara faktor-faktor Malaysia menjadi pilihan Dexcom sebagai lokasi untuk mengembangkan operasinya dan menempatkan fasiliti pengilangan syarikat yang pertama di Asia Tenggara adalah disebabkan infrastruktur yang berkualiti, sumber tenaga kerja berkemahiran, serta sokongan berterusan dari kerajaan.

Selain itu, sebuah syarikat tempatan iaitu K-One Resources Sdn. Bhd. telah diberi kelulusan untuk menjalankan projek pembesaran bagi pengeluaran ventilator, produk *consumable* perubatan, *pill planners/pill splitters*, produk boleh pakai untuk penjagaan kesihatan dan oksimeter. Dengan jumlah pelaburan bernilai RM24 juta, projek ini akan mewujudkan sebanyak 90 peluang pekerjaan. Bagi memenuhi permintaan terhadap keluaran ventilator,

K-One Resources telah berusaha mendapatkan *Non Exclusive License* untuk ventilator VITAL (*Ventilator Intervention Technology Accessible Locally*) dari NASA-JPL. VITAL diluluskan oleh US FDA di bawah *Emergency Use Authorization* (EUA) dan K-One merupakan satu-satunya pemegang lesen produk tersebut di Malaysia.

Projek-projek di dalam industri ini merupakan projek yang berteknologi tinggi serta bertaraf dunia. Ia melibatkan aktiviti R&D yang sangat terperinci, pemindahan teknologi, serta penggunaan elemen pengilangan pintar. Selain itu, projek-projek ini juga akan mewujudkan pelbagai peluang perniagaan baharu kepada vendor-vendor tempatan dalam membekalkan kelengkapan, jentera, alatan mesin dan bahan pembungkusan bagi memenuhi permintaan global serta membangunkan ekosistem peranti perubatan di Malaysia.

### **Farmaseutikal**

Menurut Statista, sebuah syarikat peneraju data pengguna dan pasaran, hasil pendapatan farmaseutikal di seluruh dunia pada tahun 2019 bernilai US\$1.25 trilion dan sekurang – kurangnya satu perlita daripada jumlah ini disalurkan kepada aktiviti R&D. Ini jelas membuktikan kebergantungan tinggi industri farmaseutikal kepada aktiviti R&D. Negara AS, PRC, Jepun, Jerman dan Perancis merupakan antara negara yang mencatatkan jumlah perbelanjaan farmaseutikal tertinggi. Syarikat data terkemuka antarabangsa, IHS Markit telah mengunjurkan bahawa perbelanjaan penjagaan kesihatan global akan menurun sebanyak 0.1 peratus kepada US\$8.3 trilion pada tahun 2020, sebelum meningkat semula sebanyak 5.8 peratus kepada US\$8.8 trilion pada tahun 2021. Pasaran farmaseutikal AS, khususnya, diunjurkan akan mengalami pertumbuhan sebanyak dua peratus kepada US\$524 bilion pada tahun 2020 dan tujuh peratus pada tahun 2021.

Industri farmaseutikal di Malaysia telah mengalami perkembangan pesat dan stabil sejak tempoh sedekad yang lalu, dipacu oleh keupayaan industri untuk mengeluarkan pelbagai bentuk dosej farmaseutikal seperti persediaan steril, bahan suntikan, tablet, ubat–ubatan *time-release* serta ubat-ubatan cecair. Produk-produk ini diiktiraf di peringkat global, terutamanya di negara-negara

ahli *Pharmaceutical Inspection Convention and Pharmaceutical Inspection Cooperation/Scheme* (PIC/S) yang turut dianggotai oleh Malaysia.

Industri farmaseutikal Malaysia mencatatkan permintaan yang meningkat pada tahun 2020 walaupun negara dilanda pandemik. Dengan cabaran penutupan sempadan dan pada masa yang sama syarikat harus memastikan simpanan stok sentiasa mencukupi tanpa menjelaskan operasi pengeluaran, syarikat harus bertindak pantas dalam mendapatkan bahan-bahan aktif farmaseutikal daripada pihak pembekal yang boleh dipercayai. Situasi ini menyediakan peluang kepada syarikat-syarikat pelabur untuk menjalankan penyelidikan bagi mengenalpasti kaedah terbaik dalam mengurangkan kebergantungan industri tempatan kepada bekalan bahan mentah dari negara asing. Salah satu kaedah yang boleh diteroka adalah memanfaatkan pelbagai sumber bahan mentah di dalam negara yang kaya dengan biodiversiti. Malaysia memiliki beberapa hutan hujan tertua di dunia yang mempunyai lebih daripada 2,000 spesis tumbuhan-tumbuhan dengan nilai perubatan yang boleh dimanfaatkan bagi tujuan aktiviti R&D dan pengkomersialan produk-produk farmaseutikal.

Berdasarkan data yang diterbitkan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), terdapat 230 syarikat pengilang dilesenkan di bawah Lembaga Kawalan Dadah (DCA) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia setakat tahun 2020. Daripada jumlah ini, sebanyak 64.3 peratus atau 148 syarikat dikategorikan sebagai pengeluar perubatan tradisional dan makanan tambahan kesihatan, 30.9 peratus atau 71 syarikat pengilang merupakan pengeluar farmaseutikal, manakala 4.8 peratus atau 11 syarikat merupakan pengeluar produk veterinar. Setakat tahun 2020, sebanyak 23,762 produk farmaseutikal baharu telah didaftarkan dengan DCA termasuk produk semula jadi (52%), ubat preskripsi (18%), makanan tambahan kesihatan (12.1%), ubat tanpa preskripsi/OTC (6.5%), entiti kimia baharu (6.1%), ubat veterinar (3.3%) dan biologik (2%).

Sebanyak 12 projek dengan jumlah pelaburan bernilai RM152.8 juta telah diluluskan dalam industri farmaseutikal pada tahun 2020. Daripada jumlah ini, tujuh projek merupakan projek baharu dengan

nilai pelaburan sebanyak RM93.4 juta (61.1%), iaitu RM34 juta lebih tinggi berbanding nilai pelaburan pada tahun 2019 berjumlah RM59 juta. Lima projek yang diluluskan pada tahun 2020 merupakan projek pembesaran/pelbagai dengan nilai pelaburan sebanyak RM59.4 juta (38.9%). Pelaburan asing menyumbang sebanyak RM20.9 juta atau 13.7 peratus daripada jumlah pelaburan keseluruhan, manakala DDI menyumbang sebanyak 86.3 peratus atau RM131.9 juta, iaitu kenaikan sebanyak RM43 juta daripada jumlah DDI yang diterima pada tahun 2019 berjumlah RM88.1 juta. Kesemua projek yang diluluskan dijangka akan mewujudkan 416 peluang pekerjaan baharu.

Antara projek yang diluluskan pada tahun 2020 merupakan projek pembesaran oleh sebuah syarikat milik Malaysia, Malaysian Vaccines and Pharmaceuticals Sdn. Bhd. bagi menghasilkan vaksin haiwan dan vaksin pandemik manusia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM24 juta dan akan menjana 14 peluang pekerjaan dalam bidang sains dan teknikal. Projek ini selaras dengan aspirasi kerajaan untuk terus membangunkan ekosistem industri biofarmaseutikal di Malaysia, terutamanya dalam pembangunan vaksin. Projek ini akan memanfaatkan kepakaran dan pengalaman syarikat dalam pembangunan dan pengilangan vaksin haiwan sejak tahun 1980, serta meningkatkan kemahiran kepakaran penghasilan vaksin di Malaysia dan seterusnya mengukuhkan ekosistem sedia ada di dalam negara.

Syarikat milik asing, CytoMed Therapeutics (Malaysia) Sdn. Bhd. juga diluluskan projek biofarmaseutikal baharu dengan jumlah pelaburan sebanyak RM20 juta bagi menjalankan aktiviti penyelidikan dan mengeluarkan terapeutik berasaskan sel gred klinikal GMP untuk terapi kanser (khususnya *Chimeric Antigen Receptor modified T-cells*) dan perubatan regeneratif. Projek ini akan mewujudkan 20 peluang pekerjaan berasaskan pengetahuan tinggi dalam sektor bioteknologi termaju. Pasaran terapi sel global merupakan industri yang mempunyai kadar pertumbuhan pesat dengan nilai ekonomi yang tinggi. Industri ini juga akan menjadi industri masa depan bagi penjagaan kesihatan khususnya bagi populasi yang semakin meningkat usia. Malah, projek terapeutik sel di Malaysia seperti ini adalah seiring dengan aspirasi

Kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak aktiviti R&D dan ujian klinikal dalam sektor bioteknologi.

Menerusi pengumuman Belanjawan 2021, Kerajaan Malaysia menunjukkan komitmen yang tinggi bagi mengukuhkan *Off-Take Agreement Programme* di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Program ini merupakan insentif untuk meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan penjagaan kesihatan, terutamanya bagi penghasilan vaksin dan perubatan dalam negara yang seharusnya menjadi peluang untuk diterokai oleh para pelabur. Kerajaan juga menyediakan insentif tambahan bagi menggalakkan syarikat-syarikat pengeluar produk farmaseutikal termasuk vaksin untuk melabur di Malaysia iaitu kadar cukai pendapatan sebanyak 0 hingga 10 peratus selama 10 tahun.

Malaysia merupakan lokasi pelaburan menarik bagi syarikat-syarikat farmaseutikal memandangkan negara ini mempunyai kelebihan dari segi penubuhan pusat R&D yang semakin meningkat, populasi pesakit yang pelbagai, serta kos penyelidikan klinikal yang amat kompetitif. Tambahan pula, pembiayaan dan pengenalan projek-projek baharu dan inovatif seperti projek penghasilan vaksin dan sel stem akan mengalakkan ekosistem di negara ini ke arah penghasilan lebih banyak produk bernilai tambah tinggi, yang seterusnya akan meningkatkan pulangan pelaburan (ROI).

## Bioteknologi (Termasuk Projek BioNexus)

Bioteknologi merujuk kepada sains yang berdasarkan pelbagai proses biologi untuk membangunkan teknologi dan produk dan memainkan peranan penting dalam pembangunan lestari. Industri bioteknologi negara Malaysia telah beralih daripada kebergantungan kepada aplikasi tradisional ke arah pembangunan teknologi pengeluaran lestari bagi produk-produk hijau, boleh diperbaharui, bukan toksik dan berdaya saing dari segi kos. Bagi mengiktiraf sektor bioteknologi sebagai salah satu teras strategik untuk memacu ekonomi negara, Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan melancarkan Dasar Bioteknologi Nasional (NBP) pada tahun 2005. Sejak daripada pelancaran tersebut, industri ini telah berjaya merekodkan pencapaian yang baik dari segi penjanaan FDI dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu.

Kini, pelbagai industri dalam ekonomi kitaran telah memanfaatkan teknik bioteknologi untuk menghasilkan keluaran yang mempunyai kitaran hidup yang lebih baik dan panjang dengan ciri-ciri biodegradasi dan komposit. Bioteknologi juga digunakan untuk tujuan pembangunan atau penemuan bahan-bahan baru. Justeru, pelabur-pelabur berpotensi harus menyedari bahawa industri bioteknologi di Malaysia mempunyai prospek pertumbuhan dan perkembangan yang baik.

Walaupun pandemik COVID-19 telah memberi implikasi yang mencabar kepada pertumbuhan ekonomi global dan sektor perkilangan secara amnya, industri bioteknologi terus mencatatkan pertumbuhan yang sangat positif. Menurut VanEck, sebuah syarikat pengurusan pelaburan di New York, pembangunan vaksin COVID-19 telah mendorong peningkatan nilai saham syarikat-syarikat bioteknologi. Ini dapat dilihat menerusi lonjakan Indeks Bioteknologi NASDAQ yang meningkat lebih 26 peratus menjelang akhir tahun 2020. Selain itu, Bloomberg berpendapat bahawa momentum bagi saham bioteknologi akan kekal positif dalam tempoh tiga bulan akan datang. Jangkaan ini didorong oleh beberapa faktor seperti potensi kelulusan ubat baharu bagi penyakit Alzheimer, penemuan data terapi gen baharu, serta perkembangan hasil percubaan klinikal fasa akhir untuk vaksin COVID-19. Industri bioteknologi di Malaysia juga berkembang secara signifikan, di mana jumlah pelaburan yang diluluskan meningkat daripada RM73.1 juta pada tahun 2019 kepada RM2.7 bilion pada tahun 2020.


Sebanyak enam projek bioteknologi telah diluluskan pada tahun 2020, merangkumi empat projek baharu dengan nilai pelaburan sebanyak RM2.6 bilion dan dua projek pelbagaian dengan nilai pelaburan sebanyak RM10.2 juta. Pelaburan asing (FDI) menyumbang sebanyak RM2.6 bilion atau 99.6 peratus daripada jumlah keseluruhan, manakala pelaburan domestik menyumbang baki sebanyak RM10.2 juta. Projek Bionexus pula merekodkan tujuh kelulusan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM98.4 juta. Kesemua projek ini dianggarkan akan mewujudkan 214 peluang pekerjaan baharu.

Salah satu projek pelaburan penting yang diluluskan MIDA adalah projek *commercial scale-*

*up* oleh Protenga Ptd. Ltd., iaitu sebuah syarikat pengeluar teknologi protein serangga terkemuka di dunia yang berpangkalan di Singapura. Projek ini melalui subsidiarinya, Protenga Sdn. Bhd akan mengembangkan kapasiti syarikat Protenga bagi aktiviti biopenukaran serangga dan penghasilan protein serangga serta meningkatkan nilai produk sampingan agro dan sisa makanan yang bernilai rendah melalui penggunaan teknologi ekonomi kitaran. Syarikat mensasarkan untuk membangunkan 30 ladang serangga pintar baharu di seluruh Malaysia menjelang tahun 2024 di bawah usahasama perladangan kontrak dengan pengeluar tempatan agro-biojisim dan sisa makanan, yang akan meningkatkan nilai jumlah sisa makanan dan produk sampingan sebanyak 15,000,000 kg setiap tahun. Projek ini juga akan mengukuhkan pengeluaran protein berkualiti tinggi di Malaysia, di samping memenuhi permintaan global bagi nutrisi makanan haiwan lestari yang semakin meningkat.

### Pelaburan Diluluskan dalam Industri Bioteknologi (Termasuk Projek BioNexus) Tahun 2020

#### Pelaburan Domestik berbanding Asing



#### Projek Pembesaran/Pelbagaiannya berbanding Projek Baharu

RM2.6 bil	99.6%	4 Projek baharu
RM10.2 juta	0.4%	2 Projek pembesaran/pelbagaian



Terdapat 7 projek Bionexus diluluskan dengan pelaburan berjumlah  
**RM98.4 juta**

#### Peluang Pekerjaan



Bioeconomy Corporation Sdn. Bhd. telah membantu serta menyokong beberapa syarikat BioNexus dalam membangunkan produk-produk berkaitan sebagai usaha bagi menangani pandemik COVID-19. Salah satu daripada syarikat ini telah menerima kelulusan MOH untuk menghasilkan kit pengesahan-dua sasaran bagi SARS-CoV-2, yang dikenali sebagai LyteStartTM. Kit pengesahan ini terdiri daripada satu ujian saringan untuk koronavirus berkaitan SARS yang mensasarkan gen E, dan satu ujian pengesahan khusus bagi 2019-nCov, berdasarkan gen-RdRP. Satu lagi syarikat BioNexus pula telah membangunkan kit ujian makmal baharu untuk spesimen pesakit bagi penyakit COVID-19, influenza dan penyakit seumpama influenza. Ujian tiub tunggal yang dikenali sebagai GenoAmp Real-Time RT PCR SARS-CoV-2, boleh mengesan dan membezakan antara Influenza A (H1N1, H3N2), Influenza B, COVID-19 (gen E, gen RdRP dan gen spike), dan Mers-CoV secara serentak daripada setitis spesimen pesakit. Terdapat juga sebuah syarikat BioNexus yang kini sedang dalam proses menghasilkan vaksin COVID-19.

Para pelabur digalakkan mempertimbangkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan, terutamanya bagi memanfaatkan sumber bahan mentah yang boleh diguna semula, mesra alam dan tersedia banyak di negara ini bagi menjalankan projek-projek berkaitan bioteknologi di Malaysia seperti projek pengeluaran resin bioplastik, *bio-epoxies* dan polimer biodegradasi *polyhydroxyalkanoates*.

## **Industri Makanan Agromakanan**

Malaysia berada di tempat ke-28 dalam Indeks Keselamatan Makanan Global 2019, iaitu satu peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Namun begitu, meskipun Malaysia menghasilkan kira-kira 75 peratus bekalan makanannya sendiri, dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran tempatan, bekalan produk agromakanan masih belum mencapai tahap yang mencukupi untuk memenuhi permintaan negara. Sekuriti makanan bukan sahaja ditakrifkan sebagai ketersediaan makanan, tetapi juga dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti akses kepada bekalan, kestabilan bekalan serta kecekapan penggunaan makanan.

Pandemik COVID-19 pada tahun 2020 telah meningkatkan tahap kepentingan sekuriti makanan dan peranan kritikal industri agromakanan moden dalam menjamin sekuriti makanan di Malaysia. Sewaktu dilanda krisis, Malaysia seharusnya berupaya

memastikan ketersediaan bekalan makanan ruji pada harga berpatutan. Kerajaan Malaysia perlu membangunkan dasar keselamatan makanan jangka panjang yang kukuh dan lestari bagi menangani sebarang gangguan ekonomi, terutamanya apabila negara ini menghadapi kesukaran untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran beras kepada tahap bekalan yang mencukupi bagi memenuhi permintaan tempatan serta kebergantungan yang tinggi terhadap bahan mentah dan makanan ruji yang diimport.

Syarikat-syarikat pelabur digalakkan untuk meneroka kaedah terbaru dan terbaik dalam proses pengeluaran makanan, bermula ‘dari ladang ke meja’, bagi meningkatkan sekuriti makanan ke tahap optimum. Salah satu kaedah yang boleh digunakan untuk memenuhi matlamat ini adalah melalui inisiatif pemodenan industri agromakanan dengan menggunakan aplikasi dan teknologi inovatif bagi meningkatkan pengeluaran domestik serta mengurangkan kebergantungan kepada makanan import.

Pihak pelabur juga boleh memberi aktiviti R&D yang tertumpu kepada objektif mengukuhkan dan menyokong rantaian bekalan makanan, kepelbagaiannya tanaman, simpanan makanan dan juga pembangunan teknologi. Transformasi teknologi dan pemodenan proses pertanian sebegini berupaya menarik minat golongan petani muda untuk menceburi sektor agromakanan. Penggunaan teknologi berdasarkan Industri 4.0 secara khususnya pula akan menggalakkan pertumbuhan pertanian secara lestari, selaras dengan matlamat kerajaan untuk meningkatkan pendapatan bagi para petani, penternak, nelayan dan usahawan atas tani.

Aplikasi teknologi seperti *Artificial Intelligence* (AI) dan *Big Data Analytics* (BDA) di dalam aktiviti pertanian pintar pada skala lebih besar tentunya akan terus memajukan industri agromakanan negara. Infrastruktur berdasarkan teknologi pintar pengkomputeran awan (cloud) berupaya mengoptimalkan rantaian bekalan makanan, meningkatkan hasil dan kualiti keluaran pertanian serta menggandakan produktiviti industri. Dalam tempoh sedekad akan datang, Kerajaan Malaysia akan melaksanakan inisiatif pemodenan dan memacu transformasi industri ini melalui Dasar Agromakanan Nasional 2.0 (2021-2030).

## **Pemprosesan Makanan**

Kepentingan industri makanan dalam rantaian makanan global sememangnya tidak dapat dinafikan. Industri

ini menyumbang secara signifikan kepada matlamat dalam menjamin sekuriti makanan dan kesihatan masyarakat, dengan memastikan komoditi pertanian diproses dan ditambah nilai menjadi produk-produk akhir bagi memenuhi permintaan pengguna yang semakin sofistikated.

Kekayaan sumber tropika dan pertanian dan kepelbagaiannya budaya yang dimiliki Malaysia adalah faktor utama industri makanan di negara ini mempunyai rangkaian makanan diproses yang menarik dari pelbagai tradisi makanan Asia, dan setiap satu tradisi ini mempunyai keunikannya tersendiri. Pasaran makanan dan minuman (F&B) Malaysia juga semakin sofistikated, merangkumi bekalan produk tempatan dan import. Perubahan gaya hidup pengguna pada masa kini telah mendorong kepada peningkatan permintaan bagi keluaran makanan yang sihat dan mudah disediakan.

Sejak kebelakangan ini, citarasa pengguna Malaysia lebih tertumpu kepada makanan yang kaya dengan nutrien. Permintaan pengguna terhadap 'daging' yang berasaskan tumbuhan dalam keluaran makanan burger dan nugget, serta pengganti susu lembu berasaskan kacang badam, soya, gajus, dan kelapa juga semakin meningkat. Selain itu, terdapat juga peningkatan permintaan bagi keluaran makanan sejuk beku yang lebih sihat dan berkualiti tinggi, susulan daripada perubahan gaya hidup di kalangan generasi milenium yang mementingkan keseimbangan antara pembangunan kerjaya dan pemeliharaan keluarga yang sihat.

Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 telah mengganggu rantaian bekalan dan menjelaskan bekalan bahan mentah termasuk bahan ramuan makanan. Kebanyakan syarikat pemprosesan makanan mempraktikkan *Good Manufacturing Practices* (GMP) yang terkini bagi menjamin kualiti dan keselamatan produk makanan semasa penularan pandemik ini. Syarikat-syarikat pengilangan memberi penekanan yang tinggi terhadap aspek keselamatan kakitangan, premis, proses, produk dan prosedur serta mematuhi garis panduan risiko keselamatan makanan seperti *Hazard Analysis and Critical Control Points* (HACCP).

Syarikat-syarikat pemprosesan makanan Malaysia digesa meneliti semula strategi penyumberan, merasionalisasi rangkaian produk, dan menilai tahap kelangsungan dan ketangkasannya laluan rantai-

bekalan ke pasaran agar dapat meraih peluang-peluang baharu dalam pasaran pada masa hadapan. Usaha mengoptimalkan dan menyelaraskan rangkaian khususnya e-dagang dan pengedaran akan membawa hasil dari segi pengurangan kos dan peningkatan keuntungan.

Pada tahun 2020, sebanyak 111 projek pemprosesan makanan dan minuman dengan jumlah pelaburan sebanyak RM5.1 bilion telah diluluskan, melibatkan kenaikan hampir RM2 bilion daripada jumlah pelaburan sebanyak RM3.4 bilion yang telah diluluskan pada tahun 2019. Pelaburan DDI dan FDI kedua-duanya telah meningkat berbanding pada tahun 2019.

Pelaburan domestik mendominasi 63 peratus daripada keseluruhan pelaburan dengan nilai pelaburan sebanyak RM3.2 bilion (iaitu lebih RM600 juta berbanding tahun 2019). Pelaburan asing pula menyumbang baki RM1.9 bilion atau 37 peratus, di mana jumlah pelaburan tahun ini melebihi RM1.1 bilion daripada jumlah DDI pada tahun 2019, iaitu RM574.8 juta. Kesemua projek ini yang terdiri daripada 63 projek baharu dan 48 projek pembesaran/pelbagaiannya dijangka akan menjana 5,397 peluang pekerjaan, iaitu peningkatan sebanyak 258 daripada bilangan peluang pekerjaan yang dijanjikan pada tahun 2019.


## Pelaburan Diluluskan dalam Industri Pemprosesan Makanan dan Minuman Tahun 2020

### Pelaburan Domestik berbanding Asing



### Projek Pembesaran /Pelbagaiannya berbanding Projek Baharu

**RM5.1 bil** Jumlah pelaburan



### Peluang Pekerjaan



Projek pengeluaran minuman menyumbang 24.3 peratus daripada keseluruhan projek yang diluluskan. Ini diikuti oleh projek pengeluaran bahan makanan ramuan dengan 17.1 peratus, konfeksi gula dan coklat dengan 13.5 peratus, bijirin dan produk berasaskan tepung dengan sembilan peratus, produk daging diproses dengan 7.2 peratus, produk makanan laut dengan 6.3 peratus, produk tenusu dan makanan haiwan dengan sumbangan masing-masing sebanyak 4.5 peratus, buah-buahan dan sayur-sayuran dengan 3.6 peratus dan produk-produk lain dengan 9.9 peratus.

Salah satu projek signifikan yang diluluskan dalam subsektor pemprosesan makanan ini adalah projek pembesaran oleh Dutch Lady Milk Industries Bhd. (DLMI), sebuah syarikat milik majoriti asing dari Belanda, yang mengeluarkan pelbagai produk tenusu dan produk berasaskan tenusu di Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Projek pembesaran ini melibatkan pelaburan tambahan sebanyak RM400 juta bagi pembinaan fasiliti ‘kilang pintar’ moden yang dilengkapi dengan teknologi peralatan dan jentera berautomatik sepenuhnya serta berlandaskan konsep pengilangan pintar Industri 4.0 dan teknologi hijau untuk meningkatkan kelestarian.

## **Produk Minyak Sawit**

### **Produk berasaskan Minyak Sawit**

Kepelbagaian kegunaan minyak sawit menjadikannya salah satu ‘cash crop’ utama di Malaysia. Pada masa ini, sekurang-kurangnya 70 peratus daripada output minyak sawit global digunakan untuk tujuan pengeluaran produk makanan (minyak masak atau makanan yang diproses).

Secara konservatif, dianggarkan sebanyak 20 juta MT daripada output minyak sawit global digunakan untuk tujuan penghasilan bahan api bio/penjanaan tenaga boleh diperbaharui (lihat bahagian Biojisim Sawit di halaman 64). Kira-kira 60 peratus minyak sawit yang dibekalkan ke EU digunakan sebagai bahan bakar bio dan bahan penjanaan tenaga boleh diperbaharui. Selain itu, minyak sawit juga digunakan dalam industri oleokimia (lihat bahagian Oleokimia di halaman 74).

Berdasarkan laporan MPIC pada 12 November 2020, Kerajaan Malaysia dijangka menerima kutipan Levi Keuntungan Luar Biasa sebanyak RM348 juta pada

tahun 2020. Jumlah ini merupakan peningkatan yang ketara berbanding hasil kutipan sebanyak RM256,000 pada tahun 2019 (disebabkan harga minyak sawit mentah (CPO) yang rendah).

Kenaikan harga CPO yang mendadak didorong oleh beberapa faktor, kebanyakannya adalah disebabkan peningkatan permintaan minyak sawit. Salah satu faktor adalah disebabkan oleh tekanan perdagangan antara AS-PRC yang menyebabkan perubahan struktur bekalan minyak dan lemak di negara tersebut serta wabak demam babi (ASF) di Afrika yang meninggalkan impak yang negatif ke atas bekalan minyak soya. Di samping itu, hubungan antara PRC-Kanada turut mengalami tekanan dan menyebabkan pengurangan import *rapeseed* dan minyak *rapeseed* dari Kanada. Faktor-faktor ini telah menyebabkan peningkatan permintaan dan pengimportan minyak sawit oleh PRC; juga didorong oleh harga import minyak sawit yang rendah dan perbezaan yang ketara antara harga minyak soya dan minyak sawit.

Peningkatan pendapatan Kerajaan dan pemain industri dalam industri minyak sawit di Malaysia membuktikan ketahanan industri ini walaupun berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19 dan kawalan pergerakan yang dilaksanakan di seluruh dunia. Ini jelas terbukti apabila harga minyak sawit mentah (CPO) mengalami trend meningkat sejak Mei, dan memuncak pada harga RM3,854 / tan bagi harga spot tempatan pada 24 Disember 2020. Angka ini merupakan angka tertinggi yang direkodkan dalam tempoh lapan tahun.

PKP di Malaysia pada awalnya telah mencetuskan gangguan yang signifikan terhadap industri makanan, pengangkutan dan peruncitan, serta turut menjelaskan industri minyak sawit. Pergerakan pekerja yang terhad menimbulkan kesukaran kepada sektor huluan minyak sawit apabila tandan buah segar (FFB) menjadi rosak atau terlebih masak kerana dibiarkan tidak dituai melebihi tempoh dua minggu. Ini menyebabkan kualiti minyak sawit merosot disebabkan oleh kandungan asid lemak bebas yang meningkat. Kerajaan menyedari impak pandemik COVID-19 terhadap industri minyak sawit setelah menerima aduan daripada pelbagai

pihak dan pantas bertindak dengan memberikan kelonggaran bagi membenarkan pemain-pemain industri ini meneruskan operasi. Langkah ini telah berjaya mengelakkan potensi kerugian sebanyak RM1.6 bilion.

Permintaan pasaran industri minyak sawit mula menunjukkan peningkatan, walaupun pandemik ini telah menyebabkan perdagangan terjejas terutamanya dalam suku pertama dan awal suku kedua pada tahun 2020. Kebanyakan negara pengguna minyak sawit telah mula mengimport minyak sawit bagi meningkatkan stok simpanan minyak untuk memenuhi permintaan yang meningkat dalam sektor hotel, restoran dan kafe (HORECA). Tambahan pula, harga minyak sawit yang kompetitif turut mendorong peningkatan permintaan di kalangan negara-negara pengguna utama minyak sawit dan ini terbukti melalui peningkatan import oleh negara-negara seperti India dan PRC. Penggunaan minyak sawit dijangka akan terus meningkat, terutamanya dalam sektor pengilangan makanan dan sektor HORECA, selaras dengan pemulihan aktiviti ekonomi berikut kelonggaran kawalan pergerakan.

Walaupun berada di dalam situasi pandemik, Kerajaan terus mempromosikan industri keluaran minyak sawit dengan menganjurkan pelbagai sesi webinar dan taklimat dalam talian. MIDA turut menyertai beberapa sesi yang telah dijalankan termasuk sesi webinar yang dianjurkan oleh Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) sepanjang bulan Ogos hingga September 2020. Siri webinar tersebut bertemakan ‘Permintaan Minyak Sawit China dan Pemulihan Pasaran Minyak Sawit Rusia Selepas Pandemik’, ‘Pemulihan Pasaran Minyak Sawit Rusia Selepas Pandemik’, dan ‘Prospek bagi Pertumbuhan Masa Depan dan Merangsang Permintaan Minyak Sawit Malaysia di Pasaran Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA)’. MIDA juga telah bekerjasama dengan Persatuan Penapis Minyak Sawit Malaysia (PORAM) bagi menganjurkan sesi webinar pada 23 November 2020, di mana MIDA telah memberi taklimat mengenai ‘Memacu Pertumbuhan Ekonomi dalam Era Pandemik: Daya Tarikan dan Ekosistem Industri Minyak Sawit Malaysia’ kepada lebih daripada 130 peserta.

Pandemik COVID-19 telah mengetengahkan isu *resilience*, *traceability* dan *end-to-end*

*visibility* rantaian bekalan. Kini, kebanyakan syarikat perusahaan semakin komited dalam mementingkan isu kebolehkesanan (*traceability*) dalam memastikan pengurusan kawal selia dipatuhi dan matlamat kelestarian dicapai. Pemain industri produk minyak sawit juga semakin menyedari kepentingan isu ini; dan kebanyakannya telah membelanjakan berjuta-juta dolar setiap tahun bagi membolehkan *last-mile delivery* dalam rantaian bekalan masing-masing. Walau bagaimanapun, inisiatif-inisiatif ini menjadi rumit dan tidak begitu berjaya kerana ia dijalankan oleh syarikat secara individu dan tidak mengambil kira pihak-pihak berkepentingan lain sepanjang rantaian bekalan syarikat. Bagi pihak-pihak berkepentingan berskala kecil, mereka mengalami kesukaran untuk mengambil bahagian dalam inisiatif-inisiatif yang berlainan dan ianya tidak praktikal serta melibatkan kos yang tinggi.

Oleh itu, para pelabur disarankan untuk membangunkan perkhidmatan ‘*Collaborative Connected Digital Supply Chain Platform*’ di atas awan (*cloud*) yang selamat. Di bawah inisiatif ini, semua pihak berkepentingan dapat menjalankan transaksi rantaian bekalan masing-masing pada kos yang rendah dengan memanfaatkan platform *blockchain* sendiri yang juga menjimatkan tenaga. Melalui kaedah ini, setiap syarikat perusahaan akan dapat berhubung dengan setiap pihak berkepentingan dalam rantaian bekalan syarikat dengan memanfaatkan *real-time digital traceability* dan *geo-spatial analytics*. Inisiatif ini akan saling menguntungkan kesemua pihak yang terlibat dalam rantaian bekalan dan buat pertama kalinya, peniaga-peniaga berskala kecil dalam rantaian bekalan juga boleh turut serta tanpa perlu menanggung sebarang kos. Penglibatan peniaga-peniaga berskala kecil dalam inisiatif ini membolehkan mereka mencapai kelestarian dengan keuntungan yang lebih lumayan. Ini merupakan peluang yang baik untuk industri minyak sawit membuktikan bahawa minyak sawit semenangnya boleh dihasilkan secara lestari dan mematuhi norma *No Deforestation, No Peat, No Exploitation* (NDPE), serta meyakinkan negara-negara EU dan institusi-institusi bukan kerajaan (NGO) yang amat menitikberatkan kelestarian minyak sawit.

Para pelabur juga seharusnya merebut peluang untuk menggunakan teknologi tempatan baharu dengan perbelanjaan modal dan operasi (CAPEX dan OPEX) yang kompetitif untuk menghasilkan produk minyak sawit bertapis yang memenuhi piawaian keselamatan makanan pada tahap minima atau tahap yang lebih baik (ini juga merupakan isu yang dibangkitkan berikutan pandemik COVID-19). Sebagai contoh, garis panduan *European Food Safety Authority* (EFSA) untuk produk minyak sawit bertapis telah menetapkan had bahan cemar makanan iaitu 3-MCPDE (*3-monochloro-propanediol esters*) dan GE (*glycidyl esters*) masing-masing pada kadar 2.5 dan 1.1 PPM. Dengan aplikasi teknologi baharu, ia berupaya mencapai piawaian tersebut pada kadar 1.25 & 0.5 PPM dan ini merupakan satu kemajuan yang akan meningkatkan reputasi minyak sawit agar berada pada tahap yang sama atau lebih baik berbanding minyak sayuran bertapis lain. Justeru, para pengusaha industri minyak sawit boleh meraih bahagian pasaran yang lebih besar dengan kualiti minyak sawit yang terunggul, *versatility* serta harga yang kompetitif.

Pada tahun 2020, sebanyak lapan projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM139.9 juta telah diluluskan dalam industri keluaran minyak sawit. Sebanyak lima projek daripadanya merupakan projek baharu, manakala tiga lagi merupakan projek pembesaran/pelbagai. Industri ini didominasi oleh pelaburan domestik yang menyumbang sebanyak RM139.3 juta, manakala pelabur asing menyumbang sebanyak RM0.6 juta. Kesemua projek ini dijangka akan menjana 241 peluang pekerjaan.

Projek-projek yang diluluskan termasuk projek pengeluaran olein sawit RDB, stearin sawit RDB, minyak isirung sawit RDB, dan produk-produk lain yang bernilai tambah tinggi. Kesemua projek ini melibatkan pelaburan berjumlah RM120.3 juta dan akan menjana 214 peluang pekerjaan.

### **Biojisim Sawit**

Biojisim merujuk kepada penggunaan bahan semula jadi yang berasal daripada organisme hidup atau baru mati untuk menghasilkan bahan bakar dan pengeluaran perindustrian, terutamanya bagi penjanaan tenaga elektrik. Malaysia mempunyai keupayaan pengeluaran yang dianggarkan melebihi 2400MW menggunakan biojisim dan 410 MW

menggunakan biogas. Berdasarkan data tahun 2020 daripada Pihak Berkusa Pembangunan Tenaga Lestari, negara ini berjaya menghasilkan sebanyak 70.7MW menggunakan biojisim dan 110.6MW menggunakan biogas.


Sebagai pengeluar komoditi pertanian terkemuka di Asia Tenggara, Malaysia mempunyai limpahan sisa pertanian atau tanaman biojisim yang sedia ada. Ini termasuklah tanaman pertanian (tebu, ubi kayu dan jagung); sisa pertanian (sekam padi, ubi kayu, rizom dan tongkol jagung); biojisim berkayu (tumbesaran cepat, sisa kayu daripada kilang kayu dan serbuk kayu); sisa perindustrian agro (sekam padi daripada kilang padi, molases dan hampas tebu daripada kilang penapisan gula dan sisa kilang kelapa sawit).

Biojisim minyak sawit adalah sumber utama biojisim di Malaysia. Negara ini mempunyai 5.89 juta hektar ladang kelapa sawit yang menghasilkan biojisim kira-kira 94.7 juta tan. Biojisim minyak sawit dihasilkan daripada pelbagai produk sampingan kelapa sawit termasuk pelepas kelapa sawit (OPF), batang kelapa sawit (OPT), tandan buah kosong kelapa sawit (OPEFB), cangkerang sawit (PKS), gentian mesokarp (MF), dan efluen kilang minyak sawit (POME).

Peningkatan permintaan pengguna serta trend peralihan ke arah penggunaan tenaga boleh diperbaharui rendah karbon telah menyokong perkembangan stabil industri biojisim minyak sawit sejak beberapa tahun lalu. Banyak negara seperti Jepun, PRC, Republik Korea (ROK) dan negara-negara Eropah sedang giat mengurangkan kebergantungan kepada bahan bakar arang dan fosil yang lain. Sebagai contoh, ekoran daripada bencana Fukushima pada Mac 2011, kerajaan Jepun telah memutuskan untuk merangka Pelan Tenaga Strategik Keempat 2030 yang mempunyai dasar-dasar yang khusus bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga nuklear dan sumber fosil serta meningkatkan penjanaan tenaga boleh diperbaharui. ROK pula telah melaksanakan program *Renewable Portfolio Standard* (RPS) pada Januari 2012 bagi menggesa agar 13 syarikat kuasa yang terbesar di negara tersebut meningkatkan kadar tenaga boleh diperbaharui dalam jumlah penjanaan kuasa keseluruhan syarikat dari tahun 2012-2024.

Di Malaysia pula, syarikat Northport (M) Bhd. telah menubuhkan sebuah hab logistik biojisim di Pelabuhan Klang, Selangor pada tahun 2018 untuk menyokong permintaan yang meningkat bagi fasiliti pelabuhan daripada industri biojisim. Syarikat mewujudkan *end-to-end logistics value chain* dengan membangunkan hab pemprosesan berpusat yang terdiri daripada gudang, ruang terbuka bagi aktiviti pemprosesan dan fasiliti pengendalian pelabuhan. Sehubungan itu, Malaysia menunjukkan prestasi yang meningkat tahun-ke-tahun bagi jumlah dagangan produk biojisim dari tahun 2016 hingga 2019. Sebagai contoh, negara mencatatkan jumlah dagangan sebanyak RM317.9 juta pada tahun 2019, meningkat sebanyak 9.8 peratus berbanding RM289.4 juta pada tahun 2018.

MIDA telah meluluskan beberapa projek pengilangan dengan nilai pelaburan yang sederhana pada tahun 2020 berbanding 2019. Kebanyakan pelaburan yang diluluskan ini adalah daripada pelabur asing (ROK) serta pelabur tempatan. Pada tahun 2020, sebanyak lapan projek dengan pelaburan sebanyak RM250 juta telah diluluskan bagi aktiviti pengeluaran produk berasaskan biojisim kelapa sawit. Pelaburan domestik mendominasi industri ini, dengan sumbangan sebanyak RM214.9 juta, atau 86 peratus daripada jumlah pelaburan keseluruhan. Pelaburan keseluruhan ini dijangka akan menjana 418 peluang pekerjaan.



Salah satu projek penting yang diluluskan adalah projek daripada sebuah syarikat milik majoriti Malaysia, IOI Palm Wood Sdn. Bhd, bagi menghasilkan kayu gergaji, papan cantum, dan panel kayu daripada batang kelapa sawit. Projek ini melibatkan cadangan pelaburan sebanyak RM80.7 juta dan dijangka akan menjana 168 peluang pekerjaan.

### Kimia dan Produk Kimia

Industri kimia dan produk kimia menghasilkan keluaran yang lazimnya digunakan sebagai bahan mentah dalam pengilangan produk E&E, plastik, pertanian dan industri pembinaan. Industri ini juga merupakan penyumbang utama kepada KDNK Malaysia dan mewakili segmen yang besar dalam landskap pengilangan negara ini. Majlis Industri Kimia Malaysia menganggarkan bahawa industri ini menyumbang sebanyak RM33.8 bilion kepada KDNK negara pada tahun 2019, memandangkan industri ini saling berkait dengan industri-industri pengilangan utama yang lain. Syarikat-syarikat dalam industri ini beroperasi dalam pelbagai segmen berkaitan termasuk bahan kimia pertanian, baja, gas perindustrian, bahan kimia bukan organik, cat dan dakwat cetakan.

Industri ini telah mengalami pertumbuhan yang baik didorong oleh beberapa faktor termasuk ketersediaan bahan mentah dan sumber, dasar Kerajaan yang menyokong perniagaan dan persekitaran perniagaan yang kondusif. Namun demikian, kemelesetan global sejak akhir-akhir ini dan langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menangani penularan pandemik COVID-19 telah memberi impak yang negatif kepada industri. PKP yang dilaksanakan oleh Kerajaan melibatkan sekatan pergerakan dan menghalang syarikat-syarikat pengilangan daripada beroperasi pada kapasiti penuh.

Pada tahun 2020, import bagi kimia dan produk kimia telah menurun sebanyak 10 peratus kepada RM73.5 bilion berbanding pada tahun 2019, manakala jumlah eksport juga menurun sebanyak 11.8 peratus kepada RM50.7 bilion. Industri kimia dan produk kimia merupakan industri pengekspor keempat terbesar di Malaysia dengan sumbangan sebanyak 5.2 peratus kepada jumlah eksport keseluruhan negara, dan juga kekal sebagai penyumbang kedua terbesar bagi import Malaysia.

MIDA telah meluluskan sejumlah 74 projek dalam industri kimia dan produk kimia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM6.3 bilion pada tahun 2020. Prestasi pelaburan ini merupakan peningkatan sebanyak 75 peratus berbanding RM3.6 bilion yang dicapai pada tahun 2019. Sebanyak 41 projek yang diluluskan merupakan projek baharu yang menyumbang pelaburan sebanyak RM5 bilion, iaitu lebih dua kali ganda berbanding pelaburan baharu sebanyak RM2.2 bilion yang diluluskan pada tahun 2019. Baki pelaburan disumbang oleh projek pembesaran/pelbagaian (RM1.3 bilion). Pelaburan asing (FDI) mendominasi kelulusan dalam industri ini dengan sumbangan sebanyak RM4.6 bilion (73.9%), iaitu dua kali ganda daripada sumbangan FDI sebanyak RM2.2 bilion pada tahun 2019. Kesemua projek yang diluluskan ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 3,562 peluang pekerjaan.

Satu projek penting yang diluluskan pada tahun 2020 adalah projek daripada syarikat Master Builders Solutions Malaysia Sdn. Bhd. yang melibatkan pelaburan berjumlah RM100 juta bagi menghasilkan larutan kimia untuk kegunaan dalam operasi pembinaan. Dengan pengalaman luas dan pengetahuan mendalam mengenai keperluan industri pembinaan tempatan yang dimiliki oleh syarikat, ia berupaya menawarkan rangkaian produk berinovasi tinggi serta menubuhkan fasiliti pengilangan lestari di Malaysia dan Asia Tenggara. Projek ini merangkumi fasiliti pengilangan keluaran cecair, serbuk dan polimer serta *Technical Competence Centre for Performance Flooring and Concrete*. Projek ini akan mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai salah satu peneraju dalam pasaran kimia pembinaan di Malaysia.

Di bawah industri ini, satu projek pembesaran/pelbagaian yang penting telah diluluskan pada tahun 2020 iaitu projek oleh Cabot Materials Research Sdn. Bhd. bagi mengeluarkan komposit elastomer yang direka bentuk, khusus bagi aplikasi tayar dan getah perindustrian. Projek ini membolehkan syarikat menubuhkan fasiliti pengilangan lestari di Asia Tenggara, memandangkan produk keluaran Cabot Materials Research telah diiktiraf dalam senarai *Top 10 Elastomers for Sustainability* yang diperkenalkan buat pertama kalinya oleh *European Rubber Journal* pada Julai 2020.

## Pelaburan Diluluskan dalam Industri Kimia dan Produk Kimia Tahun 2020

### Pelaburan Domestik berbanding Asing

74 projek diluluskan



### Projek Pembesaran/Pelbagaian berbanding Projek Baharu

**RM6.3 bil** Jumlah pelaburan

<b>RM5 bil</b>	79.1%	41 Projek baharu
<b>RM1.3 bil</b>	20.9%	33 Projek pembesaran/pelbagaian

### Peluang Pekerjaan



**3,562** Jumlah peluang pekerjaan

Industri kimia dan bahan kimia masih mempunyai ruang untuk mencapai pertumbuhan, pembangunan dan penambahbaikan, terutamanya dengan mengambil iktibar daripada pandemik yang tercetus pada tahun 2020. Pemain-pemain industri harus merancang secara strategik bagi meningkatkan ketangkasian, ketahanan dan kelestarian operasi syarikat masing-masing yang akan memaksimumkan keuntungan perniagaan. Secara khususnya, pemain-pemain industri perlu memupuk budaya inovasi bagi meningkatkan nilai ekonomi industri. MIDA giat memainkan peranan dalam menggalakkan aktiviti R&D serta adaptasi dan pengkomersialan teknologi baharu bagi memastikan industri ini lebih maju, berteknologi tinggi dan juga berautomasi tinggi.

Para pelabur berpotensi boleh meneroka peluang untuk mendalami bidang inovasi menerusi penghasilan bahan kimia khusus atau *effect chemicals*, memandangkan pasaran untuk produk-produk ini kini muncul sebagai salah satu segmen utama dalam industri kimia global. Bahan kimia ini digunakan untuk menghasilkan kesan kimia

khusus yang boleh meningkatkan prestasi dan fungsi produk-produk akhir seperti kosmetik, F&B dan produk penjagaan diri. Berdasarkan laporan Allied Market Research pada Disember 2019, bahan kimia khusus meliputi tujuh segmen utama iaitu aditif makanan, bahan kimia kosmetik, bahan kimia tekstil, bahan kimia rawatan air, bahan kimia binaan, bahan kimia kertas dan pulpa serta bahan kimia oil field.

Menurut Laporan Allied Market Research, "The Specialty Chemicals Report Outlook 2027" yang diterbitkan pada Mei 2020 pula menganggarkan bahawa nilai pasaran bahan kimia khusus global berjumlah US\$711 bilion pada tahun 2019 dan diunjurkan akan mencecah US\$953.9 bilion menjelang tahun 2027 dengan kadar CAGR sebanyak lima peratus daripada tahun 2020 hingga 2027. Perkembangan pasaran ini akan dipacu oleh permintaan bagi bahan-bahan farmaseutikal, agrokimia dan bahan-bahan industri pengguna akhir seperti aditif makanan, bahan kimia kosmetik, serta pulpa dan kertas.

Penghasilan bahan kimia khusus memerlukan formulasi dan pengkhususan yang kompleks. Oleh yang demikian, adalah penting bagi Malaysia untuk membangunkan kepakaran dalam dalam memahami komposisi, ciri-ciri dan aplikasi pelbagai bahan kimia khusus.

MIDA aktif bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan untuk mempromosikan dan menyediakan perkhidmatan pelaburan dalam segmen kimia khusus, serta menawarkan pelbagai insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan (PIA), 1986 kepada pemain-pemain industri. Sehubungan itu, pelabur-pelabur berpotensi digalakkan menerokai peluang untuk menjadikan Malaysia sebagai tapak permulaan operasi perkilangan untuk menembusi pasaran kimia khusus di Asia Pasifik.

Malaysia beraspirasi untuk menceburi pelbagai subsegmen baharu dalam segmen kimia khusus dalam tempoh masa terdekat. Pemain-pemain industri telahpun mula meneroka peluang untuk menghasilkan produk bahan kimia khusus daripada minyak mentah dengan menggunakan teknologi Crude Oil-To-Chemicals (COTC). Produk-produk

bukan bahan bakar yang boleh dihasilkan seperti bahan pemangkin, bahan aroma, alkohol putih (nafta), lilin dan minyak putih menawarkan pasaran yang luas memandangkan kesemuanya boleh dijadikan bahan aditif untuk kegunaan pelbagai industri seperti makanan dan minuman, pembinaan dan automotif.

Satu lagi ruang yang berpotensi untuk dibangunkan adalah pembentukan semula dasar pemasaran dan pengurusan rantaian bekalan bagi membantu industri mempelbagaikan sumber bahan mentah dan pasarannya. Aktiviti pembangunan sebegini akan memberikan peluang kepada pemain industri untuk memilih rangkaian pembekal dan pasaran sasaran yang lebih luas serta meningkatkan fleksibiliti dan kebebasan syarikat dalam menjalankan operasi perniagaan. Sebagai contoh, perdagangan kimia dan produk kimia Malaysia yang sebelum ini tertumpu kepada pasaran PRC terjejas teruk apabila perdagangan barang tidak dapat diteruskan ekoran daripada kawalan sempadan antarabangsa. Walau bagaimanapun, industri ini berjaya beralih ke segmen pasaran baharu dengan menawarkan produk-produk pengguna kepada pasaran tempatan. Ini membuktikan bahawa pasaran tempatan mempunyai potensi yang besar untuk dibangunkan. Pada sudut yang lain pula, jurang bekalan input dalam pasaran tempatan harus dikenalpasti bagi membolehkan industri kimia dan produk kimia mencari sumber input alternatif sebagai persediaan dalam tempoh jangka masa yang panjang.

## **Produk Petroleum (Termasuk Petrokimia)**

Kepakaran syarikat-syarikat Malaysia dalam industri produk petroleum (termasuk petrokimia) tertumpu dalam bidang pengeluaran gas asli, produk petroleum dan petrokimia. Pada tahun 2020, produk petroleum dan gas asli cecair (LNG) masing-masing menyumbang sebanyak 6.3 peratus (RM61.9 bilion) dan 2.9 peratus (RM28.8 bilion) kepada jumlah keseluruhan eksport Malaysia bernilai RM981 bilion. Walau bagaimanapun, pada tahun 2019, hasil daripada sektor petroleum menurun sebanyak 40.3 peratus iaitu menyusut daripada RM83.8 bilion kepada RM50 bilion.

Industri petroleum (termasuk petrokimia) beransur pulih daripada impak pandemik COVID-19 memandangkan permintaan yang semakin meningkat bagi produk-produk petrokimia terutamanya produk yang mengandungi polimer seperti polipropilena (PP) untuk kelengkapan perlindungan diri (PPE) utama – pelitup muka, gaun pembedahan dan tisu antibakteria; polietilena (PE) untuk pembungkusan makanan dan kelengkapan; serta polimetil metakrilat (PMMA) untuk skrin pelindung muka. Industri ini dijangka mengalami pertumbuhan sederhana, didorong oleh faktor permintaan yang tinggi daripada sektor penjagaan kesihatan dan kos bahan mentah (*feedstock*) yang menurun berikutan harga minyak yang rendah.

Pada tahun 2020, terdapat 11 projek yang diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM15.5 bilion dan akan menjana 765 peluang pekerjaan baharu. Projek-projek yang diluluskan ini terdiri daripada lapan projek baharu dengan nilai pelaburan sebanyak RM12.1 bilion dan tiga projek pembesaran/pelbagai dengan nilai pelaburan sebanyak RM3.4 bilion. Pelaburan ini kebanyakannya disalurkan oleh pelaburan domestik yang menyumbang sebanyak RM12.6 bilion atau (81%) daripada jumlah keseluruhan, manakala pelaburan asing pula menyumbang sebanyak RM2.9 bilion (19%).

Projek yang menjadi fokus utama pada tahun ini merupakan kelulusan untuk fasiliti LNG terapung kedua di Malaysia yang dibangunkan oleh PETRONAS Floating LNG 2 (L) Ltd (PFLNG2) dengan pelaburan tinggi berjumlah RM11.7 bilion. Syarikat ini ditubuhkan pada 20 Mac 2014 di bawah Akta Syarikat Labuan, 1990 dan bertanggungjawab mengendalikan fasiliti LNG terapung bersepadu bagi aktiviti-aktiviti *floating production, storage and offloading* (FPSO). Fasiliti terapung ini direka khusus untuk membekalkan sumber tenaga lebih bersih baharu dengan mengekstrak gas dari simpanan gas laut dalam hingga kedalaman 1,500 meter. Fasiliti yang kini berlabuh di lapangan gas Rotan di luar pesisir Sabah ini akan memulakan operasinya bermula pada suku pertama (Q1) tahun 2021 dan dijangka bersedia menjalankan pengeluaran komersial menjelang pertengahan tahun kedua 2021 dengan kapasiti output sebanyak 1.5 juta tan LNG setahun (MTPA). Malaysia mempunyai salah satu fasiliti

pengeluaran LNG bertempat di satu lokasi yang terbesar di dunia dengan kapasiti sebanyak 29.3 MTPA di Bintulu, dan fasiliti PFLNG Satu di lapangan gas Kebabangan (KBB) di luar pesisir Sabah dengan kapasiti sebanyak 1.2 MTPA.

## Pelaburan Diluluskan dalam Industri Produk Petroleum (Termasuk Petrokimia) Tahun 2020

### Pelaburan Domestik berbanding Asing

11 projek telah diluluskan



### Projek Pembesaran/Pelbagai berbanding projek baharu

**RM15.5 bil** Jumlah Pelaburan



### Peluang Pekerjaan



**765** Jumlah peluang pekerjaan

Satu lagi projek penting dalam industri petroleum (termasuk petrokimia) adalah projek pembesaran dan pelbagai dari Kemaman Bitumen Company Sdn. Bhd. (KBC), anak syarikat milik penuh TIPCO Asphalt Public Company Limited, iaitu sebuah konglomerat yang disenaraikan di Bursa Saham Thailand. Kilang penapisan syarikat di Kemaman, Terengganu telah diiktiraf pensijilan ISO, beroperasi sejak tahun 2007. Kilang pemprosesan syarikat ini dianggap unik di Asia, kerana ianya direka khas untuk memproses minyak mentah dengan kandungan naftenik tinggi menjadi asfalt berkualiti tinggi menerusi aplikasi teknologi proses *straight-run*. Selain asphalt sebagai keluaran utamanya, kilang penapisan ini juga menghasilkan




*heavy vacuum gas oil (HVGO), light vacuum gas oil (LVGO), atmospheric gas oil (AGO), kerosin dan nafta.* Projek pembesaran/pelbagai ini akan meningkatkan kapasiti pemprosesan minyak mentah daripada 30,000 tong sehari kepada 60,000 tong sehari. Kelulusan projek ini melibatkan pelaburan tambahan sebanyak RM1.8 bilion dari KBC, dan mewujudkan hingga 50 peluang pekerjaan sepenuh masa baharu.

Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia PETRONAS (RAPID) di Kompleks Bersepadu Pengerang di Johor yang dijangka siap pada tahun 2021 akan menyumbang kepada peningkatan output penapisan Malaysia sehingga ke 300,000 tong sehari (bpd). Peningkatan output ini bukan sahaja dapat memenuhi permintaan domestik untuk petrol dan diesel yang mematuhi ketetapan Bahan Bakar Euro 5 oleh Eropah, tetapi juga merupakan situasi yang positif bagi produk petroleum Malaysia untuk pasaran eksport. Di samping itu, hasil output penapisan, terutamanya nafta, akan digunakan sebagai input untuk kompleks bersepadu petrokimianya bagi mengeluarkan produk petrokimia sebanyak 3.3 tan setahun. Kesemua elemen ini serta tumpuan Negara ke arah membangunkan pelbagai jenis

bahan kimia yang berbeza dan khusus menjadi fokus utama pertumbuhan industri ini.

Senario masa kini membuka peluang kepada pemain industri untuk menilai semula beberapa faktor seperti kesesuaian portfolio sedia ada syarikat bagi memenuhi perubahan permintaan pasaran, ketersediaan teknologi baharu, serta peralihan landskap perniagaan. Kebanyakan pemain industri kini lebih tertumpu kepada pembangunan segmen kimia khusus memandangkan segmen ini membawa margin keuntungan yang lebih tinggi dan memberikan peluang perniagaan yang lebih lestari kepada pemain industri dengan memanfaatkan teknologi canggih bagi mengakses pasaran dan pelanggan baharu.

Tambahan pula, disebabkan ketidaktentuan harga minyak mentah, penurunan permintaan bahan bakar sektor pengangkutan serta ketidakstabilan harga bagi produk komoditi dan petrokimia asas, kilang-kilang penapisan kini beralih ke arah integrasi yang lebih tinggi untuk menghasilkan produk petrokimia hiliran yang mempunyai ciri-ciri tawaran nilai (*value proposition*) yang lebih baik.



Sumber: IHS Markit

Bagi merealisasikan objektif ini, teknologi *Crude Oil-To-Chemicals* (COTC) boleh dipelopori oleh para pelabur.

IHS Markit telah melaporkan bahawa teknologi COTC adalah kemajuan teknologi berevolusi untuk proses integrasi penapisan dan petrokimia yang berupaya menggandakan keuntungan yang diperoleh dari satu tong minyak mentah. Kilang pemprosesan berintegrasi yang menggabungkan kilang penapisan dengan kilang petrokimia berpotensi mewujudkan peluang untuk mengaut keuntungan yang lebih lumayan. Terdapat empat tahap integrasi penapisan petrokimia dan COTC berada pada tahap integrasi tertinggi di mana ia menyumbang kepada penghasilan kimia melebihi 70 peratus dalam penapisan petrokimia minyak berintegrasi.

Di Malaysia setakat ini, terdapat enam loji penapisan konvensional tidak berintegrasi yang beroperasi dengan kapasiti sebanyak 700,000 tong sehari. Pelaburan dalam teknologi COTC akan membolehkan syarikat-syarikat penapisan dan petrokimia di Malaysia membangunkan fasiliti yang berupaya memproses minyak mentah gred tinggi kepada bahan kimia pada kadar yang lebih tinggi, berbanding dengan bahan bakar dan produk bertapis sedia ada.

Apa yang penting, adaptasi teknologi yang giat berkembang seperti IoT dan Industri 4.0 akan memberikan manfaat kepada kompleks penapisan yang berintegrasi dengan petrokimia dapat mewujudkan proses pengeluaran yang lebih efisien serta memaksimumkan output kimia bernilai tinggi. Penemuan pelbagai teknologi baru berasaskan Industri 4.0 antara lainnya, dapat menyumbang kepada penggunaan karbon yang optimum; pengekstrakan dan penggabungan dengan hidrogen; emisi rendah; penggunaan pintar utiliti serta perbelanjaan modal yang optimum. Tidak dinafikan bahawa industri produk petroleum (termasuk petrokimia) merupakan sektor yang signifikan kepada ekonomi negara. Justeru, MIDA telah memperkenalkan beberapa inisiatif bagi mengukuhkan ekosistem industri petrokimia, untuk menarik minat syarikat-syarikat penyedia teknologi. Inisiatif ini dapat memperbaharui serta memberi nafas baharu kepada pengstrukturkan kompleks proses petrokimia, sejajar dengan usaha menjadikan industri ini lebih berdaya saing pada masa hadapan.

### Produk Plastik

Pandemik COVID-19 dan langkah PKP yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah memberi pelbagai impak yang berbeza kepada industri

produk plastik. Permintaan yang meningkat bagi produk pembungkusan, terutamanya bagi perniagaan yang terlibat dengan perkhidmatan e-dagang dan penghantaran makanan telah memberi manfaat kepada pengilang-pengilang produk pembungkusan plastik. Trend ini dijangka akan berterusan kerana hampir kesemua golongan masyarakat, sama ada yang berada di rumah ataupun di tempat bekerja masing-masing terpaksa menyesuaikan diri dengan norma baharu iaitu menikmati hidangan di rumah, membawa pulang makanan atau memesan penghantaran makanan, berbanding sebelum ini hidangan boleh dinikmati di kedai kopi, warung atau restoran. Menurut laporan ReportLinker.com, "Malaysia Plastics Market - Growth Trends and Forecast" (2020-2025), industri produk plastik di Malaysia diunjurkan akan berkembang pada CAGR sebanyak empat peratus daripada tahun 2020 hingga 2025, ekoran peningkatan permintaan pembungkusan makanan dan minuman.



Sebaliknya, kategori produk plastik lain yang membekal kepada sektor bukan keperluan seperti pembinaan, automotif, barang isi rumah dan pengguna, tidak menunjukkan perkembangan baik semasa pandemik ini. Menurut Persatuan Pengilang Plastik Malaysia (MPMA), jumlah kerugian sektor ini semasa Fasa 1, 2 dan 3 PKP adalah kira-kira RM2.9 bilion atau bersamaan dengan hampir sembilan peratus daripada jumlah jualan tahunan sebanyak RM33.1 bilion pada tahun 2019.

Industri plastik telah menarik pelaburan bernilai RM1.1 bilion menerusi kelulusan 64 projek pada tahun 2020, dan akan mewujudkan 2,639 peluang pekerjaan. Sebanyak 35 projek yang diluluskan merupakan projek baharu yang menyumbang pelaburan sebanyak RM588.1 juta, manakala 29 projek pembesaran/pelbagai dengan nilai pelaburan sebanyak RM554.5


juta. Sumbangan DDI adalah sebanyak RM867.9 juta, yang meliputi 76 peratus jumlah pelaburan dalam industri ini, manakala baki RM274.7 juta (24%) adalah daripada FDI.

Susulan daripada peningkatan permintaan dalam subsektor pembungkusan plastik, syarikat milik penuh asing, EPE Packaging (Penang) Sdn. Bhd. telah diluluskan projek pembesaran yang bernilai RM74.4 juta bagi mengeluarkan bahan pembungkusan. Fasiliti pengilangan syarikat yang bertempat di Pulau Pinang menghasilkan kotak kertas, kotak plastik dan kotak keras, serta memainkan peranan sebagai hab penghantaran sehenti untuk para pelanggan sekitar negeri tersebut. EPE Packaging Malaysia Group telah mencebur industri plastik sejak tahun 1994 dengan lokasi kilang di Pulau Pinang, Shah Alam dan Johor, menjadikan ia salah sebuah syarikat pembungkusan yang terbesar di Semenanjung Malaysia. Syarikat meraih hasil jualan melebihi RM5 juta setiap bulan. Kumpulan syarikat ini merupakan ahli EPE International yang beribu pejabat di Tokyo, Jepun, dan merupakan peneraju dalam sektor pembungkusan sejak 45 tahun lalu dengan 50 cawangan di seluruh dunia meliputi rantau Asia, Eropah dan AS.

## Pelaburan Diluluskan dalam Industri Produk Plastik Tahun 2020

### Pelaburan Domestik berbanding Asing

64 projek diluluskan



### Projek Pembesaran/Pelbagai berbanding Projek Baharu

**RM1.1 bil** Jumlah pelaburan

<b>RM588.1 juta</b>	<b>53%</b>	35 Projek baharu
<b>RM554.5 juta</b>	<b>47%</b>	29 Projek pembesaran/pelbagai

### Peluang Pekerjaan



Sementara itu, satu lagi syarikat plastik tempatan, Arita Plastics Industries (M) Sdn. Bhd., akan memperluas kapasiti pengeluarannya bagi panel termoplastik *extruded*, menerusi pelaburan yang diluluskan bernilai RM58.2 juta. Permintaan bagi produk syarikat, pelindung skrin/*shield* jelas semakin meningkat didorong oleh peningkatan kadar penggunaannya sebagai kotak intubasi untuk tujuan perubatan serta peralatan perlindungan untuk pejabat, restoran dan kawasan umum. Arita Plastics Industries, yang berpusat di Pulau Pinang ini mempunyai pengalaman menghasilkan termoplastik selama lebih 40 tahun, dan menjalankan aktiviti *extrusion* plastik selama lebih 27 tahun. Syarikat ini juga merupakan salah satu syarikat pengilangan dan perdagangan terbesar bagi produk plastik extrusion sheets di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan salutan anti-calar dan anti-mikrobial, *thermoforming*, dan *vacuum-forming* untuk memenuhi pelbagai keperluan khusus di pasaran. Jenama milik syarikat, "A-PLAS", terkenal di Asia Tenggara, Jepun, ROK, PRC, Taiwan, Hong Kong SAR, India, Eropah dan Afrika Selatan bagi produk plastik *sheets* Gred-A dan plastik *sheets* gred optik.

Penggiat industri produk plastik harus bersedia dengan pelbagai peluang dan juga cabaran pada masa hadapan. Antara peluang yang terbuka termasuklah inisiatif mempelbagaikan keluaran dengan menghasilkan produk plastik bernilai tinggi, plastik kejuruteraan dan bioplastik untuk sektor pembungkusan. Pemain industri yang akan dapat memanfaatkan peluang ini adalah syarikat-syarikat yang mempunyai keupayaan yang tinggi di sepanjang rantai nilai bermula daripada aktiviti R&D hingga ke pengedaran produk, serta syarikat-syarikat yang menjalankan kerjasama dengan universiti, institusi penyelidikan dan pembekal. Justeru, industri plastik akan berjaya mencipta lebih banyak produk berinovasi tinggi dan juga menghasilkan pelbagai produk plastik khusus bagi memenuhi permintaan dalam pasaran *niche* seperti automotif, E&E, peranti perubatan dan aeroangkasa. Bagi memanfaatkan peluang ini, MIDA bekerjasama dengan MPMA dan SIRIM untuk membangunkan pusat kecemerlangan bagi meningkatkan keupayaan para pengilang menghasilkan produk plastik berpotensi tinggi.

Pemain industri harus mempelbagaikan usaha untuk meningkatkan prestasi operasi syarikat dan

pada masa yang sama menangani cabaran seperti Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan yang dikenakan oleh Kerajaan bagi membendung penularan pandemik COVID-19. Sebagai contoh, syarikat berdepan dengan cabaran pengehadan bilangan pekerja yang dibenarkan bekerja dan pada masa yang sama syarikat perlu meningkatkan produktiviti, kecekapan kos dan kreativiti bagi memastikan kelancaran operasi dan kapasiti pengeluaran masing-masing. Oleh itu, terdapat ruang untuk para pelabur membantu memperkasakan pemain industri baharu dan sedia ada dengan melaksanakan automasi operasi serta meningkatkan adaptasi teknologi berkaitan Industri 4.0.

### Produk Getah

Hampir semua industri moden termasuk E&E, automotif, peranti perubatan, pembinaan dan pengilangan perindustrian, serta aplikasi modifikasi polimer dan aplikasi-aplikasi lain menggunakan produk getah, kerana ia adalah antara bahan mentah yang bersifat paling versatil. Selain daripada produk biasa yang berdasarkan getah seperti tayar, produk getah seperti sarung tangan perindustrian dan produk getah am lain, segmen produk getah baharu iaitu produk getah perindustrian termasuk produk getah *engineered* juga sedang berkembang pesat. Menurut *businessinsider.com*, segmen produk getah baharu ini diunjurkan akan berkembang pada kadar lima peratus daripada tahun 2021 hingga tahun 2027.

Malaysia menduduki tangga ketujuh di dunia bagi penghasilan getah asli (NR) dan produk getah keluaran Malaysia juga dieksport ke lebih 190 buah negara di seluruh dunia. AS dan Eropah kekal sebagai destinasi pasaran eksport terbesar bagi produk getah Malaysia.

Malaysia terkenal sebagai pembekal sarung tangan pemeriksaan dan sarung tangan pembedahan yang terbesar di dunia, dan menguasai lebih 50 peratus daripada permintaan global. Malah, Malaysia juga merupakan salah satu pembekal utama dunia untuk produk tayar baru, kateter, kondom dan benang lateks.

Pada tahun 2020, industri produk getah telah menyumbang sebanyak 4.4 peratus atau RM43.6 bilion kepada jumlah keseluruhan eksport Malaysia

(RM981 bilion). Ini adalah peningkatan yang amat ketara dari segi nilai dan peratusan berbanding pada tahun 2019 (jumlah eksport RM25.8 bilion atau 2.6%). Secara amnya, pandemik COVID-19 adalah punca utama permintaan dalam industri produk getah meningkat secara mendadak pada tahun 2020. Data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa penggunaan domestik NR meningkat sebanyak 6.3 peratus pada Oktober 2020. Sebanyak 76.1% daripada penggunaan ini adalah untuk menghasilkan sarung tangan getah bagi memenuhi permintaan yang mendadak bagi produk ini di rangkaian hospital dan klinik. Lembaga Getah Malaysia (MRB) merekodkan harga purata lateks pekat pada RM5.76 sekilogram pada Oktober 2020.

Pada tahun 2020, sebanyak 42 projek telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM4.3 bilion, nilai pelaburan yang lebih tinggi dalam lingkungan RM1.2 bilion yang direkodkan pada tahun 2019. FDI mendominasi sektor ini dengan pelaburan berjumlah RM406 juta, manakala DDI menyalurkan RM3.9 bilion, lebih lima kali ganda berbanding RM718.52 juta yang direkodkan pada tahun 2019. Pelaburan yang diluluskan ini terdiri daripada 31 projek baharu bernilai RM3.9 bilion dan 11 projek pembesaran/pelbagaiannya bernilai RM421 juta. Semua pelaburan ini dijangka akan menjana 11,498 peluang pekerjaan baharu, iaitu lebih 9,500 peluang pekerjaan pada tahun 2019.

MSL Rubber Industries Sdn. Bhd. berlokasi di Shah Alam, Selangor adalah sebuah syarikat Malaysia yang komited untuk mengeluarkan pelbagai jenis produk getah berkejuruteraan teknikal bagi melengkapkan ekosistem produk getah perindustrian dan kejuruteraan di dalam negara. Syarikat ini memiliki lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam industri produk getah dengan modal berbayar melebihi RM2.5 juta. Syarikat telah melabur RM100 juta untuk menghasilkan rangkaian lengkap solusi kejuruteraan getah meliputi penggelek getah, pengadang marin, *anti-abrasion rubber linings* dan pelapik getah perlindungan anti-karat.

Setakat ini, pasaran produk getah bukan sahaja perlu memenuhi keperluan utama, sarung tangan getah tetapi juga perlu memenuhi permintaan yang semakin tinggi daripada industri automotif,

barang pengguna, pakaian dan kasut. Permintaan yang meningkat bagi produk-produk ini mewujudkan peluang yang baik yang perlu dimanfaatkan oleh pemain-pemain industri dalam jangka masa terdekat. Buat masa ini, industri produk getah bergantung kepada tenaga buruh asing dengan operasi pengeluaran secara manual dan separuh automatik. Oleh itu, para pelabur digesa membantu mengubah landskap industri ini dengan memperkenalkan elemen teknologi baharu dan menyuntik pelaburan bermodal tinggi bagi mengadaptasi automasi dan pendigitalan. Pemain-pemain industri juga boleh memanfaatkan Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF) dan insentif Elaun Modal Automasi di bawah MIDA bagi menaik taraf jentera dan kelengkapan, menjalankan aktiviti R&D dan program latihan bagi meningkatkan kemahiran pekerja agar syarikat lebih kompetitif, mampan dan berdaya saing dalam menghadapi sebarang cabaran pada masa hadapan.

## Pelaburan Diluluskan dalam Industri Produk Getah Tahun 2020

### Pelaburan Domestik berbanding Asing

42 projek diluluskan



### Projek Pembesaran/Pelbagaiannya berbanding Projek Baharu

**RM4.3 bil** Jumlah pelaburan

RM3.9 bil	90.7%	31 Projek baharu
RM421 juta	9.3%	11 Projek pembesaran/pelbagaiannya

### Peluang Pekerjaan



Peralihan industri ini yang kini sangat bergantung kepada penggunaan tenaga buruh yang tinggi ke arah penerapan teknologi bersalinghubung, automasi dan pendigitalan akan dapat meningkatkan

produktiviti, kecekapan serta mengukuhkan daya saing dan ketangkasan pemain-pemain industri dalam mentransformasikan landskap pengilangan masing-masing.

Pihak pelabur boleh memanfaatkan peralihan perindustrian daripada produk getah biasa kepada produk getah berkejuruteraan yang bernilai tinggi, atau produk getah berteknologi tinggi. Sebagai contoh, pada tahun 2019, Doshin Rubber Products (M) Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat kumpulan syarikat Kossan yang berpusat di Jepun, telah diluluskan projek pengeluaran produk getah kejuruteraan dan perindustrian bagi kegunaan industri pengangkutan.

Para pelabur juga boleh mempertimbangkan aktiviti R&D bagi menghasilkan produk-produk getah yang lebih kompetitif dari segi kos dengan ciri-ciri getah sintetik. Getah sintetik lazimnya digunakan untuk tujuan meningkatkan kuasa ketegangan tayar, serta menghasilkan sarung tangan nitril, memandangkan ia mempunyai ketahanan tebukan yang tinggi dan ketahanan kimia yang lebih baik berbanding sarung tangan lateks NR.

Kerajaan Malaysia menyedari kepentingan industri produk getah yang semakin meningkat. Atas faktor ini, kerajaan telah menubuhkan Bandar Getah Kedah (KRC), iaitu taman perindustrian khas bagi industri getah yang pertama di negeri Kedah dengan keluasan 1,244 ekar dan pelaburan berjumlah RM417 juta. Selain bertujuan untuk memacu pembangunan industri getah Malaysia, KRC juga diposisikan sebagai hab perindustrian getah bernilai tinggi bagi rantau ASEAN.

Memandangkan KRC terletak di lokasi yang strategik, iaitu di kawasan "Jalur Getah" di sempadan Malaysia-Thailand, KRC boleh memanfaatkan sumber bekalan getah mentah dalam kuantiti yang banyak bagi membangunkan sebuah ekosistem yang lengkap bagi industri getah di kawasan Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand. Apabila projek ini selesai dibangunkan, KRC akan menyediakan sebuah ekosistem yang kondusif untuk pembangunan industri berdasarkan getah yang lestari.



KRC menawarkan pelbagai manfaat kepada para pelabur seperti pasaran yang lebih luas, merangkumi negara-negara ASEAN dan Asia Pasifik dan akses kepada sokongan teknikal seperti fasiliti pengujian bertaraf dunia, sokongan untuk meningkatkan kemahiran pekerja bagi memenuhi keperluan Industri 4.0, dan juga sokongan R&D.

Seiring dengan evolusi teknologi yang pantas, pengilang-pengilang industri getah perlu tangkas melaksanakan transformasi landskap pengilangan agar menjadi lebih kompetitif. Pengilang-pengilang industri produk getah harus berusaha ke arah mengadaptasi automasi serta pendigitalan bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan operasi masing-masing.

### Oleokimia

Industri oleokimia Malaysia mengalami pertumbuhan yang baik sepanjang tahun 2020, dipacu oleh peralihan industri-industri daripada penggunaan minyak mentah atau nafta sebagai bahan utama kepada penggunaan minyak sayuran seperti minyak sawit dan minyak isirung sawit. Menurut syarikat penyelidikan dan perunding pasaran Grand View Research Inc., pasaran oleokimia global dijangka

akan berkembang pada CAGR sebanyak 5.8 peratus bermula daripada tahun 2020 dan mencapai nilai sebanyak US\$31.4 bilion menjelang tahun 2027. Pertumbuhan ini akan didorong oleh peningkatan permintaan bagi produk biokimia untuk pelbagai kegunaan pengguna termasuk detergen, sabun, kosmetik, produk farmaseutikal dan bioplastik.

Di Malaysia, sumber utama oleokimia adalah dari pelbagai jenis minyak yang terhasil secara semula jadi daripada kelapa sawit. Pemain-pemain industri yang menghasilkan oleokimia asas giat berusaha mencari peluang pelaburan dalam sektor hiliran untuk menghasilkan derivatif oleokimia seperti ester lemak, amina lemak, sabun berlogam dan bahan-bahan lain berasaskan sawit. Setakat tahun 2020, Malaysia mempunyai 21 pengilang oleokimia, dengan jumlah kapasiti pengeluaran sebanyak 2.7 juta tan setahun.

Selain itu, biodiesel sawit memainkan peranan yang penting dalam industri minyak sawit Malaysia. Kilang biodiesel Carotino Sdn. Bhd. adalah kilang pertama di peringkat global yang mengeluarkan biodiesel sawit untuk bahan bakar gred normal dan gred musim sejuk yang mematuhi peraturan-peraturan ketat negara AS dan Eropah. Kilang ini dibina menggunakan teknologi yang dibangunkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Aktiviti R&D yang diterajui oleh pihak MPOB serta projek-projek percubaan berskala besar untuk adunan diesel petroleum dan biodiesel sawit telah membolehkan penggunaan bahan bakar bio B5, B7, B10 dan B20 dalam sektor pengangkutan. Malaysia kini mempunyai 19 kilang biodiesel yang sedang beroperasi dengan kapasiti pemprosesan tahunan sebanyak 2.23 juta tan.

Biodiesel sawit bukan sahaja digunakan untuk tujuan pengangkutan tetapi boleh juga dimanfaatkan sebagai bahan bakar pemanas dalam dandang (boiler) domestik dan komersial. Menurut MPOB, biodiesel sawit boleh menyumbang kepada pengurangan emisi gas rumah hijau (GHG) sebanyak lebih 70 peratus berbanding diesel petroleum sekiranya biogas efluen kilang kelapa sawit (POME) dikumpul; jika tidak, penjimatan emisi GHG adalah lebih daripada 50 peratus.

Dalam usaha Malaysia menangani pandemik COVID-19, ketersediaan bekalan pensanitasi tangan dan pembasmi kuman yang mencukupi adalah

sangat kritikal. Satu formulasi baharu untuk produk pensanitasi tangan yang mengandungi gliserin, vitamin E dan etanol telah dihasilkan menggunakan teknologi yang dibangunkan di Malaysia sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan penggunaan oleokimia di negara ini.

Sebanyak enam projek telah diluluskan dalam industri ini pada tahun 2020, dengan pelaburan bernilai RM1.2 bilion, atau kenaikan hampir RM300 juta (30.7%) daripada RM918.1 juta pada tahun 2019. Sebahagian besar daripada pelaburan ini disumbang oleh DDI menerusi RM997.7 juta atau 83.2 peratus, (peningkatan sebanyak 80.4 peratus daripada tahun 2019), manakala bakinya adalah daripada FDI. Kesemua projek ini dijangka akan menyediakan lebih daripada 456 peluang pekerjaan baharu.

## Pelaburan Diluluskan dalam Industri Oleokimia Tahun 2020

### Pelaburan Domestik berbanding Asing

6 projek diluluskan



### Peluang Pekerjaan

456 Jumlah peluang pekerjaans

Satu projek penting dalam industri oleokimia adalah pelaburan yang diluluskan bernilai RM103 juta daripada LSChem Industry Sdn. Bhd. Kilang syarikat ini yang terletak di Taman Perindustrian Tanjung Langsat, Johor Darul Ta'zim mengeluarkan isopropanol, diaseton alkohol, natrium metilat dan solketal. Fasiliti LS Chem Industry ini akan meningkatkan lagi pengeluaran produk oleokimia di kawasan selatan Semenanjung Malaysia. Di samping itu, sebagai pengeluar oleokimia khusus, projek syarikat ini akan memangkin pelaksanaan inisiatif

biodiesel di Malaysia, seiring dengan matlamat Kerajaan untuk meningkatkan penggunaan biodiesel.

Sebuah lagi projek daripada syarikat milik penuh tempatan telah diluluskan pada tahun 2020 bagi mengeluarkan biometana daripada POME dengan cadangan pelaburan sebanyak RM23 juta. Projek biometana ini dijangka akan membuka pelbagai peluang pekerjaan tambahan. Biometana adalah bahan bakar boleh diperbaharui yang lazimnya digunakan untuk melengkapi tenaga elektrik boleh diperbaharui bersela (*intermittent renewable electricity*), lantas menyediakan bekalan tenaga yang boleh diperbaharui sepenuhnya.



Para pelabur mempunyai banyak peluang pelaburan untuk diterokai dalam industri oleokimia, memandangkan usahasama giat yang dijalankan pemain-pemain industri bagi mengukuhkan jalinan antara aktiviti huluan, pertengahan dan hiliran. Sebagai contoh, para pelabur boleh bekerjasama dengan sektor awam untuk mengenal pasti dan membangunkan produk-produk oleokimia yang mempunyai permintaan tinggi. Para pelabur juga berpeluang membiayai inisiatif adaptasi teknologi disruptif untuk syarikat-syarikat oleokimia bagi menyokong usaha keupayaan pengeluaran mereka daripada penghasilan oleokimia asas kepada oleokimia khusus atau bahan terbitan. MIDA bersama pihak-pihak berkepentingan yang terlibat telah mengenal pasti produk-produk yang dapat memenuhi jurang dalam keseluruhan rantai nilai ekosistem

ini, dan menggalakkan pemain industri untuk menghasilkan produk-produk yang boleh memenuhi permintaan pasaran *niche* bernilai tinggi.

## Kayu dan Produk Kayu & Perabot dan Lekapan

Industri berasaskan kayu Malaysia merupakan antara penyumbang hasil terbesar kepada pertumbuhan ekonomi negara sejak dua dekad yang lalu. Industri ini meliputi pengeluaran kayu gergaji, venir, produk panel (papan lapis, papan partikel, papan cip dan papan gentian), acuan dan kerja pertukangan dan penyambungan kayu (BJC), serta perabot dan komponen perabot, dan dianggarkan menggaji kira-kira 240,000 pekerja pada masa ini.

Pada tahun 2020, nilai eksport kayu dan produk kayu di Malaysia mencecah RM22 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak 48.3 peratus terdiri daripada eksport perabot kayu, dan 12.9 peratus daripada eksport papan lapis. Berdasarkan laporan Pusat Dagangan Antarabangsa 2019, eksport perabot Malaysia menduduki tangga kelapan di peringkat dunia; meningkat empat anak tangga dari tangga ke-12 pada tahun sebelumnya.

Syarikat-syarikat perabot di Muar, Johor memainkan peranan penting dalam eksport kayu dan produk kayu negara, dengan sumbangan sebanyak 60 peratus daripada nilai eksport. Muar dikenali sebagai hab perabot di Malaysia dan menempatkan 800 kilang yang menyumbang kepada 55-60 peratus daripada jumlah eksport perabot di Malaysia. Para pengilang perabot dan bahagian perabot di Muar diwakili oleh Persatuan Perabot Muar (MFA) yang ditubuhkan sejak tahun 1982.

Memandangkan industri perabot dikategorikan sebagai industri ‘bukan keperluan’, syarikat-syarikat perabot terpaksa ditutup pada permulaan krisis pandemik COVID-19 bagi mematuhi langkah kawalan pergerakan dan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat dalam membendung penularan jangkitan. Menurut Presiden MFA, langkah kawalan ini menyebabkan syarikat-syarikat perabot di kawasan tersebut mengalami kerugian sekitar RM500 juta akibat tidak dapat beroperasi selama 28 hari. Malah, ekoran daripada itu ini, syarikat-syarikat yang melanggar kontrak atau perjanjian perniagaan juga terpaksa menanggung denda hampir RM10 juta. Selain itu, syarikat-syarikat perabot juga menghadapi gangguan bekalan bahan mentah kayu.



Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah mengarahkan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) untuk menilai dan meluluskan permohonan syarikat untuk beroperasi semasa tempoh kawalan pergerakan, terutamanya syarikat perabot yang perlu memenuhi kontrak yang telah awal dipersetujui. Berikutan itu, pematuhan syarikat-syarikat ini terhadap prosedur operasi standard (SOP) telah diawasi oleh beberapa agensi seperti pihak polis (PDRM), MKN, pihak berkuasa tempatan, Majlis Keselamatan Negara dan Jabatan Perhutanan Negeri.

MPIC juga telah bekerjasama dengan beberapa pemain industri terpilih bagi melancarkan program ‘Perlادangan Komuniti’ di Batu Kikir pada 7 September 2020. Usahasama ini bertujuan untuk meningkatkan bekalan spesis kayu yang semakin berkurangan serta menyokong kelestarian bekalan kayu melalui penanaman spesis pokok yang cepat membesar seperti batai dan kayu putih. Program ini juga turut mensasarkan peningkatan pendapatan golongan B40 (kumpulan isi rumah yang memperoleh pendapatan 40 peratus terendah daripada jumlah keseluruhan pendapatan rakyat Malaysia) serta mengurangkan kebergantungan negara kepada hutan kekal sebagai sumber kayu dan bahan mentah lain.

Industri perabot PRC sebelum ini mendominasi pasaran AS dipengaruhi oleh faktor-faktor keupayaan pengeluaran berskala besar dan kos daya saing yang dimiliki negara tersebut. Walau bagaimanapun, situasi ini berubah sejak tahun 2019 susulan daripada perang dagangan antara PRC dan AS yang membuka ruang serta peluang kepada pemain industri di Malaysia. AS mula melihat Malaysia sebagai pembekal baharu, dan syarikat-syarikat perabot PRC pula menggunakan Malaysia sebagai pintu masuk ke pasaran AS. Kelulusan 10 projek pengeluaran kabinet dapur yang dijalankan oleh syarikat-syarikat PRC dan Taiwan juga telah secara langsung menyumbang kepada peningkatan eksport perabot di Malaysia sejak April 2020.

Pada tahun 2020, nilai eksport produk kayu di Malaysia berjumlah RM16.1 bilion, di mana perabot kayu mendominasi sektor ini dengan sumbangan sebanyak 66.1 peratus, dan baki 17.7 peratus disumbang oleh papan lapis. Sebanyak 29 projek diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM759 juta dalam industri kayu dan produk kayu, iaitu peningkatan sebanyak 7.2 peratus daripada RM707.7 juta yang dilaburkan pada tahun 2019. Sebanyak 21 daripada projek-projek ini merupakan projek baharu dengan pelaburan bernilai RM663.1 juta (87%), peningkatan lebih RM50 juta berbanding pada tahun 2019 (RM612.3

juta), manakala lapan lagi adalah projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan bernilai RM96 juta (13%). Pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM267.3 juta (35%), manakala pelaburan asing meningkat lebih RM80 juta daripada RM407.4 juta yang dilaburkan pada tahun 2019 kepada RM491.7 juta (65%) pada tahun 2020. Kesemua projek ini disasarkan menjana 2,092 peluang pekerjaan.

Sementara itu, subsektor perabot merekodkan kelulusan 47 projek dengan pelaburan sebanyak RM719.2 juta pada tahun 2020, atau lebih RM95 juta berbanding jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2019, iaitu RM623.6 juta. Daripada bilangan projek yang diluluskan pada tahun 2020 untuk subsektor perabot, 30 daripadanya merupakan projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM636.1 juta (88%), manakala bakinya adalah projek pembesaran/pelbagai bernilai RM83.1 juta (12%), atau lebih tiga kali ganda berbanding pelaburan pada tahun 2019 sebanyak RM26.7 juta. Pelaburan domestik mendahului dengan sumbangan sebanyak RM365.5 juta (50.8%), atau lebih dua kali ganda DDI pada tahun 2019, iaitu sebanyak RM179.5 juta, manakala FDI merekodkan pelaburan bernilai RM353.7 juta (49.2%). Kesemua projek ini dijangka akan mewujudkan 2,679 peluang pekerjaan.

Satu projek penting yang diluluskan pada tahun 2020 adalah daripada syarikat milik penuh asing menerusi sumbangan pelaburan sebanyak RM155 juta untuk mengeluarkan perabot kayu di Johor. Satu lagi projek utama yang diluluskan adalah aktiviti pengilangan perabot kayu dan bahagian perabot oleh sebuah syarikat milik majoriti asing melibatkan pelaburan bernilai RM81.2 juta.

### **Kertas, Percetakan dan Penerbitan**

Sejak beberapa tahun lalu, industri kertas, percetakan dan penerbitan Malaysia telah menerima suntikan pelaburan yang signifikan susulan daripada penubuhan operasi luar negara oleh beberapa syarikat pulpa dan kertas PRC di negara ini. Syarikat – syarikat Best Eternity Recycle Technology Sdn. Bhd., Jianhui Paper Kuantan (Malaysia) Sdn. Bhd., Jingxing Holdings (M) Sdn. Bhd., XSD International Paper Sdn. Bhd. dan ND Paper (Malaysia) Sdn. Bhd. telah membuat pelaburan sejumlah RM10.4 bilion. Kesemua syarikat ini dan beberapa syarikat gergasi industri di PRC telah melabur di Malaysia pada tahun

2020 berikutan perang perdagangan antara AS-PRC. Projek-projek ini melibatkan projek penubuhan kilang pulpa baharu atau pengambilalihan kilang sedia ada.

Kilang-kilang kertas PRC menggunakan teknologi moden dan sofistikated bagi mewujudkan proses pengeluaran automatik sepenuhnya dengan sistem bersepadau, IoT, analisis *big data* dan pengkomputeran *cloud*. Penerapan teknologi Industri 4.0 membolehkan kesemua kilang ini menjalankan operasi pengeluaran yang mesra alam dan proses pengawasan dan penyelenggaraan yang lebih cekap. Syarikat-syarikat PRC juga menggunakan teknologi dan proses yang sama di negara mereka diadaptasi pada fasiliti masing-masing di Malaysia. Ini membolehkan industri tempatan terus berkembang maju dengan teknik pengeluaran moden.

Pertumbuhan industri kertas, percetakan dan penerbitan dipengaruhi oleh beberapa isu berpanjangan seperti bekalan bahan mentah yang tidak mencukupi, pengurusan sisa dan alam sekitar, serta kebergantungan kepada pekerja asing. Bagi menangani isu-isu ini dan merangka penyelesaian yang terbaik, MITI dan MIDA telah menjalankan usahasama dengan beberapa kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan, serta agensi piawaian/teknikal termasuk persatuan industri. Pada tahun 2020, kerajaan Malaysia mengambil inisiatif untuk menyemak semula dasar yang menjelaskan industri ini, termasuk mengukuhkan garis panduan bagi pengimportan sisa kertas ke negara ini dan meminda dasar pengeksportan sisa kertas domestik ke luar negara.

Pandemik COVID-19 dan langkah kawalan yang dilaksanakan oleh kerajaan telah memberi impak kepada industri ini, terutamanya subsektor bahan pembungkusan. Pandemik ini telah meningkatkan keutamaan pengguna terhadap faktor keselamatan, kebersihan dan integriti produk. Gaya hidup pengguna kini menunjukkan penggunaan lebih banyak produk pembungkusan. Aktiviti pembelian dalam talian telah melonjak naik ekoran daripada penutupan kedai runcit semasa tempoh PKP serta penurunan kaedah pembelian secara fizikal. Trend ini telah mendorong kepada peningkatan permintaan bagi bahan pembungkusan, terutamanya pembungkusan khusus untuk e-dagang, dengan meminimumkan



risiko kerosakan, kehilangan dan pencemaran produk semasa penghantaran. Oleh itu, pada tahun 2020, sektor pembungkusan memainkan peranan yang kritikal dalam rantaian bekalan industri keperluan.

Pada tahun 2020, sebanyak 70 projek telah diluluskan dalam industri kertas, percetakan dan penerbitan dengan pelaburan bernilai RM7.8 bilion. Projek-projek ini disasarkan akan mewujudkan sebanyak 6,038 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan, sebanyak 38 projek merupakan projek baharu bernilai RM6 bilion, manakala 32 projek merupakan projek pembesaran/pebagaiannya bernilai RM1.8 bilion. Pelaburan asing menyumbang 88 peratus atau RM6.9 bilion, manakala RM918 juta atau 12 peratus lagi disalurkan oleh pelabur-pelabur domestik.

Kelulusan projek dalam subsektor produk pulpa, kertas dan papan kertas merangkumi 98.7 peratus atau RM7.7 bilion daripada jumlah pelaburan dalam industri ini, manakala baki RM169.2 juta adalah daripada subsektor percetakan dan penerbitan.

### **Pelaburan Diluluskan dalam Industri Kertas, Percetakan dan Penerbitan Tahun 2020**

#### **Pelaburan Domestik berbanding Asing**

**70** projek diluluskan



#### **Projek Pembesaran/Pelbagaiannya berbanding Projek Baharu**

**RM7.8 bil** Jumlah pelaburan

<b>RM6 bil</b>	77%	38 Projek baharu
<b>RM1.8 bil</b>	23%	32 Projek pembesaran/pelbagaiannya

#### **Peluang Pekerjaan**



**6,038** Jumlah peluang pekerjaan

**“ Kelulusan projek dalam subsektor produk pulpa, kertas dan papan kertas merangkumi 98.7 peratus atau RM7.7 bilion daripada jumlah pelaburan dalam industri ini, manakala baki RM169.2 juta adalah daripada subsektor percetakan dan penerbitan. ”**

# Program Lighthouse

Dalam merangka strategi untuk mempercepatkan peralihan sektor perkilangan dan perkhidmatan ke arah Industri 4.0, MIDA telah memperkenalkan Program *Lighthouse* Malaysia bagi mempacu Industri 4WRD untuk memastikan Malaysia kekal sebagai hab pelaburan pilihan. Program *Lighthouse* dilancarkan pada 21 Mei 2020 dengan hasrat untuk membantu penggiat-penggiat industri mempercepatkan penerapan Industri 4.0 ke dalam sektor-sektor perkilangan dan perkhidmatan. Berdasarkan model program ini, syarikat-syarikat yang telah mengadaptasi teknologi perkilangan pintar akan menjadi penanda aras untuk mendorong syarikat-syarikat lain yang ingin menerajui kecerdasan buatan (AI), analisis *big data*, pengkomputeran *cloud*, *Internet of Things* (IoT), dan perkilangan aditif dari peringkat fasa perintis hingga ke peringkat pengintegrasian sebenar.

Program *Lighthouse* tempatan ini adalah adaptasi dari sebuah projek anjuran bersama oleh World Economic Forum dan McKinsey Global *Lighthouse Project* yang dilancarkan pada tahun 2018, iaitu kerjasama penyelidikan dengan kilang-kilang yang terkehadapan dan terkemuka di dunia sepanjang perjalanan pembelajaran. MIDA mensasarkan Program *Lighthouse* ini akan berjaya menghasilkan projek-projek perkilangan dan perkhidmatan tempatan yang dapat menjadi contoh dan diiktiraf sebagai Penanda Aras/*Lighthouse* di Malaysia. Dengan kejayaan ini, para pengilang akan dapat melalui proses pembelajaran yang unik yang seterusnya akan memanfaatkan ekosistem pengeluaran di Malaysia.

Di samping itu, Program *Lighthouse* juga membantu syarikat-syarikat yang baru mula mengadaptasi proses dan teknologi perkilangan pintar dan berhasrat untuk mencapai piawaian Industri 4.0 supaya tidak kekal berada dalam fasa perintis, sebaliknya perlu beralih ke fasa seterusnya. Tambahan pula, disebabkan pandemik COVID-19, operasi perniagaan terpaksa diubah suai dari kaedah tradisional kepada pendekatan yang bercirikan digitalisasi dan memfokuskan kepada keperluan semasa pengguna. Malah, transformasi digitalisasi kini bukan lagi satu pilihan, akan tetapi ia merupakan satu syarat penting agar syarikat-syarikat dapat terus berdaya saing dalam situasi mencabar ini.

Penerapan teknologi dan transformasi ke arah digitalisasi telah mengubah operasi syarikat-syarikat dalam menjalankan perniagaan agar kekal berdaya tahan.

Program *Lighthouse* Malaysia ini memfokuskan kepada tiga langkah utama yang bertujuan untuk merancakkan peralihan industri ke arah masa depan perkilangan dengan mengaplikasi teknologi, mentransformasi tempat kerja, dan penskalaan rantaian bekalan hujung-ke-hujung melangkuai fasa perintis. Projek-projek ini akan menjadi sumber inspirasi dan penanda aras kepada syarikat-syarikat Malaysia lain yang ingin memanfaatkan potensi teknologi dalam mentransformasi dan menaik taraf sistem pengeluaran sedia ada. Dengan mengadaptasi Industri 4.0 pada fasa pengintegrasian berskala, syarikat-syarikat boleh menetapkan semula penanda aras kesan operasi dan kewangan mereka ke tahap baharu-satu usaha yang pasti memberi kesan yang besar kepada operasi perniagaan mereka. MIDA, sebagai agensi yang melaksanakan Program *Lighthouse* akan turut mengintegrasikan kesan pengganda ekonomi ke dalam DNA syarikat-syarikat dengan teknologi Perkilangan Pintar 4.0 seperti Inovasi/R&D, Kerjasama Ekosistem, Pembangunan Sosioekonomi dan Pembangunan Sumber Manusia.

Kerajaan Malaysia mengiktiraf kepentingan sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sehubungan itu, MIDA menyeru agar pihak-pihak berkepentingan dalam industri memanfaatkan segala bantuan yang disediakan oleh kerajaan. MIDA juga mengalu-alukan lebih banyak syarikat mengintegrasikan perniagaan mereka ke dalam rangkaian *Lighthouse*.

Dengan pengukuhkan sektor perkilangan dan perkhidmatan, tahap produktiviti kedua-dua sektor ini dapat ditingkatkan, lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan, kapasiti inovasi syarikat dan bekalan bakat berkemahiran juga akan turut meningkat. Kesemua faktor-faktor ini akan memacu ke arah kemakmuran ekonomi negara. Ianya juga dapat menarik projek perkilangan dan perkhidmatan pintar global ditubuhkan di Malaysia serta akan meningkatkan pelaburan bertenologi dan berkualiti tinggi.



Sumber: Maklumat diperoleh daripada *Global Lighthouse Network*.

# Pusat Sehenti (OSC) Memastikan Keselamatan Pelawat Perniagaan Sepanjang COVID-19

Dalam memastikan pemulihan dan pertumbuhan ekonomi negara, kepentingan kesihatan awam, kelangsungan hidup dan kelestarian ekonomi harus diseimbangkan. Pada awal Mei 2020, Kerajaan Malaysia telah membuka semula sektor-sektor ekonomi secara berperingkat dan ini disokong oleh pematuhan SOP yang ketat. Pemulihan sektor ekonomi secara berperingkat ini dapat dilihat melalui kemasukan FDI bagi sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama dengan pelaburan yang diluluskan adalah sebanyak RM64.2 bilion (39.1%) daripada RM164 bilion jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2020.

Antara langkah pemulihan yang utama adalah dengan memberi kebenaran kepada eksekutif dan individu berjawatan penting untuk memasuki negara agar dapat meneruskan tugas mereka, di samping memastikan langkah-langkah penjagaan kesihatan diambil kira. Berdasarkan keputusan yang dibuat oleh Majlis Tindakan Ekonomi pada 14 September 2020, Pusat Sehenti/One Stop Centre (OSC) telah ditubuhkan untuk mempercepatkan kelulusan kemasukan pelawat perniagaan ke Malaysia. OSC ini dikendalikan oleh MIDA dan diwakili oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH) dan Jabatan Imigresen Malaysia (IMI).

Jawatankuasa OSC menilai dan mengesyorkan kelulusan permohonan pelawat perniagaan dalam masa tiga hari bekerja tertakluk kepada maklumat lengkap yang dikemukakan. Mesyuarat jawatankuasa OSC di bawah seliaan MIDA diadakan setiap hari dan ia dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada MITI, MOH dan IMI.

Setiap pelawat perniagaan untuk tempoh jangka panjang iaitu berada di dalam negara lebih daripada 14 hari perlu menjalani kuarantin selama 10 hari. Manakala, pelawat perniagaan untuk tempoh jangka pendek iaitu berada di dalam negara dalam masa (dan termasuk) 14 hari tidak perlu menjalani kuarantin wajib, tertakluk kepada persetujuan Jawatankuasa OSC dan perlu mematuhi SOP yang ketat.

Setakat 19 Februari 2021, Jawatankuasa OSC telah menilai sejumlah 6,766 permohonan pelawat perniagaan

untuk tempoh jangka panjang dan 57 permohonan pelawat perniagaan untuk tempoh jangka pendek. Pelawat perniagaan yang diluluskan oleh jawatankuasa ini merupakan pelabur sedia ada dan pelabur berpotensi; seperti Schneider Electric Industries (M) Sdn. Bhd., Schmidt + Clemens (Asia) Sdn. Bhd., SK Nexilis Co Ltd Korea, Dexcom Inc. USA, dan Shenzhen Fastrain Technology Co. Ltd China. Kebanyakan urusan pelawat perniagaan ini adalah bagi memuktamadkan keputusan pelaburan, lokasi tapak kilang, pemasangan jentera serta memulakan operasi perkilangan.

Pusat Ketibaan Pelawat Perniagaan (BTC) di KLIA menawarkan ruang rehat perniagaan, makmal ujian COVID-19, dan pegawai bertugas atau pegawai perhubungan berkhidmat untuk pelawat perniagaan jangka pendek.

Laman web khas (*Malaysia Safe Travel*) menyediakan maklumat serta khidmat nasihat untuk memudahkan kemasukan pelawat perniagaan. Pelawat perniagaan jangka panjang dan jangka pendek boleh mengemukakan permohonan untuk memasuki Malaysia melalui sistem MyEntry di laman web safetravel.mida.gov.my. Permohonan perlulah dihantar dalam tempoh 14 hari sebelum memulakan perjalanan. Sekiranya perlu, pelawat perniagaan harus memohon visa dari Kedutaan Malaysia atau Pejabat Pesuruhjaya Tinggi/Konsulat di negara masing-masing sebelum memulakan perjalanan.

Kemudahan komprehensif yang disediakan di bawah OSC ini bertujuan untuk memudahkan pergerakan pelawat perniagaan dengan mempercepatkan kelulusan kemasukan mereka ke dalam negara. Ini akan menyumbang kepada pemulihan serta pertumbuhan ekonomi negara, di samping memberi keutamaan kepada keselamatan orang ramai. Usaha ini adalah penting bagi menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan untuk pelabur asing.

Walaupun menghadapi cabaran dalam situasi pandemik COVID-19, MIDA akan terus menggiatkan lagi usaha untuk memastikan Malaysia kekal sebagai pilihan utama pelabur asing. MIDA juga komited bagi memastikan semua langkah yang diambil bagi menjamin persekitaran perniagaan di negara ini sentiasa kondusif dan peka terhadap keperluan sektor swasta semasa dan akan datang.

## Kemudahan OSC

### Pusat Sehenti/One Stop Centre (OSC)



#### Jawatankuasa OSC

Diwakili oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH) dan Jabatan Imigresen Malaysia (IMI).



#### Pusat Ketibaan Pelawat Perniagaan (BTC)

Menawarkan:


- Perkhidmatan Laluan Hijau
- Kaunter Pendaftaran
- Makmal Ujian Khas RT-PCR COVID-19
- Ruang Rehat Perniagaan
- Pegawai Bertugas/Perhubungan



#### Laman Web

Menyediakan:

- Garis Panduan
- Prosedur
- Permohonan
- Soalan Lazim



# 3.0

## Prestasi Sektor Perkhidmatan



Sektor perkhidmatan ternyata terjejas teruk akibat daripada pandemik COVID-19. Antara sektor perkhidmatan yang terjejas adalah perkhidmatan pelancongan, pengangkutan dan pengedaran akibat daripada langkah kawalan pergerakan dan penjarakan sosial yang dilaksanakan bagi memastikan kesihatan awam. Pada masa yang sama, krisis ini bukan sahaja telah meningkatkan kepentingan perkhidmatan yang menyokong pembekalan dalam talian seperti telekomunikasi dan perkhidmatan berkaitan komputer, malah ia juga telah mengetengahkan peranan infrastruktur perkhidmatan pengangkutan, kewangan, pengedaran dan logistik dalam memudahkan aktiviti perdagangan dan pertumbuhan ekonomi.

Roberto Azevêdo, Ketua Pengarah, *Trade Outlook 2020*, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)



## Perjalanan Yang Berliku

Sektor perkhidmatan berdepan dengan pelbagai cabaran di peringkat tempatan dan juga global. Langkah-langkah yang diambil bagi membendung pandemik COVID-19 seperti kawalan pergerakan dan sekatan yang dilaksanakan pada pelbagai fasa yang berbeza, jelas sekali telah meninggalkan impak kepada sektor ini yang banyak berorientasikan interaksi bersemuka.



Sektor perkhidmatan berdepan dengan pelbagai cabaran di peringkat tempatan dan juga global. Langkah-langkah yang diambil bagi membendung pandemik COVID-19 seperti kawalan pergerakan dan sekatan yang dilaksanakan pada pelbagai fasa yang berbeza jelas sekali telah meninggalkan impak kepada sektor ini yang banyak berorientasikan interaksi bersemuka.

Sektor perkhidmatan memainkan peranan penting dalam menyediakan input untuk pelbagai aktiviti ekonomi termasuk menyokong ketersambungan rantaian bekalan dan memudahkan perdagangan barang. Oleh itu, gangguan bekalan perkhidmatan akibat pandemik ini telah mendatangkan impak yang meluas kepada ekonomi dan perdagangan.

Pengurangan aktiviti ekonomi juga menjadi punca utama pasaran perkhidmatan global mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) yang rendah iaitu 0.8 peratus, daripada US\$11.8 trilion pada tahun 2019 kepada US\$11.9 trilion pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, pasaran ini dijangka akan pulih semula dan berkembang pada kadar CAGR lapan peratus mulai tahun 2021 dan mencecah US\$14.7 trilion menjelang tahun 2023.

Menurut Laporan Tinjauan Ekonomi 2021 oleh Kementerian Kewangan, senario sektor perkhidmatan

di Malaysia diunjurkan akan melonjak semula pada kadar tujuh peratus pada tahun 2021. Tinjauan ini bergantung kepada normalisasi aktiviti ekonomi pada tahun 2021 dan pertumbuhan yang menyeluruh dijangka merangkumi kesemua sektor.

Bank Negara Malaysia (BNM), menerusi Laporan Pembangunan Ekonomi dan Kewangan di Malaysia untuk suku keempat 2020, turut melaporkan bahawa ekonomi Malaysia akan kembali pulih pada tahun 2021. BNM menyatakan bahawa prestasi positif ini didorong oleh peningkatan permintaan luar serta disokong oleh pelbagai langkah dan dasar negara seperti PENJANA, PRIHATIN, Belanjawan 2021 dan PERMAI.

Antara strategi untuk merangsang sektor perkhidmatan adalah Kerajaan Malaysia bercadang untuk melancarkan Rangka Tindakan Sektor Perkhidmatan Baharu (NSSB) pada tahun 2021. NSSB adalah sebuah rangka tindakan strategik di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) yang merangkumi pembangunan sektor perkhidmatan Malaysia untuk tempoh lima tahun akan datang. Kerajaan juga menggalakkan pertumbuhan sektor perkhidmatan dengan memberi penekanan kepada Industri 4.0, menerusi penggubalan beberapa dasar lain seperti Dasar Negara mengenai Industri 4.0 dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital yang telah dilancarkan baru-baru ini.

## Jumlah Pelaburan dalam Sektor Perkhidmatan Tahun 2020



Jumlah pelaburan diluluskan  
**RM66.7 Billion**



Jumlah projek diluluskan  
**3,527**



Jumlah peluang pekerjaan  
**33,652**


Pelaburan domestik  
**90.3%**  
RM60.2 bil

Jumlah  
**RM66.7**  
bil

Pelaburan asing  
**9.7%**  
RM6.5 bil



Penurunan sebanyak 45.2 peratus pelaburan diluluskan dalam sektor perkhidmatan (RM121.7 bilion pada tahun 2019 berbanding RM66.7 bilion pada tahun 2020) menunjukkan impak pandemik dan kesannya ke atas ekonomi.



Sebagai agensi pelaburan utama di Malaysia, MIDA memainkan peranan utama dalam menyumbang kepada pembangunan sektor perkhidmatan. MIDA komited untuk bekerjasama rapat dengan EPU dan MITI dalam merangka RMK-12 (2021-2025) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (2021-2030) serta memberi input untuk pelbagai pelan strategik negara.


MIDA akan berterusan berusaha untuk menggalakkan pembangunan keseluruhan sektor perkhidmatan dalam rantaian nilai, sekaligus memperkuuhkan daya saing dan kelestariannya. Ini boleh dicapai dengan memfokuskan kepada pertumbuhan subsektor perkhidmatan dengan aktiviti bernilai tambah tinggi yang boleh diperdagangkan; memiliki intensiti pengetahuan yang tinggi dan rantaian yang kuat dengan ekonomi yang lain; serta menjana pekerjaan berpendapatan tinggi.

### Prestasi Sektor Perkhidmatan Malaysia

Sektor perkhidmatan tempatan berjaya mengekalkan kedudukan sebagai penyumbang kedua terbesar pelaburan diluluskan pada tahun 2020, meskipun terjejas akibat landskap perniagaan di Malaysia yang bergolak. Pelaburan sebanyak RM66.7 bilion pelaburan telah diluluskan dalam sektor ini menerusi 3,527 projek yang dijangka akan mewujudkan 33,652 peluang pekerjaan.

Impak pandemik dan kesannya ke atas ekonomi mendorong kepada penurunan pelaburan diluluskan dalam sektor perkhidmatan sebanyak 45.2 peratus, daripada RM121.7 bilion pada tahun 2019 kepada RM66.7 bilion pada tahun 2020. Sebahagian besar subsektor perkhidmatan utama telah mencatatkan penyusutan dalam jumlah pelaburan yang diluluskan, kecuali projek berstatus MSC dan perkhidmatan lain seperti status BioNexus dan projek pembangunan perisian.

Syarikat tempatan mendominasi sektor perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 90.3 peratus atau RM60.2 bilion (2019: 79.7%, RM97 bilion) daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan. Sumber asing mencatatkan baki 9.7 peratus dengan pelaburan bernilai RM6.5 bilion (2019: 20.3%, RM24.7 bilion). Susulan pandemik ini, ternyata terdapat peningkatan dalam lokalisme dan regionalisme, di mana pemain domestik industri perkhidmatan menunjukkan peranan penting dalam menjana ekonomi tempatan. Subsektor utama yang menyerlah dalam pelaburan domestik yang diluluskan pada tahun 2020 adalah hartanah, utiliti, telekomunikasi dan perkhidmatan sokongan (terutamanya perkhidmatan logistik bersepada dan teknologi hijau).



Berikutan kepelbagaiannya sektor perkhidmatan Malaysia serta daya ketahanannya yang telah terbukti, para pelabur prospektif mempunyai banyak pilihan untuk memanfaatkan peluang perniagaan dalam pelbagai jenis subsektor perkhidmatan. Pada tahun 2020, lima penyumbang utama pelaburan diluluskan dalam sektor perkhidmatan merangkumi 84.4 peratus daripada pelaburan diluluskan dalam sektor perkhidmatan. Subsektor-subsektor tersebut adalah harta tanah (RM31.2 bilion), utiliti (RM10.8 bilion), perkhidmatan sokongan (RM5.2 bilion), telekomunikasi (RM5.2 bilion) dan status MSC (RM3.9 bilion).





## Tinjauan Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan yang pelbagai di Malaysia giat memanfaatkan teknologi terkini untuk berganjak ke rantaian nilai yang lebih tinggi, di samping meningkatkan lagi kecekapan operasi tatkala trend bekerja dari rumah dan automasi semakin meningkat semasa tempoh pandemik COVID-19. Perkhidmatan baharu yang muncul berkaitan dengan *Internet of Things (IoT)*, kecerdasan buatan (AI) dan rangkaian *cloud* akan semakin banyak mempengaruhi operasi sektor perkhidmatan.



## **Penubuhan Global**

### **Hab Prinsipal**

Pandemik COVID-19 telah mendorong syarikat-syarikat di serata dunia ke arah transformasi dan melaksanakan model global yang mengutamakan kerja jarak jauh. Perubahan dramatik dalam corak pekerjaan ini amat kritikal kerana tenaga kerja pada masa hadapan dijangka akan lebih cenderung kepada trend bekerja dari jarak jauh.

Situasi ini menyedarkan para peniaga agar menilai semula struktur perniagaan masing-masing yang kurang fleksibel. Syarikat harus membuat penyesuaian rantaian bekalan agar lebih dinamik serta berupaya bertindak balas dengan pantas terhadap sebarang perubahan dan gangguan di luar jangkaan. Apabila landskap perniagaan mengalami gangguan rantaian bekalan sebegini, hab serantau memainkan faktor utama dalam sesebuah perniagaan. Ini kerana strukturnya bukan sahaja memberi MNC akses kepada pelanggan dan rantaian bekalan, bahkan juga membantu meningkatkan kecekapan operasi syarikat.

Kerajaan prihatin dengan isu-isu berkenaan landskap perniagaan semasa, dan sehubungan itu telah mengumumkan Skim Insentif Hab Prinsipal (PH) pada November 2020 tepat pada masanya. Skim yang diubah suai yang dinamakan PH3.0 ini akan memangkin segala penambahbaikan yang dibuat di bawah skim PH2.0 terdahulu. PH2.0 sendiri adalah

versi yang dikemas kini (telah ditambah baik pada Oktober 2019) daripada Skim PH permulaan yang diumumkan buat pertama kalinya pada tahun 2015.

Syarikat-syarikat akan menikmati syarat-syarat yang kurang ketat di bawah PH3.0. Malah, dalam usaha menggalakkan penubuhan lebih banyak Hab Ibu Pejabat, Kerajaan telah mengumumkan menerusi Belanjawan 2021 bahawa tempoh permohonan untuk insentif PH bagi syarikat yang mengurus/mengawal perkhidmatan strategik yang layak akan dilanjutkan selama dua tahun lagi. Lanjutan tempoh permohonan ini diharap akan menarik lebih banyak syarikat baharu untuk memilih Malaysia sebagai lokasi operasi serantau masing-masing. Melalui Skim PH, Malaysia dapat mengukuhkan kedudukannya sebagai lokasi ibu pejabat terpilih di rantau Asia Pasifik, mengatasi pesaing-pesaing serantau yang lain seperti Singapura dan Hong Kong SAR.

Versi skim insentif PH 3.0 yang dipertingkatkan akan menjana lebih banyak peluang pekerjaan bernilai tinggi di Malaysia, lantaran itu meningkatkan kualiti bekalan bakat tempatan. Skim PH secara amnya mempunyai rekod prestasi yang terbukti berupaya menggalakkan syarikat-syarikat meningkat naik dalam rantaian nilai, serta menceburi perkhidmatan yang melibatkan tahap aktiviti pengurusan, pembuatan keputusan dan pengurusan risiko yang lebih tinggi. Peralihan syarikat-syarikat ini menjamin kewujudan lebih banyak peluang

pekerjaan berasaskan pengetahuan, terutamanya dalam sektor ekonomi utama seperti elektrikal dan elektronik (E&E), aeroangkasa, minyak dan gas (O&G), kimia serta makanan dan minuman.

Dengan memilih Malaysia sebagai lokasi untuk menjalankan operasi serantau atau global, syarikat-syarikat multinasional (MNC) juga akan melipatgandakan penggunaan perkhidmatan sokongan tempatan, dan seterusnya mengukuhkan peranan syarikat-syarikat tempatan dalam ekosistem perniagaan.

Bagi mengukuhkan lagi posisi Malaysia sebagai Hab Pengedaran atau Perolehan pilihan, Skim Pusat Dagangan Global (GTC) juga diumumkan semasa Belanjawan 2021. Skim ini akan menyokong agenda PH, dengan menyediakan insentif cukai dan bantuan tambahan bagi memudahkan aktiviti import dan eksport. Skim insentif cukai baharu untuk operasi GTC ini memperkenalkan kadar cukai pendapatan sebanyak 10 peratus bagi tempoh lima tahun dan boleh diperbaharui untuk lima tahun lagi, bertujuan untuk menambah baik insentif cukai bagi aktiviti-aktiviti perdagangan yang sebelum ini di bawah insentif PH.

Syarikat-syarikat dalam sektor pengilangan dan perkhidmatan utama yang berhasrat mencebur aktiviti-aktiviti perolehan, pengedaran dan perdagangan untuk mengukuhkan rantaian bekalan global masing-masing pasti akan tertarik untuk melabur di Malaysia, dengan adanya insentif-insentif yang ditambah baik dan baharu ini.

### Projek Diluluskan

Sejak skim PH diperkenalkan pada Mei 2015 sehingga kini, MIDA telah meluluskan sebanyak 38 projek PH. Projek-projek ini akan melibatkan komitmen perbelanjaan operasi sebanyak RM47.8 bilion untuk tempoh 10 tahun akan datang. Perkhidmatan sampingan tempatan yang bernilai RM5.7 bilion dijangka akan digunakan, manakala sekurang-kurangnya 3,282 pekerjaan bernilai tinggi dijangka akan dijana dalam sektor-sektor seperti E&E, aeroangkasa, O&G, kimia dan teknologi maklumat (IT).

Terdapat satu lagi projek PH yang telah diluluskan pada tahun 2020, dengan perbelanjaan perniagaan sebanyak RM384 juta. Projek ini dijangka akan menggunakan perkhidmatan sampingan tempatan berjumlah RM29 juta dan mewujudkan 300 pekerjaan bernilai tinggi dalam tempoh satu dekad yang akan datang.

### Projek Hab Prinsipal Diluluskan sejak Tahun 2015 (setakat Disember 2020)

	<b>38</b>	Jumlah projek diluluskan
	<b>RM47.8 bil</b>	Perbelanjaan perniagaan
	<b>RM5.7 bil</b>	Perkhidmatan sampingan tempatan
	<b>3,282</b>	Pekerjaan bernilai tinggi

### Pejabat Serantau/Perwakilan (RO/RE)

Malaysia telah muncul sebagai pangkalan untuk Pejabat Serantau/Perwakilan (RO/RE) yang distruktur khusus untuk menyelesaikan dan menyokong operasi perniagaan di rantau Asia Pasifik. Penubuhan RO/RE membolehkan syarikat-syarikat menjalankan kajian kebolehlaksanaan ke atas peluang pelaburan yang sedia ada di Malaysia dan menyelesaikan aktiviti perniagaan bagi pihak syarikat induk di rantau ini. Dengan kemudahan RO/RE ini, ia juga memberi peluang kepada syarikat-syarikat untuk mengendalikan operasi serantau untuk jangka masa panjang.

Sebanyak 140 RO/RE telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM211.2 juta pada tahun 2020. Kesemua pelaburan ini disasarkan akan menjana peluang pekerjaan untuk sekurang-kurangnya 269 rakyat Malaysia, daripada 404 jumlah pekerjaan yang diwujudkan.

### Projek RO/RE Diluluskan Sejak Tahun 2020

	<b>140</b>	Projek RO/RE baharu diluluskan
	<b>RM211.2 mil</b>	Jumlah pelaburan diluluskan
	<b>404</b>	Peluang pekerjaan

Daripada 140 projek RO/RE yang diluluskan, sebanyak 50 (36%) merupakan projek RO, manakala 90 (64%) merupakan projek RE. Pelbagai syarikat dari 30 buah negara telah menunjukkan minat bagi menubuhkan RO/RE di negara ini, termasuklah AS, Jepun, PRC, Singapura, Hong Kong SAR, Jerman, UK, Perancis, Republik Korea (ROK), Australia dan India. Negara yang mempunyai bilangan RO/RE tertinggi yang diluluskan ialah Singapura (dengan 17 kelulusan), disusuli oleh ROK (12), Jepun (11), Perancis (10), United Kingdom (9), PRC (8), AS (8) dan Sepanyol (7).

Kebanyakan projek yang diluluskan adalah daripada syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri sokongan jentera dan kejuruteraan, O&G, E&E, kimia, peranti perubatan, serta IT dan perisian.

### Perkhidmatan Perniagaan dan Profesional

Malaysia menawarkan pelbagai perkhidmatan profesional dengan kemahiran tinggi yang berpotensi untuk didagangkan. Perkhidmatan Perniagaan dan Profesional merupakan salah satu sektor utama yang bernilai tambah memandangkan ia menyediakan pelbagai perkhidmatan bernilai tinggi berkaitan dengan bidang kejuruteraan, perundangan, seni bina dan telekomunikasi kepada perniagaan-perniagaan di Malaysia.

Dengan pelbagai strategi dan dasar merentasi


subsektor, industri-industri ini mempunyai potensi besar dalam pertumbuhan ekonomi, menjana peluang pekerjaan, serta meningkatkan produktiviti dan daya saing. Oleh demikian, kesemua faktor-faktor dorongan ini banyak menyumbang kepada peningkatan eksport perkhidmatan dan jumlah pelaburan kepada Malaysia.

### Perkhidmatan Digital

Seiring dengan aspirasi Malaysia sebagai peneraju ekonomi digital, Malaysia harus membuat penyesuaian dengan menerapkan budaya inovasi untuk mengekalkan momentum pertumbuhan ekonominya. Perkhidmatan informasi dan teknologi maklumat (ICT) merupakan pemacu utama dalam memperkasakan matlamat ekonomi digital ini. Selaras dengan perkembangan dunia yang kian meningkat ke arah digitalisasi, pelbagai peluang muncul dalam pasaran tempatan dan serantau memandangkan digitalisasi kini menjadi satu norma baharu untuk manusia, perniagaan dan kerajaan.

Pertumbuhan segmen-segmen perniagaan baharu berdasarkan teknologi inovatif seperti kecerdasan buatan (AI), pembelajaran mesin, keselamatan siber dan pengkomputeran awan (*cloud*) mendorong peningkatan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan produktiviti dalam komuniti yang besar dan kecil. Justeru, bagi menyokong industri-industri yang bakal menjadi keutamaan pada masa hadapan, pengukuhan asas ekonomi harus diterapkan dalam rangka strategi perindustrian moden di Malaysia.

Sumbangan ICT kepada Ekonomi



Pada tahun 2020, sebanyak enam projek digital telah diluluskan dengan perbelanjaan perniagaan sebanyak RM305.7 juta dengan mewujudkan 222 peluang pekerjaan bernilai tinggi.

Sumbangan industri ICT kepada ekonomi tempatan kian meningkat sejak lima tahun lalu. Menurut statistik Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang dibentangkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), sumbangan industri ICT meningkat sebanyak 7.1 peratus daripada RM270 bilion pada tahun 2018 kepada RM289.2 bilion pada tahun 2019. Jumlah ini menyumbang 19.1 peratus kepada KDNK (18.7% pada tahun 2018), dan terdiri daripada Nilai Ditambah Kasar ICT (12.9%) dan e-dagang dalam industri-industri lain (6.2%).

Kerajaan telah menggubal Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 pada Disember 2020 bagi memacu Malaysia ke arah status negara yang berteknologi tinggi serta menyokong peralihannya daripada menjadi sekadar sebuah negara pengguna teknologi kepada negara pencipta teknologi. Melalui inisiatif ini, Malaysia lebih optimis dalam mengurangkan kebergantungannya kepada teknologi dan buruh asing.

### Inisiatif Digital untuk Meningkatkan Pelaburan Berkualiti

#### Infrastruktur Digital dan Ketersambungan Digital

Malaysia harus mempercepatkan pelaksanaan infrastruktur digitalisasi dan ketersambungan tinggi yang cekap untuk menjadi negara digital yang terbaik di rantau ini. Infrastruktur seperti pusat data amat kritikal bagi menggalakkan adaptasi *cloud*. Inisiatif bagi menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat pusat data untuk menubuhkan operasi di Malaysia akan membolehkan negara ini meningkat naik dalam rantaian nilai industri-industri utama, termasuk sektor-sektor perkhidmatan seperti ICT, analisis data serta reka bentuk dan pembangunan.

MIDA telah membantu menubuhkan Pasukan Petugas Penyelaras Pelaburan Pusat Data (DCICTF), yang merupakan salah satu usaha strategik untuk membangunkan ekosistem pusat data di Malaysia. Pasukan DCICTF bertanggungjawab merangka strategi pembangunan industri pusat data dan

mengukuhkan infrastruktur dan ketersambungan digitalisasi di Malaysia. Pasukan DCICTF diketuai oleh Ketua Setiausaha MITI, dan diwakili oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSA), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan MIDA.

### Inisiatif Kebangsaan: Penubuhan Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara

Penubuhan Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara membuktikan Kerajaan komited dalam memastikan ekonomi digital berkembang seiring dengan teknologi Industri 4.0, di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda Pembangunan Lestari 2030. Majlis ini berperanan sebagai badan pentadbiran tertinggi bagi menetapkan dasar serta melaksanakan dan memantau strategi dan inisiatif negara untuk ekonomi digital dan Industri 4.0.

### Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Hasrat Malaysia untuk menjadi ekonomi yang dipacu inovasi jelas terkandung di dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12), di mana aktiviti R&D akan diketengahkan sebagai bidang tumpuan utama. RMK-12 merupakan kesinambungan inisiatif-inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang bermatlamat mengukuhkan modal hubungan (*relational capital*) bagi memupuk jalinan, kolaborasi dan kepercayaan yang lebih kuat antara semua pihak berkepentingan.

Berbanding inisiatif-inisiatif sebelumnya yang menekankan inovasi hanya di peringkat nasional, RMK-11 turut menekankan bahawa inovasi juga perlu diterapkan di peringkat perusahaan dan masyarakat. Modal hubungan yang lebih kuat akan meningkatkan penyelaras dan membolehkan perkongsian dan pengujian idea antara pelbagai pihak berkepentingan dalam pelbagai bidang. Kesemua faktor dorongan ini dijangka akan mempertingkatkan ekosistem penyelidikan negara.



### Kedudukan dan Prestasi

Menurut laporan *Global Innovation Index* (GII) 2020, Malaysia berjaya meningkatkan kedudukannya daripada posisi ke-35 kepada posisi ke-33 pada tahun 2020. Pencapaian ini meletakkan negara di hadapan rakan-rakan ASEAN yang lain kecuali Singapura. GII ini terdiri daripada dua sub - indeks, iaitu input inovasi dan output inovasi. Dari segi sub - indeks output inovasi, kedudukan Malaysia meningkat tiga anak tangga ke tangga 36, manakala dari aspek input inovasi pula, posisi negara kekal di tangga ke-34. Walau bagaimanapun, bagi aspek R&D yang terletak dalam sub-indeks input inovasi, posisi negara turun dua anak tangga (daripada tangga ke-27 kepada tangga ke-29).

Walaupun Malaysia berjaya mengukuhkan kedudukan GII di kalangan 131 ekonomi di dunia, sebuah kajian yang dijalankan setiap dua tahun oleh Pusat Informasi Teknologi dan Sains Malaysia (MASTIC) menunjukkan bahawa perbelanjaan Kasar untuk penyelidikan dan pembangunan (GERD) per KDNK (juga dikenali sebagai intensiti R&D) negara telah menyusut daripada 1.44 peratus pada tahun 2016 kepada 1.04 peratus pada tahun 2018. Pencapaian ini ternyata di bawah sasaran 2.0 menjelang tahun 2020 yang ditetapkan oleh Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (NPSTI). Secara amnya, penyusutan angka GERD adalah disebabkan dua faktor, iaitu pengurangan peruntukan bagi aktiviti R&D dan potongan belanjawan dalam sektor perniagaan.

Salah satu artikel yang diterbitkan pada Oktober 2020 bertajuk *Assessing the Effectiveness of Public Research Institutions* (PRI), Kumpulan Bank Dunia

menggariskan bahawa antara cabaran utama yang dihadapi oleh institusi R&D awam adalah masalah dalam pemantauan dan penilaian rangka kerja, keperluan untuk pelaksanaan yang lebih baik bagi insentif pemindahan teknologi dan pengkomersialan, serta pembiayaan yang konsisten.

### Pembangunan Ekosistem yang Sesuai

Kerajaan menyedari kepentingan inovasi dengan menawarkan dana bagi membiayai kos bagi fasa-fasa penciptaan, penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan R&D menerusi pelbagai kementerian.

Selain bantuan kewangan, kerajaan Malaysia juga telah memperkenalkan pelbagai jenis inisiatif bagi mengukuhkan ekosistem R&D negara. Sebagai contoh, kerajaan, melalui pelan pemulihran ekonomi (PENJANA) yang diperkenalkannya pada tahun 2020, telah mengumumkan penubuhan Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional (NTIS), yang merupakan satu inisiatif untuk memacu pembangunan bakat serta mempercepatkan aktiviti R&D dan pengkomersialan melalui dasar dan garis panduan yang dipermudah.

Program Pertukaran Saintifik Penyelidik Industri (*Researchers- Industry Specific Exchange, RISE*), satu inisiatif di bawah naungan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah dilancarkan pada tahun 2019 bagi membolehkan industri R&D memanfaatkan kepakaran para penyelidik awam. Melalui RISE, semua pemain sektor ekonomi di Malaysia boleh mengakses pelbagai jenis sumber R&D yang menerima sokongan kewangan dari kerajaan. Kerajaan berharap institusi penyelidikan awam (PRI) dan institusi pengajian tinggi awam

(PHLIS) mampu membayai kos operasi melalui usahasama ini, supaya peruntukan bagi institusi-institusi ini dapat dikurangkan secara beransur-ansur dalam jangka masa panjang.

Kerajaan juga telah memperluaskan skop insentif untuk syarikat dan anak syarikat pelabur yang mengkomersialkan penemuan R&D daripada PRI dan PHLI dalam Belanjawan 2021. Skop terkini merangkumi aktiviti bukan berasaskan sumber, iaitu satu penambahbaikan daripada garis panduan terdahulu yang hanya mengehadkan insentif ini kepada aktiviti berasaskan sumber.

### Kerangka Kerja untuk Kekal Teguh

Akademi Sains Malaysia (ASM) telah membangunkan rangka kerja 10–10 Sains dan Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) yang berintegrasi dan mempromosikan 10 faktor teknologi dan 10 faktor sosioekonomi melalui pendekatan sistematis bagi memacu transformasi Malaysia menjadi sebuah negara berintensifkan pengetahuan.

Pemacu teknologi di bawah kerangka ini telah dikenalpasti dengan mengambil kira analisis teknologi-teknologi yang menjadi trend di peringkat global dan berupaya memberi impak kepada sosioekonomi Malaysia. Rangka Kerja STIE 10-10 akan menyokong usaha Kerajaan Malaysia untuk memastikan landskap pelaburan lebih tertumpu dan bersasar bagi membolehkan Malaysia mengekalkan dan meningkatkan daya saingnya di peringkat serantau dan global.

### Prestasi Sektor R&D

Setakat 31 Disember 2020, sebanyak 199 projek telah diluluskan insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 melibatkan nilai pelaburan modal sebanyak RM3.1 bilion dan penjanaan sebanyak 6,949 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi. Projek-projek ini dijalankan oleh 30 Syarikat R&D, 80 Syarikat R&D Kontrak, 46 Syarikat dengan Fasiliti R&D Sendiri, 26 Syarikat Berstatus R&D manakala 17 projek merupakan Projek R&D Strategik Negara (yang diberi kelulusan insentif khusus).

Lima sektor utama menyumbang sebanyak 65 peratus daripada jumlah projek R&D yang diluluskan. Sektor-sektor tersebut termasuk E&E, automotif dan pengangkutan, jentera dan kelengkapan, kimia dan produk kimia, pertanian, perhutanan dan perikanan.

Selain itu, lima belas peratus daripada projek R&D yang diluluskan diterajui oleh bidang penyelidikan sains komputer, kejuruteraan perindustrian dan teknologi termaju termasuk sel bahan bakar hidrogen, robotik, *Internet of Things* (IoT) dan Kecerdasan Buatan (AI).

Pada tahun 2020, sebanyak enam buah syarikat telah diluluskan projek-projek R&D. Ia terdiri daripada dua syarikat R&D dengan Fasiliti R&D Sendiri, satu Syarikat R&D Kontrak, satu syarikat yang diluluskan insentif khusus, dan dua Syarikat Berstatus R&D. Jumlah pelaburan kesemua projek ini bernilai RM90.9 juta, merangkumi pelaburan domestik sebanyak RM50.2 juta dan pelaburan asing sebanyak RM40.7 juta. Sebanyak 220 peluang pekerjaan dijangka akan dijana daripada kesemua projek ini.

### Pelaburan dalam Industri R&D dari Tahun 1995 hingga 2020

1995-2020					
Status	Bil	Pekerjaan	Pelaburan domestik (RM juta)	Pelaburan asing (RM juta)	Jumlah pelaburan (RM juta)
R&D Kontrak	80	1,535	397.3	207.3	604.7
R&D Syarikat	30	631	87.7	109.9	197.6
R&D Dalaman	46	2,161	543.1	845.9	1,388.9
Status R&D	26	1,244	149.3	139.6	288.9
R&D (kelulusan intensif khusus)	17	1,378	213.6	423.7	637.3
Jumlah keseluruhan	199	6,949	1,390.9	1,726.5	3,117.4

Salah satu projek R&D penting adalah daripada sebuah syarikat Jepun terkenal yang mengilang dan memasarkan racun perosak, peralatan kebun, bahan pensanitasi dan barang keperluan rumah. Syarikat ini telah memilih Malaysia sebagai pusat R&D serantau untuk menyokong aktiviti pengilangannya di Malaysia, Vietnam, Myanmar dan Thailand, di samping memperluaskan lagi pasaran produknya ke pasaran Asia. Menerusi pelaburan melebihi RM2 juta, projek R&D di Malaysia ini akan mewujudkan 33 peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan.

### Teknologi Hijau

Pandemik COVID-19 ternyata memberi impak langsung dari segi kesihatan. Selain itu, ia juga meninggalkan kesan yang ketara terhadap penggunaan tenaga dan pelepasan karbon dioksida CO<sub>2</sub> oleh ekonomi-ekonomi global. Berdasarkan laporan analisis *World Energy Outlook 2020* (WEO 2020) oleh Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA), permintaan tenaga global menguncup sebanyak lima peratus pada tahun 2020 akibat pandemik ini. Pelepasan CO<sub>2</sub> dijangka turun sebanyak lima peratus lagi, manakala sumber tenaga konvensional akan mengalami penurunan sebanyak lima peratus (penggunaan arang), empat peratus (penggunaan nuklear) dan dua peratus (penggunaan gas).

Analisis IEA itu juga mengiktiraf sumber tenaga boleh diperbaharui (RE) sebagai sumber alternatif global di kala pandemik, dengan tenaga solar mendahului. Di samping itu, dengan sokongan daripada dasar kerajaan, perusahaan dan syarikat multinasional, serta penggabungan teknologi yang matang membolehkan akses yang lebih baik kepada modal yang lebih murah dalam pasaran peneraju. Kini, solar fotovolta (PV), mampu menawarkan bekalan elektrik pada harga yang paling murah dan dijangka akan kekal dengan kos yang lebih rendah berbanding kilang baharu yang dikuasakan oleh arang atau gas di kebanyakan negara.

Faktor-faktor yang menjadi penyumbang utama kos solar PV semakin menurun sejak kebelakangan ini, antaranya adalah penambahbaikan dalam proses perkilangan dan peningkatan kadar kecekapan produk-produk panel solar, di samping akses mudah

kepada kredit serta dasar kerajaan yang menyokong ke arah penggunaan teknologi hijau.

Senario ini ketara di Malaysia, di mana terdapat saingan yang kompetitif dalam industri tenaga lestari untuk menerajui bidang ini. Malah, bidaan untuk projek solar skala besar (LSS) pada tahun 2020 menunjukkan 56 daripada 93 pembida menawarkan harga bawah 20 sen/kWh untuk kapasiti antara 30-50 MW, dengan kadar bidaan paling rendah iaitu 13.99 sen/kWh. Ini merupakan perbezaan yang besar, berbanding kos purata penjanaan gas sebanyak 23.22 sen/kWh.

### Pemacu Tenaga Malaysia

Isu peningkatan tahap pemanasan global dan fenomena perubahan iklim telah mendorong masyarakat global ke arah pelaksanaan teknologi hijau sebagai kaedah penyelesaian bagi mengimbangi pembangunan ekonomi dengan kelestarian alam sekitar.

Malaysia, khususnya, telah menjalankan pelbagai usaha untuk mencapai masa depan karbon rendah sejak tahun 2001 seperti berikut:

- ♦ Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8, 2001-2005), Dasar Kepelbagai Empat Bahan Api (minyak, gas, arang dan kuasa hidro) telah diperluaskan menjadi Dasar Kepelbagai Lima Bahan Api – tenaga boleh diperbaharui ditambah sebagai sumber bahan api yang kelima
- ♦ Pihak Berkusa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) telah ditubuhkan pada tahun 2011 bagi menggalakkan penggunaan tenaga boleh kitar semula dalam penjanaan kuasa
- ♦ Pelan Tindakan Peralihan Tenaga Boleh Diperbaharui (RETR) 2035; meliputi sasaran untuk meningkatkan komitmen penggunaan sumber-sumber RE daripada 20 peratus kepada kadar yang lebih tinggi menjelang tahun 2025; rancangan-rancangan untuk perdagangan tenaga rakan-ke-rakan, pilihan untuk memperoleh sumber sepenuhnya (100%) daripada tenaga elektrik RE, serta mengukuhkan pasaran pensijilan RE (REC) di Malaysia

- ◆ Menggabungkan 17 Sasaran Pembangunan Lestari (SDG) dalam rancangan jangka masa panjang Malaysia; Malaysia mengetengahkan semula komitmennya melalui Wawasan Kemakmuran Bersama untuk 2021-2030
- ◆ Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Nasional (NEEAP) 2016-2025; untuk meningkatkan kesedaran pengguna tentang kecekapan tenaga, mensasarkan pengurangan penggunaan tenaga elektrik sebanyak 8 peratus (atau 52,233 GWh) dengan unjuran pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) bersamaan 34 juta tan karbon dioksida, menjelang tahun 2025
- ◆ Pengurusan sisa melalui inisiatif sisa-ke-tenaga bagi menangani isu pelepasan GHG; Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merancang untuk membina enam loji sisa-ke-tenaga (WTE) menjelang tahun 2025, termasuk loji biogas dan rawatan terma secara berperingkat; pada tahun 2019, KPKT telah memperkenalkan Dasar Kebersihan Negara.

### Bantuan untuk Aktiviti Teknologi Hijau

Kerajaan menerusi Belanjawan 2020, mengumumkan lanjutan Elaun Cukai Pelaburan Hijau (GITA) bagi pembelian aset teknologi hijau dan Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (GITE) bagi penggunaan perkhidmatan teknologi hijau, sehingga tahun 2023. Melalui lanjutan insentif-insentif ini, Kerajaan mensasarkan peningkatan pelaburan dalam projek teknologi hijau – sama ada untuk tujuan perniagaan atau kegunaan sendiri, serta juga meningkatkan penggunaan teknologi hijau oleh pembekal perkhidmatan.

Insentif-insentif seperti ini merupakan pendorong utama bagi syarikat-syarikat untuk menjalankan atau meningkatkan lagi penggunaan teknologi hijau berkaitan sumber RE (seperti solar, biojisim, biogas dan hidro mini), kecekapan tenaga (EE), bangunan hijau, pusat data hijau dan pengurusan sisa bersepadu.

Selain daripada insentif ini, kemudahan pembiayaan juga merupakan faktor penting yang kritikal dalam merealisasikan projek hijau. Pemaju projek solar kini mempunyai akses kepada lebih

banyak pilihan pembiayaan perniagaan seperti pembiayaan hijau, sukuk hijau, pinjaman projek dan pembiayaan portfolio.

### Tumpuan Terhadap Peluang Perniagaan Baharu

Tenaga solar adalah salah satu sumber RE yang paling penting di Malaysia. Di bawah RMK-11, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif LSS dan Pemeteran Tenaga Bersih (*Net Energy Metering*, NEM) bagi meningkatkan pertumbuhan sektor penjanaan tenaga solar, dengan memanfaatkan potensi menjana solar PV di Malaysia sepanjang tahun. Projek LSS pada awalnya memperuntukkan sebanyak 370MW untuk LSS 1. Ini diikuti oleh peruntukan sebanyak 530 MW di bawah LSS 2, 500 MW untuk LSS 3, dan 1,000 MW di bawah LSS@ MENTARI. NEM telah diperkenalkan dengan peruntukan kapasiti sebanyak 500MW pada tahun 2016 dan kapasiti tambahan sebanyak 500MW untuk tahun 2021 hingga 2023.

### Peluang Belum Diteroka dalam Industri Biojisim dan Pengurusan Sisa

Industri minyak sawit merupakan salah satu sumber biojisim yang terbesar di Malaysia. Menurut statistik Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), negara mempunyai 457 kilang tandan buah segar (FFB) berkapasiti sebanyak 117 juta tan metrik (setakat Disember 2020). Kerajaan menyedari impak rawatan konvensional efluen kilang minyak sawit (POME) terhadap alam sekitar. POME mempunyai banyak potensi untuk aktiviti pengumpulan biogas dan metana, yang secara tidak langsung akan menjana peluang perniagaan untuk projek dan perkhidmatan tenaga biojisim boleh diperbaharui.

Kerajaan Malaysia juga sedang giat merangka dasar kelestarian yang menekankan kepentingan ekonomi kitaran. Di bawah matlamat ini, Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna telah dirangka dengan objektif bagi mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan. Pelbagai rancangan sedang dilaksanakan bagi mencapai sasaran untuk membangunkan sekurang-kurangnya satu loji pembakaran WTE bagi setiap negeri, supaya sisa pepejal tidak perlu lagi dibuang di tapak pembuangan. Usaha ini akan mewujudkan

pelbagai peluang dan potensi untuk syarikat-syarikat tempatan dan asing di masa hadapan.

### Tenaga Boleh Diperbaharui

Sebanyak 597 projek RE dengan jumlah pelaburan RM1.25 bilion telah diluluskan pada tahun 2020, di mana 85.7 peratus daripadanya didominasi oleh pelaburan domestik manakala 14.3 peratus disumbang oleh pelaburan asing.



Projek tenaga solar membentuk majoriti projek yang diluluskan, dengan 581 projek melibatkan pelaburan bernilai RM978.4 juta yang terdiri daripada projek solar untuk penggunaan sendiri bernilai RM633.2 juta, dan tiga projek LSS oleh Redsol Sdn. Bhd., UiTM Solar Power Dua Sdn. Bhd. dan I2 Solarpark One Sdn. Bhd. dengan jumlah pelaburan modal sebanyak RM345.2 juta.

Antara projek-projek RE lain yang menerima kelulusan termasuklah 13 projek biogas dengan jumlah pelaburan modal sebanyak RM129.3 juta, satu projek hidro mini oleh Selama Hidro Sdn. Bhd. dengan pelaburan modal sebanyak RM107.1 juta di Selama, Perak dan dua projek biojisim bernilai RM32.5 juta.

Kesemua projek ini dijangka akan mewujudkan 733 peluang pekerjaan.


### Kecekapan Tenaga

Sejak beberapa tahun lalu, prestasi pelaburan untuk projek kecekapan tenaga (EE) / penjimatatan tenaga (EC) berada pada tahap yang amat memberangsangkan. Ini didorong oleh kadar permintaan dan penggunaan tenaga yang kian meningkat dalam sektor perindustrian dan komersial. Pelaburan dalam EE menyediakan lebih banyak peluang untuk industri kompetitif dengan penjimatatan kos tenaga melalui penerapan teknologi cekap tenaga baharu.

**Jadual Projek RE Diluluskan Pada Tahun 2020**

Jenis tenaga boleh diperbaharui (RE)	Projek diluluskan	Pelaburan (RM juta)	Pekerjaan
Solar	581	978.4	604
Biogas	13	129.3	90
Hidro mini	1	107.1	14
Biojisim	2	32.5	25
<b>Jumlah</b>	<b>597</b>	<b>1,247.3</b>	<b>733</b>

Pada tahun 2020, sebanyak 24 projek EE/EC bernilai RM1 bilion telah dijalankan oleh sektor perindustrian dan komersial. Majoriti pelaburan (RM783.2 juta) disumbang oleh pelaburan domestik, manakala baki RM224.9 juta adalah daripada pelaburan asing. Secara keseluruhannya, sebanyak 164 peluang pekerjaan telah diwujudkan melalui kesemua projek ini.



### Pengurusan Sisa

Syarikat Kualiti Alam Sdn. Bhd. telah diluluskan untuk membangunkan projek *Waste Eco Park* (WEP) melalui suntikan pelaburan modal sebanyak RM67.2 juta pada tahun 2020. Bagi menangani isu fasiliti kitar semula yang terletak di pelbagai lokasi di Malaysia, insentif WEP untuk pemaju, pengurus dan pengendali telah diperkenalkan supaya syarikat-syarikat kitar semula dari pelbagai industri boleh beroperasi secara berpusat dari satu lokasi yang sama. Skim ini bertujuan menggalakkan pelaburan dalam fasiliti dan infrastruktur untuk mewujudkan pengurusan sisa yang lebih holistik. Ini seterusnya akan menyokong usaha Kerajaan untuk membangunkan ekonomi kitaran, dimana syarikat-syarikat dijangka akan menjalankan aktiviti kitar semula, pemulihan dan rawatan dengan mengguna semula atau mengurangkan sisa yang dijana. Justeru, ia juga akan membantu negara mencapai sasaran kadar kitar semula sebanyak 40 peratus menjelang tahun 2025.

### Perkhidmatan Hijau

Pada tahun 2020, sebanyak enam projek perkhidmatan hijau telah diluluskan melibatkan nilai pelaburan sebanyak RM22.9 juta dengan penjanaan 44 peluang pekerjaan berkualiti tinggi. Projek-projek yang diluluskan ini antaranya adalah sistem solar PV bersepadu (*solar system PV integrators*) dan penyedia-penyedia perkhidmatan berkaitan kecekapan tenaga dan bangunan hijau.

Selain daripada inisiatif lanjutan tempoh insentif GITE selama tiga tahun lagi (sehingga tahun 2023), Kerajaan juga telah memperluaskan skop insentif tersebut bagi merangkumi aktiviti pemajakan solar yang berpotensi sebagai pertumbuhan perniagaan baharu, dengan menawarkan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 peratus bagi tempoh sehingga 10 tahun. Perluasan skop insentif ini dijangka akan meningkatkan potensi penjanaan tenaga elektrik dari sumber solar di Malaysia.

### Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas

Pandemik COVID-19 secara tidak langsung telah mencetuskan kepada penemuan beberapa trend, antaranya adalah peralihan daripada penggunaan bahan bakar fosil kepada sumber tenaga tanpa karbon yang lebih bersih berikutan perubahan iklim dan penggunaan tenaga lestari. Walaupun pasaran minyak global masih dalam situasi ketidakpastian berikutan penurunan permintaan dan pemberhentian pengeluaran, sektor gas asli di Malaysia menunjukkan trend yang semakin meningkat, dipengaruhi oleh dasar liberalisasi pasaran yang membolehkan pembekal pihak ketiga beroperasi, dan seterusnya mendorong kepada harga yang lebih kompetitif dan bekalan yang mampan.

Situasi harga minyak mentah yang rendah membuka peluang yang baik bagi membangunkan segmen pertengahan seperti fasiliti penyimpanan minyak seiring dengan peningkatan simpanan, ekoran daripada pengurangan permintaan bagi semua kategori produk minyak, termasuk produk petroleum bertapis. Selain itu, kapasiti penapisan minyak di Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang, Johor dan Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang,



Sabah yang kini kian meningkat – iaitu hampir dua kali ganda berbanding sebelum ini (daripada 588,000 bpd kepada 1.15 juta bpd di seluruh negara) juga adalah faktor dorongan bagi keperluan fasiliti penyimpanan yang lebih besar.

MIDA bergiat aktif dalam pelbagai persidangan dan pameran maya seperti *Offshore Technology Conference (OTC) Asia*, *Malaysia Oil & Gas Services Exhibition (MOGSEC)*, dan Taklimat Industri yang dianjurkan oleh Persatuan Gas Malaysia (MGA) bagi meningkatkan minat dan menarik pelaburan dalam industri minyak, gas dan tenaga.

Syarikat-syarikat asing dengan kepakaran dan teknologi dalam sektor huluan adalah dipelawa untuk melabur di Malaysia menerusi kerjasama dengan syarikat-syarikat peralatan perkhidmatan minyak dan gas tempatan. Selain kaya dengan khazanah pelbagai sumber alam yang belum diterokai, Malaysia juga menawarkan akses mudah kepada pasaran minyak dan gas tempatan dan serantau. Berdasarkan Tinjauan Aktiviti Petronas 2020-2022, Malaysia mempunyai lebih daripada 12 bilion tong setara minyak (BBOE), sumber yang sangat berpotensi untuk dimanfaatkan.

Pemain-pemain baharu dan sedia ada digesa meneliti kesemua faktor ini yang menjadikan negara Malaysia pilihan lokasi pelaburan yang tepat bagi *marginal fields* atau *Discovered Resource Opportunities* (DRO). Sementara itu, satu lagi peluang pelaburan yang tersedia dalam sektor minyak dan gas di Malaysia ialah aset-aset di air cetek yang akan dinyahaktifkan selepas tahun 2020.

### Projek Diluluskan

Penularan pandemik COVID-19 telah meninggalkan kesan *ripple effect* ke atas permintaan minyak yang seterusnya mendorong kepada pengurangan peruntukan perbelanjaan modal sektor huluan. Pemain-pemain industri Malaysia juga mengambil langkah mengurangkan perbelanjaan modal dan operasi, terutamanya dalam segmen yang meliputi pengeluaran dan eksplorasi, bagi mengekalkan kemampunan perniagaan masing-masing, dan sebaliknya menumpukan usaha terhadap aktiviti perkhidmatan penyelenggaraan.

Sebanyak enam projek telah diluluskan bagi industri O&G dengan jumlah pelaburan domestik sebanyak RM353.6 juta pada tahun 2020. Tiga daripada projek ini adalah untuk perkhidmatan O&G

bernilai RM321.5 juta, manakala baki tiga projek yang bernilai RM32 juta lagi adalah untuk peralatan mesin O&G. Kesemua projek ini dijangka akan mewujudkan 204 peluang pekerjaan.

Salah satu projek perkhidmatan penting yang diluluskan adalah daripada Serba Dinamik Sdn. Bhd., sebuah kumpulan perkhidmatan tenaga antarabangsa yang menyediakan kepakaran penyelesaian kejuruteraan bersepadan untuk industri O&G, petrokimia, penjanaan kuasa, air dan air sisa buangan, serta utiliti. Skop projek Serba Dinamik melibatkan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih peralatan berputar, serta pemeriksaan, pembaikan dan penyelenggaraan peralatan dan struktur statik. Secara keseluruhannya, projek ini melibatkan pelaburan bernilai RM270.5 juta dan akan menjana 50 peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan.

### **Pembinaan dan Pembaikan Kapal (SBSR)**

Industri SBSR merupakan tulang belakang kepada pembangunan sektor maritim dan juga berperanan sebagai pelengkap kepada industri O&G. Limbungan kapal di Malaysia berkeupayaan membina pelbagai jenis kapal bersaiz kecil hingga sederhana, di samping mempunyai keupayaan membaiki lebih daripada 600 tan sesaran untuk memenuhi permintaan pelbagai sektor.

**“ Industri SBSR merupakan tulang belakang kepada pembangunan sektor maritim dan juga berperanan sebagai pelengkap kepada industri O&G. Limbungan kapal di Malaysia berkeupayaan membina pelbagai jenis kapal bersaiz kecil hingga sederhana, di samping mempunyai keupayaan membaiki lebih daripada 600 tan sesaran untuk memenuhi permintaan pelbagai sektor. ”**

Industri SBSR tidak berkecuali terkesan dengan kemelesetan ekonomi memandangkan ia mempunyai kebergantungan tinggi kepada industri O&G. Sekatan pergerakan kapal dan anak kapal juga adalah cabaran yang dihadapi dalam operasi limbungan. Kebanyakan pemilik kapal menangguhkan pemeriksaan ke atas kapal sokongan luar pesisir (OSV) dan memilih untuk berlabuh di lokasi di mana pakar pumbaikan beroperasi. Selain itu, persaingan sengit daripada limbungan asing yang menawarkan produk dan perkhidmatan pada kadar yang jauh lebih kompetitif menambah lagi tekanan kepada keadaan semasa yang mencabar ini.

Namun, di sebalik cabaran-cabaran ini, tinjauan industri SBSR masih positif memandangkan permintaan untuk kapal-kapal marin tetap stabil bagi menyokong projek operasi pengeluaran dan penggerudian PETRONAS di seluruh perairan Malaysia.

Walaupun dalam situasi kemerosotan ekonomi dan pandemik global, permintaan untuk pengeluaran OSV baharu bagi menggantikan model yang lama masih tinggi. Malah, Tinjauan Aktiviti PETRONAS 2020-2022 mengunjurkan bahawa hampir 150 kapal daripada semua kategori berat diperlukan untuk menyokong operasi pengeluaran tersebut.

Peralihan global kepada teknologi lebih hijau turut memberi impak terhadap industri SBSR. Hala tuju masa depan berteraskan rendah karbon menyediakan peluang bagi kapal-kapal yang dikuasakan LNG. Oleh itu, permintaan untuk kapal-kapal sebegini kian berkembang pantas, dan prospek strategik untuk limbungan kapal di Malaysia dijangka akan diterajui oleh teknologi baharu ini.

Pelbagai strategi dan bantuan telah diperkenalkan dalam usaha menggalakkan pemain industri melabur dalam teknologi muncul bagi aktiviti dan perkhidmatan bernali tambah tinggi, termasuk Dana Intervensi Industri4WRD dan Dana Strategik Pelaburan Tempatan Industry4WRD (DISF). Fasiliti sokongan kewangan ini diharap dapat meningkatkan daya saing industri tempatan di pasaran serantau dan global.

Pakej insentif yang diperkenalkan pada tahun 2016 bagi syarikat-syarikat baru dan sedia ada dalam industri SBSR pula akan diteruskan selepas tahun 2020. Oleh itu, syarikat-syarikat digalakkan merebut peluang ini untuk memanfaatkan pakej insentif tersebut bagi menjalankan aktiviti pemodenan.

Pada tahun 2020, MIDA terlibat secara aktif dengan Persatuan Industri Marin Malaysia (AMIM) dan beberapa kementerian serta agensi lain untuk meneliti semula cadangan dasar SBSR, termasuk cadangan bagi lanjutan pakej insentif SBSR dan kelulusan status *bona fide*. Sementara itu, dua lagi aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2020 melibatkan semakan prestasi Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) dan merangka strategi industri SBSR untuk IMP baharu.

### Projek Diluluskan

Sebanyak lapan projek telah diluluskan dalam industri SBSR dengan pelaburan bernilai RM47.7 juta pada tahun 2020. Enam daripadanya meliputi projek baharu, satu projek pembesaran dan satu lagi untuk aktiviti perkilangan produk dan kelengkapan marin. Daripada kesemua projek ini, tujuh projek dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia, manakala satu lagi projek merupakan pemilikan majoriti asing. Pelaburan ini dipacu oleh permintaan untuk industri pertahanan, keselamatan dan kapal komersial dan dijangka dapat menjana 204 peluang pekerjaan.

Salah satu projek pelaburan penting dimiliki oleh sebuah syarikat Malaysia dan melibatkan penaiktarafan serta pemodenan fasiliti limbungannya bagi memenuhi permintaan pelanggan tempatan dan antarabangsa. Projek ini akan membolehkan syarikat tersebut membina kapal pukat tunda moden dan bot kru berkelajuan tinggi. Syarikat juga menggunakan teknologi terkini bagi membangunkan portal pengesanan sendiri untuk digunakan dalam operasi yang akan dijalankan. Fungsi-fungsi portal ini termasuk mengenal pasti aktiviti yang mempunyai tahap produktiviti yang rendah, serta meramal tarikh yang dijangka akan selesai dan kos akhir produk atau perkhidmatan. Projek yang melibatkan pelaburan sebanyak RM8 juta ini dijangka akan menyediakan 90 peluang pekerjaan.

### Logistik

Industri logistik adalah faktor pemboleh yang penting dalam mana-mana ekonomi di peringkat global. Industri ini memenuhi keperluan perniagaan dan pengguna serta merupakan nadi penggerak utama dalam kemajuan perindustrian, perdagangan antarabangsa dan daya saing sesebuah negara. Di Malaysia, industri logistik bersifat bersepdu merentasi pelbagai sektor. Ini membolehkannya bukan sahaja memberi sumbangan yang besar kepada proses pengeluaran dan pengedaran tetapi juga menyokong aktiviti perdagangan. Pada tahun 2019, industri logistik telah berkembang sebanyak 6.8 peratus dan menyumbang RM53.7 bilion kepada KDNK negara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).



Secara amnya, industri logistik telah menghadapi pelbagai cabaran yang mengekang pencapaian potensi dan kecekapan industri ini secara maksima. Perkara ini menjadi ketara pada tahun 2020 apabila syarikat-syarikat logistik berskala kecil terpaksa menyahut cabaran di luar jangkaan susulan daripada lonjakan aktiviti e-dagang. Krisis COVID-19 telah memacu kenaikan drastik aktiviti pembelian dalam talian di Malaysia; malah, menurut analisis *e-Commerce Analytics* oleh GlobalData, pasaran e-dagang di Malaysia merupakan antara pasaran yang paling pesat berkembang di Asia Tenggara. Pasaran Malaysia diunjur mengalami pertumbuhan sebanyak 24.7 peratus, daripada nilai transaksi berjumlah RM24.2 bilion pada tahun 2019 kepada RM30.2 bilion pada tahun 2020. Tambahan lagi, pasaran ini diunjur akan mencapai nilai RM51.6 bilion (US\$12.6 bil) menjelang tahun 2024, berikutan perkembangan pada kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) sebanyak 14.3 peratus antara tahun 2020 dan 2024.

Sungguhpun situasi kenaikan permintaan ini disambut baik oleh pemain industri berskala kecil, terdapat keimbangan terhadap syarikat-syarikat ini yang akan ketinggalan dalam jangka masa panjang. Ini disebabkan oleh cabaran yang dihadapi industri ini dalam menyediakan perkhidmatan penghantaran dengan sumber yang sangat terhad. Antara cabaran penghantaran batuan akhir yang dihadapi syarikat termasuklah kekurangan ataupun ketiadaan elemen teknologi dan automasi baharu dalam operasi yang dijalankan. Di samping itu, landskap e-dagang mengalami perubahan berterusan berikutan kebolehan konglomerat teknologi global besar

seperti Amazon dan Alibaba menawarkan pelbagai pilihan penghantaran kepada pihak pelanggan. Oleh itu, dalam menghadapi cabaran ini, pihak-pihak berkepentingan perlu menilai semula dan menambah baik strategi operasi masing-masing bagi meningkatkan kecekapan, produktiviti dan kelangsungan perniagaan. Adalah penting bagi industri ini menyedari bahawa digitalisasi merupakan satu-satunya medium untuk menjamin kelestarian perniagaan dalam jangka masa panjang.

Selaku ahli aktif dalam Majlis e-Dagang Negara (NeCC), MIDA bertanggungjawab memastikan syarikat-syarikat di dalam industri ini dapat menjalankan operasi perniagaan secara lancar. NeCC telah membentangkan Peta Jalan Strategik e-Dagang Negara (NeSR) yang memfokus kepada infrastruktur yang mapan, kerangka tadbir urus serta usaha memperkasakan pemain-pemain utama industri di sepanjang rantai bekalan e-dagang.

Pada awal tahun 2020, MIDA juga telah menganjurkan seminar Logistik dan E-Dagang mengenai ‘Peluang Pelaburan dalam Logistik dan E-Pemenuhan’ di Pulau Pinang yang menarik lebih daripada 200 peserta. Seminar ini mempunyai beberapa sesi yang dianjur oleh MIDA, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan MIMOS. Di samping itu, sesi klinik perniagaan bersama agensi-agensi utama Kerajaan turut diadakan bagi membincangkan isu-isu berkaitan industri logistik.



Pasca tahun 2020, industri logistik akan tertumpu kepada usaha pembangunan keupayaan dan kecekapan penyedia-penyedia perkhidmatan logistik untuk memenuhi keperluan pasaran pembelian dalam talian yang pelbagai. Pandemik global telah mempercepatkan pertumbuhan pasaran e-dagang di Malaysia, yang kini mengubah landskap pasaran pembelian. Justeru, syarikat-syarikat logistik digesa melabur dalam bidang teknologi yang canggih seperti Sistem Pengurusan Gudang (WMS) dan logistik pintar bagi meningkatkan kecekapan dan daya saing masing-masing.

Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan pelbagai inisiatif seperti Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) untuk membangunkan lagi teknologi dan infrastruktur logistik yang merupakan tunjang kepada ekosistem e-dagang Malaysia. Selaras dengan inisiatif kerajaan, MIDA akan meneruskan peranan aktifnya untuk memacu transformasi Malaysia menjadi Hab e-Pemenuhan serantau dengan mempromosikan dan membantu pelaburan dalam industri logistik melalui usahasama dan penglibatan berterusan antara pelbagai kementerian Kerajaan, agensi, pemain industri dan pihak berkepentingan yang berkaitan.

#### **Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS)**

Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS) merangkumi aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh syarikat logistik di sepanjang rantai bekalan logistik, termasuk *freight forwarding*, pergudangan, pengangkutan dan pelbagai perkhidmatan bernilai ditambah yang berkaitan seperti pengedaran dan perkhidmatan bernilai tambah lain seperti pengedaran, pemasangan produk, penggabungan, perolehan, kawalan kualiti dan pengurusan rantai bekalan. Sebanyak 12 projek ILS telah diluluskan pada tahun 2020 dengan jumlah pelaburan RM1.4 bilion. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan 1,878 peluang pekerjaan di Malaysia.

Perdagangan elektronik atau e-dagang merupakan sektor berkembang paling pesat dalam landskap perdagangan global dan berperanan sebagai komponen pelengkap dalam ekonomi-ekonomi terbesar dunia. Malaysia mempunyai kelebihan dari segi lokasi geografinya yang strategik. Lokasi negara ini yang berada di tengah rantaun ASEAN membolehkan ia menjadi penghubung antara

perniagaan dengan lebih 620 juta pengguna. Daripada semua projek ILS yang diluluskan, tiga projek mempunyai elemen aktiviti e-dagang/e-pemenuhan.

#### **Projek ILS Diluluskan Pada Tahun 2020**

	<b>12</b> Projek ILS baharu diluluskan
	<b>RM1.4 bil</b> Jumlah pelaburan diluluskan
	<b>1,878</b> Peluang pekerjaan

Antara pelaburan ILS penting yang diluluskan adalah satu projek pembesaran dan kepelbagaian oleh GD Express Carrier Berhad (GDEX), menerusi anak syarikat milik penuhnya, GD Express Sdn. Bhd. (GDSB). GDSB terlibat dalam perkhidmatan penghantaran ekspres pintu-ke-pintu batuan akhir dan perkhidmatan logistik untuk perniagaan-ke-perniagaan dan perniagaan-ke-pengguna. GDEX akan meningkatkan kapasiti gudang, pusat pengedaran dan pengangkutan menerusi projek pembesarannya ini bagi menyokong peningkatan aktiviti e-dagang berikutan lonjakan pertumbuhan sektor e-dagang di Malaysia. Projek ini dijangka akan mewujudkan lebih 1,000 peluang pekerjaan.

#### **Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS)**

Status Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS) merupakan status pengiktirafan yang diberikan kepada syarikat-syarikat logistik yang menyediakan perkhidmatan logistik secara bersepadu (pintu-ke-pintu) di sepanjang rantai nilai logistik sebagai entiti tunggal di peringkat serantau atau global. Syarikat-syarikat yang telah diiktiraf status IILS layak menerima Lesen Ejen Kastam.

Pada tahun 2020, sebanyak 45 projek telah menerima Status IILS dengan pelaburan berjumlah RM991.3 juta. Kesemua projek ini dijangka akan mewujudkan 3,053 peluang pekerjaan.



## Penjagaan Kesihatan

Penjagaan kesihatan awam di Malaysia diiktiraf sebagai sistem yang berjaya menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan secara kesamarataan dan efektif dengan kos yang agak rendah. Pencapaian ini dapat direalisasikan disebabkan oleh pembiayaan kerajaan, di mana sebanyak RM30.6 bilion (US\$7.4 bilion) telah diperuntukkan di bawah Belanjawan 2020 untuk tujuan pembangunan penjagaan kesihatan.


Malaysia merekodkan peningkatan permintaan yang signifikan bagi penjagaan kesihatan swasta, didorong oleh kelebihan–kelebihan yang ditawarkan oleh sektor ini termasuklah pendaftaran kemasukan yang cepat dan kualiti yang bertaraf dunia. Lantaran itu, Malaysia kini merupakan destinasi global utama bagi pelancongan penjagaan kesihatan. Jumlah pesakit luar yang menerima rawatan di hospital swasta merangkumi 13 peratus daripada keseluruhan rawatan pesakit luar di negara ini. Hospital swasta juga menyumbang 30 peratus kepada keseluruhan kemasukan ke hospital. Malaysia mencatatkan peningkatan bilangan pengunjung penjagaan kesihatan daripada 880,000 orang pada tahun 2014 kepada 1.26 juta orang pada tahun 2019. Pertumbuhan positif ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia semakin popular di kalangan pesakit-pesakit dari luar negara yang memerlukan rawatan perubatan. Sementara itu, Malaysia juga telah mencapai pelbagai pengiktirafan termasuklah memenangi anugerah '*Medical Travel Destination of the Year*' buat kali keempat dalam Anugerah Pelancongan Perubatan 2020 oleh International Medical Travel Journal (IMTJ).

Malaysia mempunyai perancangan yang besar untuk membangunkan industri pelancongan perubatan pada tahun 2020, namun ianya tidak dapat direalisasikan berikutan pandemik COVID-19 yang telah memberi impak signifikan kepada ekonomi, perdagangan dan industri pelancongan. Menurut Persatuan Hospital Swasta Malaysia, bilangan pesakit yang menerima rawatan di hospital swasta telah menurun sebanyak 70 hingga 80 peratus. Penutupan sempadan negara dan ketidakpastian yang berlaku susulan pandemik ini telah menyebabkan bilangan pengunjung perubatan menurun secara drastik dan kebanyakan syarikat asing terpaksa menangguhkan rancangan pelaburan dalam sektor ini.

Walaupun terpaksa menghadapi cabaran ini akibat COVID-19, MIDA tetap optimis bahawa permintaan tempatan untuk penjagaan kesihatan yang berkualiti akan terus memacu permintaan untuk beberapa projek berkualiti pada masa hadapan.

## Pemulihan Yang Perlahan

Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran, Kerajaan Malaysia komited bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan dengan menawarkan insentif untuk menarik pelaburan dalam fasiliti penjagaan kesihatan swasta pada tahun 2020. Para pelabur berpotensi boleh memanfaatkan pelbagai insentif yang diperkenalkan di bawah Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PENJANA). Antara insentif-insentif ini termasuklah perluasan skop Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF) bagi merangkumi sektor perkhidmatan, Geran Automasi Pintar PENJANA serta pengenalan skim pengecualian cukai penuh dan Elaun Cukai Pelaburan bagi syarikat-syarikat yang memindahkan lokasi projek pelaburan ke Malaysia.



Kerajaan telah memperuntukkan RM31.9 bilion dalam Belanjawan 2021, iaitu kenaikan sebanyak 4.3 peratus berbanding peruntukan pada tahun 2020 khusus bagi inisiatif memperkasa sektor penjagaan kesihatan. Selain itu, Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia (MHTC) telah diperuntukkan dana sebanyak RM35 juta untuk mempromosikan industri pelancongan penjagaan kesihatan negara. Dalam masa lima tahun akan datang, MHTC akan memberi tumpuan kepada tiga inisiatif utama, iaitu Hab Kesuburan dan Kardiologi, Pusat Kecemerlangan Onkologi dan Program Hospital Pelancongan Perubatan Utama. MIDA pula akan terus menggalakkan pelaburan dalam fasiliti penjagaan swasta serta menyokong dasar-dasar pelaburan bersama pihak berkepentingan yang berkaitan termasuk MHTC, MOH, MPC dan MOF, di samping menyokong program-program promosi pelaburan dalam sektor ini.

Bermula 1 Julai 2020, Kerajaan membenarkan gelembung perjalanan perubatan, di mana Majlis Perjalanan Penjagaan Kesihatan Malaysia dipertanggungjawabkan untuk membantu kemasukan para pengunjung penjagaan kesihatan ke Malaysia. Dengan adanya tadbir urus yang baik dan kaedah pengurusan pandemik COVID-19 yang rapi, Malaysia berada dalam kedudukan strategik untuk meningkatkan semula ekonomi negara menerusi pelaksanaan gelembung perjalanan ini. Dari segi

risiko jangkitan COVID-19 pula, pelaksanaan SOP yang ketat meminimumkan kemungkinan risiko jangkitan di kalangan pengunjung gelembung perjalanan ini. Berdasarkan profil para pesakit, kebanyakan daripada pesakit merupakan penghidap kanser atau penyakit kardiovaskular yang mencari khidmat kesihatan bertaraf dunia yang mampu dibiayai seperti yang terdapat di Malaysia.

## Pendidikan

Sistem pengajian tinggi di Malaysia bukan sahaja berjaya menarik bilangan kemasukan pelajar yang tinggi, tetapi berjaya juga mendapat pengiktirafan di peringkat global bagi kualiti penyelidikan yang diterbitkan, paten yang didaftarkan dan institusi berkualiti, menjadikan negara ini destinasi pilihan utama di kalangan pelajar-pelajar antarabangsa. Kesemua pencapaian ini adalah hasil kerjasama erat antara komuniti akademik, sektor swasta dan Kerajaan.

Masa depan pengajian tinggi di Malaysia masih mempunyai peluang yang cerah walaupun dalam situasi pandemik. Setakat 30 September 2019, terdapat lebih daripada 1.3 juta orang pelajar yang mendaftar di institusi pengajian tinggi (HEI) di Malaysia. Seramai 666,617 orang (51.0%) daripada bilangan keseluruhan pelajar telah didaftarkan di lebih 400 PHEI, manakala 49 peratus lagi didaftarkan di universiti awam dan kampus

cawangan. Majoriti pelajar-pelajar antarabangsa, iaitu lebih daripada 70 peratus (92,415 orang), telah mendaftar di PHEI, manakala 30 peratus pula mendaftar di universiti awam. Malaysia akan terus mengukuhkan kedudukannya sebagai hab pendidikan antarabangsa, dengan sasaran 250,000 pelajar antarabangsa menjelang tahun 2025.

Kemunculan pandemik COVID-19 yang tidak dijangka turut meninggalkan kesan yang mendalam kepada sektor pengajian tinggi, di mana universiti-universiti terpaksa ditutup dan negara juga terpaksa menutup sempadan berikutan langkah kawalan pergerakan. Kaedah pengajaran secara bersempena digantikan terus dengan pelbagai kaedah penyampaian e-pembelajaran. Ianya dilihat tidak begitu berkesan bagi sesetengah pengajar, berbanding dengan pengajar lain yang lebih berpengalaman mengajar secara dalam talian. Tambahan pula, penutupan institusi turut menjaskankan penjadualan peperiksaan dan sesi graduasi, serta merisikokan keselamatan dan status pelajar-pelajar antarabangsa di negara penempatan mereka. Krisis ini telah menimbulkan persoalan mengenai nilai pendidikan yang ditawarkan oleh sebuah universiti, termasuk peluang berhubung dan bersosial serta kandungan pendidikan yang ditawarkan. Bagi mengekalkan keberkesanan sektor ini, pihak universiti dan institut pengajian tinggi harus bertindak segera terhadap situasi persekitaran pembelajaran yang pantas berubah, dengan melaksanakan kaedah-kaedah pengajaran inovatif dalam era baharu digital tanpa sentuh.

MOHE telah memberikan moratorium sehingga 31 Disember 2020 untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti penggabungan, pengambilalihan, kerjasama dan penstrukturran semula sebagai usaha mengekalkan kemampanan dan kualiti industri pengajian tinggi. Pada tahun 2020, sebanyak 429 projek pendidikan swasta telah diluluskan merangkumi 404 projek baharu dan 25 projek pembesaran dengan jumlah pelaburan sebanyak RM195 juta. Dari segi prestasi negeri, Selangor mendahului dengan bilangan projek diluluskan paling tinggi (56.9% atau 244 institusi), diikuti oleh Perak (10.7% atau 46 institusi) dan Sarawak (9.1% atau 39 institusi). Kesemua projek ini merangkumi pusat pendidikan rendah, sekolah swasta, kolej dan universiti. Pelabur swasta tempatan menyumbang 100 peratus kepada nilai

pelaburan yang dijangka akan menjana 1,887 peluang pekerjaan bernilai tinggi.

MIDA telah meluluskan satu projek pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) berkaitan industri penerangan di bawah Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF) pada tahun 2020. Projek TVET ini melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM2.2 juta dan akan menyediakan pembangunan latihan profesional untuk juruterbang baharu dan sedia ada melalui kursus-kursus seperti pengurusan penerangan, pengendalian kapal terbang, keselamatan penerangan dan teknologi kejuruteraan penyelenggaraan pesawat. Projek ini disasar menjana 23 peluang pekerjaan.

### Tinjauan

PHEI di Malaysia telah menyumbang secara langsung kepada pemerkasaan ekonomi dan penstrukturran semula sosial yang digariskan di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (*Shared Prosperity Vision, SPV 2030*) negara. Sehubungan itu, negara ini beraspirasi untuk mencapai sasaran kemasukan 250,000 pelajar antarabangsa menjelang tahun 2025 dan 335,000 pada tahun 2030. Berdasarkan sasaran ini, para pelajar antarabangsa dijangka akan membayai yuran pengajian sebanyak RM11.6 bilion dan kos sara hidup sebanyak RM14.2 bilion, iaitu sumbangan sebanyak RM25.7 bilion secara keseluruhan kepada KDNK Malaysia dan pertumbuhan ekonomi menjelang tahun 2025, dan RM33.5 bilion pada tahun 2030.

Walaupun pandemik COVID-19 terbukti memberi cabaran yang besar, ia juga menjadi pemangkin kepada PHEI untuk menjalankan transformasi sistem penyampaian pendidikan di masa akan datang. Industri 4.0 pula telah mengetengahkan kepentingan memperbaharui sistem pengajian tinggi selain meningkatkan, melatih semula dan mengembangkan bakat di Malaysia. PHEI di Malaysia harus berusaha melahirkan bakat yang berupaya menyesuaikan diri selaras dengan perubahan permintaan dalam landskap pekerjaan, yang mementingkan kreativiti, berdaya cipta dan imaginasi. PHEI juga harus memainkan peranan kritikal membuat pelaburan dalam infrastruktur

teknologi pendidikan dan usahasama industri korporat untuk menjamin kualiti graduan pada masa hadapan. Sistem pendidikan dijangka akan diterajui dengan kaedah penggabungan simulasi dan medium digital yang canggih bagi mewujudkan trend pembelajaran baharu yang akan membantu para pelajar memperoleh pengetahuan tentang topik, konsep dan situasi secara berkesan.

Kerajaan juga telah memperluaskan skop insentif bagi merangkumi pengkomersialan penemuan penyelidikan R&D oleh PHEI. Langkah ini diharap akan membangunkan ekosistem R&D yang lebih kompetitif serta menggalakkan institusi-institusi pendidikan tinggi menjalankan aktiviti R&D baharu dan memainkan peranan yang lebih aktif dalam melahirkan kumpulan penyelidik dan hasil penyelidikan R&D yang berkualiti tinggi.



Berikutan perkembangan ini, MIDA menggalakkan para pelabur tempatan dan asing untuk menerokai peluang-peluang pelaburan dalam sektor pendidikan dalam talian dengan memanfaatkan insentif-insentif seperti DISF dan Geran Automasi Pintar yang ditawarkan di bawah PENJANA untuk menyokong penerapan teknologi dan inovasi ke dalam perkhidmatan pengajaran serta kursus-kursus tawaran institusi pendidikan tinggi. Objektif pemberian dana-dana ini adalah bagi meningkatkan keupayaan teknologi syarikat agar lebih kompetitif di peringkat antarabangsa dan seterusnya menjadi pemain yang aktif dalam ekosistem global. Kerajaan, menerusi Belanjawan 2021 juga telah memperuntukkan sebanyak RM6 bilion termasuk RM30 juta di bawah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan RM60 juta bagi menyediakan elauan bulanan sebanyak RM1,000 sebulan di bawah Sistem Latihan Dual Nasional Plus sebagai langkah memperkasakan TVET.

### **Hospitaliti - Hotel & Pelancongan**

Pada tahun 2020, pelancongan domestik menjadi tumpuan berikutan penutupan sempadan disebabkan pandemik COVID-19. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), melalui Tourism Malaysia, telah mengumumkan sebuah pelan pemulihan yang terperinci pada November 2020 bagi menangani impak pandemik ke atas industri pelancongan susulan daripada anggaran kerugian sebanyak RM100 bilion yang dialami oleh industri ini dan ketibaan pelancong yang dijangka akan menurun sebanyak 75 peratus berbanding tahun 2019.

Pelan pemulihan MOTAC merangkumi insentif cukai, penstrukturkan semula atau penangguhan bayaran balik pinjaman, dan juga peruntukan sebanyak RM1 bilion di bawah program Pembiayaan Pelancongan Penjana bagi membantu pelancongan perniagaan menguruskan aliran tunai operasi. Selain itu, pelancongan perniagaan juga dapat memanfaatkan program subsidi upah, di mana subsidi sebanyak RM600 sebulan diberikan kepada majikan bagi setiap kakitangan bergaji RM4,000 atau kurang yang dikenakan selama tempoh maksimum enam bulan. Program ini diperkenalkan oleh kerajaan pada Jun 2020.

Industri pelancongan adalah penyumbang ketiga terbesar selepas industri perkilangan dan komoditi kepada ekonomi Malaysia, dengan sumbangan kira-kira 15.2 peratus. Kerajaan telah menawarkan beberapa insentif bagi merancakkan pertumbuhan industri pelancongan domestik, seperti pelepasan cukai pendapatan peribadi sehingga RM1,000 dan baucar digital bernilai sehingga RM100 seorang untuk penerbangan domestik, perjalanan rel dan penginapan hotel.

Kerajaan tutut menggesa pemain-pemain industri untuk mengadaptasi digitalisasi dan inovasi bagi menawarkan perkhidmatan yang lebih kompetitif. Antara perkhidmatan ini termasuklah menghasilkan pengalaman maya, pelaksanaan polisi pembatalan yang lebih fleksibel serta memperkenalkan kempen yang dapat menggalakkan para pelancong merancang perjalanan yang lebih awal. Untuk mencapai kelestarian jangka panjang pula, industri pelancongan dan hospitaliti disarankan memperhalusi perubahan struktur yang menyokong peralihan ke arah amalan rendah karbon dan kelestarian. Pelan pemulihhan kerajaan juga menawarkan inisiatif-inisiatif untuk menggalakkan gastronomi, ekopelancongan dan percutian pulau dan program-program usahasama antara syarikat penerbangan dan agensi berkaitan pelancongan yang bertujuan mengoptimumkan sumber dan meningkatkan semula pertumbuhan industri pelancongan.

Berdasarkan pengumuman Belanjawan 2021, MOTAC telah diperuntukkan RM50 juta untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih kemudahan pelancongan di seluruh negara. Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia pula akan menerima peruntukan sebanyak RM35 juta bagi meningkatkan daya saing industri pelancongan penjagaan kesihatan. Di samping itu, pengecualian cukai untuk eksport perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta akan dilanjutkan sehingga tahun 2022.

Sepanjang tempoh sembilan bulan pertama pada tahun 2020, Malaysia merekodkan ketibaan jumlah pelancong seramai 4,299,419 orang, iaitu penyusutan sebanyak 36.3 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019. Selaras dengan penyusutan ini, resit pelancongan juga mencatatkan trend penurunan iaitu sebanyak 80.9 peratus daripada RM12.6 bilion bagi tempoh sembilan bulan pertama pada tahun 2020 berbanding RM66.1 bilion pada tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Pasaran tertinggi yang menjana pelancong adalah dari 10 negara berikut bagi tempoh Januari hingga September 2020.

## 10 Negara dengan Jumlah Kedatangan Pelancong Paling Tinggi Januari-September 2020

	Singapura	1,543,627		Indonesia	710,118
	China	403,055		Thailand	372,075
	India	155,448		Brunei	135,848
	Korea Selatan	119,364		Jepun	73,891
	Australia	72,369		Filipina	65,601

Walaupun berdepan dengan situasi di luar jangkaan ini, sebanyak 36 projek dengan jumlah pelaburan bernilai RM2.8 bilion berjaya diluluskan di bawah MIDA pada tahun 2020. Daripada kesemua projek ini, 25 merupakan projek baharu yang dijangka menjana 1,929 peluang pekerjaan, dan 11 lagi adalah projek pembesaran dan pengubahsuaian fasiliti yang akan menjana 113 peluang pekerjaan.

## Hartanah

Subsektor harta tanah negara merangkumi projek-projek perumahan dan apartmen servis di bawah seliaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Penularan COVID-19 telah menyebabkan ketidakstabilan dan memberi cabaran yang lebih besar kepada prestasi pasaran harta tanah yang sedar lemah. Cabaran utama adalah kegagalan pihak pemaju menyiapkan projek mengikut komitmen tempoh masa yang telah ditetapkan berikutan gangguan rantaian bekalan, dan pada masa yang sama para pengguna semakin sensitif dalam membuat perbelanjaan ke atas harta tanah bernilai tinggi. Dalam usaha kerajaan untuk menyokong para

pemaju, beberapa inisiatif telah diperkenalkan bagi merangsang semula subsektor harta tanah. Ini meliputi pengenalan semula Kempen Pemilikan Rumah (HOC) yang menawarkan pengecualian duti setem ke atas dokumen pemindahan milik untuk pembelian harta tanah di bawah RM1 juta dan pengurangan duti setem daripada empat peratus kepada tiga peratus bagi pembelian harta tanah berharga antara RM1 juta dan RM2.5 juta. Tempoh sah pengecualian/pengurangan duti setem ini adalah daripada 1 Jun 2020 sehingga 31 Mei 2021. Selain itu, selaras dengan pengumuman Pelan Pemulihan Ekonomi Negara pada Jun 2020, pemilik-pemilik rumah layak menikmati pengecualian pembayaran Cukai Keuntungan Harta Tanah untuk penjualan sehingga tiga harta tanah kediaman dalam tempoh 1 Jun 2020 hingga 31 Disember 2020.

Pada tahun 2020, pemain domestik menyumbang sebanyak 1,045 projek yang diluluskan dengan nilai pelaburan sebanyak RM31.2 bilion. Walaupun jumlah kelulusan pelaburan menurun sebanyak 23.5 peratus, subsektor harta tanah tetap memainkan peranan yang penting kepada ekonomi negara. Kedudukan subsektor ini kekal sebagai penyumbang terbesar (46.9%) kepada pelaburan diluluskan dalam sektor perkhidmatan, meskipun berdepan persekitaran ekonomi yang sangat mencabar.

## **Utiliti**

Subsektor utiliti secara amnya merangkumi perkhidmatan tenaga dan air. Di Malaysia, perkhidmatan tenaga meliputi penjanaan kuasa, dan penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad, Sarawak Energy Berhad dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB). Perkhidmatan utiliti air pula disediakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan Pengurusan Aset Air Berhad.

Pada tahun 2020, subsektor ini mencatatkan pelaburan sebanyak RM10.8 bilion yang didominasi secara keseluruhannya oleh sumber domestik. Majoriti kelulusan ini (88 peratus), adalah bagi penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik. Walaupun jumlah keseluruhan kelulusan turun mendadak sebanyak 67.5 peratus, subsektor utiliti kekal sebagai penyumbang kedua terbesar untuk pelaburan diluluskan dalam sektor perkhidmatan.

Kerajaan telah memberikan suntikan tambahan kepada subsektor utiliti di bawah Belanjawan 2021 bagi menyokong kelangsungan sektor ini sepanjang tempoh pandemik yang mencabar ini. Subsektor ini diberikan peruntukan bagi menjalankan program penambahbaikan infrastruktur dan projek-projek di kawasan pedalaman, Sarawak dan Sabah dengan objektif merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar di seluruh negara.

## **Telekomunikasi**

Subsektor telekomunikasi melibatkan aktiviti-aktiviti berkaitan bidang komunikasi dan multimedia (telekomunikasi, penyiaran dan perkhidmatan pos) yang berada di bawah seliaan Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi (MCMC).



Berdasarkan data kelulusan pelaburan yang dikeluarkan oleh MCMC, pelaburan sebanyak RM5.2 bilion telah diluluskan dalam subsektor telekomunikasi dalam tempoh Januari hingga September 2020 (berbanding RM8.0 bilion yang diluluskan pada tahun 2019). Keseluruhan pelaburan ini adalah daripada pelabur domestik. Pencapaian subsektor telekomunikasi jauh lebih baik berbanding subsektor-subsektor lain. Ini disebabkan oleh peningkatan dalam permintaan isi rumah untuk perkhidmatan internet, susulan daripada peningkatan aktiviti persidangan video, e-pembelajaran dan pembelian secara talian. Secara umumnya, pandemik di peringkat global ini telah mewujudkan pelbagai peluang perniagaan kepada industri, menerusi peningkatan permintaan

untuk perkhidmatan *cloud*, penyelesaian terurus, keselamatan siber dan juga jalur lebar borong. Subsektor telekomunikasi dijangka akan berkembang dalam masa terdekat selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan transformasi digital dan pelaburan dalam ICT. MCMC, menerusi Makmal Infrastruktur Digital Nasional, telah membangunkan Jalinan Digital Negara (JENDELA) bagi memperbaiki kualiti dan liputan perkhidmatan.

Pelan JENDELA akan mengukuhkan asas bagi pelaksanaan 5G di seluruh negara. Pelaksanaan pelan ini bukan sahaja memberi akses kepada ketersambungan digital yang berkualiti tinggi tetapi juga memperkuuh usaha MIDA dalam menggalakkan lebih banyak syarikat, terutamanya pemain-pemain tempatan, untuk mengadaptasi IT dan teknologi automasi bagi mencapai pertumbuhan yang lebih mampan.

### **Perkhidmatan Kewangan**

Subsektor perkhidmatan kewangan terdiri daripada aktiviti perbankan dan insurans dan pasaran modal (pengurusan dana, khidmat nasihat pelaburan, perancangan kewangan, modal teroka dan pembrokeran).

Pada tahun 2020, subsektor ini merekodkan pelaburan yang diluluskan berjumlah RM2.5 bilion, berbanding RM4.1 bilion pada tahun 2019. Sumber domestik menyumbang sebanyak RM1.7 bilion (69.7%), manakala sumber asing menyumbang sebanyak RM0.8 bilion (30.3%) kepada jumlah pelaburan ini.

BNM telah mengumumkan beberapa langkah proaktif bagi membantu orang awam dan komuniti perniagaan menangani impak pandemik ini, termasuk penangguhan dan penstrukturkan semula pinjaman serta pengenalan pilihan pembiayaan semula. Langkah-langkah ini membolehkan institusi kewangan menangani kemungkinan kemerosotan keuntungan dan kualiti aset disebabkan pandemik. BNM juga sedang giat meneliti kaedah bagi meningkatkan potensi perniagaan syarikat-syarikat insurans dalam negara dan memperkenalkan pelbagai langkah seperti pembatalan tarif untuk insurans kebakaran dan kenderaan, di samping mempromosi digitalisasi bagi meningkatkan interaksi pelanggan dan menambah baik operasi syarikat-syarikat insurans.

### **Syarikat Berstatus MSC**

Status Koridor Raya Multimedia (MSC) diberikan kepada syarikat-syarikat yang layak oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia, yang ditubuhkan pada tahun 1996 sebagai agensi utama bagi mempromosikan inisiatif MSC dan objektif Wawasan 2020.

Kini, Status MSC merangkumi ciri-ciri berlandaskan adaptasi digital, keusahawanan digital, inovasi, serta kelulusan pelaburan untuk aktiviti seperti ICT, perkhidmatan perniagaan global, kandungan kreatif dan teknologi.

Sebanyak 45 projek berstatus MSC telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM3.9 bilion pada tahun 2020. Kesemua projek ini akan mewujudkan



3,794 peluang pekerjaan baru untuk rakyat Malaysia. Daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan, sebanyak RM2.6 bilion (66.2%) adalah daripada pelaburan domestik, manakala baki RM1.3 bilion (33.8%) adalah daripada sumber asing.

Subsektor Status MSC telah mengalami pertumbuhan prestasi lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya, susulan daripada penambahbaikan pakej Status MSC pada awal 2020 bagi mematuhi garis panduan *Forum on Harmful Tax Practices*.

### Perdagangan Pengedaran

Subsektor perdagangan pengedaran merangkumi perdagangan borong dan runcit, pasaraya hiper dan pasaraya, gedung serbaneka dan jualan langsung, francais, serta projek-projek perdagangan pengedaran lain yang diluluskan di bawah Akta Pembangunan Petroleum 1974. Kesemua aktiviti ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Pada tahun 2020, subsektor ini mengalami impak yang besar disebabkan pandemik COVID-19. Kebimbangan pengguna terhadap risiko jangkitan di kawasan yang sesak serta arahan penutupan premis perniagaan oleh kerajaan telah mendorong pengguna menukar amalan pembelian masing-masing; ini termasuk mengurangkan kekerapan pembelian, pembelian dengan kuantiti yang lebih besar serta pembelian secara talian. Perubahan ketara amalan pengguna ini memberi impak yang besar kepada para penjual, terutamanya penjual-penjual barang bukan keperluan.

Disebabkan faktor-faktor ini, pelaburan yang diluluskan dalam sektor perdagangan pengedaran menurun sebanyak 68.1 peratus, daripada RM11.7 bilion pada tahun 2019 kepada RM3.7 bilion pada tahun 2020. Majoriti pelaburan ini didominasi oleh sumber asing (79.9%). Walaupun begitu, pelaburan yang diluluskan tetap memberangsangkan di mana ia dijangka akan mewujudkan 18,186 peluang pekerjaan baru.

Kempen ‘Beli Produk Malaysia’ dan ‘Program Jualan Mega’ anjuran KPDNHEP telah dilaksanakan pada Julai 2020 untuk merancakkan kembali permintaan domestik dan membantu pertumbuhan sektor ini. Era pandemik juga meningkatkan keperluan di kalangan perniagaan runcit fizikal untuk memperluaskan

skop perkhidmatan kepada jualan secara talian dan menjalankan aktiviti e-dagang agar dapat kekal berdaya saing dalam situasi mencabar ini. Bagi menyokong usaha-usaha ini, kerajaan telah memperkenalkan Elaun Modal Automasi (Automation CA) untuk sektor perkhidmatan dan Geran Automasi Pintar (SAG) di bawah MIDA.

### Pengangkutan

Subsektor pengangkutan terdiri daripada pengangkutan maritim, penerbangan (termasuk infrastruktur lapangan terbang dan penyelenggaraan, pembinaan dan baik pulih – MRO), serta pembinaan dan penyelenggaraan lebuhraya.

Seperti dijangka, subsektor pengangkutan terjejas sepanjang tahun 2020 ekoran daripada sekatan perjalanan dan penutupan sempadan di seluruh negara. Oleh demikian, hanya tujuh projek telah diluluskan pada tahun 2020, dengan nilai pelaburan sebanyak RM432.5 juta. Daripada jumlah keseluruhan ini, 91.3 peratus atau RM394.9 juta adalah daripada sumber domestik. Kesemua kelulusan ini meliputi segmen penerbangan yang melibatkan pesawat dan infrastruktur lapangan terbang.

Menyedari kemerosotan ini, Kerajaan bertindak mengumumkan beberapa pakej bantuan bagi memberi nafas baharu kepada subsektor pengangkutan agar teguh mengharungi cabaran semasa. Antara bantuan tersebut termasuklah lanjutan insentif cukai sehingga tahun 2022 bagi aktiviti Pembinaan dan Pembaikan Kapal (SBSR) dan MRO berkaitan industri aeroangkasa.



## Ke Arah Digitalisasi

Ekonomi dunia kini mengalami transformasi berikutnya dengan peningkatan tahap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang berevolusi dengan pantas. Transformasi teknologi ini membentuk semula sektor perkhidmatan dan perniagaan melalui penambahbaikan proses dan produktiviti dengan mencipta peluang perdagangan baharu untuk syarikat-syarikat agar lebih kompetitif dalam memasarkan produk ke pasaran yang lebih besar, dan secara tidak langsung mempelbagaikan jenis eksport negara.

Kesan krisis pandemik COVID-19 telah menekankan keperluan kritikal untuk mempercepatkan adaptasi digitalisasi di Malaysia, terutamanya di kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), yang merangkumi lebih 98% penubuhan perniagaan. Bagi syarikat-syarikat ini, pendigitalan membuka peluang baharu; melangkaui penyertaan ekonomi global, serta mendorong mereka untuk menyusun strategi perniagaan bagi menjamin daya ketahanan dan kelestarian perniagaan mereka di masa hadapan.

Daya saing Malaysia dalam ekonomi digital adalah baik di mana negara menduduki tangga ke-26 dari 63 buah negara dalam *IMD World Digital Competitiveness Ranking 2020*. Kedudukan ini menyaksikan Malaysia mendahului Jepun, Luxembourg dan Lithuania dalam tiga faktor iaitu pengetahuan, teknologi dan kesediaan untuk masa depan.


Perkembangan ekonomi digital yang pantas di Malaysia membuktikan ianya mempunyai potensi yang sangat luas. Namun begitu, masih terdapat peluang luas bagi syarikat tempatan untuk mempertingkatkan usaha mereka bagi mencapai potensi sebenar dan manfaat teknologi digital secara sepenuhnya. Berdasarkan *Digital Adoption Index World Bank (DAI)* 2018, Malaysia

merekodkan DAI sebanyak 0.69 iaitu indeks yang agak rendah berbanding negara-negara Asia lain seperti Singapura, Korea Selatan dan Jepun. Ini disebabkan oleh beberapa faktor termasuk defisit dalam penggunaan digital oleh syarikat perniagaan.

Menyedari kepentingan adaptasi digital ini, MITI bersama beberapa agensi lain termasuk MIDA telah mengambil langkah proaktif untuk membangunkan dan melaksanakan Industri4WRD: Dasar Negara mengenai Industri 4.0 bagi mewujudkan transformasi sektor perkilangan dan sektor berkaitan perkhidmatan ke arah lebih pintar, sistematik dan berdaya tahan. Selain itu, terdapat dua dasar pelengkap iaitu Rangka Kerja Dasar Negara bagi Revolusi Perindustrian Keempat dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital untuk membantu memacu pertumbuhan ke arah pembangunan sosioekonomi yang inklusif, bertanggungjawab, seimbang dan mampan. MIDA terlibat dalam perancangan kesemua rangka kerja ini dan akan terus memainkan peranan aktif dalam inisiatif yang dicadangkan yang akan dilaksanakan secara berperingkat bermula tahun 2021-2030.

Walaupun kebanyakan perniagaan menunjukkan reaksi yang positif terhadap penggunaan digital, syarikat-syarikat PKS menunjukkan reaksi sebaliknya disebabkan oleh kos yang terlibat. Bagi mengatasi kekangan ini, MIDA menawarkan beberapa pakej insentif untuk menggalakkan dan membantu perjalanan transformasi digital syarikat-syarikat ini. Syarikat-syarikat PKS khususnya dari sektor perkhidmatan (89.2 peratus) disaran untuk memanfaatkan kemudahan ini bagi memulakan langkah ke arah pendigitalan dan beralih ke arah aktiviti bernilai ditambah tinggi bagi meningkatkan daya saing mereka.

### Sumbangan Ekonomi Digital di Malaysia



	2015	2016	2017	2018	(RM bilion)
Nilai Ditambah Kasar Industri ICT	146.5	158.4	171.8	182.4	
E-dagang (industri bukan ICT)	66.4	69.6	78.6	85.4	
Jumlah Nilai Ditambah Kasar Industri ICT dan E-dagang	213.0	228.0	250.4	267.7	
KDNK	1,176.9	1,249.7	1,371.6	1,446.9	
Perkongsian untuk KDNK (%)	18.1	18.2	18.3	18.5	

Sumber: Laporan Ekonomi Digital Malaysia, DOSM



### Insentif-Insentif di bawah MIDA untuk Menggalakkan Transformasi Digital dalam Syarikat Perkhidmatan

No	Fasiliti	Penerangan
1	Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF) (dilancarkan pada tahun 2012)	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Memberi geran padanan (50:50) untuk mempercepatkan transformasi ke arah industri bernilai tambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berdasarkan inovasi</li> <li>◆ Selain perkilangan, sektor utama termasuklah sub-sektor perkhidmatan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Reka Bentuk dan Pembangunan</li> <li>▶ Penyelidikan dan Pembangunan</li> <li>▶ Pengujian dan Penentukan</li> <li>▶ Pensijilan Kualiti dan Piawaian</li> <li>▶ Seni bina / Perkhidmatan Kejuruteraan</li> <li>▶ Latihan Teknikal dan/atau Kemahiran</li> <li>▶ Penyedia Perkhidmatan Logistik (3PL)</li> <li>▶ Penyedia Penyelesaian ICT berkaitan Automasi dan Industri 4.0</li> <li>▶ Teknologi Hijau Bersepadu</li> </ul> </li> </ul>
2	Dana Intervensi <i>Industry4WRD</i> :	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Kemudahan sokongan kewangan untuk PKS Malaysia dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan (MRS) ke arah adaptasi Industri 4.0</li> <li>◆ Geran padanan 70:30 berdasarkan perbelanjaan yang layak, sehingga geran maksimum berjumlah RM500,000</li> <li>◆ Diberikan untuk menyokong syarikat dalam pelaksanaan projek intervensi berdasarkan saranan Laporan Penilaian Kesediaan (RA) <i>Industry4WRD</i> – melibatkan faktor peralihan pekerja, proses dan teknologi</li> </ul>
3	Program Percepatan Transformasi Digital (DTAP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Inisiatif usaha sama strategik antara MIDA dan MDEC untuk menerajui agenda digitalisasi Malaysia</li> <li>◆ Menyediakan kapakaran global kepada syarikat Malaysia melalui Makmal Transformasi Digital (DTL) untuk memulakan perjalanan transformasi digital syarikat</li> <li>◆ Menawarkan geran dengan jumlah maksimum RM500,000 bagi setiap projek atau hingga 50% daripada perbelanjaan Projek Perintis DTAP yang diluluskan, yang mana lebih rendah</li> </ul>
4	Elaun Modal Automasi ( <i>Automation CA</i> ) untuk Sektor Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Di dalam Belanjawan 2020, Elaun Modal Automasi untuk sektor perkilangan telah diperluaskan bagi meliputi sektor perkhidmatan untuk memacu automasi dan menggalakkan syarikat perkhidmatan melaksanakan aktiviti yang inovatif dan produktif</li> <li>◆ Elaun Modal Automasi sebanyak 200% untuk RM2 juta pertama ke atas perbelanjaan layak antara tahun taksiran (YA) 2020 hingga YA 2023</li> </ul>
5	Geran Automasi Pintar (SAG)	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ SAG yang diperkenalkan di bawah PENJANA, bertujuan untuk membantu dan menyediakan insentif kepada PKS dan Syarikat Peringkat Pertengahan (MTC) untuk mengadaptasi pendigitalan kedalam operasi dan saluran perdagangan mereka agar mampu bersaing di peringkat global</li> <li>◆ Syarikat yang layak akan menerima geran padanan (1:1) untuk perbelanjaan yang layak, hingga pemberian geran maksimum RM1 juta bagi setiap syarikat</li> </ul>



# 4.0

## Prestasi Sektor Utama



Penularan pandemik COVID-19 memberi kesan yang mendalam kepada pasaran komoditi global, terutamanya bagi penggubal dasar negara-negara pengeksport komoditi. Jika situasi ketidakstabilan pasca-pandemik bersifat sementara, polisi rangsangan boleh mengurangkan impaknya; namun, jika ia berlarutan dalam jangka masa yang panjang, penggubal dasar harus membuat pelarasan ekonomi mereka ke arah norma baharu.

Ringkasan Eksekutif *World Bank Commodity Markets Outlook*, Oktober 2020



## Nota Sektor Utama

Pasaran komoditi dunia mengalami ketidaktentuan yang teruk pada tahun 2020 apabila harga pasaran menjunam pada suku pertama, dan diikuti pula oleh penurunan permintaan akibat langkah kawalan pergerakan yang ketat. Namun, pada suku ketiga keadaan kembali pulih disokong oleh peningkatan permintaan, serta pelaksanaan pelbagai inisiatif kerajaan bagi menyokong pemulihan sektor ekonomi.



Pada bulan Mac 2020, harga minyak mencatatkan kejatuhan yang paling ketara sejak tahun 1991, disebabkan oleh dua faktor: permintaan yang menurun akibat pandemik, dan perang harga antara negara-negara OPEC dengan Rusia. Menurut tinjauan *World Bank Commodity Outlook 2020*, selepas penurunan harga komoditi global pada awal tahun, hampir semua komoditi menunjukkan peningkatan pada suku ketiga. Tahun 2020 merupakan tahun yang amat mencabar bagi pasaran komoditi global disebabkan oleh pandemik global koronavirus. Namun, pada penghujung tahun 2020, harga pasaran dilihat semakin baik berikutan pemulihan dalam permintaan yang disokong oleh pelbagai pakej rangsangan yang meluas.

Di Malaysia, tempoh setengah tahun pertama 2020 eksport sektor utama mengalami kejutan apabila harga komoditi dunia jatuh merudum, ditambah pula dengan penularan pandemik yang tidak pernah dialami sebelum ini. Walau bagaimanapun, keadaan bertambah baik pada setengah tahun kedua dimana beberapa komoditi seperti minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit mencatatkan peningkatan semula harga serta eksport yang kukuh. Dari segi pelaburan swasta dalam sektor ini,


sejumlah 23 projek telah diluluskan dalam sektor utama dengan jumlah pelaburan bernilai RM6 bilion pada tahun 2020.

Prestasi pelaburan sektor utama pada tahun 2020 merekodkan penurunan sebanyak 13.9 peratus, berbanding pelaburan bernilai RM7 bilion yang diluluskan pada tahun 2019. Daripada projek-projek yang diluluskan pada tahun 2020, RM1.1 bilion (17.5%) adalah dari sumber asing, manakala pelaburan domestik mendominasi dengan RM4.9 bilion (82.5%). Kesemua pelaburan ini dijangka akan mewujudkan 831 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia.

## Prestasi Sektor Utama Tahun 2020

### Pelaburan Domestik berbanding Asing

23 projek diluluskan



## Pertanian

Aktiviti-aktiviti yang melibatkan tanaman, ternakan, pertanian dan perikanan laut dalam adalah termasuk dalam subsektor pertanian di Malaysia. Dengan pelaksanaan PKP pada tahun 2020, subsektor ini adalah antara yang paling terkesan kerana ia menghubungkan pengeluaran hasil tani dengan pengguna akhir. Cabaran-cabaran seperti kekurangan tenaga buruh, akses terhad kepada sumber pertanian dan pasaran serta gangguan rantaian bekalan dan logistik telah menyebabkan keseluruhan subsektor ini mengalami kerugian kewangan.

Pada tahun 2020, satu projek bernilai RM2.4 juta telah diluluskan, iaitu penurunan sebanyak 98.2 peratus daripada RM135.1 juta yang diluluskan dalam tempoh yang sama pada tahun 2019.

Namun, di sebalik cabaran pandemik ini, elemen teknologi digital dilihat sebagai satu keperluan yang penting bagi meningkatkan produktiviti pertanian, mengurangkan kebergantungan kepada buruh, dan menghubungkan petani kepada pembeli dan perkhidmatan logistik. Bagi memperkasakan subsektor pertanian, Kerajaan telah mengumumkan langkah-langkah berikut dalam ucapan Belanjawan 2021:

- ◆ Lanjutan Program Pertanian Komuniti: Menerusi peruntukan RM30 juta untuk kelengkapan seperti kit fertigasi dan medium tanaman yang akan memanfaatkan 60,000 peserta.
- ◆ Pelaksanaan Projek Pertanian Organik: Projek komuniti dengan peruntukan RM50 juta yang akan memberi manfaat kepada 1,000 peserta komuniti.
- ◆ Pelaksanaan Program Ladang e-Satelit: Dengan peruntukan sebanyak RM10 juta, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang layak akan menerima geran padanan sehingga RM30,000 yang disediakan khusus untuk pembelian kelengkapan pertanian berdasarkan *Internet of Things* (IoT), termasuk dron. Program ini dijangka akan memanfaatkan lebih 300 PPK dengan keahlian hampir satu juta petani dan peladang.
- ◆ Program Pemodenan Vessel dan Mekanisasi Tangkapan sehingga RM5 juta pada kadar 3.5 peratus untuk 10 tahun bagi nelayan di zon A dan B untuk menaik taraf kelengkapan, jaring dan bot. Agrobank akan memperuntukkan RM150 juta bagi inisiatif ini.

- ◆ Program Pemodenan Rantaian Nilai Agromakanan sehingga RM1 juta pada kadar 3.5 peratus bagi tempoh 10 tahun kepada usahawan pertanian untuk mendapatkan kelengkapan dan teknologi berteraskan Industri 4.0. Agrobank akan memperuntukkan RM60 juta untuk tujuan ini.
- ◆ Pelaksanaan Program Pembangunan Akuakultur: Peruntukan RM10 juta untuk geran padanan sehingga RM20,000 kepada pengusaha mikro bagi pembelian peralatan untuk membangunkan ternakan akuakultur bernilai tinggi.
- ◆ Pelaksanaan projek pertanian berimpak dan bernilai tinggi: Peruntukan sebanyak RM 100 juta melalui usaha sama dengan kerajaan negeri (sebagai contoh, penanaman nenas di Johor dan penternakan udang air tawar di Negeri Sembilan).

## Perlombongan

Berikutan perlaksanaan PKP pada tahun 2020, pelbagai cabaran seperti akses yang terhad kepada pejabat, lombong dan fasiliti perkilangan menyebabkan ganguan kepada keseluruhan rantaian nilai syarikat perlombongan dan logam di seluruh Malaysia. Oleh kerana impak penularan pandemik masih tidak dapat diramalkan, syarikat-syarikat mengambil pendekatan strategi jangka sederhana ke panjang dalam menumpukan usaha kepada membangunkan keupayaan dan norma kerja baharu bagi memastikan peralihan ke arah perubahan operasi yang lebih lancar.



Di Malaysia, subsektor perlombongan yang merangkumi cari gali minyak dan gas serta perlombongan mineral lain turut mengalami impak yang sama. Pada tahun 2020, subsektor ini mencatatkan 11 projek diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai RM6 bilion. Projek-projek besar dalam subsektor perlombongan menyumbang 99.5

peratus kepada jumlah keseluruhan pelaburan dalam sektor utama. Antaranya, terdapat sembilan projek dalam minyak dan gas yang menyumbang RM6 bilion. Pelaburan asing mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM1.1 bilion (17.6%) manakala pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM4.9 bilion atau 82.4 peratus. Kesemua projek ini dijangka akan menyediakan 24 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia.

### Perlادangan dan Komoditi

Sejak setengah abad yang lalu, subsektor perlادangan dan komoditi iaitu minyak sawit, getah, perlادangan hutan, kenaf dan lada hitam telah menyumbang dengan signifikan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Malah, sektor komoditi menyumbang 54.9 peratus kepada KDNK Malaysia pada tahun 1970, dan merangkumi 80 peratus jumlah eksport (kebanyakannya getah dan tin). Komoditi minyak dan gas serta minyak sawit mengatasi getah dan tin sebagai komoditi utama dalam beberapa dekad seterusnya. Perkembangan di dalam kegiatan perindustrian pada pertengahan 1980an menyebabkan sumbangan sektor komoditi menyusut kepada 14.3 peratus pada tahun 2019. Walaupun sumbangan komoditi utama kepada KDNK menurun, komoditi terus menyokong kemajuan ekonomi negara seperti yang terbukti terutamanya sewaktu krisis melanda negara pada tahun 1998, 2009 dan juga semasa era penularan pandemik COVID-19 ini.

Pada 2020, subsektor perlادangan dan komoditi diluluskan pelaburan berjumlah RM27 juta bagi 11 projek, dan kesemuanya dipelopori oleh pelaburan domestik. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan 804 peluang pekerjaan, dan kebanyakannya (RM25.8 juta) tertumpu pada komoditi lada hitam dan perlادangan hutan.

Bagi melonjakkan subsektor ini, antara pengumuman yang dibuat oleh Kerajaan semasa Belanjawan 2021 termasuklah:


- ◆ Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia atau MSPO: Peruntukan sebanyak RM20 juta bagi merancakkan pertumbuhan dan memastikan industri ini lebih kompetitif. Geran padanan sebanyak RM30 juta diperuntukkan untuk menggalakkan pelaburan industri dalam penjenteraan dan automasi.
- ◆ Insentif sebanyak RM16 juta untuk pengeluaran lateks: Bagi menggalakkan pengeluaran lateks

memandangkan ia memerlukan masa bekerja lebih lama berbanding pengeluaran ketulan getah bekuk, pengeluaran lateks akan dimulakan di Pahang, Terengganu dan Kelantan.

- ◆ Program Pinjaman Pembangunan Ladang Hutan (PPLH): Di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12), Kerajaan telah memperuntukkan RM500 juta bagi pembangunan ladang hutan dengan keluasan empat hektar ke atas.

Dalam melangkah ke hadapan, ramalan yang tepat bagi permintaan dan harga pada masa hadapan menjadi cabaran kepada penggubal dasar di seluruh dunia. Berdasarkan Laporan *World Bank Commodity Markets Outlook*, Oktober 2020, harga minyak mentah (CPO) diunjur akan naik secara berperingkat pada purata US\$44 bagi setiap tong minyak (bbl) pada tahun 2021, iaitu kenaikan daripada anggaran US\$41 bbl pada 2020. Bagi harga logam dan pertanian, masing-masing dijangka akan meningkat sederhana sebanyak dua peratus dan satu peratus pada 2021. Selain itu, permintaan untuk bahan bakar pada tahun 2021 dijangka meningkat, ekoran daripada rangsangan fiskal dan kewangan dari kerajaan-kerajaan di seluruh dunia serta pelaksanaan pemberian vaksin.

Di Malaysia, langkah-langkah dan inisiatif berterusan Kerajaan bagi melonjakkan sektor utama seperti pembukaan ekonomi secara berperingkat dan pemulihan permintaan luar secara beransur-ansur dijangka akan menggiatkan lagi sektor ini pada tahun hadapan.





# 5.0

## Kolaborasi Dalam Menarik Pelaburan Berkualiti



**“MIDA sentiasa memberi sokongan kepada pelabur domestik dan asing untuk mengembangkan portfolio perniagaan dan mempercepatkan pelaksanaan pelaburan meskipun dalam situasi pandemik COVID-19 yang mencabar ini.”**

**Dato’ Azman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA**

## Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)

MIDA berganding bahu dengan MDEC untuk menerajui usaha bagi menarik pelabur teknologi digital ke Malaysia. Malaysia mempunyai daya tarikan dan keistimewaan tersendiri sebagai destinasi pilihan pelaburan teknologi digital, terutamanya dari segi lokasi yang strategik, populasi yang muda dan pintar digital, kepelbagaiannya budaya dan bahasa serta persekitaran operasi perniagaan dan sistem perundungan yang baik. Pelaburan digital akan meningkatkan kemakmuran bersama serta memperkuuhkan peranan negara sebagai Jantung Digital ASEAN.

Bagi meningkatkan minat dalam pelaburan digital, MDEC telah bekerjasama dengan MIDA dan Agensi Promosi Pelaburan (IPA) lain, serta rakan kongsi ekosistem seperti Cybersecurity Malaysia, Pusat Inovasi Global & Kreativiti Malaysia (MaGIC), PIKOM - Persatuan Teknologi Kebangsaan Malaysia, dan Persatuan Pusat Panggilan Malaysia (CCAM) bagi menganjurkan Digital Investment Summit 2020 (DIS 2020). DIS 2020 telah dianjurkan secara maya dari 23 hingga 27 November 2020 dan merupakan sebahagian daripada sambutan Bulan Teknologi Malaysia DIS 2020 yang berlangsung selama sebulan. Objektif DIS 2020 adalah untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab pelaburan digital pilihan dengan menonjolkan kelebihan negara sebagai lokasi inovasi digital. Persidangan ini telah memperkenalkan teknologi, bakat dan ekosistem lokasi terbaik yang ditawarkan oleh Malaysia, meliputi pelbagai bidang tumpuan teknologi digital termasuk keselamatan siber, teknologi kewangan, pusat data dan tapak ujian global bagi pembangunan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan, automasi dan teknologi dron.

Sejak pelancaran inisiatif Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia 25 tahun lalu, Malaysia sentiasa menarik minat para pelabur daripada pelbagai syarikat multinasional (MNC) global dan serantau. Sinergi dan kerjasama antara MIDA dan MDEC akan terus diutamakan untuk menarik pelaburan digital di samping memperkenalkan teknologi baharu sebagai strategi yang penting bagi menyokong wawasan baharu Malaysia 5.0 dan ekonomi digital negara. Malaysia 5.0 akan membolehkan negara menyumbang kepada ekonomi kitaran dan lestari dan seterusnya menjamin kesejahteraan bagi semua rakyat Malaysia.

## InvestKL

Selaku ahli jawatankuasa Unit Penyelarasan dan Kemajuan Projek (PACU), InvestKL memainkan peranan dalam memudahkan proses kelulusan projek dan juga menyokong pelancaran Skim Perantisan Nasional yang diterajui oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi tujuan mengurangkan kadar pengangguran belia melalui peningkatan kemahiran dan pembangunan bakat.

## Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)

TalentCorp merupakan sebuah agensi di bawah naungan Kementerian Sumber Manusia (MOHR) yang bertanggungjawab menarik minat, memupuk dan mengekalkan bakat dan kepakaran yang sesuai bagi menyokong hala tuju Malaysia ke arah kemajuan ekonomi yang lebih mampan. Bakat asing dengan kemahiran profesional yang sesuai adalah perlu dalam melengkapi keperluan modal insan dalam negara untuk memangkin pemindahan pengetahuan, kemahiran dan teknologi canggih.

Sehubungan itu, Pusat Perkhidmatan Bakat Ekspatriat Malaysia (MYXpats), satu inisiatif bersama oleh TalentCorp dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang diselia oleh Kementerian Dalam Negeri (MOHA) menggunakan pendekatan perkhidmatan ‘one-stop’ untuk memproses dan mengeluarkan pas berkaitan bagi membolehkan golongan ekspatriat yang layak bekerja di Malaysia. Bermula September 2020, permohonan syarikat di bawah seliaan MIDA dan Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) perlu menerusi platform dalam talian Jabatan Perkhidmatan Ekspatriat (ESD) dan diproses oleh Pusat MYXpats.

## SIRIM

SIRIM Berhad, sebuah organisasi di peringkat nasional yang bertanggungjawab untuk mempromosi piawaian kualiti tinggi dan kecemerlangan teknologi, memainkan peranan signifikan dalam memacu agenda Malaysia ke arah Industri 4.0 dan automasi. Sejak tahun 2015 lagi, MIDA dan SIRIM Berhad telah bekerjasama dalam melaksanakan skim Elaun Modal Automasi (*Automation CA*). Elaun Modal Automasi ini bertujuan untuk menggalakkan syarikat perlindungan menjalankan aktiviti-aktiviti inovatif dan produktif, dan pada masa yang sama menggalakkan adaptasi automasi terutamanya dalam industri-industri berintensifan buruh. Di bawah kerjasama ini, SIRIM Berhad menyediakan perkhidmatan pengesahan teknikal, termasuk mengadakan lawatan ke

tapak kilang syarikat untuk mengesahkan aplikasi dan tahap adaptasi automasi syarikat, manakala MIDA pula menilai kelayakan permohonan syarikat untuk Elaun Modal Automasi dari segi pengesahan bukan teknikal.

Setakat 31 Disember 2020, sebanyak 361 syarikat telah dipertimbangkan untuk Elaun Modal Automasi ini. Syarikat-syarikat ini beroperasi dalam pelbagai industri perkilangan seperti Makanan dan Minuman, Teknologi Bangunan, Jentera dan Logam, Kimia, Elektrikal & Elektronik, Pengangkutan dan Sains Hayat. Setakat 31 Disember 2020, sebanyak 324 syarikat telah menggunakan Elaun Modal Automasi yang diluluskan dan telah membuat pelaburan keseluruhan sebanyak RM538.7 juta untuk pembelian jentera dan kelengkapan automasi.

Syarikat-syarikat ini juga telah mengurangkan bilangan buruh asing tidak berkemahiran seramai 1,947 orang. Penerapan automasi ini juga menggantikan seramai 4,179 kakitangan yang sebelum ini diperlukan untuk proses manual atau separuh automatik. Selain itu, pelaburan yang dilakukan juga telah melonjakkan tahap produktiviti operasi syarikat dengan peratusan peningkatan yang amat signifikan. Jumlah pengeluaran kumulatif syarikat-syarikat ini meningkat sebanyak 1,899 peratus manakala kadar kerosakan dan jumlah jam bekerja masing-masing menurun sebanyak 65 peratus dan 58 peratus.

MIDA dan SIRIM Berhad menjangka impak positif Elaun Modal Automasi ini akan berterusan sepanjang tempoh pelaksanaan elauan tersebut sehingga tahun 2023.

### **Projek Bakal Dilaksanakan – Pusat Inovasi Jentera dan Peralatan (MMIC)**

Bagi menyokong hala tuju strategik industri M&E, MIDA dan SIRIM kini bekerjasama merancang penubuhan Pusat Inovasi Jentera dan Peralatan (MMIC). Projek ini merupakan satu contoh usahasama penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi penciptaan teknologi. MMIC akan bertindak sebagai sebuah platform inovasi yang menghubungkan pemain industri, pihak akademia dan penyedia teknologi dengan pakar tempatan dan antarabangsa.

MMIC akan menerajui aktiviti-aktiviti inovasi dan adaptasi teknologi perkilangan pintar, di samping memacu pembangunan sumber manusia untuk memenuhi keperluan industri-industri berteknologi tinggi di

Malaysia. Inisiatif ini selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan berimpak tinggi bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang lestari.

MMIC bertujuan untuk:

- ♦ Memperkasakan keupayaan industri M&E
- ♦ Menangani cabaran-cabarannya dalam ekosistem M&E
- ♦ Menyahut inisiatif Industry4WRD
- ♦ Bertindak sebagai pusat repositori bagi pusat-pusat inovasi pengilangan yang terpilih di Malaysia

Dengan itu, MMIC diharap dapat membantu Malaysia mencapai inisiatif nasional bagi:

- ♦ Mentransformasi landskap industri M&E agar lebih menumpu kepada aktiviti-aktiviti bernilai tambah tinggi
- ♦ Memacu pembangunan industri berdasarkan inovasi
- ♦ Meningkatkan perbelanjaan R&D syarikat
- ♦ Meningkatkan produktiviti setiap kakitangan
- ♦ Meningkatkan perbelanjaan bagi aktiviti adaptasi Pengilangan Pintar
- ♦ Meningkatkan gaji pekerja dalam bidang ‘kemahiran teknologi’ dan ‘kemahiran teknologi sempadan’



### **Penglibatan bersama Persatuan Industri**

Bahagian Industri Kimia dan Bahan Termaju MIDA dan Persatuan Pekilang Plastik Malaysia (MPMA) sentiasa bekerjasama untuk memberikan maklumat terkini kepada ahli MPMA mengenai dasar terkini dan bantuan yang ditawarkan oleh Kerajaan melalui pelbagai seminar, program penglibatan dan inisiatif pembangunan dengan objektif untuk meningkatkan kecekapan operasi industri dan fasiliti perdagangan.

Selain itu, MIDA, MPMA dan SIRIM juga merancang untuk menubuhkan sebuah Pusat Kecemerlangan Plastik (PCoE) khusus untuk menghasilkan plastik kejuruteraan serta menambah baik bahan bioplastik bagi komponen kritikal dalam sektor automotif, peranti perubatan dan E&E. Operasi PCoE ini dijangka berperanan sebagai platform Perangkaian Inovasi Awam Swasta (PPIN) yang akan memacu inovasi dan pertumbuhan industri plastik. Pihak kerajaan akan merangka dan menyelaras dasar yang berkaitan dengan inisiatif PCoE ini. Walau bagaimanapun, sokongan daripada sektor swasta turut diperlukan bagi memastikan kejayaan inisiatif ini.

### **Industri dan Persatuan Inisiatif Projek Automasi (API)**

Adaptasi automasi bukanlah lagi satu pilihan, bahkan ia merupakan satu keperluan yang membolehkan syarikat kekal bertahan dalam keadaan norma baharu ini. Adaptasi automasi membolehkan syarikat-syarikat meningkatkan prestasi dengan mengurangkan kadar kesilapan, meningkatkan kualiti barang dan perkhidmatan serta memendekkan tempoh masa barang ke pasaran. Malah, syarikat-syarikat juga berpeluang mencapai hasil yang jauh melebihi keupayaan manusia. Adaptasi automasi juga menyumbang kepada peningkatan tahap produktiviti.

Selaras dengan komitmen dan usaha berterusan MIDA dalam menggalakkan adaptasi automasi dalam sektor pengilangan, MIDA telah menganjurkan program Inisiatif Projek Automasi (API) pada 15 September 2020 di Dewan Perdana, MIDA. Program API menumpu

kepada usaha membantu syarikat-syarikat tempatan menyesuaikan operasi masing-masing dengan norma baharu dalam era pasca COVID-19 menerusi platform fizikal API, di mana MIDA akan menghubungkan syarikat-syarikat berintensifkan buruh atau produktiviti yang rendah dengan penyedia Integrasi Sistem (SI) atau Automasi Kilang (FA) yang berpotensi.

Antara syarikat-syarikat yang menghadiri program API adalah Continental Resource Sdn. Bhd., Ecava Sdn. Bhd., XTS Technologies Sdn. Bhd., Sky-Tag Robotics Sdn. Bhd., Vepro Group Sdn. Bhd., TXMR Sdn. Bhd., I-Stone Group Berhad, IME Group, dan Packaging Sales and Service (M) Sdn. Bhd.

Program API ini memenuhi objektif berikut:

- ♦ Membantu syarikat mengautomasi proses, terutamanya syarikat yang mempunyai berkebergantungan yang tinggi kepada buruh tidak berkemahiran (buruh asing).
- ♦ Menyebarluaskan maklumat terkini mengenai bantuan dan program Kerajaan di bawah inisiatif automasi atau Industry4WRD.

### **Peningkatan Modal Insan dalam Bidang Sains & Teknikal (S&T)**

Berdasarkan Kajian Kebangsaan mengenai Modal Insan (2012), negara Malaysia dijangka memerlukan lapan juta pekerja STEM menjelang tahun 2050. Justeru, dalam satu langkah menyahut seruan Kerajaan untuk menyelaraskan hala tuju negara bagi menyokong keperluan unjuran tersebut, bahagian M&M di MIDA telah memulakan usahasama dengan Vitrox



Automation Project Initiatives (API)

Corporation Berhad untuk membangunkan modal insan dalam bidang Sains dan Teknikal (S&T). Inisiatif ini akan memacu pembangunan teknologi untuk menyokong industri berteknologi tinggi di Malaysia.

Dalam mempersiapkan tenaga kerja untuk industri masa depan bukanlah satu strategi yang mudah. Walau bagaimanapun, MIDA akan terus memberikan sokongan, di samping sentiasa berhubung dengan pihak-pihak berkepentingan yang relevan untuk membangunkan skim berkesan bagi mempersiapkan para pelajar dan bakat tempatan dengan kemahiran teknologi canggih, seiring dengan keperluan industri masa depan. Pencapaian teknologi ternyata sangat signifikan bagi mewujudkan persekitaran hidup pantas, pintar dan dinamik dalam memacu Malaysia menuju ke arah Revolusi Perindustrian Keempat.

## Usaha Sama R&D untuk Penciptaan Teknologi

Pandemik COVID-19 ternyata menambahkan lagi cabaran kepada syarikat-syarikat yang mempunyai kapasiti dan sumber terhad untuk menjalankan aktiviti R&D sepenuhnya. Walau bagaimanapun, industri-industri di Malaysia berpeluang menangani cabaran ini dengan bekerjasama dengan entiti R&D awam dan swasta.

Kerajaan Malaysia sentiasa menyokong sinergi antara industri dan institusi penyelidikan. Model kerjasama ini membantu pihak universiti melaksanakan penyelidikan hingga ke peringkat pengkomersialan. Ia dapat mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti tinggi dan menggalakkan aktiviti pembesaran dan kepelbagaiannya syarikat yang seterusnya dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Rancangan Malaysia ke-11 telah menggariskan strategi inovasi yang mensasarkan peringkat perusahaan dan masyarakat-satu perubahan daripada pendekatan konvensional atas-ke-bawah yang dilaksanakan sebelum ini. Malaysia merancang untuk mengukuhkan dan menambah baik kerjasama antara semua golongan berkepentingan utama di kalangan pihak Kerajaan, Akademia, Industri dan Rakyat.

Selaku agensi promosi pelaburan utama Malaysia, MIDA bertanggungjawab memastikan perkembangan landskap perindustrian dan kelestarian masa depan negara selaras dengan perubahan pantas dunia teknologi. Berikut merupakan beberapa platform yang boleh dimanfaatkan oleh syarikat:

MIDA berkerjasama bersama ***Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST)***, yang sebelum ini hanya tertumpu kepada sektor E&E, dalam mempromosi mempelbagaikan aktiviti R&D&C bagi inovasi digital dalam penyelesaian dan penyampaian penjagaan kesihatan, aktiviti pembangunan kluster, penglibatan rangkaian industri, usahasama perkilangan, pembangunan bakat dan hab inovasi kesihatan digital

MIDA dan **Institut Penyelidikan Teknologi Perindustrian Taiwan (ITRI)** berganding bahu untuk mempromosikan usahasama ekonomi dalam bidang perdagangan, pelaburan dan pembangunan Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS), khususnya dalam bidang perkilangan pintar, Industri 4.0, *Internet of Things* dan Ekonomi Kitaran

MIDA kini sedang bekerjasama dengan **SIRIM** untuk menubuhkan Pusat Inovasi Jentera dan Peralatan (MMIC)/Pusat Kecemerlangan (COE) bagi menarik minat lebih banyak syarikat, terutamanya pemain tempatan untuk menjalankan aktiviti inovasi. Projek ini membuka peluang yang luas kepada rakyat Malaysia untuk menceburii pembangunan teknologi dan inovasi, di samping meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara

MIDA bekerjasama dengan Institut **Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM)** bagi membangunkan dan mengkomersialkan lebih banyak produk bioteknologi asli dan membantu kerjasama aktiviti R&D dengan syarikat bioteknologi swasta

MIDA juga bekerjasama dengan **Cradle Fund** bagi menyokong syarikat permulaan teknologi yang berpotensi untuk menjalankan projek inkubasi, sebelum meneroka potensi kerjasama dalam rantai bekalan tempatan dengan syarikat MNC

MIDA telah mengukuhkan kerjasama strategik dengan **Cyberview** bagi menarik syarikat-syarikat teknologi global untuk melabur di Cyberjaya dalam bidang mobiliti pintar, penjagaan kesihatan pintar dan perkhidmatan digital dan inovasi

# Perkhidmatan Fasilitasi Perniagaan dan Sokongan Menyeluruh 360° MIDA

Dalam mengekang penularan COVID-19, Kerajaan Malaysia telah berusaha melaksanakan pelbagai jenis inisiatif seperti perintah kawalan pergerakan yang telah memberi impak yang besar kepada perniagaan dan ekonomi secara keseluruhannya.

Sebagai agensi utama yang mempromosikan sektor perkilangan dan perkhidmatan, MIDA sentiasa bersedia untuk membantu dan memberikan sokongan secara menyeluruh kepada komuniti perniagaan di Malaysia. Peranan serta skop bantuan yang ditawarkan meliputi inisiatif transformasi digital, penglibatan dengan pihak berkepentingan, menjalinkan kerjasama dengan perkhidmatan kewangan, menggalakkan lebih banyak kolaborasi R&D dan membantu lebih banyak syarikat untuk mengakses rangkaian rantaian bekalan global.

## Inisiatif Transformasi Digital

Pelbagai usaha telah dijalankan bagi menambahbaik prosedur operasi standard (SOP) seperti mempermudahkan proses perniagaan, mewujudkan persekitaran digital untuk memendekkan tempoh kelulusan permohonan dan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek.

Salah satu usaha yang dijalankan oleh MIDA adalah dengan menubuhkan Unit Penyelaras dan Kemajuan Projek (PACU) bagi menyediakan fasilitasi pelaburan menyeluruh dari peringkat mempercepatkan kelulusan pelaburan sehingga ke peringkat pelaksanaan projek dengan tempoh yang lebih singkat menerusi kerjasama dengan pihak berkepentingan.

Melalui insiatif PACU, permohonan untuk Lesen Pengilang (e-ML modul 2.0), insentif cukai terpilih (e-Insentif modul 2.0) dan Pengecualian Duti Import ke atas bahan mentah dan komponen serta jentera dan kelengkapan (eTRANS Modul JPC) kini dilaksanakan melalui permohonan dalam talian.

## Pelaksanaan Sistem Pengesahan dan Pemantauan (ITMS)

ITMS merupakan pangkalan data yang menyimpan maklumat berkaitan syarikat-syarikat yang telah diluluskan Lesen Pengilang bermula 1 Januari 2019. Inisiatif di bawah PACU ini telah dilancarkan pada November 2020 untuk memaparkan status dan memantau kemajuan pelaksanaan projek yang diluluskan. Dengan aplikasi ITMS, ia membantu mempercepatkan pelaksanaan projek dengan menunjukkan status dan memantau secara *real-time* untuk memastikan kesemua projek yang diluluskan dapat dilaksanakan dalam tempoh masa 12 bulan dari tarikh kelulusan. Di samping itu, ITMS juga merekod isu dan cabaran yang dihadapi oleh para pelabur semasa proses perlaksanaan projek agar ianya dapat diberi perhatian dengan kadar segera. Berdasarkan tempoh dari tahun 2019 hingga 2020, sejumlah 1,921 projek telah diluluskan dengan 1,132 projek (58.9%) telah berjaya dilaksanakan.

## Pusat Sehenti (OSC) untuk Pelawat Perniagaan

OSC MIDA memulakan operasinya pada Oktober 2020 untuk memudahkan pergerakan pelawat perniagaan dengan mempercepatkan permohonan kelulusan untuk memasuki negara. Jawatankuasa OSC akan menilai dan meluluskan kemasukan pelawat perniagaan yang layak memasuki Malaysia untuk tujuan perdagangan dan pelaburan.

Selain MIDA, panel OSC turut diwakili oleh wakil-wakil dari Jabatan Imigresen, Kementerian Kesihatan dan MITI yang akan bermesyuarat secara berkala bagi memenuhi keperluan pelawat perniagaan. Keputusan bagi setiap permohonan akan dibuat dalam tiga hari bekerja selepas maklumat yang lengkap diterima. Pelawat perniagaan yang layak boleh mengemukakan permohonan kebenaran masuk ke Malaysia secara dalam talian

## Aplikasi dalam Talian



### Lesen e-Pengilang (e-ML 2.0)

- ♦ Syarikat boleh mengemukakan serta melihat status bagi permohonan projek perkilangan baharu, pembesaran atau pelbagai dan surat pengesahan untuk pengecualian Lesen Pengilang (ICA 10).
- ♦ Bagi industri bukan sensitif, tempoh pemprosesan kini dikurangkan daripada 7 kepada 2 hari bekerja.



### e-Insentif 2.0

- ♦ Permohonan untuk insentif (contohnya Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan untuk projek baharu, pembesaran dan pelbagai) bagi aktiviti dan produk di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, kini boleh dikemukakan secara dalam talian melalui e-Insentif modul 2.0.



### Pengecualian Duti Secara Dalam Talian

- ♦ Merangkumi permohonan bagi pengecualian duti import dan/atau cukai jualan dan pengeluaran surat pengesahan.
- ♦ Permohonan baharu, lanjutan, permohonan tambahan dan rayuan boleh dikemukakan melalui JPC Online.
- ♦ Integrasi dengan kementerian dan agensi yang berkaitan untuk memastikan aliran data dan maklumat yang lancar serta kelulusan yang cepat.
- ♦ Kesemua portal dalam talian boleh diakses melalui e-perkhidmatan di laman web rasmi MIDA.

melalui portal khusus ‘Malaysia Safe Travel Website’ di: <http://safetravel.mida.gov.my/> Untuk maklumat lanjut, para pelabur yang berminat boleh menghubungi PACU@MIDA di +603-2267 3633/3473 atau e-mel ke pacu@mida.gov.my

### **Penglibatan bersama Pihak Berkepentingan**

#### **Secara Maya**

MIDA kini menjalankan pelbagai sesi penglibatan secara digital dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk persatuan industri dan dewan perniagaan melalui siri webinar dan mesyuarat dalam talian. MIDA sentiasa bersedia untuk memberikan maklumat terkini kepada para pelabur mengenai insentif-insentif baharu yang ditawarkan oleh Kerajaan, seperti insentif cukai khas dan dana-dana yang bertujuan untuk meningkatkan pelaburan domestik dan asing, di samping menarik syarikat multinasional untuk memindahkan lokasi operasi atau menjalankan aktiviti pelaburan baharu di Malaysia.

Antara maklumat terkini yang diumumkan oleh Kerajaan adalah lanjutan Dana Intervensi Industri4WRD dan Industry4WRD DISF sehingga 31 Disember 2021, serta pelaksanaan Automation CA sehingga 31 Disember 2023.

### **Sokongan Kewangan untuk Memacu Pertumbuhan dan Perkembangan Perniagaan**

MIDA dengan kerjasama United Overseas Bank dan Standard Chartered Bank menyediakan perkhidmatan perbankan hujung-ke-hujung kepada para pelabur asing berpotensi. Selain itu, dengan mensasarkan pelaburan berdasarkan teknologi seperti E&E, M&E, peranti perubatan, aeroangkasa dan tenaga boleh diperbaharui, MIDA berharap dapat memudahkan pemindahan teknologi dan pengetahuan kepada syarikat tempatan serta mewujudkan peluang untuk membangunkan tenaga kerja domestik yang berkemahiran tinggi.

Kerjasama ini membolehkan lebih banyak lagi syarikat global dapat merebut peluang pelaburan di Malaysia melalui akses perkhidmatan kewangan yang lebih baik.

### **Menggalakkan Kolaborasi R&D untuk Pengkomersialan yang Cemerlang**

MIDA sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat untuk melabur dalam aktiviti R&D dengan memfokuskan kepada pengkomersialan, serta membantu syarikat mentransformasikan aktiviti R&D mereka untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang mempunyai permintaan tinggi.

Antara projek pengkomersialan yang berjaya adalah penglibatan MIDA dalam kolaborasi teknikal antara

BiON Group of Companies, sebuah penyedia kejuruteraan alam sekitar dan penyelesaian tenaga boleh diperbaharui, dengan SIRIM Tech Venture (STV) bagi memperkuatkkan pertumbuhan ekosistem tenaga-bio. Kerjasama ini merangkumi pengedaran tenaga gas melalui sistem salur paip maya, dan penubuhan hab tenaga-bio khusus untuk mengkomersialkan sisa pertanian dan perindustrian. Tambahan lagi, kolaborasi ini akan membuka peluang penggabungan antara BiON dan Green Lagoon Technology, yang akan menjadi sebuah pengendali loji kuasa biogas terbesar di Malaysia.

### **Memudahkan Akses kepada Rantaian Bekalan Global**

MIDA membantu syarikat global untuk memanfaatkan rangkaian rantaian bekalan tempatan yang kukuh dan boleh dipercayai. Ia secara tidak langsung membuka peluang kepada syarikat tempatan untuk mengakses rantaian bekalan global melalui peluang penyumberan luar dan akan mempercepatkan lagi transformasi syarikat Malaysia untuk menjadi syarikat yang lebih berteknologi.

Menerusi inisiatif Platform Penyelaras Pelaburan Domestik (DICP), MIDA telah memperkasakan pelabur domestik untuk menjadi pemain utama dalam rantaian bekalan global. Pasukan DICP MIDA giat berusaha dan bekerjasama dengan badan pengawal, penyedia teknologi, institusi kewangan, serta firma penasihat ekuiti dan korporat tempatan untuk menyediakan pelan pembangunan strategik bagi meningkatkan pembangunan perindustrian tempatan.

Beberapa syarikat multinasional dan syarikat besar tempatan seperti II-IV Incorporated (sebelum ini dikenali sebagai Finisar), Bromma (Malaysia), Honda Malaysia, Jabil, BASF (Malaysia), dan Perodua telah berjaya mengukuhkan rantaian bekalan tempatan masing-masing, dengan penglibatan serta bantuan dari pihak MIDA. Pada tahun 2020, MIDA telah menganjurkan 78 program penglibatan serta telah membantu lebih 1,000 syarikat multinasional dan tempatan dalam usaha untuk mengukuhkan pelaburan mereka di Malaysia atau melaksanakan projek pembesaran dan pelbagai.





# 6.0

## Hala Tuju Seterusnya

Laporan Prestasi  
Tahunan Malaysia



“Walaupun ekonomi global telah memasuki fasa pemulihan dengan perlahan, pembuat dasar menghadapi cabaran yang getir – dari segi kesihatan awam, pengurusan hutang, dasar belanjawan, perbankan pusat, dan perubahan struktur – untuk memastikan pemulihan global yang perlahan ini terus dipacu dan menjadi asas yang kukuh kepada pertumbuhan yang lebih pesat,” kata Presiden Kumpulan Bank Dunia, David Malpass. “Bagi menangani impak pandemik ini dan mengatasi kemerosotan pelaburan, suatu rangsangan yang kuat harus diwujudkan untuk memperbaiki landskap perniagaan, meningkatkan fleksibiliti pasaran produk, tenaga kerja dan mengukuhkan ketelusan serta kecekapan tadbir urus.”

Siaran Media Bank Dunia bertarikh 5 Januari 2021



## Tempoh Pemulihan

Ketika dunia melangkah masuk ke tahun 2021, persekitaran global mengalami situasi ketidakpastian berikutan jangkaan pemulihan ekonomi yang perlahan dan tidak stabil. Namun begitu, meskipun komuniti dan negara sedunia terpaksa menghadapi pelbagai rintangan dalam era ketidaktentuan ini, tahun 2021 berada dalam arena pertumbuhan yang lebih positif berbanding tahun 2020. Bagi Malaysia, negara bukan lagi hanya bergantung kepada “kita masih mempunyai asas ekonomi dan fiskal yang kukuh”, dan “kepelbagaian asas ekonomi”, tetapi juga berpegang kepada “strategi dan semangat waja kita untuk bersatu dalam menghadapi ketidaktentuan” dan ini akan membuka jalan kepada pemulihan ekonomi pada tahun 2021 dan seterusnya, menurut YB Senator Tengku Dato’ Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan, Malaysia.



Edisi Tinjauan Ekonomi Dunia (WEO) oleh IMF yang terkini bertarikh Januari 2021 menekankan bahawa walaupun kelulusan vaksin memberi harapan kepada pemulihan ekonomi global, ekonomi dunia masih mengalami ‘ketidakpastian yang luar biasa’ berikutan kewujudan penularan gelombang dan varian virus baru yang memperlambangkan prospek pertumbuhan ekonomi global. Berdasarkan faktor-faktor ini, IMF mengunjurkan bahawa KDNK global akan berkembang kepada 5.5 peratus pada tahun 2021 dan 4.2 peratus pada tahun 2022.

Seiring dengan pembukaan semula aktiviti ekonomi global, jumlah dagangan diunjurkan akan mencapai lapan peratus pada tahun 2021 sebelum mendatar kepada enam peratus pada tahun 2022. Perdagangan perkhidmatan dijangka akan pulih secara lebih perlahan berbanding perdagangan barang disebabkan oleh aktiviti pelancongan rentas sempadan dan perjalanan perniagaan yang ditangguhkan sehingga kadar penularan penyakit menurun. IMF menyeru supaya dasar-dasar sokongan dan efektif dirangka sehingga keadaan ekonomi pulih sepenuhnya. Di samping itu, IMF juga menyarankan agar tumpuan diberikan

terhadap pembangunan inisiatif-inisiatif yang meningkatkan potensi output, memastikan pendekatan *hands-on* yang akan memanfaatkan semua pihak, dan juga mempercepatkan peralihan kepada kebergantungan rendah karbon. Seperti yang diketengahkan di dalam laporan WEO Oktober 2020, dorongan ke arah agenda pelaburan hijau yang beserta dengan kenaikan harga karbon secara beransur-ansur bukan sahaja dapat mengurangkan emisi tetapi juga akan menyokong kepada pemulihan ekonomi yang disebabkan oleh pandemik.

Di suatu sidang media yang diadakan pada Januari 2021, Ketua Pakar Ekonomi IMF, Gita Gopinath menyatakan bahawa ekonomi dunia berkemungkinan akan meningkat sebanyak US\$9 trilion antara tahun 2020 hingga 2025 sekiranya krisis kesihatan ini berakhir serta diiringi dengan kemajuan. Memandangkan ekonomi-ekonomi maju menunjukkan tahap pemulihan yang sangat cepat, beliau menggesa pihak-pihak yang berkemampuan supaya menghulurkan bantuan kewangan kepada negara-negara miskin seperti menawarkan faedah pinjaman yang rendah dan pelepasan hutang. Menurut beliau juga, “Tidak dinafikan bahawa masih terlalu banyak perkara yang

perlu dilakukan, namun sekurang-kurangnya kita telah memasuki fasa pertumbuhan yang positif pada tahun ini, jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya.”

Menurut Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), negara-negara sedunia berdepan dengan tugas yang sangat mencabar dalam menangani penularan virus ini dan dijangkakan satu tahap “pemulihan secara berperingkat, tetapi tidak seimbang” dalam tempoh dua tahun akan datang. Berdasarkan laporan Tinjauan Ekonomi Disember 2020, KDNK global akan mencapai 4.25 peratus pada tahun 2021 dan meningkat sebanyak 3.75 peratus lagi pada tahun 2022. Peningkatan ini adalah didorong oleh pemulihan yang kukuh oleh PRC dan menjelang penghujung tahun 2021, KDNK global dijangka akan kembali kepada fasa sebelum krisis. Sementara itu, ekonomi-ekonomi utama yang lain diunjur akan menunjukkan tahap prestasi yang pelbagai, sejurusnya menyumbang kepada perubahan yang ketara kepada ekonomi dunia dalam jangka masa panjang.

Negara-negara yang mempunyai sistem pengujian, pengesanan dan pengasingan yang berkesan dalam mempercepatkan pemberian vaksin diramal akan mencatatkan prestasi yang lebih baik berbanding negara-negara lain. Faktor-faktor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan KDNK global adalah kempen vaksinasi, dasar kesihatan yang bersepudu dan sokongan kewangan daripada pihak kerajaan.

Memandangkan PRC menunjukkan tahap pemulihan yang lebih awal, laporan OECD meramalkan bahawa pertumbuhan negara tersebut akan meningkat semula dengan lebih kukuh (8% pada tahun 2021) berbanding negara-negara lain dan akan membentuk satu pertiga daripada pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2021.

Kadar pertumbuhan negara-negara anggota OECD pula diunjurkan pada tahap 3.3 peratus, memandangkan negara-negara ini berada dalam fasa separa pulih daripada kemelesetan ekonomi pada tahun sebelumnya. Eropah dan

Amerika Utara pula akan menyumbang kadar pertumbuhan yang lebih kecil, jika dibandingkan dengan kedudukan yang disandang dalam ekonomi dunia.

Dari landskap perdagangan dan pelaburan pula, Investment Trends Monitor Isu No 38 oleh UNCTAD meramalkan bahawa FDI global lemah pada tahun 2021. Menurut satu lagi laporan oleh UNCTAD iaitu World Investment Report 2020, adalah diramalkan penurunan sebanyak lima hingga sepuluh peratus lagi pada tahun 2021. Walaupun pemulihan ekonomi global adalah tidak menentu dan tidak sekata, pertumbuhan KDNK yang diramalkan pada tahun 2021 – seiring dengan pertumbuhan dalam pembentukan modal tetap kasar (GFCF) dan perdagangan – para pelabur masih berhati-hati dalam memperuntukkan modal bagi pembelian aset baru di luar negara. Pemulihan FDI dijangka tidak akan berlaku sebelum tahun 2022 memandangkan impak kemelesetan akan berterusan disebabkan oleh ketidakpastian ekoran situasi semasa pandemik dan persekitaran dasar pelaburan global.

Secara keseluruhannya, M&A pelaburan *greenfield* dan pembiayaan projek akan berada pada tahap yang tidak memberangsangkan walaupun trend masa depan menunjukkan pelbagai ramalan. Penurunan bilangan projek *greenfield* yang diumumkan pada tahun 2020 (35% lebih rendah berbanding tahun 2019) menggambarkan bahawa pelaburan baharu dalam sektor perindustrian adalah tidak begitu menggalakkan bagi tahun 2021. Malah menurut UNCTAD, sebarang peningkatan dalam aliran FDI global berkemungkinan adalah daripada M&A rentas sempadan, berbanding pelaburan baharu dalam aset produktif.

## **Tinjauan Ekonomi Malaysia, Tanah Airku**

Malaysia dijangka akan mengalami pertumbuhan KDNK antara 6.5 peratus hingga 7.5 peratus pada tahun 2021, selepas menguncup sebanyak 5.6 peratus pada tahun 2020. Faktor-faktor dorongan bagi unjuran pertumbuhan yang positif ini termasuklah kesan limpahan daripada empat pakej rangsangan ekonomi iaitu PRIHATIN, PRIHATIN SME PLUS, PENJANA dan KITA PRIHATIN serta

Belanjawan 2021 yang kesemuanya diumumkan dengan pantas pada tahun 2020; ramalan peningkatan pertumbuhan global dan perdagangan antarabangsa; asas ekonomi Malaysia yang kukuh serta struktur ekonomi negara yang pelbagai. Prestasi pertumbuhan KDNK yang mampan pada 2021 juga bergantung kepada pembendungan pandemik yang berkesan serta pemulihan yang berterusan bagi permintaan luaran.

Empat pakej rangsangan ekonomi yang dilancarkan pada tahun 2020 berjumlah RM305 bilion atau 21 peratus daripada KDNK negara dan terdiri daripada langkah fiskal dan bukan fiskal. Kesemua pakej ini dijangka akan menyumbang lebih daripada empat mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK.

Susulan daripada penguncutan prestasi dalam kesemua sektor pada tahun 2020, pencapaian momentum yang lebih baik dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan pada suku ketiga dijangka akan melonjak kedua-dua sektor ini ke arah pertumbuhan yang positif. Sektor perkhidmatan diunjur akan berkembang semula sebanyak tujuh peratus pada tahun 2021. Kesemua subsektor perkhidmatan dijangka akan merekodkan pertumbuhan positif, dipacu oleh perdagangan borong dan runcit, maklumat dan komunikasi serta kewangan dan insurans. Bagi sektor perkilangan pula, peningkatan dalam permintaan import dan eksport, serta industri domestik dijangka akan memacu pertumbuhan sektor ini sebanyak tujuh peratus.

Segmen elektrikal dan elektronik diunjurkan akan berkembang pesat seiring dengan agenda transformasi digital negara memandangkan budaya ‘Bekerja dari Rumah (WFH)’ dan komunikasi maya kian menjadi trend dalam norma baharu. Peningkatan permintaan untuk cip memori dan cip mikro dalam pasaran semikonduktor global dijangka akan melonjakkan lagi prestasi industri ini. Peningkatan permintaan bagi pensanitasi, disinfektan, sarung tangan getah dan barang yang berkait dengan COVID-19 pula akan menyumbang kepada peningkatan aktiviti pengeluaran dan pertumbuhan pesat industri kimia dan produk getah.

Pelaburan swasta juga dijangka akan meningkat semula sebanyak 6.7 peratus pada tahun 2021, dipacu oleh kesan limpahan daripada pakej rangsangan serta pelbagai dasar dan langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan seperti penyediaan dana untuk menyokong adaptasi digitalisasi, khususnya untuk PKS; insentif cukai untuk menarik FDI; serta penubuhan Unit Penyelaras dan Kemajuan Projek (PACU) di bawah MIDA untuk menangani isu birokrasi, memudahkan operasi perniagaan dan meningkatkan aktiviti pelaburan swasta.

Dari sudut positif, ternyata beberapa peluang pertumbuhan telah muncul akibat daripada pandemik, termasuklah peluang memacu adaptasi trend-trend tertentu seperti digitalisasi. Satu “trajektori pertumbuhan baharu” telah muncul dalam pelbagai industri berdasarkan perkhidmatan dan sektor-sektor sokongan seperti E&E, e-dagang dan ekonomi gigi. Sekiranya kesemua ini direalisasikan sepenuhnya, nilai manfaat aktiviti perdagangan berdasarkan digital kepada ekonomi negara dijangkakan akan meningkat daripada RM31 bilion pada tahun 2019 kepada RM222 bilion menjelang tahun 2030. Sektor penjagaan kesihatan serta sektor-sektor berkaitan seperti produk, perkhidmatan dan kelengkapan perubatan juga dijangka akan berkembang dalam tempoh beberapa tahun akan datang.


Malaysia juga telah menandatangani perjanjian RCEP iaitu FTA terbesar di dunia, yang dijangka akan membuka peluang kepada perniagaan-perniagaan di Malaysia untuk mengakses lebih daripada satu pertiga dari pasaran dunia, dan seterusnya menarik lebih banyak FDI, serta meningkatkan pertumbuhan eksport Malaysia. Selain itu, dalam masa terdekat ini, *issuer rating* jangka panjang mata wang tempatan dan asing Malaysia dengan penarafan A3 dan tinjauan stabil oleh Moody pasti akan meningkatkan keyakinan pelabur asing untuk melabur di Malaysia. Perkembangan ini melambangkan keyakinan Moody terhadap kedudukan kredit Malaysia serta membuktikan bahawa kerajaan mempunyai disiplin fiskal yang kuat dan prospek pertumbuhan jangka sederhana yang kukuh.

## Pelan Pemulihan Ekonomi Meredakan Pandemik

Koronavirus yang pada awalnya hanya merupakan satu krisis kesihatan, telah mencetus kesan global dan kewangan yang signifikan. Apabila Malaysia mula dibadai COVID-19 pada awal tahun 2020, ekonomi negara menanggung kerugian sebanyak RM2 bilion setiap hari semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), yang dilaksanakan dari 18 Mac hingga 12 Mei 2020 bagi membendung penularan virus tersebut.


Kerajaan menyedari hakikat bahawa langkah membendung penularan pandemik COVID-19 haruslah seiring dengan pembukaan semula ekonomi bagi mencegah sebarang impak dalam jangka masa panjang. Oleh itu, Kerajaan telah memulakan misi mencari penyelesaian untuk mengatasi impak pandemik dari segi kesihatan, ekonomi dan sosial. Dalam masa yang amat singkat, Kerajaan telah merangka Strategi 6R yang terdiri daripada enam peringkat iaitu: *Resolve*, *Resilient*, *Restart*, *Recovery*, *Revitalise* dan *Reform*. Objektif strategi 6R ini adalah untuk membantu rakyat menangani cabaran virus ini serta meningkatkan ekonomi negara. Sejak Mac 2020, Kerajaan telah melancarkan beberapa program rangsangan di bawah Strategi 6R yang melibatkan langkah-langkah fiskal dan bukan fiskal dengan nilai sebanyak RM305 bilion, atau 21 peratus daripada KDNK Malaysia.

Empat program rangsangan ekonomi yang disasarkan untuk melindungi rakyat, menyokong perniagaan dan mengukuhkan ekonomi adalah seperti berikut:



Peringkat kelima Strategi 6R adalah Memperkasa (*Revitalise*) dan strategi ini dirangka menerusi Belanjawan 2021. Terdapat empat tema utama di dalam Belanjawan ini untuk merancakkan pertumbuhan ekonomi pasca-pandemik iaitu: menjaga kebajikan rakyat, memacu pertumbuhan ekonomi, melestarikan kehidupan dan memantapkan penyampaian perkhidmatan awam. Peringkat terakhir Strategi 6R adalah Menyusun Semula (*Reform*), dan ia menekankan supaya strategi jangka sederhana untuk pembaharuan ekonomi digariskan dalam Rancangan Malaysia ke-12 yang akan datang (RMK-12), 2021-2025, bagi memacu ekonomi ke arah yang lebih lestari dan bernilai tambah lebih tinggi.

### Langkah di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi



## Penerangan PRIHATIN

Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau PRIHATIN merupakan satu pakej penambahbaikan kepada Pakej Rangsangan Ekonomi yang diumumkan pada 27 Februari 2020 dengan sasaran untuk mengurangkan impak krisis. Mengikut pelan pengagihan bantuan kewangan di bawah pakej ini, sebanyak RM250 bilion disediakan untuk meringankan beban rakyat, hampir RM128 bilion adalah untuk perlindungan dan kebajikan mereka, RM100 bilion adalah untuk sokongan perniagaan (termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana – PKS), manakala RM2 bilion lagi khusus bagi mengukuhkan ekonomi. Baki RM20 bilion telah diumumkan di bawah pakej rangsangan sebelum itu.

Maklumat lanjut mengenai inisiatif PRIHATIN ini tersenarai di bawah mengikut tiga asas: Melindungi Rakyat, Menyokong Perniagaan dan Mengukuhkan Ekonomi.

### Melindungi Rakyat (RM128 bilion)

Jumlah	Penerangan	Penerima
RM100 bilion	Moratorium untuk pembayaran balik pinjaman selama 6 bulan	Pemegang akaun pinjaman
RM40 bilion	Pengeluaran daripada Akaun 2 KWSP – RM500 sebulan sehingga RM6,000 untuk 12 bulan	Kakitangan
RM10 bilion	Bantuan Prihatin Nasional	Kumpulan pendapatan B40 dan M40
RM6 bilion	Program Subsidi Upah dengan bayaran sebanyak RM600 selama 3 bulan kepada majikan bagi mengekalkan kakitangan berpendapatan RM4,000 ke bawah	Majikan
RM1.5 bilion	Pembelian peralatan perubatan, elauan khas untuk petugas barisan hadapan, pembelian peralatan dan perkhidmatan daripada hospital swasta	Petugas barisan hadapan
RM1.2 bilion	Bantuan untuk penjawat awam dan pesara – bayaran sekali RM500	Gred 56 dan ke bawah dan pesara
RM1 bilion	Internet percuma dan perluasan liputan	Semua isi rumah
RM1 bilion	Penubuhan Dana Jaminan Makanan	Semua rakyat Malaysia
RM530 juta	Diskaun TNB antara 15-50%	Semua isi rumah
RM270 juta	Bantuan tunai secara <i>one-off</i> sebanyak RM200	Pelajar di Institut Pengajian Tinggi
RM25 juta	Bantuan kepada kumpulan mudah terjejas melalui NGO	Kumpulan mudah terjejas
RM8.7 juta	Pengecualian sewa	PPR dan Perumahan Awam
	Penangguhan premium untuk takaful dan insurans keluarga selama 3 bulan	Semua isi rumah

Bersambung di muka surat seterusnya

Jumlah	Penerangan	Penerima
	Meluaskan skop liputan MySalam dengan penggantian pendapatan sebanyak RM50 sehari semasa tempoh kuarantin sehingga 14 hari	Individu yang layak
	Skim Persaraan Swasta – Pengeluaran dari Akaun B PRS sehingga RM1500 untuk setiap ahli tanpa penalti cukai	Pesara
	Bantuan tunai RM500 secara <i>one-off</i>	Pemandu <i>e-Hailing</i> sepenuh masa

### Sokongan Perniagaan (RM100 Bilion)

Jumlah	Penerangan	Penerima
RM50 bilion	Skim jaminan di bawah Danajamin sehingga 80% daripada jumlah pinjaman dengan jumlah minimum dijamin sebanyak RM20 juta	Syarikat
RM10 bilion	Khidmat Rundingan Majikan termasuk penangguhan bayaran, penstruktur dan penjadualan semula sumbangan majikan	Kakitangan
RM440 juta	Pengecualian bayaran levi HRDF	Kakitangan berdaftar dengan HRDF
	Pelbagai bentuk bantuan termasuk peruntukan RM100 juta untuk pembangunan infrastruktur dalam penyimpanan dan pengedaran makanan, program integrasi tanaman, dan RM64.4 juta untuk membangunkan projek agronomakanan jangka pendek	Petani dan nelayan
	Penangguhan pembayaran ansuran cukai pendapatan selama 3 bulan	PKS
	Moratorium pinjaman/pembentahan selama 6 bulan	Semua perniagaan yang terjejas

### Mengukuhkan Ekonomi (RM2 bilion)

Jumlah	Penerangan	Penerima
RM2 bilion	Pelaksanaan projek – projek kecil	Kontraktor G1 hingga G4
	Pelaksanaan projek – projek bernilai RM2 bilion yang diumumkan sebelum ini termasuk: ► Projek infrastruktur di FELDA dan kawasan lain (RM600 juta) ► Menaik taraf sekolah daif di Sabah dan Sarawak (RM350 juta) ► Menaik taraf Perumahan Rakyat Termiskin (RM150 juta)	Kontraktor
	Untuk meneruskan, membawa ke hadapan dan melaksanakan projek yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2020, sebagai contoh ► Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) ► Projek Mass Rapid Transit 2 (MRT2) ► Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP)	Kontraktor

## PRIHATIN PKS TAMBAHAN

Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN PKS TAMBAHAN (atau PRIHATIN SME+) bernilai RM10 bilion telah diumumkan pada bulan April 2020 untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan PKS mikro menangani impak pandemik dan PKP. Dana tambahan sebanyak RM7.9 bilion untuk Program Subsidi Upah dan RM2.1 bilion untuk Geran Khas PRIHATIN telah diperuntukkan di bawah pakej ini untuk mengekalkan daya tahan di samping meringankan beban kewangan PKS.

Butir-butir inisiatif adalah seperti berikut:

Inisiatif	Peruntukan	Maklumat
Penambahbaikan Program Subsidi Upah	RM7.9 bilion	Subsidi untuk majikan terjejas yang berpendapatan antara RM600 dan RM1,200 sebulan bagi setiap kakitangan berpendapatan kurang daripada RM4,000 untuk tempoh 3 bulan
Geran Khas PRIHATIN	RM2.1 bilion	Geran sebanyak RM3,000 diberikan kepada setiap syarikat, iaitu memanfaatkan hampir 700,000 PKS mikro
Skim Kredit Mikro		<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Pemansuhan kadar faedah 2% kepada 0%, melibatkan pembiayaan sebanyak RM500 juta melalui Bank Simpanan Nasional (BSN)</li> <li>▶ Dipanjangkan kepada TEKUN Nasional, dengan had maksimum pinjaman sebanyak RM10,000 bagi setiap syarikat dengan kadar faedah 0% – jumlah pembiayaan sebanyak RM200 juta</li> </ul>
Pengecualian/diskaun sewa untuk pemilik premis persendirian		<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Untuk PKS dalam sektor peruncitan</li> <li>▶ Tempoh: Semasa tempoh PKP dan 3 bulan selepas itu</li> <li>▶ Lanjutan pengecualian cukai bersamaan jumlah diskauan sewa untuk April-Jun 2020</li> <li>▶ Diskaun sewa sekurang-kurangnya 30% daripada kadar biasa</li> </ul>
Pengurangan levi pekerja asing		<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Pengurangan sebanyak 25% ke atas levi permit kerja untuk pekerja asing yang tamat pada 1 April 2020 hingga 31 Disember 2020</li> </ul>
Moratorium secara automatik		<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Moratorium secara automatik selama 30 hari bermula daripada hari terakhir PKP diberikan kepada syarikat yang perlu memfailkan sebarang dokumen statutori kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</li> </ul>
Lanjutan tarikh akhir untuk menyerahkan penyata kewangan syarikat kepada SSM		<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Syarikat dengan tahun kewangan berakhir daripada 30 September 2019 hingga 31 Disember 2019 menerima lanjutan selama (3) bulan daripada hari terakhir PKP untuk menyerahkan penyata kewangan kepada SSM tertakluk kepada permohonan. Tiada denda lewat akan dikenakan.</li> </ul>

## PENJANA

